Bil. 65

Isnin
8 November 2010

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN RAKYAT

PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN (Halaman 1)

USUL-USUL:

Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat (Halaman 25)

Usul Anggaran Pembangunan 2011 (Halaman 26)

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 2011 (Halaman 26)

Diterbitkan Oleh:
CAWANGAN PENYATA RASMI
PARLIMEN MALAYSIA
2010

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

1. Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Tan Sri Datuk Seri Panglima Pandikar Amin Haji Mulia, P.S.M., S.P.D.K., S.U.M.W., P.G.D.K., J.S.M., J.P.
2. Yang Berhormat Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, P.J.N., P.B.S. J.B.S., J.S.M. (Santubong) – PBB
3. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Ronald Kiandee, A.S.D.K., P.G.D.K. (Beluran) – UMNO

MENTERI

1. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, D.U.P.N., S.S.A.P, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S., D.U.B.C.(T). (Pekan) – UMNO
2. " Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pelajaran, Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin, P.S.M., S.P.M.P., S.P.M.J., S.M.J., P.I.S., B.S.I. (Pagoh) – UMNO
3. Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon – *Senator*
4. " Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Tan Sri Bernard Giluk Dompok, P.S.M., S.P.D.K. (Penampang) – UPKO
5. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz, S.P.M.P., D.M.S.M., A.M.P., B.K.T. (Padang Rengas) – UMNO
6. " Menteri Dalam Negeri, Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein, S.P.M.P., S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.J. (Sembrong) – UMNO
7. " Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, Dato' Seri Utama Dr. Rais Yatim, S.J.M.K., S.S.A.P., S.P.N.S., D.S.N.S. (Jelebu) – UMNO
8. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Nor Mohamed bin Yakcop, (Tasik Gelugor) – UMNO
9. " Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Dato' Sri Peter Chin Fah Kui, S.S.A.P., P.G.B.K., P.B.S., A.B.S. (Miri) – SUPP
10. " Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Dato' Seri Haji Mohd. Shafie bin Haji Apdal, D.S.A.P., P.G.D.K., D.M.S.M. (Semporna) – UMNO
11. " Menteri Pengajian Tinggi, Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, D.S.P.N., S.M.J., P.I.S. (Pasir Gudang) – UMNO
12. " Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Dato' Sri Mustapa bin Mohamed (Jeli) – UMNO
13. " Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Dr. Maximus Johnity Ongkili, A.S.D.K., J.P. (Kota Marudu) – PBS
14. " Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Dato' Seri Douglas Uggah Embas (Betong) – PBB

14. " Menteri Pelancongan, Dato' Sri Dr. Ng Yen Yen, D.I.M.P., D.S.A.P., D.P.M.K., D.P.M.P., P.J.K. (Raub) – MCA

15. " Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh bin Haji Omar, D.G.S.M., D.P.M.S., D.M.S.M., K.M.N., A.S.A., P.J.K., J.P. (Tanjong Karang) – UMNO

16. " Menteri Pertahanan, Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi, D.M.S.M., S.S.A.P., P.P.T., P.J.K. (Bagan Datok) – UMNO

17. " Menteri Kerja Raya, Dato' Shaziman bin Abu Mansor, D.S.N.S., D.S.A.P., A.N.S., J.P. (Tampin) – UMNO

18. " Menteri Kesihatan, Dato' Seri Liow Tiong Lai, D.G.S.M., S.S.A.P., D.I.M.P., S.M.P., (Bentong) – MCA

19. " Menteri Belia dan Sukan, Dato' **Sri** Ahmad Shabery Cheek (Kemaman) – UMNO

20. " Menteri Sumber Manusia, Datuk Dr. S. Subramaniam (Segamat) – MIC

21. " Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, D.I.M.P., D.M.S.M., A.D.K. (Bera) – UMNO

22. " Menteri Kewangan II, Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah, P.P.T., A.M.P. (Tambun) – UMNO

23. " Menteri Pengangkutan, Dato' Seri Kong Cho Ha (Lumut) – MCA

24. " Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Dato' Sri Shahrizat binti Abdul Jalil, S.S.A.P., D.G.P.N., D.I.M.P. – *Senator*

25. " Menteri Luar Negeri, Dato' Sri Anifah bin Aman, S.S.A.P. (Kimanis) – UMNO

26. " Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin, D.P.T.J. – *Senator*

27. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir Baharum, P.S.A.T., D.I.M.P., D.S.N.S., D.S.D.K., P.A.T., J.S.M., K.A.T., K.M.N., A.M.K., P.J.M. – *Senator*

28. " Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Sri Idris Jala – *Senator*

30. " Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Dato' Wira Chor Chee Heung (Alor Setar) – MCA

TIMBALAN MENTERI

1. Yang Berhormat Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup (Pensiangan) – PBRS

2. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Liew Vui Keong, P.G.D.K., A.D.K., J.P. (Sandakan) – LDP

3. " Timbalan Menteri Pertahanan, Datuk Dr. Haji Abd. Latiff bin Ahmad (Mersing) – UMNO

4. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I, Dato' Joseph Salang anak Gandum (Julau) – PRS

5. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II, Datuk Joseph Entulu anak Belaun (Selangau) – PRS

6. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani I, Dato' Wira Mohd. Johari bin Baharum, S.I.M.P., D.S.D.K., D.M.S.M., D.I.M.P., D.S.M., A.M.K., B.K.M., P.J.K., J.P. (Kubang Pasu) – UMNO

7. " Timbalan Menteri Dalam Negeri I, Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., J.P. (Masjid Tanah) – UMNO

8. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim – *Senator*

9. " Timbalan Menteri Kerja Raya, Dato' Yong Khoon Seng, D.S.P.N., K.M.N. (Stampin) – SUPP

10. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan II, Datuk Hajah Rohani binti Abdul Karim (Batang Lupar) – PBB

11. " Timbalan Menteri Tenaga, Teknologi Hijau dan Air, Puan Noriah binti Kasnon, S.M.S., P.J.K. (Sungai Besar) – UMNO

12. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri II, Dato' Jacob Dungau Sagan, P.S.B.S., J.B.S., K.M.N., P.P.B., P.P.N. (Baram) – SPDP

13. " Timbalan Menteri Pelajaran I, Datuk Dr. Wee Ka Siong, D.M.S.M. (Ayer Hitam) – MCA

14. " Timbalan Menteri Pengangkutan II, Tuan Jelaing anak Mersat (Saratok) – SPDP

15. " Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Haji Fadillah bin Yusof, P.G.B.K., (Petra Jaya) – PBB

16. " Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I, Dato' Tan Lian Hoe, D.P.M.P. (Gerik) – GERAKAN

17. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy, S.M.P., P.P.T. (Cameron Highlands) – MIC

18. " Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, Datuk Saravanan a/l Murugan (Tapah) – MIC

19. " Timbalan Menteri Luar Negeri I, Tuan A. Kohilan Pillay a/l G. Appu – *Senator*

20. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi I, Dr. Hou Kok Chung (Kluang) – MCA

21. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I, Dato' Hamzah bin Zainudin, D.P.M.P., D.P.T.J., K.M.N., A.M.P., P.P.T., J.P. (Larut) – UMNO

22. " Timbalan Menteri Pengajian Tinggi II, Dato' Saifuddin bin Abdullah, D.S.A.P., D.P.M.P., D.S.M. (Temerloh) – UMNO

23. " Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah I, Dato' Haji Hasan bin Malek, D.S.N.S., D.M.S.M., D.S.M., J.P., K.M.N., A.M.N., P.M.C., P.J.K., B.K.C., (Kuala Pilah) – UMNO

24. " Timbalan Menteri Sumber Manusia, Dato' Maznah binti Mazlan – *Senator*

25. " Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Seri Panglima Haji Lajim bin Haji Ukin, P.G.D.K., S.P.D.K., J.M.N., J.P. (Beaufort) – UMNO

26. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Murugiah a/l Thopasamy – *Senator*

27. " Timbalan Menteri Pengangkutan I, Datuk Abdul Rahim bin Bakri (Kudat) – UMNO

28. " Timbalan Menteri Kewangan I, Datuk Dr. Awang Adek Hussein, D.M.S.M., D.J.M.K., S.I.M.P., D.P.M.K., D.C.S.M., J.S.M. – *Senator*

29. " Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Puan Heng Seai Kie - *Senator*

30. " Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin, P.G.D.K., A.D.K. (Papar) – UMNO

31. " Timbalan Menteri Pelajaran II, Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi, P.I.S. (Batu Pahat) – UMNO

32. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan I, Dato' Razali bin Haji Ibrahim (Muar) – UMNO

33. " Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I, Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir (Jerlun) – UMNO

34. " Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, D.M.S.M. (Pontian) – UMNO

35. " Timbalan Menteri Dalam Negeri II, Dato' Lee Chee Leong, D.P.M.P., A.M.P. (Kampar) – MCA

36. " Timbalan Menteri Pelancongan, Dato' Dr. James Dawos Mamit, P.S.B.S., P.P.B., P.P.S., P.P.D. (Mambong) – PBB

37. " Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi II, Dato' G. Palanivel – *Senator*

38. " Timbalan Menteri Kewangan II, Dato' Donald Lim Siang Chai – *Senator*

39. " Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan II, Datuk Maglin Dennis D'Cruz – *Senator*

40. " Timbalan Menteri Belia dan Sukan II, Tuan Gan Ping Sieu – *Senator*

41. " Timbalan Menteri Luar Negeri II, Datuk Richard Riot anak Jaem, P.J.N., J.B.S., K.M.N. (Serian) – SUPP

42. " Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani II, Tuan Chua Tee Yong (Labis) – MCA

AHLI-AHLI (BN)

1. Yang Berhormat Datuk Aaron Ago anak Dagang (Kanowit) – PRS
2. " Datuk Abd. Rahman Bakri, A.S.A. (Sabak Bernam) – UMNO
3. " Datuk Abd. Rahman Dahlan, D.I.M.P., A.D.K. (Kota Belud) – UMNO
4. " Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh (Kalabakan) – UMNO
5. " Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi, S.U.M.Z., D.K.1 (Johor), S.P.M.S., S.S.S.J., S.P.S.A., S.S.A.P., S.P.D.K., D.U.N.M., D.P., S.P.N.S., D.G.P.N., D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas) – UMNO
6. " Dato' Seri Dr. Abdullah Md. Zin, D.P.M.T. (Besut) – UMNO
7. " Dato' Abdul Manan Ismail, D.I.M.P., P.K.C. (Paya Besar) – UMNO
8. " Datuk Abdul Wahab Dolah (Igan) – PBB
9. " Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib, D.H.M.S., D.S.D.K., S.D.K., K.M.N., B.C.K., P.J.K., (Langkawi) – UMNO
10. " Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah, D.C.S.M., D.M.S.M., K.M.N., P.J.K. (Jasin) – UMNO
11. " Tuan Haji Ahmad Lai Bujang, A.B.S. (Sibuti) – PBB
12. " Datuk Alexander Nanta Linggi (Kapit) – PBB
13. " Dato' Sri Azalina Dato' Othman Said, S.P.M.P. (Pengerang) – UMNO
14. " Dato' Seri Haji Azmi Khalid, D.P.M.P., S.M.P., P.J.K. (Padang Besar) – UMNO
15. " Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed, D.M.S.M., A.M.N., P.I.S. (Sekijang) – UMNO
16. " Datuk Billy Abit Joo, K.M.N. (Hulu Rajang) – PRS
17. " Datuk Bung Moktar bin Radin (Kinabatangan) – UMNO
18. " Tuan Ding Kuong Hiing (Sarikei) – SUPP
19. " Tan Sri Datuk Seri Dr. Fong Chan Onn, D.G.S.M., D.M.S.M. (Alor Gajah) – MCA
20. " Datuk Halimah binti Mohd. Sadique, P.J.N., P.I.S. (Tenggara) – UMNO
21. " Ir. Haji Hamim bin Samuri (Ledang) – UMNO
22. " Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah (Limbang) – PBB
23. " Dato' Henry Sum Agong (Lawas) – PBB
24. " Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron, D.M.S.M., D.S.M. (Tangga Batu) – UMNO

25. " Dato' Ismail bin Abd. Muttalib, D.I.M.P., S.A.P., A.A.P., A.M.P., P.K.C. (Maran) – UMNO
26. " Datuk Ismail Kasim, D.P.M.P., S.M.P., A.M.P. (Arau) – UMNO
27. " Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said (Kuala Krau) – UMNO
28. " Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis, S.I.M.P., D.I.M.P., S.A.P. (Rompin) – UMNO
29. " Tan Sri Datuk Seri Joseph Pairin Kitingan (Keningau) – PBS
30. " Datuk Juslie Ajirol (Libaran) – UMNO
31. " Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan (Hulu Selangor) - MIC
32. " Tuan Khairy Jamaluddin (Rembau) – UMNO
33. " Tuan Liang Teck Meng (Simpang Renggam) – GERAKAN
34. " Dato' Lilah bin Yasin, D.S.N.S. (Jempol) – UMNO
35. " Datin Linda Tsen Thau Lin (Batu Sapi) – PBS
36. " Datuk Dr. Marcus Mojigoh, P.G.D.K., J.S.M., A.D.K., B.S.K. (Putatan) – UPKO
37. " Tuan Masir Kujat, P.P.B. (Sri Aman) – PRS
38. " Tuan Matulidi Jusoh, P.P.N., P.J.K. (Dungun) – UMNO
39. " Datuk Md. Sirat Abu, D.M.S.M., K.M.N., B.K.T., P.J.K., J.P. (Bukit Katil) – UMNO
40. " Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz (Sri Gading) – UMNO
41. " Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman, D.I.M.P., A.M.P. (Lipis) – UMNO
42. " Dato' Mohd. Jidin Shafee, D.P.M.T., D.M.S.M., K.M.N., A.M.N. (Setiu) – UMNO
43. " Datuk Mohd. Nasir Ibrahim Fikri, D.M.P.T. (Kuala Nerus) – UMNO
44. " Tuan Haji Mohd. Nor Othman, A.M.N., P.J.C., P.J.K. (Hulu Terengganu) – UMNO
45. " Tuan Mohd. Nizar Haji Zakaria, A.M.P. (Parit) – UMNO
46. " Dato' Seri Mohd. Radzi Sheikh Ahmad (Kangar) – UMNO
47. " Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed, D.P.M.S., D.P.T.J., S.S.A.P., J.P. (Sepang) – UMNO
48. " Dato' Sri Dr. Muhammad Leo Michael Toyad Abdullah, P.N.B.S., P.G.B.K., J.B.S. (Mukah) – PBB
49. " Puan Hajah Nancy Shukri (Batang Sadong) – PBB
50. " Datuk Hajah Norah Abd. Rahman (Tanjong Manis), P.J.N. – PBB
51. " Dato' Noraini binti Ahmad (Parit Sulong) – UMNO
52. " Datuk Nur Jazlan Mohamed (Pulai) – UMNO

53. ” Dato’ Seri Ong Ka Chuan, S.P.M.P., D.P.M.P., P.M.P. (Tanjong Malim) – MCA

54. “ Tan Sri Dato’ Seri Ong Ka Ting, P.M.N., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Kulai) – MCA

55. “ Dato’ Sri Ong Tee Keat, P.J.N., S.M.S. (Pandan) – MCA

56. “ Tan Sri Rafidah Aziz, S.M.P.T., S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar) – UMNO

57. “ Datuk Raime Unggi (Tenom) – UMNO

58. “ Tuan Haji Salleh Kalbi, A.D.K., B.K.M., P.J.K. (Silam) – UMNO

59. “ Datuk Sapawi Ahmad Wasali (Sipitang) – UMNO

60. ” Datuk Seri Utama Shahrir bin Abdul Samad (Johor Bahru) – UMNO

61. “ Dato’ Shamsul Anuar Nasarah, D.P.M.P., S.M.S., P.P.N., P.P.T. (Lenggong) – UMNO

62. “ Datuk Siringan Gubat (Ranau) – UPKO

63. “ Dato’ Sri Sulaiman Abdul Rahman bin Abdul Taib (Kota Samarahan) – PBB

64. “ Tan Sri Datuk Seri Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar, P.M.N., S.P.M.K., S.P.M.J., D.P.P.N., D.G.S.M., S.P.D.K., D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi) – UMNO

65. “ Yang Berhormat Dato’ Haji Tajuddin Abdul Rahman, D.P.M.P., D.M.S.M., K.M.N., A.M.P., J.P. (Pasir Salak) – UMNO

66. “ Puan Tan Ah Eng (Gelang Patah) – MCA

67. “ Tuan Teng Boon Soon (Tebrau) – MCA

68. “ Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor, S.S.A.P. (Putrajaya) – UMNO

69. “ Dato’ Seri Tengku Azlan ibni Sultan Abu Bakar, S.P.T.J., D.S.A.S. (Jerantut) – UMNO

70. “ Tengku Razaleigh Hamzah (Gua Musang) – UMNO

71. “ Dato’ Seri Tiong King Sing (Bintulu) – SPDP

72. “ Datuk Tiong Thai King, P.G.B.K. (Lanang) – SUPP

73. “ Datuk Dr. Tekhee @ Tiki anak Lafe, D.M.S.M. (Mas Gading) – SPDP

74. “ Datuk Wee Jeck Seng (Tanjong Piai) – MCA

75. “ Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing,S.P.D.K., P.G.D.K., P.J.N., J.S.M., J.P. (Tuaran) – UPKO

76. “ Tuan William @ Nyallau anak Badak, P.B.B., P.P.S. (Lubok Antu) – PRS

77. “ Datuk Haji Yusof Haji Mahal, D.M.S.M. (Labuan) – UMNO

78. “ Dato’ Sri Haji Zulhasnan bin Rafique, D.I.M.P., A.M.N., (Setiawangsa) – UMNO

AHLI-AHLI (PKR)

1. Yang Berhormat Tuan Haji Ab. Aziz Ab. Kadir (Ketereh)
2. " Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim, D.P.M.S., D.S.A.P., P.S.M. (Bandar Tun Razak)
3. " Tuan Abdullah Sani Abdul Hamid (Kuala Langat)
4. " Tuan Ahmad Kasim (Kuala Kedah)
5. " Tuan Amran bin Ab. Ghani (Tanah Merah)
6. " Dato' Seri Anwar Ibrahim (Permatang Pauh)
7. " Tuan Azan Ismail (Indera Mahkota)
8. " Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)
9. " Puan Fuziah Salleh (Kuantan)
10. " Tuan Gwo Burne Loh (Kelana Jaya)
11. " Tuan Hee Loy Sian (Petaling Jaya Selatan)
12. " Dato' Johari Abdul, D.S.D.K., (Sungai Petani)
13. " Dato' Kamarul Baharin Abbas, D.S.S.A. (Telok Kemang)
14. " Dr. Lee Boon Chye (Gopeng)
15. " Tuan Mohamed Azmin Ali (Gombak)
16. " Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff (Balik Pulau)
17. " Tuan N. Gobalakrishnan (Padang Serai)
18. " Puan Nurul Izzah Anwar (Lembah Pantai)
19. " Dato' Rashid Din, S.M.K., D.I.M.P. (Merbok)
20. " Tuan R. Sivarasa (Subang)
21. " Tuan Saifuddin Nasution Ismail (Machang)
22. " Tuan S. Manickavasagam (Kapar)
23. " Tuan William Leong Jee Keen (Selayang)
24. " Puan Hajah Zuraida Kamaruddin (Ampang)

AHLI-AHLI (DAP)

1. Yang Berhormat Tuan Charles Anthony Santiago (Klang)
2. " Tuan Chong Chieng Jen (Bandar Kuching)
3. " Puan Chong Eng (Bukit Mertajam)
4. " Tuan Chow Kon Yeow (Tanjong)
5. " Tuan Er Teck Hwa (Bakri)
6. " Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)
7. " Puan Fong Po Kuan (Batu Gajah)

8. " Tuan Gobind Singh Deo (Puchong)
9. " Tuan Hiew King Cheu (Kota Kinabalu)
10. " Tuan Jeff Ooi Chuan Aun (Jelutong)
11. " Tuan John Fernandez (Seremban)
12. " Tuan Liew Chin Tong (Bukit Bendera)
13. " Tuan Lim Guan Eng (Bagan)
14. " Tuan Lim Kit Siang (Ipoh Timur)
15. " Tuan Lim Lip Eng (Segambut)
16. " Tuan Loke Siew Fook (Rasah)
17. " Tuan M. Kulasegaran (Ipoh Barat)
18. " Tuan M. Manogaran (Telok Intan)
19. " Tuan Nga Kor Ming (Taiping)
20. " Dato' Ngeh Koo Ham (Beruas)
21. " Prof. Dr. P. Ramasamy (Batu Kawan)
22. " Tuan Tony Pua Kiam Wee (Petaling Jaya Utara)
23. " Tuan Karpal Singh (Bukit Gelugor)
24. " Tuan Sim Tong Him (Kota Melaka)
25. " Tuan Tan Kok Wai (Cheras)
26. " Dr. Tan Seng Giaw (Kepong)
27. " Puan Teo Nie Ching (Serdang)
28. " Puan Teresa Kok Suh Sim (Seputeh)
29. " Tuan Wong Ho Leng (Sibu)

AHLI-AHLI (PAS)

1. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Abdul Hadi Awang (Marang)
2. " Dato' Ab. Halim bin Ab. Rahman, D.P.M.K. (Pengkalan Chepa)
3. " Tuan Che Uda bin Che Nik, B.C.K., A.M.N. (Sik)
4. " Dr. Che Rosli Che Mat (Hulu Langat)
5. " Dr. Dzulkefly Ahmad (Kuala Selangor)
6. " Dato' Kamaruddin Jaffar, B.C.M., D.S.N.S. (Tumpat)
7. " Tuan Khalid Abd. Samad (Shah Alam)
8. " Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali (Titiwangsa)
9. " Dato' Mahfuz bin Haji Omar, D.S.D.K., (Pokok Sena)
10. " Dato' Seri Ir. Mohammad Nizar bin Jamaluddin (Bukit Gantang)
11. " Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut (Kuala Terengganu)
12. " Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar (Jerai)
13. " Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli (Kuala Krai)

14. " Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman (Pendang)
15. " Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria (Padang Terap)
16. " Tuan Muhammad bin Husin (Pasir Puteh)
17. " Dr. Mujahid Yusof Rawa (Parit Buntar)
18. " Tuan Haji Nasharuddin Mat Isa (Bachok)
19. " Tuan Salahuddin Haji Ayub (Kubang Kerian)
20. " Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud (Kota Raja)
21. " Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff (Rantau Panjang)
22. " Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib, J.B.S., A.M.N. (Baling)
23. " Dato' Haji Wan Abd. Rahim Wan Abdullah, D.J.M.K. (Kota Bharu)

AHLI (PSM)

1. Yang Berhormat Dr. M. Jeyakumar Devaraj (Sungai Siput)

AHLI (Bebas)

1. Yang Berhormat Datuk Chua Soon Bui, P.G.D.K. (Tawau) – SAPP
2. " Datuk Eric E. Majimbun, P.G.D.K. (Sepanggar) – SAPP
3. " Dato' Ibrahim Ali, D.J.M.K., D.P.M.S., D.M.S.M. (Pasir Mas)
4. " Tuan Mohsin Fadzli Samuri (Bagan Serai)
5. " Tuan Tan Tee Beng (Nibong Tebal)
6. " Tuan Wee Choo Keong, S.M.K. (Wangsa Maju)
7. " Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim, D.S.P.N., P.J.K. (Bayan Baru)
8. " Tuan Zulkifli bin Noordin (Kulim Bandar Baharu)

DEWAN RAKYAT

Ketua Pentadbir Parlimen
Dato' Ngah Senik

Setiausaha Dewan Rakyat
Datuk Roosme binti Hamzah

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)
Encik Ikmalrudin bin Ishak

PETUGAS-PETUGAS
CAWANGAN PENYATA RASMI (HANSARD)
Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd Hassan
Rosna binti Bujairomi

Hajah Supiah binti Dewak
Sarimah binti Haji Amran
Hadzirah binti Ibrahim
Nurziana binti Ismail
Suriyani binti Mohd. Noh
Aisyah binti Razki
Yoogeswari a/p Muniandy
Nor Liyana binti Ahmad
Zatul Hijanah binti Yahya
Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir
Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan
Hafilah binti Hamid
Siti Norhazarina binti Ali
Mohd. Shahrul Hafiz bin Yahaya
Mulyati binti Kamarudin
Ganesan a/l Nanthan

Nor Hamizah binti Haji Hassan
Azmir bin Mohd Salleh
Ainul Wahidah binti Ismail @ Fakhri
Nur Nazihah binti Mohd. Nazir
Noraidah binti Manaf
Mohd. Fairus bin Mohd. Padzil
Mohd. Zaidi bin Mahmood
Mohd. Izwan bin Mohd. Esa
Hazrul bin Sharif
Nurul Aishah binti Sha'arin
Nor Kamsiah binti Asmad
Siti Zubaidah binti Karim
Aifarina binti Azaman
Noorfazilah binti Talib
Farah Asyraf binti Khairul Anuar
Julia binti Mohd. Johari
Ainuddin bin Ahmad Tajuddin

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Isnin, 8 November 2010

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam] minta Menteri Kewangan menyatakan syarikat-syarikat milik Khazanah Nasional yang mencatatkan keuntungan dan kerugian bagi tempoh 2006 hingga 2009 serta nyatakan syarikat milik Khazanah Nasional yang telah dijual sehingga 2010.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk maklumat Yang Berhormat, syarikat-syarikat milik Khazanah Nasional Berhad atau Khazanah yang mencatatkan keuntungan dan kerugian bagi tahun 2009 adalah seperti berikut:-

Syarikat	Keuntungan (RM Juta)	Kerugian (RM Juta)
Axiata Group Berhad	1,653	-
CIMB Group Holdings Berhad	2,807	-
Malaysian Airline System Berhad (MAS)	490	-
Malaysia Airports Holdings Berhad	377	-
Pos Malaysia Berhad	75	
Proton Holdings Berhad	-	302
Telekom Malaysia Berhad	643	-
Tenaga Nasional Berhad	918	-
UEM Group Berhad	761	-

Tuan Yang di-Pertua, di antara pegangan aset strategik milik Khazanah yang dilupuskan secara berhemah termasuk pelupusan sebahagian pegangan dalam Malaysia Airports Holdings Berhad, PLUS Expressways Berhad serta Tenaga Nasional Berhad. Walau bagaimanapun, Khazanah masih mengekalkan kedudukannya sebagai pemegang saham utama bagi pelaburan dalam syarikat-syarikat ini yang dianggap teras dan strategik. Di samping itu, Khazanah telah

melakukan penstrukturan semula dan menjual keseluruhan pegangannya di dalam RHB Bank dianggap tidak teras. Sekian.

Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Khazanah Nasional adalah syarikat pelaburan milik kerajaan yang diamanahkan untuk menguruskan aset komersial milik kerajaan dan menjalankan pelaburan strategik semenjak diperbadankan pada 3 September 1993. Jadi, Khazanah ini mempunyai pegangan pelaburan dalam lebih 50 buah syarikat dalam pelbagai sektor seperti perbankan, automotif, hartanah, kesihatan dan sebagainya. Jadi ada dua isu berhubung Khazanah ini iaitu pertama, ada syarikat GLC milik Khazanah ini yang mengalami kerugian.

Keduanya, Khazanah telah mengambil tindakan agresif melupuskan pegangannya dalam syarikat yang menguntungkan. Jadi soalan saya, apakah tindakan yang telah diambil terhadap syarikat dan Ahli Lembaga Pengarah bagi syarikat mengalami kerugian selaras dengan Buku Hijau di bawah Program Transformasi GLC dan mengapakah Khazanah melupuskan pegangan saham dalam GLC yang membuat keuntungan walaupun Khazanah mengaut keuntungan? Adakah projek-projek yang dijalankan oleh Khazanah ini benar-benar telah dipertimbangkan dari segi pelaburannya mendapat keuntungan ataupun tidak? Contohnya, dalam projek saya difahamkan bahawa dalam projek Legoland di Wilayah Iskandar Johor, adakah ini satu projek yang benar-benar boleh menaikkan nama Malaysia? Ini kerana kalau di kampung saya, kalau sebut Sunway Lagoon, orang-orang kampung faham tetapi apabila Legoland ini tidak faham.

■ 1010

Jadi apa rasionalnya membuat projek-projek seperti ini? Seperti juga dengan Projek Ikan Tuna yang dicadangkan di Pulau Langkawi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudahlah Yang Berhormat.

Datuk Abd. Rahman Bakri [Sabak Bernam]: Adakah dibuat kajian dan sebagainya? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Menteri jawab.

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Sabak Bernam. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti kita sedia maklum, dalam bidang perniagaan memang kita ada membuat keuntungan dan kadang-kadang kita akan hadapi kerugian. Yang Berhormat bangkit soal tindakan apa yang akan diambil atas *management* di syarikat yang menghadapi kerugian. Untuk makluman Yang Berhormat, sememangnya Khazanah akan ambil tindakan dengan sewajarnya iaitu kalau kerugian yang besar, kita akan lantik *auditor* dari luar untuk mengkaji sebab-sebabnya.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh Khazanah memang kita hendak bantu ekonomi negara kita supaya menjadi pemangkin kepada pelaburan domestik termasuk di Iskandar Malaysia. Pelaburan-pelaburan dalam bidang pelancongan, industri kreatif, teknologi, telekomunikasi, kesihatan, tenaga dan teknologi. Atas soalan Legoland dan ikan tuna, itu memang adalah industri baru yang kita harap Khazanah akan menjadi *lead agency* dalam bidang ini. Sekian.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan.

Dato' Seri Dr. Jamaludin Mohd. Jarjis [Rompin]: *[Menyampuk]*

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Rompin ini, saya berharap beliau tidak akan berlagak sedemikian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, soalan Yang Berhormat. Tidak payah bagi tahu – tidak usah cerita hal Yang Berhormat Rompin, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ya, ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, soalan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Jadi, Yang Berhormat Padang Rengas mesti memberitahu nasihat yang berkesan. *[Disampuk]* Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya memerhatikan jawapan daripada Yang Berhormat tadi tidak menepati kerana yang ditanyanya ialah keuntungan dan kerugian bagi tempoh tahun 2006 sehingga 2009, tetapi kerugian yang disebutkan satu sahaja iaitu Proton Saga. Itu sahaja kerugian – satu sahaja. FELCRA dan sebagainya yang rugi tidak disebutkan. Bolehkah Yang Berhormat sebutkan yang rugi juga? *[Disampuk]* Itu bentuk soalan itu. Oleh sebab itulah kita mesti mempertingkatkan kualiti bahasa Malaysia kita amnya. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah 13 minit. Kita satu soalan pun belum habis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya faham tetapi gangguan macam itu macam mana? Yang Berhormat Timbalan Menteri pun tidak dapat dengar. Itulah saya hendak tahu bilangan yang rugi itu bagi tahu juga dan sebab musabab kerugian itu. Adakah dasar kita sekarang kita hendak hapuskan semua swasta dan dengan Khazanah sahajalah kita memberangsangkan ekonomi di Malaysia ini? Walhal, dasar yang bulan lepas sudah kata 92% pelaburan akan datang dari swasta. Kalau Khazanah terus memainkan peranan sedemikian, bagaimana kita dapat menggalakkan swasta ini?

Dato' Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Kepong. Bukan sahaja doktor, dia hendak jadi *businessman*. Untuk makluman Yang Berhormat, seperti saya telah jawab tadi, hanya satu syarikat iaitu Proton Holdings Berhad yang menghadapi kerugian iaitu untuk tahun 2009 iaitu RM302 juta. Syarikat yang lain mencatat keuntungan seperti yang saya telah sebut tadi. Yang Berhormat, sememangnya yang ditanya adalah untuk tempoh tahun 2006 hingga 2009. Untuk tahun 2006 hingga 2008, saya akan jawab secara bertulis kepada beliau sebab yang kita hendak ialah masa yang terkini – tahun 2009 yang mustahak.

Yang Berhormat telah katakan *business-business* yang Khazanah telah bercampur dalam bidang *business* yang kita katakan. Untuk makluman Yang Berhormat, memang kerajaan akan mengurangkan pemegangan saham dalam syarikat utama terutama sekali di Bursa Malaysia. Kita hendak kurangkan saham-saham kita supaya dalam dasar liberalisasi kewangan negara kita, kita hendak supaya saham-saham ini ada *liquidity* dalam *market*. Sekian.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Soalan tambahan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Soal saya di luar nanti Yang Berhormat, saya jawab di luar.

2. Dr. Che Rosli bin Che Mat [Hulu Langat] minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan:-

(a) bilangan bas dan jumlah perbelanjaan tahunan dalam mengendali Bas Nadi Putra; dan

(b) keberkesanan sistem Bas Nadi Putra sebagai pengangkutan awam dalam membantu warga kerja dan pengunjung sekitar Putrajaya.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh,* salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Hulu Langat, bilangan Bas Nadi Putra setakat 30 September 2010 adalah sebanyak 135 buah. Jumlah ini akan meningkat kepada 150 buah pada akhir tahun 2010 apabila semua bas tambahan yang telah ditempah dalam tahun ini diterima sepenuhnya oleh Perbadanan Putrajaya.

Manakala perbelanjaan tahunan bagi mengendalikan Bas Nadi Putra, ia bergantung kepada jumlah bas yang digunakan dan purata perjalanan setiap bas sepanjang tahun. Ia juga bergantung kepada kos boleh ubah operasi Bas Nadi Putra yang merangkumi kos bahan bakar, penyenggaraan dan tayar yang merupakan komponen terbesar iaitu 60%, manakala baki 40% adalah kos pemandu. Pada tahun 2009, Perbadanan Putrajaya telah mengendalikan sebanyak 70 buah bas dengan kos operasi berjumlah RM9.28 juta. Dari Januari hingga Ogos 2010, kos operasi adalah sebanyak RM8.53 juta. Jangkaan kos operasi keseluruhan bagi 2010 adalah RM13.2 juta.

Keberkesanan sistem Bas Nadi Putra dapat diukur berdasarkan sambutan penumpang yang telah meningkat daripada 1.5 juta pada tahun 2007 kepada 2.55 juta pada tahun 2008. Pada tahun 2009, ia telah meningkat kepada 3.21 juta. Sehingga Ogos 2010, jumlah penumpang telah mencapai 2.55 juta orang dan dijangka meningkat 4 juta hingga hujung tahun. Pengguna perkhidmatan Bas Nadi Putra dan kemudahan *park and ride* akan dapat mengurangkan kesesakan jalan raya di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Putrajaya. Terima kasih.

■ 1020

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira perkhidmatan bas Nadi Putra ini boleh dijadikan contoh sebagai sistem pengangkutan awam yang baik dan menuju ke *green environment* memandangkan semuanya menggunakan gas. Jadi, patut menjadi contoh kepada PBT-PBT lain. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Perbadanan Putrajaya.

Soalan tambahan saya, pertama oleh kerana saya setiap minggu ke Hospital Putrajaya, saya dapati banyak bas kosong. Jadi, adakah ini disebabkan oleh kekerapan dan berapakah pulangan tahunan secara kasar sahaja? Soalan yang kedua, dari jawapan tadi ada lebih kurang seratus buah bas akan meningkat kepada 150 buah bas. Jadi, mungkinkah perkhidmatan bas Nadi Putra ini boleh dikembangkan sehingga ke Hulu Langat atau sekurang-kurangnya ke Kajang melalui Sepang – Yang Berhormat Sepang ada di sini dan juga Bangi bagi membolehkan rakyat atau masyarakat menggunakan perkhidmatan secara mudah

di Putrajaya, jabatan kerajaan JPA, LHDN dan sebagainya? Jadi, itu persoalannya. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Hulu Langat. Berkenaan dengan penggunaan bas Nadi Putra memang penggunaannya masih di bawah jangkaan oleh kerana penduduk-penduduk dan juga pekerja-pekerja di Putrajaya masih lagi peratusan yang menggunakan kereta sendiri terlalu tinggi berbanding apa yang kita hendak capai. Walau bagaimanapun, pihak Putrajaya telah berusaha dengan kementerian-kementerian yang berpejabat di Putrajaya supaya menggalakkan pegawai-pegawai atau penjawat-penjawat awam khususnya pada mereka yang duduk di Putrajaya atau bermastautin di Putrajaya supaya menggunakan bas-bas Nadi Putra ini.

Walau bagaimanapun, kita yakin bahawa dari segi bilangan yang telah saya utarakan tadi, bilangannya meningkat hanya oleh kerana bilangan bas pun meningkat penggunaannya masih kurang dari sasaran. Berkenaan dengan perkhidmatan di luar daripada Putrajaya itu bukan di bidang kuasa Perbadanan Putrajaya untuk memberi perkhidmatan luar daripada Putrajaya. Jadi, mungkin pihak perbadanan boleh berbincang dengan bas-bas operator daripada kawasan sekeliling supaya mereka dapat juga memberi perkhidmatan kepada Putrajaya agar mereka daripada luar pun dapat masuk ke Putrajaya.

Berkenaan dengan pendapatan kasar, saya tidak ada jumlah yang sebenarnya. Walau bagaimanapun, memang pada masa ini tidak dapat menampung kos operasi Nadi Putra.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak menyoalkan soalan tambahan kepada Yang Berhormat Menteri. Kalau kita lihat kepada bilangan penumpang bas empat juta orang pada tahun 2010, kita ambil mengikut penduduk secara kasar iaitu 50 ribu orang di Putrajaya. Secara puratanya bermakna bahawa setiap daripada penghuni Putrajaya menggunakan perkhidmatan bas 1.5 kali seminggu. Maknanya, perkhidmatan bas itu *very under utilized*, dengan izin. Jadi, walaupun ada peningkatan tetapi masih lagi rendah.

Soalan saya yang pertamanya, antara masalah yang dihadapi oleh penghuni di Putrajaya adalah hentian bas yang tidak berbumbung – *sheltered bus stop*. Jadi, apakah perancangan untuk menambah hentian bas yang berbumbung? Keduanya, apakah insentif yang lebih spesifik untuk menggalakkan perkhidmatan awam terutamanya kakitangan kerajaan untuk menggunakan bas dan tidak menggalakkan mereka menggunakan kenderaan masing-masing?

Ketiganya, soal monorel – dikatakan bahawa monorel ini ditunda. Akan tetapi, saya ingin bertanya walaupun ditunda, apakah status infrastruktur monorel seperti jambatan monorel *(suspended suspension bridge)* yang pada waktu ini ada jambatan tetapi *suspension bridge* itu *suspended* dan tidak ada apa-apa perancangan dan perkembangan? Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Rembau. Memang penggunaan penumpang-penumpang baik daripada luar Putrajaya atau mereka yang bermastautin di Putrajaya kurang memuaskan. Soal didapati bahawa masih ramai daripada mereka yang bekerja walaupun duduk dekat tempat kerja tetapi lebih suka menggunakan kereta. Umpamanya untuk menghantar anak ke sekolah dan ambil anak balik dari sekolah. Jadi, satu cara yang telah saya cadangkan kepada Perbadanan Putrajaya adalah untuk

menyediakan bas-bas khusus untuk memberi perkhidmatan kepada mereka yang hendak menghantar anak ke sekolah.

Keduanya, dari segi *bus-stand* yang *user friendly*, ini satu cadangan yang baik yang akan saya majukan kepada Perbadanan Putrajaya tetapi saya tidak yakin perkara ini dapat meningkatkan penggunaan bas-bas di Putrajaya. Berkenaan dengan monorel, memang monorel ataupun infrastruktur monorel boleh dikatakan sudah sedia hanya pelaksanaan monorel. Ini oleh kerana masalah bajet dan tidak dapat dilaksanakan sejak Putrajaya telah mula diduduki oleh penduduk-penduduk di sana. Pada masa ini, Perbadanan Putrajaya sedang meminta cadangan-cadangan atas dasar *Private Finance Initiative* (PFI) kepada mereka-mereka yang berminat untuk menyiapkan atau menyelesaikan monorel yang masih tertangguh di Putrajaya. Akan tetapi pada masa ini projek monorel ini belum dapat dilaksanakan atas peruntukan kerajaan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita memperingatkan kita sendirilah. Soalan tambahan ini Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 24(3)(2) tidak boleh digabungkan – soalan tambahan saya pertama ini, kedua itu, ketiga itu, tidak boleh Yang Berhormat, salah dan melanggar peraturan.

Kadang-kadang kita *try to overlook* lah kalau ia digabung dengan 'dan' dan sebagainya.

3. Dato' Sri Ir. Mohd. Zin bin Mohamed [Sepang] minta Menteri Sumber Manusia menyatakan berapa peratus dari kalangan graduan tempatan yang masih belum mendapat pekerjaan selepas satu hingga lima tahun menamatkan pengajian dan apakah punca-punca utama mereka masih gagal mendapatkan pekerjaan sedangkan ada syarikat tempatan yang kini menggaji graduan luar negara untuk bekerja dengan mereka.

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Maznah binti Mazlan]: Tuan Yang di-Pertua, salam 1Malaysia. Terima kasih atas soalan Yang Berhormat Sepang.

Berdasarkan penyiasatan tenaga buruh Jabatan Perangkaan Malaysia, graduan yang menganggur kurang dari tiga bulan dianggarkan seramai 21,200 orang ataupun 51.1% daripada jumlah siswazah menganggur seramai 41,500 orang pada tahun 2009. Kira-kira 30.4% atau 12,600 orang menganggur antara tiga hingga enam bulan dan 11.6% ataupun 4,800 orang menganggur antara enam bulan hingga setahun. Sebanyak 5.1% atau 2,100 orang menganggur antara setahun hingga tiga tahun dan hanya 1.8% atau 700 orang yang menganggur melebihi tiga tahun.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara punca utama mereka gagal mendapatkan pekerjaan berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Kementerian Pengajian Tinggi pada tahun 2009 dan maklum balas daripada industri, antara sebab utama mereka gagal mendapatkan pekerjaan adalah disebabkan antaranya:-

(i) Kurangnya permintaan terhadap bidang pengajian yang dimiliki oleh graduan;
(ii) kebanyakan majikan menetapkan pengalaman bekerja sebagai salah satu syarat pengambilan;

1030

(iii) kekurangan kemahiran berkomunikasi;

(iv) kelemahan menulis dan bertutur dalam bahasa Inggeris;

(v) keengganan graduan berhijrah dari kampung halaman dan memilih tempat bekerja; dan

(vi) mengharap gaji yang tinggi.

Untuk mengatasi masalah ini, Kementerian Pengajian Tinggi menganjurkan berbagai-bagai program, kebolehpasaran graduan dan juga program graduan menganggur yang dilaksanakan oleh pelbagai agensi dan Kementerian Sumber Manusia juga turut mengadakan program pendaftaran dan penempatan pekerjaan melalui beberapa kaedah.

Mengenai dengan kenyataan Yang Berhormat mengenai adanya syarikat yang menggaji graduan dari luar negara, ingin saya memaklumkan bahawa mengikut dasar pengambilan pekerja asing adalah terhad kepada pengambilan kumpulan rendah dan ekspatriat sahaja. Tiada peraturan yang membenarkan syarikat swasta mengisi jawatan profesional oleh graduan dari luar negara kecuali bagi jawatan ekspatriat.

Kebenaran bagi majikan menggaji ekspatriat adalah bagi menarik pelaburan luar serta memenuhi kemahiran yang tertentu sahaja. Pertimbangan bagi menggaji ekspatriat hanya diberi bagi jawatan utama serta jawatan yang memerlukan kelayakan dan kemahiran yang sukar diperoleh di negara ini. Syarat juga ditetapkan supaya gaji ekspatriat tidak boleh kurang dari RM5,000. Ini bagi mengelakkan majikan sewenang-wenangnya menggaji graduan luar. Untuk makluman sehingga Ogos 2010, kurang daripada 3% tenaga pegawai dagang yang ada di negara ini. Terima kasih.

Dato' Sri Ir. Mohd Zin bin Mohamed [Sepang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih jawapan yang telah diberikan dan saya kira asas utama sebagaimana yang telah pun dimaklumkan bahawa soal pengangguran ini salah satu punca utamanya adalah dengan izin, *mismatch* maknanya apa yang dilatih dan apa yang dikehendaki oleh pasaran itu tidak ada kaitan. Kedua, disebut bahawa tidak ada kemampuan untuk berkomunikasi dengan baik.

Jadi, persoalannya isu yang dibangkitkan ini bukan isu baru dan isu yang telah lama. Oleh itu, apakah usaha yang akan dijalankan oleh pihak kerajaan untuk mengatasi masalah ini kerana jumlah peratus yang menganggur ini dengan izin, *quiet significant*? Jadi isu komunikasi yang boleh memenuhi pasaran. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan sekali lalu tadi iaitu dengan ringkasnya bahawa permasalahan dan isu-isu ini telah pun dikenal pasti dan diterima oleh pihak kerajaan, maka itu kita dapati Kementerian Pengajian Tinggi sendiri mengadakan pelbagai program yang mana di dalam program-program tersebut termasuklah aspek memberi kemahiran berkomunikasi dan lain-lain *soft skills,* dengan izin seperti juga kebolehan mereka mempersembahkan diri mereka untuk temu duga, menyediakan biodata atau pun *resume* mereka dan lain-lainnya.

Di antara program ini kita lihat di bawah Kementerian Pengajian Tinggi terdapat program yang dipanggil *finishing school,* yang mana di sini khusus untuk melatih graduan supaya mereka ini tahu tentang pengurusan diri, persembahan diri, kemahiran bahasa Inggeris dan perkara-perkara yang saya sebutkan tadi.

Begitu juga dalam *Apprentice Programme*, *Bridging Gap Programme*, dengan izin sebelum mereka memasuki pasaran pekerjaan, mereka ditindikkan dengan majikan-majikan yang terpilih seperti syarikat-syarikat yang berkaitan

dengan kerajaan dan lain-lainnya dan juga program latihan kemahiran. Di dalam pakej-pakej ini, semua permasalahan tadi telah diambil kira dan diharap bahawa pakej ini dapat menggarap graduan-graduan ini supaya lebih meningkat keupayaan mereka untuk memasuki pasaran pekerjaan.

Lain-lain agensi yang saya sebutkan tadi termasuklah program-program yang dianjurkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia sendiri, Suruhanjaya Sekuriti, Khazanah Nasional Berhad dan di bawah Khazanah Nasional Berhad programnya pun dipanggil *Scheme Employability Management*, dengan izin ataupun selalu disebut sebagai JEM singkatannya, Program Tunas Mekar di UiTM dan pihak Institut Bank-bank Malaysia dan Bank Negara juga mengadakan dalam bidang kewangan Talent Enrichment Program, dengan izin dan juga pihak CIDB juga mengadakan program untuk menggarap siswazah untuk memasuki sektor pembinaan di negara ini.

Ini adalah antara program-program yang ditujukan khas untuk mengatasi permasalahan ini. Soal *mismatching* ataupun tidak kesesuaian kelulusan dengan keperluan pasaran. Untuk maklumat Tuan Yang di-Pertua dan Dewan yang mulia ini, Kementerian Sumber Manusia sendiri dan beberapa kementerian yang lain pada masa ini sedang mengadakan berbagai-bagai usaha untuk lebih akrab dan rapat dengan pihak industri melalui seminar, bengkel, mesyuarat jawatankuasa dan lain-lainnya supaya keperluan industri itu dapat diambil kira pada semua masa supaya siswazah yang keluar ini bertepatan dengan keperluan pasaran. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mohamed Azmin Ali [Gombak]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Timbalan Menteri telah mengatakan angka-angka yang menunjukkan peningkatan dalam pengangguran di kalangan para graduan dan saya setuju dengan sahabat saya Yang Berhormat Sepang bahawa angka-angka ini semakin hari agak membimbangkan kerana agak besar.

Salah satu alasan yang diberikan ialah kerana kurang permintaan daripada industri sehingga menyebabkan angka graduan ini meningkat dan melonjak ke satu tahap yang agak tinggi. Maka persoalan saya ialah lanjutan daripada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sepang sebentar tadi, sekiranya kementerian sudah mengenal pasti bahawa antara alasan yang diberikan adalah kurang permintaan daripada pasaran, apakah kementerian telah menjalankan satu sesi perbincangan dengan pihak industri tentang keperluan tenaga kerja di kalangan graduan dan daripada hasil kajian tersebut, apakah kementerian bersedia untuk meneliti semula program-program yang telah dijalankan di peringkat IPTA dan IPTS supaya graduan-graduan ini mendapat tempat sejurus setelah mereka menamatkan pengajian. Terima kasih.

Dato' Maznah binti Mazlan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi bahawa usaha untuk mempertingkatkan dan menyesuaikan kandungan-kandungan, kursus dan lain-lainnya adalah satu usaha yang dibuat secara berterusan oleh semua institusi pengajian tinggi di negara ini bahkan sebahagian besar daripada institusi pengajian tinggi mempunyai kaedah, di mana mereka bekerjasama begitu rapat dengan pihak industri dan ini seperti yang saya katakan tadi ialah satu proses yang dibuat secara berterusan.

Selain daripada itu, insya-Allah *traces* tadi dan lain-lain kajian yang dibuat akan juga memberi maklum balas mengenai dengan isu-isu yang dibangkitkan dan selain daripada itu, Kementerian Sumber Manusia juga mempunyai hubungan yang begitu rapat dengan pihak industri, iaitu yang mewakili majikan-majikan

melalui persatuan-persatuan majikan dan lain-lainnya, yang mana kita sentiasa mengambil inisiatif mengadakan perbincangan dan juga mendapat maklum balas mengenai dengan isu-isu tenaga kerja termasuklah keperluan di dalam bidang-bidang tertentu dan lain-lain isu yang berkaitan dengan pekerjaan.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, minggu lalu sahaja Kementerian Sumber Manusia kita mengadakan satu seminar khas dalam bidang elektrik dan elektronik dengan kerjasama Kementerian Sumber Manusia dan juga Khazanah di Johor, di mana kita ingin mengenal pasti bidang modal insan dalam bidang elektrik dan juga elektronik, isu-isunya dan juga kita ingin memfokuskan kepada isu latihan, isu gaji dan upahan dan termasuklah ketepatan. *Insya-Allah,* kita mengunjurkan keperluan-keperluan ini di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, dan untuk sektor-sektor lain akan dibuat secara berterusan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

■ 1040

*[**Soalan No. 4** - Y.B. Puan Fuziah Salleh (Kuantan) tidak hadir]*

4. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta Perdana Menteri menyatakan jumlah pegawai kerajaan yang telah menerima hukuman tatatertib atas sebab isu perkauman di Malaysia semasa menjalankan tugas yang diamanahkan oleh rakyat.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, isu yang membabitkan pegawai awam yang dikatakan telah mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman, mahupun menyentuh perkara-perkara sensitif yang timbul kebelakangan ini merupakan isu yang pertama kali berlaku. Sungguhpun demikian, kerajaan komited dalam membendung perbuatan dan memberi jaminan akan menyiasat dan mengambil tindakan ke atas pegawai-pegawai terbabit, berasaskan peruntukan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini hanya terdapat tiga orang pegawai kerajaan yang didakwa mengeluarkan kenyataan berbaur perkauman iaitu Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra, Kulai, Johor; Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Selambau, Sungai Petani, Kedah; dan Penolong Pengarah Biro Tatanegara Wilayah Persekutuan.

Bagi kes melibatkan Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra, Kulai, Johor. Pengetua berkenaan sedang dalam prosiding tatatertib yang diambil berdasarkan Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Surat pertuduhan bertarikh 8 Oktober 2010 telah dikemukakan kepada pegawai dan diberi peluang untuk membuat representasi membela diri dalam tempoh 21 hari. Setelah pegawai mengemukakan representasi bertulis, Lembaga Tatatertib Perkhidmatan Pendidikan - Kumpulan Pengurusan (No.1) akan bersidang dan memutuskan hukuman tatatertib terhadap pegawai jika didapati bersalah.

Sementara itu bagi Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Bukit Selambau, Sungai Petani, Kedah. Beliau telah diberikan amaran oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia. Kedua-dua pegawai telah digantung daripada menjalankan tugas dan masing-masing ditempatkan di Jabatan Pelajaran Negeri Johor dan Pejabat Pelajaran Daerah Kuala Muda berkuat kuasa 23 Ogos 2010.

Berhubung dengan kes Penolong Pengarah Biro Tatanegara Wilayah Persekutuan, beliau telah diberi amaran dan digantung tugas berkuat kuasa 6 Oktober 2010.

Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun kerajaan telah mengambil tindakan terhadap pegawai-pegawai kerajaan yang telah melakukan kesalahan tersebut, memang nampaknya ia tidak cukup berkesan dan memadai. Ini kerana harus kita ingat bahawa ialah pegawai-pegawai kerajaan yang menimbulkan isu-isu sensitif boleh mengakibatkan ketegangan perhubungan kaum di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harus ingat bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyeru memperkasakan Gagasan 1Malaysia. Sekiranya masih ada segelintir pegawai-pegawai kerajaan yang tidak peka dan berdegil meneruskan perbuatan sedemikian, maka ia tidak adil kepada kerajaan. Ini kerana ia memberi satu gambaran atau persepsi kepada orang ramai bahawa pendirian kerajaan seolah-olah boleh menerima atau membenarkan perbuatan sedemikian. Jadi oleh itu saya berharap kerajaan harus mengambil tindakan yang lebih tegas untuk memberhentikan perbuatan-perbuatan sedemikian, kerana ia mungkin boleh memudaratkan kepada keamanan negara.

Soalan tambahan saya ialah, saya ingin tahu apakah langkah-langkah yang lebih tegas dan berkesan diambil oleh kerajaan untuk membendung isu-isu perkauman yang boleh merosakkan perpaduan kaum di negara kita? Adakah kerajaan bercadang untuk mempertimbangkan menggunakan Akta Hasutan ke atas pegawai-pegawai kerajaan yang melakukan salah laku tersebut?

Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, apa yang kerajaan boleh lakukan ialah mengikut apa yang dibenarkan oleh peraturan. Kita tidak boleh mengambil tindakan dan kemudian menghukum terhadap mereka ini, kalau sekiranya peraturan yang ada itu tidak membenarkan kita melakukan lebih daripada apa yang telah kita lakukan. Jadi, semua yang kita lakukan ini adalah mengikut peraturan. Oleh kerana mereka ini merupakan pegawai kerajaan, maka itu adalah hukuman-hukuman dan cara-cara yang boleh kita menghukumkan mereka. Ini bukan bermakna bahawa kerajaan tidak mahu mengambil tindakan yang lebih, cuma peraturan itu tidak membenarkan kita mengambil tindakan lebih daripada apa yang telah kita ambil. Ini harus difahamkan oleh semua.

Berkenaan dengan Akta Hasutan. Sebenarnya apabila laporan polis dibuat oleh orang ramai, maka polis boleh menyiasat dan kemudian hasil siasatan itu diserahkan kepada Peguam Negara untuk diambil tindakan selanjutnya. Dua tindakan yang boleh diambil iaitu, satu untuk mendakwa di bawah Seksyen 504 *Penal Code* - Kanun Jenayah; dan yang keduanya di bawah Akta Hasutan. Akan tetapi, seperti mana yang kita sedia maklum, iaitu kedua-dua kesalahan ini memerlukan kepada niat untuk - kalau di bawah Akta Hasutan, niat untuk menghasut. Akan tetapi dalam keadaan yang berlaku pada hari ini, mereka tidak ada niat untuk menghasut tetapi mereka telah celopar - bercakap sesuatu yang tidak sepatutnya mereka katakan.

Kalau di bawah Akta Hasutan ia mesti ada niat untuk menghasut seperti - sebagai contoh, kalau ia berucap di khalayak ramai kemudian ia tahu kumpulan itu datang daripada satu kaum. Kemudian ia mengeluarkan kata-kata yang sebenarnya boleh membakar semangat orang yang mendengar itu, dan mengajak mereka untuk melakukan sesuatu yang boleh dianggapkan sebagai kesalahan, itu baru menghasut. Akan tetapi kalau di dalam dewan ia bercakap, ia terlepas cakap – celopar. Maka ini tidak boleh kita kenakan mereka di bawah sama ada di bawah Seksyen 504 *Penal Code* ataupun di bawah Akta Hasutan, kerana niat untuk menghasut itu tidak wujud.

Walau bagaimanapun, saya ingin maklumkan iaitu bahawa kita boleh membaca daripada tindakan mereka selepas itu. Bagi guru yang berada di negeri Johor, ia telah minta maaf sebanyak empat kali. Empat kali kepada guru bukan Melayu, kepada murid-murid, di dalam kelas, dan juga di dalam *assembly*. Juga pengetua yang berada di Kedah, telah dengan cepat memohon maaf. Maka ini boleh dibacakan bahawa perkara ini tidak dilakukan dengan sengaja, ataupun dengan niat menghasut tetapi terlepas cakap. Jadi orang putih ada kata, *'to err is human, to forgive is divine'.* Jadi, kita harap supaya apa tindakan yang kita ambil ini akan menyedarkan kepada pegawai-pegawai, supaya ia tidak akan berulang lagi di masa akan datang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri apabila di luar negara ada membuat seruan bahawa, *moderates of the world unite* terhadap ekstremis-ekstremis. Akan tetapi, bagaimana beliau boleh meyakinkan rakyat apabila beliau tidak boleh menjamin bahawa dalam perkhidmatan awam atau dalam UMNO, bahawa *moderates* adalah menguasai keadaan? Jawapan Yang Berhormat...*[Dewan riuh]* Ini adalah tidak moderat. Ini ekstremis! Kita tengok ini, ekstremis tidak? Ini ekstremis! Tindak-tanduk ekstremis! Moderat tidak akan berlaku macam ini.

Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri ada memberi jawapan mengenai tindakan-tindakan yang telah diambil, terhadap ketiga-tiga pegawai yang berkenaan. Khasnya mengenai Pengetua Sekolah Menengah Kebangsaan Tunku Abdul Rahman Putra, Kulai. Sebenarnya itu jawapan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini orang datang dari mana?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Yang Berhormat Menteri ada beri pada 18 Oktober, tidak ada apa-apa tambahan.

■1050

Sebenarnya sekarang sudah tiga minggu surat pertuduhan terhadap pengetua, yang ada diberi kepada pengetua kerana membuat kenyataan yang menyentuh sensitiviti kaum dan berbaur perkauman dan tempoh 21 hari yang diberi sudah tamat iaitu pada 3 November. Kenapa sampai sekarang masih kata bahawa kalau setelah jawapan diberi, kita mahu tahu hakikat apa kedudukan sekarang? Apakah pengetua berkenaan memberi *objection? [Dewan riuh]* Buat rayuan dan kalau begitu, apa tindakan sedang diambil? Oleh kerana kalau begitu, perkara ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Telah berlaku pada 14 Ogos, sudah tiga tahun. Kalau begitu lambat, ini bukan *government transformation*. Adakah *government transformation* lebih tidak cepat, lebih lewat? Bolehkah kita dapat jawapan? *[Dewan riuh]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, macam mana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri hendak jamin apa yang dia cakap di New York itu boleh dilaksanakan dengan secepat mungkin kalau perangai Yang Berhormat Ipoh Timur ini pun susah kita hendak jaga. *[Dewan riuh]* Baru sahaja dalam kempen di Galas kata saya kafir. Itu tidak sensitif kah, saya tanya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kafir?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ialah, kata orang UMNO kafir di kempen. Itu sensitif.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini pembohong, fitnah. *[Dewan riuh]* Dalam ceramah itu saya tidak hadir.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak, takut kah? Takut kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu pembohong, fitnah.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Takut?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dusta yang menunjukkan...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Takut? Takut ya?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Betapa bankrapnya UMNO. Tidak takut. Kalau saya ada kata begitu, saya mengakui tetapi saya tidak kata begitu. Boleh tunjuk?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tahu takut, tahu takut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak takut. Apa saya kata...

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya tidak dengar ada penafian.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu menipu, bohongkah?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nafilah, nafilah.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu Yang Berhormat Ipoh Timur pembohong kah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya akan *sue Berita Harian* hari ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Ha! *Sue, sue*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya akan *sue Berita Harian, sue* Ali Rustam.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, perangai macam inilah...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau Yang Berhormat kata begitu, saya akan *sue* Yang Berhormat Menteri sendiri.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Macam ini punya perangai...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Macam mana itu Yang Berhormat Ipoh..., bohongkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau macam ini punya perangai, macam mana hendak jadi moderat.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Orang yang mengeluarkan kenyataan yang perkauman, sensitif...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak pernah kata bahawa orang Melayu dianggap kafir. Tidak pernah begitu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nafi di luarlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak kata begitu.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Nafi di luarlah. Saya tidak baca...

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Suruh duduk, Tuan Speaker, suruh duduk.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berani.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya nafikan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudahlah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya mahu protes, Yang Berhormat Menteri tidak baca surat khabar.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Orang yang macam ini...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *You don't read newspaper.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat! Yang Berhormat, sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ini soal jawab, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Mana boleh cakap bohong, dusta dan fitnah di sini.

Dato' Haji Lilah Yasin [Jempol]: Cakap bohong. *[Ketawa]*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Batu Sapi kalah, Galas pun kalah sebab rakyat telah bosan tengok perangai macam ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk]* Di Batu Sapi tidak bererti akan menang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sudah, sudahlah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Cakap apa yang bohong, Yang Berhormat Menteri tidak boleh ulangi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Lebih kurang macam inilah. Macam mana hendak jamin...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *[Menyampuk] Be a gentleman.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah-sudah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Kalau wakil rakyat perangai macam ini, macam mana kita hendak beri jaminan bahawa kita boleh kawal moderat di dalam negara kita sebab perkauman macam ini ada ekstremis. Jadi saya harap, Tuan Yang di-Pertua dan satu lagi perkara, saya jawab kerana saya menghormati perkara ini sensitif sebab dahulu saya jawab, apabila ia berbangkit,

saya jawab lagi. Kerajaan merasakan ini satu perkara yang amat sensitif dan kita perlu memberi jawapan.

Saya fahamlah di dalam DAP, dia ada *kangaroo court*. Semua ini, maknanya dia kata 3 November tarikh tempoh sudah habis, maka dia hendak suruh buat keputusan terus. Kalau keputusan terus, bermakna kita sudah ada *preconceive*. Kita kena pastikan dahulu, dia sudah jawab, kemudian kita sediakan panel. Panel nombor satu, terdiri daripada KSN. Kemudian terdiri daripada Ketua Pengarah JPPA. Jadi perkara ini kita kena ikut *timing* yang betul. *Justice hurried is justice buried* Yang Berhormat. Jadi, tunggu dan sabar. Bukan bermakna kalau kita terlewat sedikit bahawa kita tidak akan ambil tindakan.

Sebenarnya kita hendak berikan satu perbicaraan, penyiasatan yang memuaskan supaya apabila keputusan itu diambil, tindakan itu akan dianggap sebagai tindakan yang betul. Bukan satu tindakan yang tergesa-gesa. Namun begitu, Yang Berhormat Ipoh Barat kalau hendak bercakap, tolong tanya kepada Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Beruas dahulu ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, *point of order*. Bolehkah Yang Berhormat Menteri tarik balik pertuduhan oleh kerana saya sudah kata di luar Dewan bahawa ini tidak benar? *[Dewan riuh]* Bahawa saya pernah kata bahawa kata orang Melayu dalam UMNO itu kafir. Tidak pernah begitu.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sekarang tarik balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tuduh.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tarik balik.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Saya menyebut apa yang telah diperkatakan dalam akhbar. Siapa makan cili, dia rasa pedaslah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pembohong, *you* percaya?

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: *You* bercakap dengan Ali Rustam lah. Ini apa pasal? Makan cili, rasa pedaskah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Berita Harian* pembohong.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Sudah makan cili, rasa pedas ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya pun boleh *sue* Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sama-sama *sue* Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baiklah, Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tidak ada masalah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kita tamatkan soalan ini, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Mahu tanya Menteri, itu *mummy* Foo pun ada... kah? *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat yang lain duduk, Yang Berhormat. Sudahlah Yang Berhormat. Kita pindah ke soalan yang lain lagi, Yang Berhormat. Ini pasal *Berita Harian* kah, laporan tidak betul kah, semua sekali itu, biarlah Yang Berhormat Ipoh Timur kata dia hendak bawa ke mahkamah, itu atas dialah itu.

6. Datuk Chua Soon Bui [Tawau] minta Perdana Menteri menyatakan:-

(a) berapakah IMM 13 telah dikeluarkan di Sabah dan ditujukan kepada warganegara negara mana sejak tahun 2000 hingga sekarang; dan

(b) apakah tujuan pengeluaran yang dimaksudkan dan apa pula hak yang ada pada pemegang IMM 13 itu.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut rekod Jabatan Imigresen Sabah setakat 31 Disember 2009, jumlah kad IMM 13 yang dikeluarkan adalah sebanyak 81,000 sahaja. Kad IMM 13 ini diberikan khusus kepada dua kumpulan warganegara asing yang berada di Sabah seawal tahun 1963. Kumpulan tersebut adalah:

(i) pelarian Cina Indonesia yang telah meninggalkan negara Indonesia sewaktu pemerintahan Presiden Sukarno; dan

(ii) mangsa-mangsa pelarian perang Selatan Filipina yang memasuki Sabah sejak tahun 1972 sehingga tahun 1984.

Kemasukan secara beramai-ramai kedua kumpulan ini ke Sabah adalah untuk mencari perlindungan dari peperangan yang berlaku di negara asal mereka. Namun kehadiran mereka tanpa sebarang dokumen perjalanan atau pengenalan dikhuatiri akan menimbulkan pelbagai implikasi terhadap aspek keselamatan dan sosial.

Berikutan itu, kerajaan telah mengeluarkan satu perintah di bawah Perintah Pasport (Pengecualian) No. 2 (Pindaan) 1972 bertarikh 19 September 1972 bagi membenarkan kumpulan ini terus berada di Sabah. Berikutan daripada perintah ini, Jabatan Imigresen Sabah di bawah kuasa-kuasa yang diberikan mengikut Peraturan 11(10), Peraturan-peraturan Imigresen 1963 telah pun mengeluarkan dokumen IMM 13 bagi tujuan memudahkan kawalan dan pemantauan terhadap kumpulan ini, sebagai kumpulan yang berbeza daripada pekerja asing atau pendatang tanpa izin.

Dokumen IMM 13 adalah merupakan salah satu daripada dokumen pas lawatan sosial dan tempoh sah laku dokumen ini berakhir pada 31 Disember pada tiap-tiap tahun. Pemegang perlu memperbaharui dokumen tersebut sebagai syarat untuk mereka terus tinggal di Sabah. Pembaharuan ini juga selaras dengan nasihat daripada pejabat Suruhanjaya Pelarian Bangsa-bangsa Bersatu bahawa keadaan di negara asal tidak membolehkan mereka dihantar balik.

Pemilik IMM 13 boleh dibenarkan bekerja di sektor perladangan, binaan, perkhidmatan, pengangkutan dan lain-lain yang bersesuaian tetapi tidak dibenarkan memasuki perkhidmatan awam. Kumpulan ini juga layak diberikan kemudahan pendidikan dan rawatan kesihatan mengikut budi bicara jabatan berkenaan.

Datuk Chua Soon Bui [Tawau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Daripada jawapan Menteri, kategori yang kedua itu, IMM 13 dikeluarkan kepada

pelarian Filipina Selatan, adakah benar ini hanya berlaku dalam tahun 70-an, bukan di antara tahun 1972 ke 1984?

■ 1100

Berapa lamakah pemegang IMM13 ini boleh tinggal di negara kita dan sama ada kerajaan ingin memberikan Mykad kepada mereka. Apakah tindakan pihak kerajaan seterusnya terhadap pemegang IMM13 supaya mereka tidak dieksploitasi oleh sindiket terhadap pemegang Mykad? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, tahun yang saya berikan iaitu tahun 1972 hingga 1984 ialah mereka yang telah datang daripada Selatan Filipina dan mereka yang datang dalam tahun berkenaan itu adalah diberikan IMM13. Ini bukan bermakna bahawa kemungkinan selepas tahun 1984, mungkin ada lagi yang datang tetapi yang datang selepas tahun 1984 itu tidak diberikan IMM13. Ini yang saya sebut iaitu kedatangan mereka daripada tahun 1972 hingga 1984. Orang yang datang dalam tahun ini yang kita berikan IMM13. Saya tidak mengatakan iaitu bahawa selepas itu tidak ada lagi *refugee* yang datang, mungkin ada tetapi yang datang selepas itu sama ada belum lagi diberi ataupun tidak diberi IMM13.

Kita sedia maklum Tuan Yang di-Pertua iaitu di Selatan Filipina ini, usaha untuk mendamaikan kedua-dua pihak yang berperang saudara di sana masih lagi berterusan. Jadi, untuk kita hendak menghantar mereka kembali balik kepada Selatan Filipina, sudah tentu ini akan mendapat tentangan yang hebat daripada Bangsa-Bangsa Bersatu kerana sebenarnya kalau peperangan masih lagi belum berakhir dan kalau kita hantar mereka pulang, bermakna kita hantar mereka untuk dibunuh di negara asal mereka.

Jadi, sebab itu kita belum lagi ada apa-apa keputusan untuk menghantar mereka balik kerana suasana di Selatan Filipina masih lagi dalam keadaan peperangan kerana hendak memastikan apa Yang Berhormat sebut itulah kita beri mereka IMM13. Bermakna dia boleh bekerja dan dengan adanya kad IMM13 ini, dia boleh bekerja dan tidak boleh didiskriminasikan oleh majikan-majikan. Jadi, itulah tujuannya mengapa kita memberikan IMM13, supaya dia tidak akan dieksploitasi oleh majikan seperti yang disebut oleh Yang Berhormat sebentar tadi.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur Salleh [Kalabakan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. IMM13 ini dikeluarkan kerana atas dasar kemanusiaan dan kita diberitahu bahawa ada 81,000 yang sudah dikeluarkan. Persoalannya di sini, mereka ini diberi IMM13 tetapi tidak ada dokumen yang betul-betul cuma hanya *piece of paper* sahaja. Bolehkan kerajaan mencadangkan mungkin mereka ini diberi IMM13 ini sebagai kad untuk mereka boleh datang dan diiktiraf kerana pada masa ini apabila mereka ini bekerja dengan *piece of paper* sahaja, majikan akan menganiaya mereka. Jadi, adakah kerajaan boleh mengeluarkan satu dokumen macam IC tetapi lain warna, lain daripada warganegara supaya mereka tidak teraniaya? Terima kasih.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, dalam keadaan sekarang yang mana kita dalam usaha untuk memperbaharui semua dokumen pengenalan diri ini, saya rasa apa Yang Berhormat sebut itu adalah satu cadangan yang baik. Saya belum pasti lagi sama ada itu telah dilakukan atau belum tetapi saya akan rujuk kepada Jabatan Pendaftaran Negara. Kalau ianya masih belum, cadangan Yang Berhormat itu saya rasa adalah satu cadangan yang baik supaya pertamanya, bukan sahaja dia tidak akan dianiaya, yang lebih penting

iaitu dia lebih nampak rasmi daripada hanya sekeping kertas yang juga boleh rosak kalau ditimpa oleh hujan dan lain-lain lagi.

7. Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam] minta Menteri Kesihatan menyatakan statistik pesakit jiwa yang terdapat di unit jiwa hospital-hospital kerajaan mengikut jantina dan tahap umur serta apakah bentuk pengisian yang dijalankan kementerian dalam usaha untuk memulihkan jati diri pesakit berkenaan. Berapa ramaikah yang berjaya dipulihkan dan mampu menjalani kehidupan seperti biasa setelah dibenarkan keluar.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*, terima kasih Yang Berhormat dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, perkhidmatan psikiatri dan kesihatan mental telah diwujudkan di empat buah institusi mental dan 37 buah hospital Kementerian Kesihatan dengan sejumlah 109 pakar psikiatri bagi memberi rawatan *acute* kepada pesakit mental. Jumlah kedatangan pesakit luar untuk klinik pakar psikiatri di seluruh negara pada tahun 2009 adalah 412,013 orang di mana 26,005 orang kedatangan merupakan kes baru. Jumlah pesakit dalam wad psikiatri pada tahun 2009 bagi seluruh negara adalah 19,222 orang. Kebanyakan pesakit berjaya dipulihkan dengan rawatan ubat psikiatri generasi baru yang kurang kesan sampingan telah pun diperkenalkan.

Rawatan ini telah mempertingkatkan perawatan pesakit psikiatri dengan memberikan kesan rawatan yang positif di mana ramai pesakit berupaya menjalani kehidupan yang berkualiti. Pada masa ini Kementerian Kesihatan menggalakkan pendekatan rawatan psikiatri dalam komuniti ataupun *hospital based community care* dengan izin di mana pesakit stabil di *discharge* awal dan rawatan diteruskan di rumah. Ini secara tidak langsung mengoptimumkan rawatan pesakit melalui sokongan moral oleh ahli-ahli keluarga supaya pemulihan pesakit lebih cepat.

Perkhidmatan rawatan susulan kepada pesakit mental yang stabil disediakan di klinik-klinik kesihatan kerajaan bagi memastikan pesakit-pesakit mental yang telah tamat rawatan di hospital terus menerima rawatan komprehensif di peringkat komuniti di klinik-klinik yang berhampiran dengan rumah pesakit.

Sehingga kini seramai 174 orang pakar perubatan keluarga telah ditempatkan di klinik-klinik kesihatan yang boleh memberikan rawatan kepada pesakit mental. Perkhidmatan pemulihan *psycho social* kepada pesakit mental juga dilaksanakan di hospital kerajaan dan di 26 buah klinik kesihatan. Perkhidmatan ini bertujuan meningkatkan tahap ke fungsian *psycho social* pesakit mental yang telah stabil supaya mereka boleh berintegrasi ke dalam masyarakat. Latihan juga diberikan kepada pakar-pakar dan anggota kesihatan secara berterusan bagi meningkatkan kemahiran mereka dalam mengesan masalah kesihatan mental pada peringkat awal dan memberi rawatan segera. Terima kasih.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga mengucapkan tahniah kepada inisiatif kerajaan untuk mengatasi masalah penyakit tersebut. Dalam pada itu Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan tambahan saya, saya ingin mendapat jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri dari segi inisiatif yang berterusan daripada pihak kementerian untuk, adakah pihak kementerian akan mewujudkan suatu badan seperti *one stop* di kawasan-kawasan yang terpencil? Oleh sebab sebagai contohnya, kalau di Sabah di tiga buah tempat di bandar-bandar utama yang terdapat rawatan ataupun hospital yang akan merawat pesakit jiwa ini.

Saya bertanya kepada kementerian, adakah di kawasan luar bandar juga pihak kementerian bercadang untuk mewujudkan supaya kita dapat mengatasi sebab kawasan-kawasan tersebut susah dihubungi. Di samping itu juga, apakah inisiatif kerajaan dalam jangka masa panjang untuk meneruskan supaya pesakit-pesakit jiwa ini dapat dikawal dengan baik dan diasingkan terutamanya yang aktif dalam macam misalnya boleh diserapkan ke dalam aktiviti untuk meningkatkan ekonomi dan pendapatan mereka. Jadi, apakah inisiatif kementerian dalam perkara ini, mohon jawapan. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Silam di atas soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Silam dan Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, sebenarnya kementerian ataupun kerajaan melaksanakan banyak inisiatif dan juga langkah-langkah untuk memperkasakan lagi perkhidmatan kepada pesakit mental. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Silam, sebelum 2010 terdapat tiga Akta Kesihatan Mental yang berbeza yang dikuatkuasakan di Semenanjung, Sabah dan Sarawak. Namun, selepas Akta Kesihatan Mental 2001 dan Peraturan Kesihatan Mental 2010 dikuatkuasakan iaitu pada 15 Jun 2010, akta ini telah terpakai di seluruh negara dan salah satu ciri akta ini adalah untuk memberi kebenaran kepada pihak swasta menubuhkan:-

(i) hospital psikiatri,
(ii) rumah jagaan kejururawatan psikiatri swasta, dan
(iii) pusat kesihatan mental masyarakat swasta.

■1110

Dengan kebenaran ini, diharapkan pihak swasta dapat membantu kerajaan dalam usaha memperbaiki dan juga meningkatkan lagi perkhidmatan psikiatri kepada masyarakat dan ini secara tidak langsung akan menggalakkan pihak swasta terlibat dalam proses rawatan pesakit-pesakit psikiatri bersama-sama dengan kerajaan.

Yang kedua Yang Berhormat, kementerian juga mengambil langkah menambah baik ubat-ubat psikiatri dengan memperkenalkan ubat psikiatri generasi yang kedua kepada pesakit-pesakit mental kita di dalam usaha untuk merawat mereka. Yang ketiga, kementerian akan meneruskan kerjasama dengan agensi kerajaan serta pihak NGO bagi meningkatkan lagi tahap kesedaran di kalangan masyarakat dan memantapkan usaha pencegahan penyakit mental.

Bagi konteks negeri Sabah Yang Berhormat, terdapat tiga hospital menawarkan rawatan psikiatri iaitu Hospital Mesra Bukit Padang, Queen Elizabeth Hospital dan Duchess of Kent, Sandakan. Perancangan kementerian adalah untuk memperluaskan perkhidmatan ini ke hospital-hospital yang lain di negeri Sabah termasuklah menempatkan pakar-pakar psikiatri di hospital-hospital tersebut termasuk hospital-hospital daerah dan pada ketika ini Yang Berhormat, klinik-klinik kesihatan juga menyediakan rawatan susulan kepada pesakit-pesakit mental oleh pakar-pakar perubatan keluarga yang ditempatkan dan klinik-klinik kesihatan ini seperti pengetahuan Yang Berhormat, terletak di kawasan-kawasan luar bandar.

Di samping itu, fasiliti-fasiliti seperti hospital-hospital dan juga klinik kesihatan kita juga menyediakan rawatan ataupun lawatan susulan dari rumah ke rumah demi untuk memberi perkhidmatan kepada pesakit-pesakit dan sudah tentu kita menggalakkan usaha sama termasuklah ahli keluarga kepada pesakit-pesakit untuk terlibat di dalam proses rawatan pesakit mental. Terima kasih.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, satu masalah yang amat besar kepada kumpulan masyarakat negara kita ini ialah apabila mendengar perkataan psikiatrik ini ataupun wad ataupun klinik sakit jiwa ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, apabila seseorang itu menghadapi masalah tekanan sama ada ianya *depression disorder* ataupun *panic disorder* yang ini merupakan penyakit-penyakit biasa, setelah didiagnosis oleh hospital-hospital daerah dan sebagainya, akhirnya pesakit-pesakit ini akan dihantar ke wad ataupun ke klinik pesakit jiwa seperti Hospital Besar Kuala Lumpur dan sebagainya. Jadi, di sana nanti akan berlaku satu lagi tekanan yang amat hebat kerana pesakit tadi sebenarnya itu adalah biasa tetapi bila dihantar ke wad sakti jiwa untuk dirawat, akan menambah lagi tekanan ini.

Jadi, adakah pihak kementerian ingin meringankan sikit beban kepada pesakit-pesakit *panic disorder* dan *depression disorder* ini supaya tidak dihantar ke klinik jiwa tetapi dihantar ke klinik yang mungkin namanya lain sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan. Sebenarnya Yang Berhormat, untuk pesakit mental terdapat dua jenis iaitu psikosis dan juga neurosis. Psikosis ini adalah pesakit mental yang lebih kepada tahap yang lebih serius dan neurosis pula adalah tahap yang kurang serius ataupun penyakit-penyakit mental yang boleh menjurus ke arah psikosis sekiranya ianya tidak dirawat seperti stres, kemurungan dan sebagainya.

Memang benar Yang Berhormat, pihak kementerian ataupun pihak hospital-hospital hanya menempatkan pesakit yang mempunyai tahap keseriusan yang tinggi untuk ditempatkan di wad-wad. Bagi mereka yang jatuh dalam kategori yang kurang serius, kita membuat rawatan secara susulan seperti yang saya sebutkan tadi Yang Berhormat melalui klinik-klinik kesihatan kita yang menempatkan pakar-pakar perubatan keluarga. Selalunya kes-kes seperti ini kita akan kendalikan dengan tahap kerahsiaan yang tinggi demi untuk menghormati pesakit-pesakit dan sudah tentu apabila mereka mendapat rawatan ketika serangan dan sebagainya, mereka akan ditempatkan di wad-wad dan apabila mereka keluar, rawatan susulan itulah yang memainkan peranan iaitu di klinik-klinik kesihatan yang telah disediakan atau yang berdekatan dengan tempat tinggal pesakit-pesakit kita.

Insya-Allah cadangan Yang Berhormat itu juga kita akan perbaiki dan sudah tentu ini adalah satu langkah demi untuk kita memartabatkan perkhidmatan psikiatri kerana maklumlah Yang Berhormat, kebanyakan masyarakat kita mempunyai tekanan-tekanan yang tertentu. Tekanan untuk mendapatkan sesuatu yang secara berterusan juga merupakan tekanan yang hebat yang melanda sebahagian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian khususnya dari parti pembangkang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya ingat penting soalan Yang Berhormat Tangga Batu Yang Berhormat, orang kurang gila jadi lebih gila kalau dia keluar hospital. Yang itu kena jagalah.

8. Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar] minta Perdana Menteri menyatakan adakah niat untuk memperkenalkan Mahkamah Perlembagaan bagi menyelesaikan pandangan pelbagai terhadap Perlembagaan Persekutuan dan bagi mengukuhkan lagi kefahaman kepada perlembagaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Yang menjawab pun tampan juga. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak mempunyai sebarang cadangan untuk menubuhkan mahkamah perlembagaan kerana Mahkamah Persekutuan mempunyai bidang kuasa mendengarkan kes-kes berkaitan Perlembagaan seperti yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan 128(2) dan Perkara 130 Perlembagaan Persekutuan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih di atas penjelasan. Soalan tambahan saya, saya merujuk kepada berita besar iaitu "*Raja Melayu gusar trend politik semasa cabar kedaulatan Perlembagaan*". Jadi, saya kira setelah kita berapa tahun merdeka, banyak persoalan yang timbul yang saya kira mahkamah yang sedia ada pada hemat saya tidak mampu untuk menyelesaikan permasalahan yang mempertikaikan soal-soal *constitutional*. Jadi, saya mencadangkan di sini sebagai soalan tambahan bahawa mahkamah perlembagaan ini perlu diberi penilaian semula untuk melihat isu-isu Perlembagaan itu dapat mengikut roh dan semangat yang ada.

Yang kedua ialah berkenaan dengan akhir-akhir ini parti-parti politik yang banyak bersikap rasis. Oleh itu, mahkamah perlembagaan perlu untuk diwujudkan bagi menyelesaikan permasalahan yang sebelum ini dalam mahkamah biasa yang ada tidak mampu ataupun tidak banyak menyelesaikan persoalan-persoalan keperlembagaan ini. Jadi, saya mohon kepada pihak Menteri untuk benar-benar menilai semula apa yang dicadangkan ini sebagai satu lonjakan baru kepada negara kita hari ini.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya kira apa Yang Berhormat sebut rujukan dalam akhbar itu sebenarnya perkara itu tidak dibawa ke mahkamah pun. Kalau ia dibawa ke mahkamah, sudah tentu satu keputusan akan dibuat dan soal-soal Perlembagaan ini, dia hanya boleh dengarkan oleh Mahkamah Persekutuan. Mahkamah-mahkamah rendah yang lain tidak boleh dengar kes-kes ini.

■ 1120

Jadi sebab itu, pada pandangan kerajaan iaitu mahkamah ini tidak perlu diwujudkan kerana Mahkamah Persekutuan sedia ada dan diberikan kuasa untuk mendengar segala perkara yang ada berkaitan dengan Perlembagaan kita.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri. Pertama, jangan menjadi *defensive* kerana ada peruntukan yang membolehkan didengar oleh Mahkamah Persekutuan bukan semestinya kita tidak boleh fokus kepada ruangan yang baru. Kedua, Yang Berhormat Menteri perlu sedar bahawa penubuhan *Constitutional Court* bukanlah satu perkara yang baru. Di negara sebelah kita, negara Indonesia baru-baru ini pun ada menubuhkan *Constitutional Court* dan isu yang mustahak adalah berkaitan dengan perkara ini.

Oleh kerana pakar-pakar undang-undang berpendapat bahawa keperluannya adalah di negara ini sangat *clear* kerana kita ada hakim-hakim di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan dan Mahkamah Persekutuan yang kurang kepakaran dan kebolehan untuk menentukan perkara-perkara yang berbangkit dengan *specific issue constitutional.* Seperti kes-kes dari negeri Perak di mana beberapa kes telah dibawa ke Mahkamah Tinggi dan persepsi masyarakat di negara ini adalah bahawa *Constitutional Court* adalah patut ditubuhkan supaya kes-kes spesifik ini boleh didengar. Jangan kita lari dari

persepsi, kepercayaan dengan kehakiman kerana macam kes Lingam. *Sounds like me, looks like me* tetapi bukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, cukup Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dalam perkara ini dan juga mengakibatkan kekurangan kepercayaan pelabur asing. Adakah keengganan kerajaan adalah kerana Yang Berhormat sendiri yang memberi pandangan kepada Kabinet supaya tidak menubuhkan *Constitutional Court?*

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya terlupa hendak jawab Yang Berhormat tadi, dia ada bangkit berkenaan dengan isu-isu berkaitan Perlembagaan. Sebenarnya Perlembagaan ini dia hidup. Kalau sekiranya ada sesuatu yang kita rasa dia tidak perlu wujud lagi kita boleh bawa ke Dewan dan boleh dibahas dan kalau sekiranya 2/3 daripada Dewan meluluskan, kita boleh pinda Perlembagaan itu.

Jadi berkenaan soalan daripada Yang Berhormat Ipoh Barat, itu pandangan dialah. Sama ada bernilai dua sen atau 20 sen saya tidak tahulah. Akan tetapi itu pandangan dia. Bagi kita, kita mempunyai kepakaran yang cukup kerana seorang hakim ini dia mesti berkeupayaan untuk membuat keputusan dalam apa hal sekali pun. Saya tidak melihat iaitu bahawa soal Perlembagaan ini suatu soal yang sukar untuk difahami oleh hakim-hakim kita. Hakim-hakim kita berkeupayaan, cuma yang masalahnya bila dia bawa ke mahkamah, dia kalah, itu sebab dia marah. Jadi, bila kalah inilah jadinya. Kita ada kes yang kita kalah juga tetapi kita tidak pernah mempertikaikan keupayaan mahkamah kita. Jadi, jangan jadi *sour grape*lah, kalau kalah, kalahlah. Menang, menanglah.

*[**Soalan No. 9** - Y.B. Datuk Juslie Ajirol (Libaran) tidak hadir]*

10. Tuan Lim Lip Eng [Segambut] minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan anggaran kerugian kerajaan pada masa dua tahun yang akan datang setelah PERODUA memberhentikan eksportnya ke negara UK dan apakah tindakan susulan kerajaan dalam isu ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri I [Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir]: Terima kasih. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, assalaamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, dari tahun 1997 hingga bulan September 2010 PERODUA telah mengeksport sejumlah 11,526 unit kenderaan bernilai RM45 juta ke United Kingdom. Untuk menggalakkan pengeksportan kenderaan kerajaan tidak mengenakan sebarang cukai eksport. Oleh kerana itu kerajaan tidak mendapat sebarang pendapatan daripada pengeksportan kenderaan buatan Malaysia ke luar negara. Secara amnya, kerajaan mendapat faedah daripada industri pembuatan kenderaan dalam negara dari segi pembangunan vendor, jumlah pekerjaan, pemindahan teknologi dan lain-lain lagi.

Oleh itu, pemberhentian pengeksportan kenderaan PERODUA ke United Kingdom tidak menyebabkan kerugian kepada kerajaan secara langsung. PERODUA tidak dapat meneruskan pengeksportan kenderaannya ke negara United Kingdom kerana PERODUA belum mengeluarkan kenderaan dengan standard pelepasan asap EURO5 yang ditetapkan di Eropah. Bagi mengimbangi kerugian pendapatan daripada pemberhentian pengeksportan kereta ke United Kingdom, PERODUA kini sedang merancang hala tuju eksportnya yang meliputi usaha-usaha seperti berikut:

(i) menjalankan kajian terperinci untuk mengeksport kenderaan PERODUA ke negara-negara yang berpotensi di samping meneruskan usaha pengurangan kos dengan penglibatan para vendor tempatan dalam pengeluaran model terbaru PERODUA dan secara tidak langsung ini akan menjadikan vendor tempatan lebih kompetitif dan berdaya maju untuk pasaran eksport;

(ii) merangka strategi untuk lima tahun termasuk hala tuju eksport PERODUA, menambah jumlah eksport CBU kepada 10% daripada jumlah pengeluaran selepas lima tahun;

(iii) mengembangkan eksport CBU ke negara-negara pemanduan sebelah kanan *(right hand drive)* dengan izin, yang menerima pakai kenderaan yang mematuhi peraturan dan piawaian seperti di Malaysia;

(iv) meningkatkan jumlah nilai eksport komponen enjin termasuk komponen-komponen berteknologi tinggi ke RM50 juta menjelang tahun 2014 daripada RM24 juta pada tahun 2009. Terima kasih.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Terima kasih Yang Berhormat Jerlun. Insiden ini yang kita tidak boleh menafikan ia telah menjatuhkan reputasi barangan buatan Malaysia. Ia juga pasti menjejaskan nama baik *goodwill* PERODUA. Jadi soalan saya, adakah insiden ini kereta PERODUA di*banned* ke UK juga mengakibatkan jatuh dalam penjualan, *sales* kereta PERODUA di negara-negara yang lain? Terima kasih.

Dato' Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir: Untuk makluman Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini sebenarnya kereta PERODUA tidak di*banned* untuk dieksport ke pasaran United Kingdom. Sebaliknya apa yang berlaku di Eropah itu mempunyai satu piawaian yang terbaru iaitu untuk pelepasan asap EURO5. Buat masa ini, syarikat-syarikat pembuatan kenderaan di Malaysia ini cuma menghasilkan enjin-enjin untuk EURO2. Jadi, oleh kerana itu kita diminta supaya meningkatkan piawaian pengeluaran asap enjin-enjin keluaran Malaysia ini ke tahap EURO5 untuk memasuki pasaran tersebut. Buat masa ini kita masih lagi mengeksport kenderaan ke United Kingdom untuk makluman Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini.

Contohnya, pada tahun ini sahaja daripada bulan Januari hinggalah bulan September 2010, 810 unit kenderaan PERODUA telah dibekalkan ke United Kingdom berjumlah lebih kurang RM14 juta. Maksudnya, walaupun seperti Yang Berhormat sebutkan tadi digunakan istilah '*banned'* walaupun itu tidak tepat. Buat masa ini kita masih dibenarkan untuk mengeksport kenderaan ke United Kingdom kerana mereka memahami bahawa kita perlukan sedikit masa sebelum kita mencapai tahap EURO5 dan buat masa ini seperti yang saya nyatakan tadi PERODUA memang sedang berusaha untuk meningkatkan enjin mereka ke tahap memenuhi piawaian EURO5. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekian sahaja sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada pagi ini. Yang Berhormat Menteri ada usul.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

■ **1130**

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Saya harap Yang Berhormat Menteri dari Padang Rengas boleh tunggu ya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua pada Peraturan Mesyuarat 36(6) yang jelas menyatakan, *"Seseorang Ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas siapa-siapa ahli lain."* Peraturan Mesyuarat 36(12) – *"Mana-mana ahli yang mengeluarkan kenyataan yang mengelirukan Dewan."* Peraturan Mesyuarat 36(10)(c) – *"Adalah salah pada peraturan menggunakan perkataan-perkataan yang harus menaikkan perasaan bersakit-sakit hati atau bermusuh-musuhan di antara satu kaum dengan kaum yang lain."*

Tuan Yang di-Pertua, saya merujuk kepada kenyataan yang dibawa oleh Yang Berhormat Menteri dari Padang Rengas berkenaan tuduhan terhadap Yang Berhormat Ipoh Timur, di mana sebelum ini *Berita Harian* melaporkan Yang Berhormat Ipoh Timur didakwa telah membuat kenyataan UMNO kafir. Tuan Yang di-Pertua, *Berita Harian* telah mengeluarkan ralat ya – menyiarkan ralat.

Antara yang dinyatakan ialah bahawa kenyataan yang dilaporkan tersebut bukan merujuk kepada Penasihat DAP, Lim Kit Siang dan kesilapan dikesali pengarang pada 4 November yang lalu, di muka surat lapan.

Hari ini Yang Berhormat Menteri mengulangi kenyataan tersebut dan saya rasa ini amat tidak bertanggungjawab, mengelirukan Dewan yang mulia ini, berniat jahat, ada sangkaan jahat dan sengaja cuba membangkitkan, mengeluarkan perkataan sedemikian untuk menyakitkan hati antara kaum. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya memohon demi nama baik Dewan yang mulia ini, meminta agar Yang Berhormat Menteri menarik balik kenyataan tersebut yang dibuat terhadap Yang Berhormat Ipoh Timur.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Dan meminta maaf.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Tuan Yang di-Pertua, saya sependapat dengan Yang Berhormat Batu Gajah. Saya percaya bahawa motif yang diguna pakai oleh Yang Berhormat Menteri itu tidaklah berpatutan. Sebagai seorang Menteri yang sangat senior pada waktu sekarang – walaupun Tun Dr. Mahathir telah mengatakan *half-past six Cabinet*, tetapi saya tidak tahu Yang Berhormat pun ada dalam kalangan tersebut. Akan tetapi menggunakan perkataan tersebut, ia bukan sahaja *unparliamentarily* tetapi motifnya *questionable.* Saya pohon agar Yang Berhormat Menteri diarahkan untuk menarik balik perkataan tersebut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, saya setuju 100% dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Ipoh Barat. Ini satu *test* sama ada Yang Berhormat Menteri tanggungjawab, *moderate* atau tidak.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini sandiwara DAP lah.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: Tuan Yang di-Pertua, peraturan mesyuarat. Saya mengulangi peraturan mesyuarat daripada Yang Berhormat Batu Gajah tadi. *[Dewan riuh]* Saya minta Yang Berhormat Menteri digantung satu hari. *[Dewan riuh]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Satu tahunlah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Sebenarnya kalau satu sahaja yang bangkit sudah mencukupi peraturan, Yang Berhormat. Kalau tiga orang bangkit, empat orang bangkit, tidak bermakna ia lebih kuat daripada yang satu orang bangkit.

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: *Lesson number one.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini peraturan mesyuarat, Yang Berhormat. Kalau ada berkehendakkan belah bahagi, barulah berkehendak – peraturan ada sebut dengan jelas Yang Berhormat. Jadi, Yang Berhormat Menteri sebut tadi ialah berhubung dengan laporan dalam surat khabar. Jadi, Yang Berhormat Ipoh Timur kata dia akan saman ataupun mengambil tindakan kepada akhbar tersebut. Jadi, saya ingat perkara ini tadi dah selesai dah. Jadi, oleh sebab perkara ini saya anggap sudah selesai, jadi apa yang saya hendak sebut, Yang Berhormat?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, kalau pada 4 November, *Berita Harian* telah mengeluarkan ralat menyatakan bahawa apa yang dilaporkan bukan merujuk kepada Penasihat DAP, Lim Kit Siang iaitu Yang Berhormat Ipoh Timur, dan mengakui kesilapan adalah dikesali oleh pengarang, tetapi Yang Berhormat Menteri telah mengulangi di dalam Dewan yang mulia ini. Apakah niat Yang Berhormat Menteri? Bukankah ini melanggar peraturan mesyuarat? Kalau *Berita Harian*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Okey, Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Yang membuat laporan telah menyiarkan ralat sedemikian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik, Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya memohon Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri jadi seorang yang bertanggungjawab.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat sudahlah Yang Berhormat.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dan bayar ganti rugi.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berhajat untuk menyakitkan hati sesiapa. Cuma, saya hendak menyatakan bagaimana kita hendak kawal kalau sekiranya ada yang berperangai macam Yang Berhormat Ipoh Timur ini. Akan tetapi kalau kenyataan saya itu menyakitkan perasaan dia, saya tarik baliklah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita sudah mendengar dengan jelas Yang Berhormat. Yang Berhormat Menteri ini *gentleman* sebenarnya, Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Saya menghargai, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana dengan cara sedemikian kita boleh menjalankan – betul atau tidak betul itu, itu bukan soalan di sini Yang Berhormat. Soalannya, Yang Berhormat minta dan Yang Berhormat Menteri sudah tarik balik. Jadi, sudahlah Yang Berhormat ya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]* Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik

perhatian pada Peraturan Mesyuarat 36(9) *"Dalam apa-apa perbahasan, tidak boleh disebutkan kelakuan atau sifat siapa-siapa Ahli-ahli Parlimen"*. Kalau kami menjalankan tanggungjawab membangkitkan isu, Yang Berhormat Menteri tidak boleh menjawab dengan membalas berkenaan perangai mana-mana ahli juga.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi itu juga saya rasa tidak wajar dikeluarkan, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, sudah-sudahlah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Itu tercatat di dalam...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya faham Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Kalau saya dengar dan minta tarik semua perkataan yang tidak betul di dalam Dewan ini, saya ingat kita tidak boleh berbincang, Yang Berhormat. Peraturan mengatakan tidak boleh sebut parti. Kalau kerajaan buat salah, katakan kerajaan, bukan Menteri. Jadi itu pun kita tidak buat. Kalau setiap hari saya hendak – setiap kesalahan mengikut peraturan dibuat, saya ingat semua tidak boleh bercakap dah.

Parti UMNO tidak boleh sebut, parti PKR tidak boleh sebut, PAS tidak boleh sebut – semua tidak boleh disebut di dalam Dewan sebenarnya. Kalau kerajaan membuat kesilapan, katakan kerajaan, bukan Menteri. Akan tetapi perkara ini berlaku. Berlandaskan itu, saya tidak membuat arahan dan sebagainya Yang Berhormat, melainkan kita betul-betul hendak menjadi orang yang *first world* punya Parlimen. Jadi, kalau macam itulah kehendak kita, *insya-Allah* saya boleh sebut, boleh kerja.

Yang Berhormat Menteri, sila usul.

Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz: Yang Berhormat Batu Gajah kalau dia itu baik tidak apa lah, dia pun perangai teruk juga.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, itu kenyataan juga tidak baik.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.38 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Mohamed Nazri Abdul Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

> "Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Menteri-menteri menjawab ke atas perbahasan peringkat dasar dan diputuskan bacaan kali yang kedua Rang Undang-undang Perbekalan 2011 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan

ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 9 November 2010."

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammudin bin Tun Hussien]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah dipersetujukan,

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2011

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2011

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah "Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2011 dibacakan kali yang kedua sekarang" dan "Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah-buah Majlis."

> "Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh satu bilion satu ratus lapan puluh satu juta lapan ratus sembilan puluh empat ribu ringgit (RM51,181,894,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2011, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau ("P") dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2011, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 14 Tahun 2010, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan butiran-butiran itu di ruangan tujuh dan lapan senarai tersebut." ***[3 November 2010]***

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Minta Menteri daripada Kementerian Belia dan Sukan menyambung menjawab.

11.39 pg.

Menteri Belia dan Sukan [Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek]: Tuan Yang di-Pertua, saya menyambung penggulungan yang telah pun dimulakan oleh Yang Berhormat Tuan Gan Ping Sieu pada malam hari Khamis yang lepas.

Sebahagiannya telah pun dihuraikan oleh beliau dari segi penggulungan dan sebagainya. Saya akan menghabiskan dua tiga perkara sahaja.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Pertama sekali tentang apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau berkenaan dengan gelanggang-gelanggang futsal dan kemudahan-kemudahan sukan di seluruh negara, di mana beliau ada menyebut yang sepatutnya Kementerian Belia dan Sukan mengambil peranan untuk menguruskan, mentadbir, menyelenggarakan dan sebagainya. Kalau tidak silap saya, itu yang ditimbulkan pada hari tersebut.

■ 1140

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya saya ingin maklumkan bahawa Kementerian Belia dan Sukan bukanlah satu kementerian yang bertanggungjawab bagi semua kemudahan-kemudahan yang ada dalam negara kita. Kita sendiri ada premis-premis yang tertentu yang dikira sebagai spesifik. Premis di bawah Kementerian Belia dan Sukan termasuk apa yang telah kita bahaskan dalam rang undang-undang yang lepas iaitu di bawah Perbadanan Kompleks Sukan Malaysia. Manakala yang lain-lain itu adalah merupakan kemudahan-kemudahan yang sebahagian besarnya sama ada disediakan oleh kerajaan negeri dan juga pihak berkuasa tempatan dan itu bukanlah di bawah tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan untuk menguruskan semuanya.

Walau bagaimanapun kementerian ada membantu pihak-pihak berkuasa tempatan ataupun pihak kerajaan negeri. Ini termasuklah program kita menyediakan gelanggang serba guna ataupun gelanggang futsal yang lebih popular disebutkan, di mana program menggantikan projek asal iaitu membina sebanyak 50 kompleks sukan komuniti yang berharga RM150 juta ditukarkan kepada pembinaan sebanyak 1,222 gelanggang futsal di seluruh negara yang bernilai kira-kira RM190 juta dianggap lebih berkesan kerana ia memberikan peluang kemudahan yang sebegini rupa kepada masyarakat yang lebih besar.

Sehingga kini dimaklumkan ada 952 yang telah pun disiapkan dan semuanya bukan lagi menjadi apabila disiapkan dan diserahkan sama ada pada persatuan-persatuan belia untuk menguruskan ataupun pihak JKK untuk menguruskannya, ia bukanlah lagi dianggap sebagai tanggungjawab Kementerian Belia dan Sukan. Oleh sebab itulah saya sendiri ingin memantau ke seluruh negara, saya tahu bahawa ada setengah gelanggang yang diberikan tidak diuruskan dengan baik, kebersihannya tidak dijaga dan sebagainya. Ini juga merupakan satu perkara yang perlu kita perhatikan sejauh manakah masyarakat tempatan menghargai perkara-perkara ataupun kemudahan yang diberikan oleh kementerian kepada mereka semua.

Yang Berhormat Maran dan juga Yang Berhormat Silam ada menyebutkan tentang program-program NGO belia yang dilihat sepatutnya bersifat lebih menyeluruh dalam menangani pelbagai masalah dan sebagainya. Sebenarnya terdapat banyak program yang telah diaturkan oleh Kementerian Belia dan Sukan sebagaimana yang tercatat dalam buku laporan kita.

Satu perkara yang ingin kita tekankan di masa yang akan datang walaupun salah satu daripada unsur yang penting yang perlu kita galakkan di kalangan persatuan-persatuan belia ialah berkaitan dengan soal kesukarelawan. Kementerian sendiri ada mengaturkan lebih kira-kira 3,000 program di bawah PJKN iaitu Program Jati Diri Kesukarelaan Negara menelan belanja yang agak besar. Akan tetapi kita sekarang ini sedang memerhatikan sejauh manakah dari segi mereka yang sudah pun dilatih dan diberikan semangat tentang kesukarelawan ini bertindak dalam kehidupan seharian mereka hingga menjadikan

ini sebagai satu gaya hidup yang tersendiri dari segi menolong apabila berlaku bencana, apabila berlaku kesusahan dan sebagainya.

Sebagai kes ujian yang sedang kita perhatikan sekarang ini apabila berlaku banjir di negeri utara negara kita, sejauh manakah belia-belia kita digerakkan. Kita banyak belia yang beruniform seperti pengakap yang juga mendapat bantuan dan sumbangan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Kita sedang memerhatikan sejauh manakah mereka ini turun ke bawah untuk menawarkan khidmat-khidmat sukarelawan dengan cara mereka yang tersendiri. Sehingga sekarang saya difahamkan melalui jabatan kami di negeri Kedah, kira-kira lebih daripada 300 belia telah dikerahkan sama ada melalui Rakan Muda ataupun persatuan-persatuan belia. Akan tetapi sejauh manakah mereka pergi di sana untuk menjalankan kerja-kerja yang spesifik seperti membantu di pusat-pusat pemindahan, memberikan ketenangan ataupun melayan anak-anak yang berada di pusat pemindahan dan sebagainya.

Ia juga perlu satu perkara yang perlu dilihat dan dikaji dari segi pembangunan aspek kesukarelawan yang akan menjadi panduan kepada kementerian di masa yang akan datang mana persatuan yang perlu diberi bantuan, mana persatuan yang diberikan keutamaan, yang diberikan rating yang baik dari segi bantuan ialah kita melihat sejauh manakah mereka menjalankan kerja-kerja kesukarelawan ini di saat-saat berlakunya bencana yang melanda negara kita.

Kita juga terlibat dengan Kementerian Dalam Negeri iaitu dari segi menggalakkan anak-anak muda kita terlibat dalam RELA. Sekarang ini di bawah kementerian, kita merancang bahawa melalui anak-anak muda kita yang dilatih di bawah IKBN untuk menjadi peserta-peserta RELA dan kita merancang sehingga hujung tahun ini kira-kira 3,000 orang akan dihantar untuk dilatih di bawah program RELA di bawah Kementerian Dalam Negeri kita.

Saya ingin juga menjawab perkara yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Langkawi mengenai Pusat Pembangunan Perahu Layar di Langkawi. Kami sentiasa menghargai program yang telah pun diadakan di Langkawi termasuk program-program besar seperti IODA World Sailing Championship. Pihak kementerian ada membantu mereka sehingga sekarang di bawah Majlis Sukan Negara sebanyak RM450,000 telah dihulurkan bagi membantu program pembangunan dan juga penganjuran program yang berkenaan.

Saya juga ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Kuala Terengganu khususnya berkaitan dengan masalah persatuan-persatuan taekwondo negara kita, saya ingin maklumkan bahawa isu ini sepatutnya sudah tidak timbul lagi kerana beberapa persatuan yang dahulu bertelagah telah pun dibubarkan dan satu persatuan baru dinamakan Taekwondo Malaysia (TM) telah pun ditubuhkan, mereka sudah pun menjalankan mesyuarat agung mereka yang pertama pada bulan September yang lepas. Pada 6 September mereka telah pun mendapat pengiktirafan daripada World Taekwondo Federation dan ini merupakan satu pengiktirafan yang besar.

Terdapat 15 negeri-negeri sudah pun bergabung dengan mereka, terdapat 126 persatuan-persatuan taekwondo bergabung dengan mereka termasuk 20 kelab-kelab *premier* sudah bergabung dengan mereka. Mungkin ada segelintir yang tidak puas hati tetapi saya dikira dalam konteks pembangunan sukan taekwondo dalam negara kita, kita harus menerima satu badan baru yang

bernama Taekwondo Malaysia ini untuk menerajui kerja-kerja yang berkaitan dengan pembangunan sukan taekwondo dalam negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan terima kasih banyak-banyak kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dan mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang mungkin tidak terjawab saya sedia untuk memberikan jawapan secara bertulis. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih, sila kementerian yang berikutnya.

11.48 pg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada seramai 34 orang Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan kali ini membangkitkan beberapa perkara yang melibatkan Kementerian Dalam Negeri.

Yang Berhormat Bachok minta penjelasan tentang peranan Kementerian Dalam Negeri memberikan izin kepada pengusaha untuk mengambil pekerja asing yang kini melebihi 2.2 juta orang. Mengikut statistik Jabatan Imigresen Malaysia, bagi tempoh Januari 2009 hingga Disember 2009 terdapat seramai 1,918,146 orang pekerja asing dan bagi tempoh Januari hingga Ogos tahun ini terdapat seramai 1,048,362 orang pekerja asing.

Pertimbangan terhadap sesuatu permohonan pengambilan pekerja asing ditentukan berdasarkan garis panduan dan dasar tertentu. Dasar pengambilan pekerja asing diputuskan melalui Jawatankuasa Kabinet Pekerja Asing dan Pendatang Asing Tanpa Izin (JKKPAPATI) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri.

■1150

Penentuan kelayakan yang berpandukan pada sesuatu dasar kemudiannya diperhalusi pada peringkat jawatankuasa teknikal yang melibatkan beberapa kementerian dan agensi. Jawatankuasa ini bertanggungjawab menyediakan garis panduan meliputi syarat-syarat dan had kelayakan permohonan bagi setiap sektor dan subsektor. Setiap permohonan pekerja asing memerlukan perakuan daripada Jabatan Tenaga Kerja, Kementerian Sumber Manusia mengenai jumlah pekerja asing yang boleh diluluskan, mengambil kira sama ada wujud pekerja tempatan yang memohon pekerjaan bagi sesuatu subsektor. Permohonan rasmi kemudiannya dibuat di pusat kelulusan setempat *one stop centre,* dengan izin yang terletak di KDN.

Selain pegawai KDN, pertimbangan untuk setiap permohonan akan melibatkan ahli panel temu duga daripada kementerian dan agensi yang berkaitan bagi sesuatu sektor berpandukan pada garis panduan yang telah pun ditetapkan. OSC tidak akan memberikan kelulusan melebihi jumlah pekerja asing yang diperakui oleh JTK untuk seseorang majikan. Mengambil kira situasi semasa berlakunya beberapa isu melibatkan warga asing, kerajaan melalui JKKPAPATI pada 22 Februari 2010 telah bersetuju dengan syor KDN agar ditubuhkan makmal pengurusan warga asing (MPWA Nasional) bagi melihat pendekatan yang menyeluruh dan bersepadu dalam memantapkan pengurusan dan pemantauan warga asing di Malaysia termasuklah pekerja asing.

Melihat pada keunikan masalah yang berlaku di Sabah, kerajaan juga telah bersetuju untuk mewujudkan makmal khas warga asing Sabah (MPWA Sabah). Kedua-dua makmal telah pun dilaksanakan masing-masing pada 23 Mac sehingga 24 April 2010 daripada segi makmal pengurusan warga asing nasional dan 4 sehingga 27 Mei 2010 bagi makmal warga asing Sabah.

Inisiatif-inisiatif yang digariskan melalui MPWA Nasional sedang dilaksanakan secara berperingkat dan diselaraskan serta dipantau melalui sekretariat khas yang terletak di Bahagian Hal Ehwal Imigresen, KDN. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah pemasangan sistem biometrik di kesemua pintu masuk negara yang akan dapat memantapkan sistem pemantauan dan penguatkuasaan tanpa perlu bergantung kepada dokumen perjalanan semata-mata. Bagi MPWA Sabah pula, cadangan inisiatif yang digariskan akan dibincangkan bersama pihak-pihak berkepentingan *stakeholders* sebelum dibentangkan dalam mesyuarat JKPA-PATI yang akan datang untuk pelaksanaan selanjutnya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, boleh dapat beritahu apakah dasar kementerian dalam pengambilan pekerja-pekerja asing? Apabila permohonan dibuat oleh majikan, adakah galakan diberikan supaya majikan memohon *direct* kepada kementerian atau mendapatkan ejen? Ini kerana saya difahamkan galakan diberikan oleh kementerian untuk ejen-ejen membuat permohonan untuk mendapatkan kelulusan pekerja-pekerja.

Kedua adalah sistem *outsourcing* yang sedia ada. Apakah pendirian kerajaan? Adakah ia akan dihapuskan kerana ada beberapa yang diketahui ada eksploitasi, seperti *slave* sistem pekerja ini dan bagaimana pendirian dengan – saya difahamkan ada 276 *outsourcing* agensi atau agensi yang mana dibenarkan untuk mengambil pekerja-pekerja asing. Dalam kaitan ini, adakah kerajaan sedar bahawa kita ada terlampau banyak pekerja asing yang bekerja di sektor yang terutama di 3D itu (*dangerous, dirty and difficult)?* Apakah yang dibuat supaya kerajaan boleh memastikan, supaya lebih warganegara sendiri dapat mengisi kerja-kerja ini lebih-lebih lagi yang mana beberapa keutamaan diberikan oleh majikan dalam *factory* pada pengambilan pekerja-pekerja asing?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat. Ejen dan syarikat-syarikat *outsourcing* ini ada kait-mengait yang mana kerajaan melalui makmal juga Jawatankuasa Kabinet telah membuat pendirian, bahawa masanya telah tiba untuk kita betul-betul menilai prestasi syarikat-syarikat *outsourcing* berkenaan. Kita tidak boleh lagi membenarkan syarikat-syarikat *outsourcing* yang didapati hanya mementingkan keuntungan material semata-mata sehingga membelakangkan tanggungjawab mereka, yang akhirnya mendatangkan kesan negatif terhadap keselamatan negara dan ketenteraman awam.

Ada beberapa buah syarikat *outsourcing* yang telah pun kita keluarkan daripada senarai dan ia termasuk di dalam perbincangan makmal yang mana 50 inisiatif telah pun dikenal pasti, dan hanya syarikat-syarikat yang boleh membantu memastikan bahawa dasar yang begitu kompleks sekali. Seperti Yang Berhormat sebut sendiri, begitu ramai pekerja asing yang berada khususnya di dalam sektor 3D iaitu *dangerous, difficult and dirty,* dengan izin merupakan satu perkara yang merangkumi beberapa buah kementerian dan agensi. Itulah kelebihan yang wujud sekarang berkaitan dengan pendekatan kerajaan dalam konteks warga asing dan pekerja asing ini dan *insya-Allah,* melalui Jawatankuasa Kabinet, jawatankuasa teknikal, perkara-perkara yang sebegini rupa merupakan perkara-perkara yang telah pun kita warisi sebelum ini dapat ditangani secara menyeluruh melibatkan 14 buah kementerian, 11 jabatan serta agensi, wakil-wakil majikan dan 30 buah organisasi dan pertubuhan.

Keduanya, berhubung kait dengan Model Ekonomi Baru dan 12 NKEA yang telah pun diumumkan baru-baru ini di dalam bajet membantu kita mengenal pasti sektor-sektor yang betul-betul memberikan manfaat, dan membantu membawa nilai tambah pada dasar ekonomi kita. Melalui sektor-sektor ini mungkin kita boleh melihat kelonggaran-kelonggaran tertentu tetapi dalam sektor-sektor lain, memang kerajaan ingin memperketat dan memastikan bahawa jumlah pekerja asing ini dapat dikurangkan pada semasa ke semasa. Yang Berhormat Kepong.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Masalah PATI, masalah pekerja asing di negara ini bukan sahaja masalah yang wujud di negara ini sahaja tetapi di banyak negara. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa walaupun ada tindakan, ada program dan ada langkah yang telah pun diambil termasuk apa yang disebutkan sebagai JKKPA-PATI dan sebagainya, implikasi dan konsekuensi akan datang memang serius, termasuklah sekarang ini anak-pinak yang masuk ke sekolah dan sebagainya? Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ada sesetengah majikan tidak mahu melalui saluran yang ditetapkan oleh pihak kementerian?

Ini kerana apabila mereka memohon untuk sesuatu pekerja misalnya RM8,000 atau RM9,000 apabila pekerja datang ke sini, dia lari. Apabila dia lari, pihak kementerian menghukum pihak majikan kerana pekerjanya lari. Akibatnya ada majikan-majikan yang sudah tidak mahu melalui saluran yang sah. Dia memang melalui PATI lah. Saluran yang tidak sah termasuk Yang Berhormat Sri Gading juga, majikan yang menggunakan saluran yang tidak sah. *[Ketawa]* Ini mungkinlah langkah-langkah yang diambil, dasar yang ditetapkan itu menggalakkan kegiatan yang tidak sah. Bolehkah Yang Berhormat Menteri mendalami hal ini supaya tidak berlaku lagi?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Boleh Yang Berhormat Kepong dan sedang didalami. Saya bersetuju sangat bahawa perkara ini merupakan satu perkara yang serius. Sudah tiba masanya para majikan lebih bertanggungjawab dalam hal berkaitan pengurusan pekerja asing.

Kita tidak mahu para majikan hanya bersungguh-sungguh berusaha dan mendesak untuk diberikan kelulusan bagi mengambil pekerja asing dan kemudiannya meletakkan tanggungjawab sepenuhnya kepada kerajaan apabila pekerja yang telah tamat tempoh tidak keluar meninggalkan negara.

■1200

Majikan juga tidak boleh dengan mudah lari daripada tanggungjawab dengan memberikan alasan mudah bahawa pekerja lari dan tidak dapat dikesan. Ini bermakna majikan dalam pendekatan baru kita memainkan peranan yang cukup penting.

Dalam perbincangan kita sama ada di peringkat Jawatankuasa dengan pihak-pihak berkepentingan, majikan telah pun kita libatkan bersama untuk memastikan bahawa sesungguhnya dalam mereka memohon dan mengenal pasti sektor-sektor di mana masih lagi perlu pekerja-pekerja asing di sektor-sektor yang strategik tadi. Akan tetapi bersama-sama dengan kelonggaran dan kelulusan itu, datang bersama satu tanggungjawab untuk memastikan bahawa sekiranya mereka lari keluar tinggalkan kerja, maka majikan juga perlu memainkan peranan mereka untuk membantu kerajaan memantau.

Keduanya, dalam proses kita hendak melihat kepada pendekatan baru ini tiga perkara yang diambil kira iaitu:

(i) permintaan dan penawaran - *demand and supply* dengan izin;

(ii) sistem dan proses - merangkumi juga pendekatan kita untuk mewujudkan sistem biometrik tadi; dan

(iii) perundangan dan penguatkuasaan – di dalam ini beberapa inisiatif telah kita kenal pasti untuk melihat kepada tanggungjawab kesemua *stakeholders*, termasuk pihak berkepentingan, termasuk juga pihak majikan.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat, saya ada bangkitkan perkara ini akan tetapi Yang Berhormat tidak menjawab, iaitu di mana keutamaan diberikan kepada pekerja-pekerja asing dan ini menyebabkan banyak di antara warganegara kita menganggur. Satu kes yang spesifik saya boleh beritahu adalah Hotel *Excelsior* di Ipoh.

Saya difahamkan - saya mengendalikan kes tersebut Tuan Yang di-Pertua. Di mana warganegara kita diberhentikan dan majikan mengatakan bahawa mereka ingin mengambil pekerja asing, kerana pekerja asing boleh kerja dalam tempoh masa yang lama dan tidak ada isu pekerja-pekerja dalaman. Apakah yang dibuat oleh kementerian supaya perkara macam ini tidak jadi? Ini bukan sahaja satu hotel, di banyak tempat-tempat kilang pun sedemikian. Jadi, apakah kawal selia yang dibuat oleh kementerian supaya jangan menganiaya pekerja-pekerja kita di negara ini?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sebab itu Tuan Yang di-Pertua, pendekatan kita sekarang kalau hendak dibandingkan dengan dahulu ialah untuk secara serius melibatkan pihak majikan. Dalam hal dan kes yang disebutkan Yang Berhormat banyak berkisar kepada kerjasama daripada pihak majikan. Tanggungjawab itulah yang akan kita letakkan di atas bahu majikan supaya kes-kes seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat tidak berulang. Dalam hal ini, kalau ada kes-kes spesifik yang di bawah pengetahuan Yang Berhormat sendiri bolehlah panjangkan kepada pihak kementerian untuk menanganinya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Kes yang saya katakan adalah Hotel *Excelsior* di Ipoh.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *Yes,* okey.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Saya harap - kerana saya difahamkan ada kelulusan telah diberi oleh kementerian...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Atas dasar ia perlukan pekerja. Walhal ada pekerja-pekerja yang di negara kita yang sudi untuk bekerja.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Itu yang saya sebutkan tadi.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *Can there be investigation?* Ini supaya dapat...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *Yes, yes*. Kalau Yang Berhormat boleh membawa kepada saya kes-kes spesifik untuk kita teliti. Akan tetapi yang menarik sekarang di bawah Jawatankuasa yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ialah kita sudah kenal pasti di mana kekangan-kekangan, kelemahan-kelemahan yang wujud dan tadi yang kita bincangkan banyak berkisar kepada tanggungjawab majikan yang sedang kita tangani bersama.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ipoh Barat menyatakan tahanan di Simpang Renggam adalah lebih 40% terdiri daripada bangsa India. Yang Berhormat Seremban pula menyatakan bahawa semua penjara dari Johor Bahru sehingga ke Pulau Pinang, 45% dihuni oleh kaum India. Yang Berhormat Ipoh Barat juga telah menyatakan bahawa kegiatan samseng dan gengsterisme di kalangan kaum India adalah sangat tinggi dan membimbangkan.

Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan statistik Jabatan Penjara Malaysia setakat 25 Oktober 2010 menunjukkan hanya 4,003 atau 13.3% banduan India daripada jumlah keseluruhan 30,085 penghuni penjara di Semenanjung Malaysia.

Sementara itu, terdapat seramai 257 tahanan kaum India atau 36.8% daripada 699 tahanan yang ditahan di bawah Ordinan Darurat (Ketenteraman Awam dan Mencegah Jenayah) 1969 di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam. Manakala 102 tahanan kaum India lagi atau 22.79% daripada 449 tahanan yang ditahan di bawah Akta Dadah Merbahaya (Langkah-langkah Pencegahan Khas) 1985. Ini bermakna jumlah keseluruhan tahanan India yang ditahan di Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam adalah seramai 359 orang sahaja daripada jumlah keseluruhan tahanan iaitu seramai 1,148 orang.

Berhubung kait dengan penjenayah. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, statistik tangkapan penjenayah bagi tahun 2009 keseluruhannya mencatatkan seramai 43,527 orang melibatkan bangsa Melayu seramai 25,140 orang atau 57.76%; diikuti bangsa Cina seramai 5,657 orang atau 13%; dan bangsa India seramai 5,768 orang atau 13.25%. Lain-lain bangsa 2,642 orang atau 6.07%; dan warganegara asing seramai 4,320 orang atau 9.92%. Statistik tangkapan penjenayah dari tahun 2008 sehingga bulan September 2010 adalah seramai 107,142 orang. Daripada jumlah ini, tangkapan yang melibatkan penjenayah daripada kaum India adalah sebanyak 13,362 orang atau 12.47%.

Penjenayah akan melakukan jenayah tidak mengira masa, tempat, warna kulit dan status seseorang sekiranya kita memberi peluang kepada mereka melakukannya. Undang-undang pula tidak mengenal bangsa atau status seseorang. Sekiranya didapati bersalah oleh mahkamah, maka hukuman tetap akan dijatuhkan kepada mereka yang disabitkan kesalahan seperti mana yang diperuntukkan oleh undang-undang negara. Dalam melaksanakan proses pemulihan, Jabatan Penjara Malaysia menggunakan pelan pemulihan khas yang dinamakan Pelan Pembangunan Insan. Pelan ini memberi peluang kepada penghuni penjara mengikuti latihan dan pemulihan tanpa sebarang bentuk diskriminasi.

Semua penghuni akan mengikuti empat fasa pemulihan yang merangkumi pembentukan disiplin, pembinaan sahsiah, kemahiran dan integrasi semula ke dalam masyarakat. Ia membolehkan penghuni mengikuti aktiviti akademik, kaunseling, keagamaan, kerohanian, motivasi, pembentukan disiplin, latihan vokasional, dan aktiviti integrasi di dalam masyarakat.

Jabatan Penjara Malaysia amat mengalu-alukan penyertaan masyarakat dalam meningkatkan lagi aktiviti pemulihan. Ini bagi menghasilkan banduan setelah dibebaskan mereka insaf, berpengetahuan, berkemahiran, mampu berdikari, berguna kepada masyarakat dan tidak kembali melakukan kesalahan.

Berkenaan sasaran saranan Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Paya Besar agar skim gaji warden penjara di kaji semula...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Pihak kementerian menyedari tugas mengawal dan memulihkan penghuni penjara adalah risiko yang

amat tinggi. Jabatan Penjara Malaysia melalui Kementerian Dalam Negeri dari semasa ke semasa telah mengemukakan kenaikan gaji, penambahbaikan gred perkhidmatan dan elaun khas untuk warden penjara. Mengambil kira keperluan bagi memantapkan lagi pengurusan organisasi serta meningkatkan mutu perkhidmatan penjara, Jabatan Penjara Malaysia telah menghantar permohonan untuk laluan kerjaya pegawai penjara ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) pada 21 Mei 2010.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Dari Ipoh Barat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: KDN bersama Jabatan Penjara Malaysia akan terus memperincikan perkara ini dengan JPA bersandarkan kedudukan ekonomi semasa negara. Yang Berhormat Ipoh Barat.

■1210

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, statistik yang diberikan bukanlah sesuatu perkara yang kita semua tidak tahu. Akan tetapi perkara yang mustahak adalah kenapa kejadian tersebut berlaku dan adakah Yang Berhormat tahu atau kementerian, bahawa *there is a sense of fear* di dalam masyarakat India?

Yang Berhormat, kalau saya mengatakan beberapa kes, Yang Berhormat mungkin akan gelak dengan perkara tersebut. Baru-baru ini di kawasan saya Yang Berhormat, pada pukul 4.30 mereka mengadakan *prayer session* untuk *house warming*. Tiba-tiba lima budak India yang terlibat dalam gengsterisme terus masuk *pull out the knife*, ambil semua barang-barang kemas dan cabut. Perkara ini bukan luar biasa. Ini macam selalu terjadi di masyarakat India dan ramai di antara mereka khuatir kerana ada *situation of 'seize'* dalam negara ini.

Saya harap yang pertama sekali, kita kenal pasti apakah sebab perkara ini berlaku. Kedua, mengambil tindakan tegas untuk mengelak perkara tersebut berlaku dan yang ketiga mustahak sekali, bukan sahaja yang dikatakan Yang Berhormat bahawa ada beberapa reformasi dalam penjara tetapi *repeat offenders* nampaknya berlaku di seluruh negara. Ramai di antara mengatakan ada senjata dan sebagainya. Apakah tindakan keras dan serius yang telah dan akan diambil untuk membanteras perkara sedemikian?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Fakta yang saya umumkan tadi tidak menggambarkan *'seize'* dengan izin, situasi untuk kaum India seperti yang didakwa oleh pihak Yang Berhormat Ipoh Barat.

Keduanya, berhubung kait dengan pendekatan kerajaan. Kita memahami bahawa isu keselamatan merupakan satu perkara yang cukup penting yang ditekankan dan diingini oleh pihak orang ramai. Oleh sebab itulah usaha untuk mengurangkan kadar jenayah diletakkan sebagai satu daripada enam NKRA di bawah Pelan Transformasi Kerajaan.

Walaupun dalam konteks di atas kertas outputnya, jelas bahawa penurunan indeks jenayah telah pun mengecapi satu tahap yang membanggakan. Banyak lagi inisiatif di bawah NKRA kita, yang masih lagi dalam proses *rollout*. Saya percaya bukan sahaja dari segi indeksnya tetapi di pertengahan tahun hadapan bukan sahaja kita dapat lihat lebih ramai kehadiran pihak penguat kuasa khususnya pihak polis, *omnipresent* melibatkan pihak-pihak kesukarelawanan yang datangnya daripada RELA dan JPAM tetapi pendekatan-pendekatan baru yang dengan pemikiran di luar kotak yang boleh membantu menanganinya.

Akan tetapi yang saya hendak tekankan di sini seperti apa yang disebutkan awal tadi ia tidak berkisar kepada warna kulit, latar belakang dan agama seseorang penjenayah itu. Sesiapa sahaja yang berada dalam keadaan di mana terpaksa berhadapan dengan keadilan, ia akan terpaksa menjalani proses yang telah pun ditetapkan. Dalam NKRA ini kelebihannya, ia merentasi agensi dan kementerian. Ia dilihat secara menyeluruh termasuk juga suasana dan juga persekitaran yang disebutkan oleh Yang Berhormat dalam konteks geng-geng dan pihak-pihak yang berkenaan.

Ya, memang kita sedar perkara ini tetapi tidak boleh diletakkan ke atas bahu PDRM sahaja. Semua pihak perlu mengambil berat dan membantu kita menangani perkara ini. Yang Berhormat Tanjong Piai...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Penjelasan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Penjelasan.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya hendak katakan sedikit tentang kadar jenayah. Pada 4 Oktober yang lepas, saya sendiri merupakan mangsa kepada jenayah. Dalam rumah saya sendiri dan dalam bilik saya sendiri, saya telah disamun oleh beberapa orang penjenayah. Diikat, disamun dan barang-barang dalam rumah saya telah diambil. Perkara yang saya hendak kemukakan di sini, hendak dibangkitkan di sini ialah berkenaan dengan indeks jenayah yang telah dikatakan menurun seperti yang diumumkan semasa pembentangan bajet. Dikatakan bahawa indeks jenayah keseluruhannya telah menurun sebanyak 16% seperti yang telah dikatakan oleh Yang Berhormat Menteri. NKRA ini, indeks jenayahnya turun.

Akan tetapi, adakah ini merupakan oleh kerana ramai mangsa-mangsa jenayah ini, mereka tidak melaporkan kes-kes kepada pihak polis? Ini yang hendak saya pertikai sebab saya sendiri menjadi mangsa, lapor kepada pihak polis 4 Oktober, hari ini sudah lebih daripada sebulan. Walaupun seorang Ahli Parlimen tetapi saya tidak mendapat apa-apa makluman balas daripada pihak polis daripada IO yang membuat siasatan kepada kes ini. Ini yang menjadi satu persepsi kepada ramai orang, bahawa apabila mereka membuat laporan pun, kadang-kadang ia tidak membuahkan hasil. Tidak ada apa-apa makluman, tidak ada apa-apa yang boleh kita lakukan dan pihak polis tidak dapat menangkap penjenayah tersebut. Jadi sia-sia sahaja mereka perlu meluangkan masa yang banyak untuk membuat laporan polis.

Jadi saya hendak tanya, adakah ini indeks walaupun dikatakan dari segi atas kertasnya telah turun tetapi persepsi di bawah iaitu orang ramai, bahawa kadar jenayah masih begitu serius dalam negara kita. Jadi, saya hendak pertikaikan bahawa indeks itu tidak melambangkan keadaan yang sebenarnya di peringkat bawah. Saya harap ini boleh diberi perhatian oleh Yang Berhormat Menteri, bahawa banyak laporan-laporan yang telah dibuat tidak ada maklum balas kepada orang-orang yang telah melaporkan kes itu. Ini sedikit sebanyak telah menjejaskan keyakinan orang ramai ke atas siasatan pihak polis. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat Rasah. Sebenarnya persepsi tidak berkisar kepada sama ada laporan dibuat atau tidak. Dalam hal ini, di peringkat awal lagi kita telah pun mengambil maklum sebelum kita berusaha ke arah memastikan NKRA dan inisiatif di bawah NKRA mengurangkan jenayah, isu pihak tidak yakin membuat laporan polis telah pun diambil kira.

Saya cukup yakin bahawa dengan inisiatif-inisiatif yang kita lakukan dan telah pun mendapat maklum balas yang amat menggalakkan di mana dengan

inisiatif-inisiatif ini, rakyat dapat melihat sendiri bahawa kita bersungguh-sungguh dan kita serius dalam hendak menangani perkara ini. Pada 4 Oktober Yang Berhormat telah membuat laporan, saya harap bahawa Yang Berhormat sendiri mendekati pihak balai yang di mana laporan telah dibuat untuk mendapat perkembangan, sebulan sejak ia dibuat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Akan tetapi, ini tidak bermakna bahawa kita tidak serius. Ini tidak bermakna bahawa ramai tidak membuat laporan. Ini tidak bermakna bahawa persepsi merupakan gambaran yang sebenarnya di luar sana. Ini akan kita buktikan dan akhirnya rakyat akan dapat menilai sendiri sama ada apa yang kerajaan lakukan ini betul-betul merupakan satu perkara yang bukan sahaja di atas kertas tetapi usaha yang bersungguh-sungguh untuk menangani isu jenayah, khususnya jenayah jalanan dan jenayah keseluruhannya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Dato'.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Dato'.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ya, Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Okey. Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini orang yang berdiri kemudian pula dapat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya cuma hendak merujuk jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa tangga gaji anggota penjara ini dibawa kepada JPA setelah sekian lama tangga gaji ini tidak disemak. Tangga gaji ini memang terletak di bawah – kadang-kadang atas sedikit daripada paras kemiskinan tegar. Jadi, saya bimbang JPA, penilaian JPA lain. Jadi saya berharaplah Yang Berhormat Menteri sudah memberikan cadangan itu, harap diperjuangkanlah supaya berhasil kerana ini telah pun disuarakan ramai warden-warden yang bekerja sebagai kakitangan penjara.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, yang di belakang.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak dahulu. Yang Berhormat Pasir Salak.

■ **1220**

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pasir Salak, boleh? *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya sebagai permulaannya ingin mengiktiraf dan mengucapkan syabas dan tahniah juga kepada kerajaan khususnya Yang Berhormat Menteri kerana telah pun

mengambil tindakan dan langkah-langkah sewajarnya dalam hal ini. Kita melihat banyak juga kejayaan-kejayaan yang telah dicapai dalam membanteras kejadian jenayah ini.

Walau bagaimanapun Tuan Yang di-Pertua, saya juga sebagai rakyat Malaysia dan orang biasa kadang-kadang merasa tidak selamat juga. Apabila kita tidur malam di rumah kita risau kalau ada orang masuk rumah sebab pernah berlaku dua tiga kali. Begitu juga kalau kita pergi *outstation* atau balik kawasan, tinggal keluarga dan anak-anak di rumah pun kadang-kadang kita rasa bimbang juga perasaan ini. Tidak tahulah kalau Yang Berhormat Menteri berasa selesa sahaja pergi ke mana pun tetapi itu perasaan saya dan saya rasa tidak kiralah di sebelah sana atau sebelah sini, perasaan bimbang dan takut ini ada di kalangan rakyat jelata.

Namun ini bukan bermakna peningkatan apa yang kita katakan bahawa kerajaan atau kementerian telah gagal bukan, tetapi ini kenyataannya. Jadi satu daripada fenomena yang kita lihat kejadian jenayah ini disebabkan oleh ramai pendatang-pendatang asing. Banyak kejadian jenayah yang dilakukan oleh orang asing. Apakah tindakan kerajaan dalam hal untuk mengelakkan atau melihat bahawa kejadian jenayah yang berpunca daripada orang asing ini kita dapat atasi?

Saya ada satu cadangan kalau boleh Yang Berhormat Menteri pertimbangkan iaitu orang-orang asing yang datang ke Malaysia atas sebab terpaksa diambil untuk bekerja – satunya yang kita tidak perlukan datang secara haram tetapi berada di sini itu di luar kawalan. Mereka yang masuk secara sah ini pun kadang-kadang buat perangai dan buat kerja jenayah ini juga. Jadi, saya ingin mencadangkan jika Yang Berhormat Menteri boleh pertimbangkan supaya kita buat macam di Dubai iaitu mereka ini ditempatkan dalam satu kawasan perumahan yang ada kawalan. *For example* dalam kawasan industri, kalau ada empat atau lima ribu orang dalam satu kawasan penempatan. Jikalau umpamanya di kawasan Yang Berhormat Ipoh Barat ada beberapa ribu orang, dia takut nanti masuk menceroboh rumah Yang Berhormat Ipoh Barat. Jika mereka ini dalam kawasan penempatan, dia tidak kacau Yang Berhormat Ipoh Barat begitu juga dengan kawasan-kawasan yang lain. Ini dipraktikkan dan menjadi satu dasar di Dubai untuk mengawal pekerja asing daripada melakukan perbuatan yang tidak diingini. Itu pertama dari segi jenayah. Kedua, pekerja asing ini kadang-kadang dengan izin *nuisance to the public* – dia macam - apa *nuisance* dalam bahasa Melayu? Saya ini pun...

Seorang Ahli: Gangguan *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ... Gangguan dan...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pasir Salak. Jikalau saya tidak mengganggu Yang Berhormat Pasir Salak, seolah-olah saya tidak menjalankan tugas. Ini mencelah, bukan berbahas.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ini sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Tambahan lagi Yang Berhormat Menteri sedang menggulung.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Di sebalik perasaan itu tadi apa persoalan? Itu singkatnya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Persoalannya sekarang ini bagaimana untuk kita mengatasi masalah jenayah yang dilakukan orang luar ini? Jadi saya mencadangkan tadi perkara pertama. Kedua, kita hendak

tahu juga perlunya penempatan yang kita buat sebegitu rupa, ia tidak menjadi begitu *nuisance* kepada masyarakat. Kadang-kadang wanita dan anak-anak takut hendak berjalan ke sana ke mari kerana melihat mereka ini berkeliaran di merata taman-taman perumahan dan ini di luar kawalan. Itulah cadangan saya harap mendapat respons daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Pasir Salak yang masih menganggap kerajaan berjaya walaupun dia masih berasa tidak selamat. Bagi saya itu satu *contradiction* atau kontradiksi yang agak aneh dan pelik. Seperti mana Yang Berhormat Rasah, saya pun pernah mengalami kejadian jenayah di mana kereta saya dicuri di depan pejabat saya beberapa bulan yang lepas saya pun tidak ingat bila.

Seorang Ahli: Itulah pakai kereta mewah *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Itu Toyota Fortuner yang biasa sahaja.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Akan tetapi Ketua Polis negeri Selangor kereta dia pun kena curi Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]*

Namun apa yang saya hendak cerita ini, selepas dicuri saya buat laporan polis. Esoknya saya teringat bahawa saya punya kad Touch 'n Go itu di dalam kereta. Saya pergi ke pusat Touch 'n Go untuk saya batalkan dan saya tanya kepada pihak Touch 'n Go bilakah kad ini digunakan kali terakhir. Mereka memberitahu saya ia digunakan pada malam sebelum itu di Juru. Maka, saya telefon *investigating officer* (IO) saya dan saya beritahu bahawa kereta saya sudah sampai ke Juru sebab saya punya Touch 'n Go dimaklumkan telah digunakan di tol Juru.

Dia seperti tidak berapa minat untuk ambil tahu perkara ini dan apa yang dia katakan, *"Yang Berhormat, beginilah saya buat laporan tutup kes cepat supaya Yang Berhormat boleh dapat claim insurans".* Lalu saya rasa bahawa kesungguhan untuk hendak selesaikan sesuatu kes itu tidak nampak dan tidak wujud. Ia sudah menjadi sebagai satu kebiasaan dan dianggap sebagai satu perkara yang kalau berlaku dan memang tidak akan dapat selesai.

Begitu juga dengan kes-kes yang menyayat hati seperti kehilangan anak-anak kecil yang sudah berkali-kali berlaku. Baru-baru ini saya pergi ke sebelah Pantai Timur berhenti di tempat rehat di Temerloh ada sepanduk seorang anak Cina dua tahun hilang. Ada sepanduk di sebelahnya ada seorang anak India dua tahun hilang. Saya tidak hendaklah mengatakan bahawa statistik itu tidak tepat dan sebagainya, namun ia menimbulkan tanda tanya sejauh mana ia adalah benar. Ini kerana kita sendiri menjadi mangsa dan mengalami...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Shah Alam, baru tadi saya tegur Yang Berhormat Pasir Salak.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Ini sudah hendak habis, dua ayat saja lagi. Lalu saya rasa selain daripada statistik berhubung dengan kes jenayah, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri bagaimana dengan persoalan statistik indeks penyelesaian kes. Tidak ada gunanya kita kata oh kes

sudah tidak banyak tetapi semua tidak selesai dan tidak dapat cari. Kita hendak tahu berapa banyak yang selesai...

Tuan Yang di-Pertua: Empat belas perkataan sudah Yang Berhormat Shah Alam. Tadi bilang tujuh.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya kata dua ayat. Ayatnya panjang Tuan Yang di-Pertua. *[Ketawa]* Apa yang kita hendak tahu dia punya indeks penyelesaian kes bahawa ada peningkatan atau tidak. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh mohon penjelasan sekali Yang Berhormat Menteri dari Kota Belud.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Mohon penjelasan, pendek. Sungguhpun statistik petunjuk jenayah ada turun dan NKRA berjaya. Adakah Yang Berhormat Menteri sekarang yakin bahawa rakyat tidak rasa lebih selamat? Sehingga sekarang Ahli-ahli Parlimen di kedua-dua pihak bukan sahaja Pakatan Rakyat tetapi juga Barisan Nasional mereka pun rasa tidak selamat. Yang Berhormat Menteri rasa selamat kerana ada eskot-eskot tetapi bila mereka bersara, mereka pun jadi *target*.

Sehingga semalam, Gerakan National Convention ini pun menjadi satu tajuk satu resolusi. Adakah perlu satu *approach* atau pendekatan yang baru supaya bukan sahaja angka-angka petunjuk jenayah turun tetapi rakyat rasa lebih selamat dan Yang Berhormat Menteri mempunyai satu *website* di mana ada *opinion pool* yang menyatakan 97% merasa bahawa mereka tidak selamat dan 95% merasa kerajaan tidak melakukan secukupnya. Lebih baik ada satu pencapaian apabila ada satu lagi *opinion pool* yang boleh sampai lebih daripada 50% rakyat berasa selamat dan 50% rakyat berasa kerajaan sudah buat secukupnya untuk menjaga dan menjadikan negara kita selamat untuk semua rakyat, pelancong-pelancong dan pelawat.

■ 1230

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Boleh lagi sekali Tuan Yang di-Pertua? Yang Berhormat Kota Belud.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Sila.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya sebenarnya tidak bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh rakan-rakan daripada pembangkang. Kita mempunyai masalah dari segi penjenayah ini tetapi kita akan selesaikan mengikut keadaan dan ketikanya.

Kalau kita mendengar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi, ini satu kebiasaan bagi polis tidak menyelesaikan kes-kes polis. Ini satu tuduhan yang melulu. Kalau dilihat pernyataan Yang Berhormat Ipoh Timur, seolah-olah negara ini tidak selamat, seolah-olah negara ini terbakar. Akan tetapi walau apa pun Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil kira.

NKRA salah satunya adalah tentang jenayah dan kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang patut dalam bentuk belanjawan, perancangan untuk memastikannya. Cumanya, saya hendak memberitahu kepada Tuan Yang di-Pertua polis kadang-kadang kita lupa. Kadang-kadang kita letakkan segala bebanan jenayah ini kepada polis. Sedangkan kadang-kadang berlaku jenayah ini kerana kealpaan kita. Kadang-kadang kita memberi isyarat kepada pencuri untuk masuk ke rumah kita. Ini betul.

Kadang-kadang kita letakkan kereta kita di kawasan yang tidak selamat kerana mahu pergi ceramah contohnya. Di tempat yang gelap. Apakah ini salah polis?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Depan pejabat saya Tuan Yang di-Pertua, kereta saya kena curi.

Datuk Abd. Rahman Dahlan [Kota Belud]: Jadi, Tuan Yang di-Pertua saya rasa ini tidak adil untuk kita meletakkan segala-galanya di bahu anggota polis. Kita sebagai rakyat biasa perlu mengambil langkah-langkah yang sepatutnya untuk mengurangkan kegiatan jenayah ini. Saya beri contoh, hendak beri cadangan Tuan Yang di-Pertua kalau boleh kepada Yang Berhormat Menteri.

Mungkin apa yang dikatakan oleh saudara Yang Berhormat Rasah tadi ialah laporan. Saya hendak bandingkan, kalau dikatakan tentang penyelesaian Tuan Yang di-Pertua di Sarawak baru-baru ini Datuk Sharifah Hashidah, Yang Berhormat Dato' Daud, sebenarnya masalah mereka selesai tetapi memakan sedikit masa.

Akan tetapi mungkin kalau saya ingin berkongsi pandangan yang perlu dibuat oleh pihak polis ialah untuk memberitahu kepada pengadu tentang status penyiasatan. Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua, saya kehilangan beg di Heathrow Airport pada awal tahun ini. Apabila saya membuat laporan polis kepada polis Heathrow Airport, UK ini, saya balik ke Malaysia tetapi dalam masa dua, tiga hari pegawai yang menyiasat itu menelefon saya daripada UK dan kadang-kadang menghantar e-mel. Jadi, mungkin kita boleh mengambil iktibar daripada itu.

Mungkin kita tidak perlu tunggu supaya ketua balai yang memberi jawapan. Biarlah pegawai-pegawai yang menyiasat itu diberi sedikit kuasa untuk memberitahu kepada pengadu supaya mereka dapat diberitahu tentang status. Akan tetapi, saya ucapkan tahniah kepada pihak polis. *So far so good*, saya rasa keprihatinan dan juga prestasi polis ini perlu dijaga. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Belud.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat daripada Kota Belud.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Siapa? Sila, sila tidak perasan.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ramai Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan tadi ada sebutkan mengenai jenayah. Penjenayah daripada orang asing, penjenayah oleh rakyat. Akan tetapi bagaimana penjenayah oleh polis?

Baru-baru ini di Kota Bharu, kereta bekas Sultan disekat oleh polis. Tindakan polis lebih daripada penjenayah. Macam-macam dibuat. Permaisuri ditarik keluar dari kereta itu. Adakah tindakan ada diambil terhadap pegawai-pegawai polis itu? Itu yang lebih serius daripada penjenayah biasa. Bagaimana dengan samseng-samseng dalam polis? Bagaimana dengan penjenayah polis yang melakukan apa yang boleh dikatakan kejam ke atas rakyat? Bolehkah saya dapatkan penjelasan?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Pertamanya, apa yang kita bincangkan adalah berhubung kait dengan kadar jenayah dan biarlah perbincangan kita memfokuskan kepada perkara itu. Perkara yang dibangkitkan,

berhubung kait dengan Kelantan tidak dibangkitkan dalam perbahasan bajet pun. Jadi, tidak perlu saya jawab.

Berhubung dengan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Kota Belud tadi, saya ucapkan terima kasih kerana bagi setiap kes di mana ada kekangan dan kekurangan, ada juga kes-kes jumlahnya sama yang menunjukkan kejayaan. Apa yang paling penting bagi kita ialah usaha sejak NKRA ini diumumkan. Untuk kita memastikan bahawa apa yang kita lakukan sekarang jauh berbeza daripada terdahulu. Dalam konteks ini, saya sudah maklumkan di dalam Dewan yang mulia ini bahawa dalam konteks kehadiran fizikal pihak polis, *omnipresent* dengan izin bahawa kita telah memastikan bahawa seramai mungkin kehadiran pihak polis dalam apa juga cara dapat dilihat, dapat dirasai oleh rakyat khususnya di negeri-negeri NKRA, di Johor, di Selangor.

Sebab itulah apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Shah Alam tadi merupakan satu negeri yang kita tahu banyak kes-kes jenayah dan merupakan satu negeri yang diberi tumpuan di bawah NKRA kita, Wilayah Persekutuan dan juga di Pulau Pinang. Tidak pernah dalam sejarah kita di mana 33,623 ahli anggota PDRM telah pun kita gerakkan ke bawah. Tidak pernah di dalam sejarah kita di mana kita gunakan pendekatan baru di mana *redeployment* dengan izin pegawai-pegawai kerajaan ditempatkan di Bukit Aman supaya pegawai-pegawai PDRM dapat melakukan dan melaksanakan tanggungjawab *core business maker* dengan turun ke bawah. Jumlahnya 1,456 yang terbaru.

Tidak pernah kita gunakan Rela selepas dilatih untuk bersama-sama dengan polis. 2,414 telah pun kita turunkan ke bawah, 2,778 sedang dilatih. JPAM digerakkan semula. 745 telah dikenal pasti dan telah pun ditugaskan dan 287 masih dalam tapisan. *Ancillary* polis digerakkan juga. Rakan Cop 323,753 - belum kita perluaskan lagi dengan bersungguh-sungguh. Rukun Tetangga 4,557 dalam perhatian kita akan dikeluarkan. Balai bergerak kalau balai belum dibina, kita pastikan balai bergerak dapat kita posisikan di kawasan-kawasan tertentu dan 90 telah pun kita lakukan dalam masa terdekat ini.

Motosikal kalau *on the bit* berjalan kaki mengambil masa 386 telah pun *roll out* oleh Modenas. *Brochures*, usaha-usaha untuk memberikan penjelasan kepada rakyat. Semua ini dalam proses dan sedang kita jalankan khususnya di kawasan-kawasan dan negeri-negeri yang telah pun dikenal pasti di bawah NKRA. Malah ada lagi beberapa inisiatif baru yang belum kita umumkan lagi dan akan dilaksanakan dalam masa terdekat. Yang Berhormat sabar dahulu dan lihat sendiri lah apa yang kita lakukan dan percayalah apa yang kita lakukan ini mengambil kira keadaan ekonomi semasa, mengambil kira kekurangan kakitangan dalam PDRM, mengambil kira kekangan yang ada dalam pengurusan dan perkhidmatan kita. Akan tetapi ianya membawa kepada satu pendekatan yang spesifik, cukup khusus dan merentasi dan secara menyeluruh pihak-pihak yang berkepentingan dan bertanggungjawab.

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Cadangan-cadangan...

Tuan Mohd Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang dibangkitkan memang saya ambil maklum. Pertamanya, berhubung kait untuk memaklumkan status...

■ 1240

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...siasatan tadi yang cukup baik. Ianya boleh digunakan melalui *website* - Duduk dahulu Yang Berhormat, biar saya jawab ini dahulu. *Website* pihak PDRM, akan saya ambil maklum.

Cadangan daripada Yang Berhormat Pasir Salak berhubung kait dengan menempatkan penjenayah-penjenayah warga asing di situasi dan lokasi yang khusus. Cuma saya mahu nyatakan di sini, dalam statistik tangkapan penjenayah yang saya sebut tadi, warganegara asing yang ditangkap dalam tahun 2009 hanya seramai 4,320 iaitu 9.92% sahaja kalau mahu dibandingkan dengan penjenayah-penjenayah lain. Jadi, mahu memfokuskan dan menyatakan bahawa warga asing merupakan masalah yang spesifik kepada indeks jenayah itu tidak tepat.

Yang Berhormat Seri Gading, jangan bimbang dari segi kebajikan khususnya kebajikan-kebajikan pegawai-pegawai penjara memang merupakan satu perkara yang dekat dengan hati saya. Penjara telah pun menunjukkan prestasi yang cukup membanggakan dan saya secara peribadi mengharapkan sangat kita mencari jalan bagaimana kita dapat memastikan syor yang dibawa kepada JPA itu dapat dilaksanakan. Selainnya yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat banyak berkisah kepada persepsi...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...dan saya harap dan saya yakin bahawa persepsi-persepsi itu akan berubah dengan usaha-usaha yang berterusan yang dilakukan di bawah NKRA. Pendekatan yang setakat ini pun...

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...telah menunjukkan kesungguhan kita dan beberapa lagi yang perlu dilaksanakan dalam masa yang terdekat ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru-baru ini terdapat laporan di mana bekas Ketua Polis Negara. Beliau sendiri menyatakan bahawa memang terdapat masalah dengan hubungan di antara Ketua Polis Negara semasa beliau bertugas dan Kementerian Dalam Negeri. *In fact,* dalam laporan-laporan dinyatakan *he 'lambasted' the Home Ministry for interfering in the duties of the police.* Apabila kita bercakap berkenaan dengan persepsi, masalah yang timbul adalah ini. Pada satu tangan, kita lihat Yang Berhormat Menteri datang ke Parlimen dan kata memang tidak ada masalah. Kita dalam proses cuba mempertingkatkan persepsi di kalangan rakyat. Akan tetapi apabila kita lihat Ketua Polis Negara boleh menyatakan bahawa semasa beliau bertugas memang terdapat *interference.* Ini satu perkara yang serius Yang Berhormat Menteri dan kita perlu atau jawapan, ya.

Sekurang-kurangnya apa yang perlu adalah untuk satu siasatan. Siasatan dijalankan untuk menentukan sama ada, ada ataupun tidak aduan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara tersebut itu adalah betul. Kita mahu tahu adakah benar bahawa Kementerian Dalam Negeri, *interfere* ataupun campur tangan dengan urusan-urusan siasatan pihak polis dan khususnya dalam keadaan di mana beliau membuat aduan, adakah sehingga sekarang sebarang siasatan dibuat berkenaan dengan aduan-aduan tersebut. Itu yang pertama. Keduanya, berkenaan dengan kes yang berlaku di Kota Bharu. Yang Berhormat Menteri sendiri telah pun jumpa dengan raja permaisuri bukan berkenaan dengan hal itu? Video telah pun juga

dikeluarkan. Semua orang dan rakyat memang tahu berkenaan dengan hal ini, keganasan pihak polis terhadap seorang sultan. Tidak mungkinlah, ya.....

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Apa itu? Kalau tidak tahu dan mahu lihat video, saya boleh tunjuk. Saya boleh tunjuk video di mana pistol dan senapang dihalakan kepada sultan tersebut. Tidak mungkin Yang Berhormat Menteri datang ke Parlimen dan dia kata dia tidak tahu, ya. Khususnya di mana Yang Berhormat Menteri telah pun memberitahu saya satu jawapan di dalam Dewan ini. Yang Berhormat Menteri menafikan ada kekerasan digunakan. Bagaimana boleh Yang Berhormat Menteri menafikan walhal video menunjukkan apa yang berlaku? Akan tetapi isu yang dibangkitkan di sini adalah berkenaan dengan polis dan disiplin di pihak polis. Bagaimana dengan kes di Kuantan baru-baru ini? Ia bukan sahaja dilaporkan di dalam akhbar bahawa pegawai polis yang terlibat dalam kes dadah, curi barang kes dan akhbar tersebut menyatakan bahawa mereka dikatakan boleh curi. *It is a reward for your hardwork.*

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *It is a reward for your hardwork* dengan izin. Dalam surat khabar dan apabila polis ditanya sama ada tindakan diambil terhadap polis ini, ada! Mereka kata ada tetapi apabila kita minta tunjuk tindakan yang diambil, apakah kesalahan? Kesalahan curi rokok.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Curi syabu tetapi dituduh untuk curi rokok. Oleh sebab itu, kes tersebut kalah. Akan tetapi kita mahu tahu, tidak guna kementerian datang ke sini dan kata semua okey, persepsi kita akan buat, NKRA dan sebagainya. Itu kita tidak mahu dengar. Apa kita baca dalam surat khabar hari-hari, memang kepada semua rakyat. *Can we have confidence in you mister minister?* Kalau datang ke Dewan dan tidak mahu jawab soalan-soalan, itu yang saya mahu tanya. Apakah tindakan pertama berkenaan dengan aduan yang dibuat oleh Ketua Polis Negara. Kalau Ketua Polis Negara boleh kata beliau tidak boleh buat kerja kerana ada gangguan, saya mahu dengan dari Yang Berhormat Menteri. Ada siasatan atau pun tidak.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Itu perkara...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong sudahlah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *It is just a little bit more.* Kedua, berkenaan dengan Kelantan, beri jawapan. Ini Dewan semua orang mahu tahu. Ketiga, berkenaan dengan disiplin pada pihak polis, kes Kuantan. Yang Berhormat Menteri. Sila beri jawapan, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Yang Berhormat Menteri.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri duduk dahulu. Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya ingatkan semula, dalam berbahas mesti kita ikut peraturan. Akan tetapi kebanyakan masa saya tidak menegur untuk kelancaran perbahasan. Akan tetapi ada masa-masa bahawa saya mengatakan ada perkataan, hujah dan pertanyaan yang boleh ditanya dan sedemikiannya. Semua kita faham ini. Apabila kita berbahas, dikaitkan dengan perkara-perkara yang dilarang di bawah Peraturan Mesyuarat 23 iaitu andaian-andaian, persepsi, spekulasi, tuduhan, yang boleh dibawa melalui usul, buat melalui usul. Jadi, saya ingatkan kepada Yang berhormat Menteri, perkara-perkara yang boleh Yang Berhormat Menteri jawab menurut peraturan mesyuarat, jawab. Apa yang tidak menurut peraturan

mesyuarat tidak perlu jawab. Saya sering kali mengingatkan pencelahan mesti pendek. Ini kerana kalau tidak, saya gagal menjalankan tugas. Sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Tuan Yang di-Pertua, sekali.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Memang Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Gelugor dan Puchong membawa isu-isu sensasi. Banyak perkara selain daripada peraturan yang disebut tadi oleh Tuan Yang di-Pertua, merupakan perkara-perkara yang tidak dibincangkan di peringkat perbahasan bajet dan tidak perlu saya jawab.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Yang berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Berhubung kait dengan Kuantan, ini akan saya jawab kemudian kerana dibangkitkan. Siasatan dan perkembangan dalam kes berkenaan...

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Yang Berhormat Menteri. Tuan Yang di-Pertua, laluan sedikit sahaja.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Apa lagi? Tidak habis lagi? Biar saya selesai yang anak-beranak ini dahulu. *[Dewan Riuh]* Kes anak-beranak yang membincangkan sesuatu yang telah pun ditegur oleh Tuan Yang di-Pertua di mana kes Kuantan ini akan saya jawab secara jelas kemudian. Akan tetapi dalam perkara-perkara lain yang tidak dibangkitkan di peringkat perbahasan awal tidak perlu saya jawab, secara ringkasnya.

Tuan Mohd. Firdaus bin Jaafar [Jerai]: Okey, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Isunya adalah tadi Yang Berhormat sebut berkaitan dengan penambahan penjawat awam atau pun anggota polis. Saya ada isu besar iaitu di Kuala Muda melibatkan tiga Parlimen. Balai polisnya ada tujuh, cuma ada tiga orang pegawai penyiasatlah, IO. Ia menyebabkan sering kali berlaku rompakan dan pecah rumah. Masalah timbul apabila repot dibuat di Balai Polis, maka terpaksa bergerak ke IPD daerah, kemudian tunggu pula pegawai penyiasat datang. Terlibat dari rumah emak saya sehingga satu hari setengah baru boleh selesai. Apabila kita tanya pegawai kenapa lambat bertindak? Kenapa pergi balai polis terpaksa pergi ke IPD dalam 45 kilometer? Jawapannya mudah, kerana kami hanya tiga orang sahaja pegawai penyiasat.

■ **1250**

Jadi mohonlah Parlimen Sungai Petani dalam Kuala Muda, Parlimen Merbok dalam Kuala Muda sebahagian Parlimen Jerai pun dalam Kuala Muda, tujuh balai polis hanya ada tiga pegawai IO sahaja. Jadi minta Yang Berhormat Menteri sendiri selesaikan masalah ini supaya tiada rungutan dan ini kerana setiap isu pecah rumah dan rompakan, ia melibatkan satu hari atau satu hari setengah baru boleh selesai untuk dibuat pengaduan dan sebagainya. Jadi harap pihak Menteri sendirilah bertanggungjawab, *insya-Allah*.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Cukuplah Tuan Yang di-Pertua berhubung kait dengan perkara ini. Ini pun perkara baru...

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...dan saya ambil maklum.

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat Rasah dan Yang Berhormat Kinabatangan, kalau ada kaitan dengan persepsi, sudah di ulang-ulang berkali-kali. Kalau tidak, saya akan gunakan juga kuasa saya di bawah Peraturan Mesyuarat 37. Masa kita tidak cukup lagi.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Rasah, mengenai dengan hal baru atau apa?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Berkenaan dengan yang tadi.

Tuan Yang di-Pertua: Bukan persepsi?

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tiada persepsi. Ini perkara yang betul.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Berkenaan dengan *redeployment* Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa *redeployment* pihak polis kepada bandar-bandar...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Yang Berhormat, duduk sekejap. Mengenai dengan soal persepsi, itulah makanya saya berpendapat begini. Pada tahun 2001, waktu saya menjadi Menteri, rumah saya juga kena seperti Yang Berhormat Rasah, tetapi saya tidak perbesar-besarkan kerana saya menganggap polis-polis itu adalah orang-orang biasa juga macam kita. Jadi persepsi ini ada orang yang *tolerant* dia tinggi, ada orang *tolerant* dia yang rendah, ada orang *tolerant* dia sederhana. Jadi apabila saya dengar semua *tolerant* ini, sudah saya ambil kesimpulan bahawa ada yang tinggi, ada yang rendah. Jadi, jangan panjang-panjangkan lagi.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, bukan kes saya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya katakan *redeployment. Redeployment* pihak polis di bandar-bandar besar. Yang saya hendak katakan di sini ialah walaupun saya tidak menafikan bahawa perlunya pihak polis *redeploy* anggota-anggota di bandar-bandar besar seperti di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Johor Bahru, tetapi saya rasa perhatian juga perlu diberikan kepada bandar-bandar *secondary* seperti di Seremban.

Ini kerana baru-baru ini kita nampak ada banyak peningkatan kes-kes samun, kes-kes pecah rumah di bandar Seremban. Ada orang mengatakan bahawa mungkinkah ini sebab terlalu banyak pihak polis telah ditempatkan di Kuala Lumpur. Mungkin kadar jenayah di Kuala Lumpur telah berkurangan. Akan tetapi, penjenayah-penjenayah ini *target* pula bandar-bandar *secondary.*

Baru-baru ini, satu kawasan yang kecil di Seremban di Temiang, dalam satu bulan, tujuh kes samun terhadap orang tua. Bukan sahaja samun tetapi juga bantai dia, pukul dia sampai mata bengkak masuk hospital. Tujuh kes dengan modus operandi yang sama tetapi pihak polis tidak dapat menangkap penjenayah itu walaupun semua kes itu berlaku di satu tempat yang kecil iaitu di kawasan Temiang. Akan tetapi saya hendak tanya, adakah ini sebab – mungkin ada perhatian yang besar ataupun serius di bandar-bandar yang besar tetapi saya juga harap pihak polis akan memberikan perhatian yang sama juga serius...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Okey.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: ...terhadap bandar-bandar *secondary* seperti di Seremban dan kawasan-kawasan yang lain.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh sambung? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan persepsi, ini semua realiti. Pertama, saya juga sependapat dengan rakan-rakan iaitu mungkin sudah tiba masanya kementerian melihat jauh ke hadapan. Polis ini merupakan satu keperluan kepada manusia. Apabila manusia ramai – ini cakap di bandar kecil, bandar besar. Saya bercakap di kawasan saya. Kesian betul, pondok polis untuk dia melawat satu minggu sekali pun tidak ada. Bolehkah ini kita adakan? Sebab rakyat di Kinabatangan juga memerlukan keselamatan. Jadi perlulah ada pondok-pondok kecil untuk polis datang melawat. Sudahlah polis tidak ada di tempatkan – tidak mengapa sebab kita kekurangan anggota. Walaupun kita tambah berpuluh-puluh ribu, Kinabatangan nampaknya tidak juga bertambah. Akan tetapi, bolehkah diadakan pondok sementara untuk polis menjelajah? Jadi, bolehlah dia berehat sekejap dua tiga jam melayan masyarakat, melayan rakyat.

Kedua, ini pun soal realiti. Rakyat suruh saya tanya. Apa rasionalnya bekas Ketua Polis Negara waktu dalam bertugas, dia tidak pula cakap ada *interference,* ada campur tangan dari kementerian? Sedarkah Ketua Polis Negara ini bahawa Kementerian Dalam Negeri adalah tuan dia? Dia bernaung di bawah kementerian. Tiada kementerian, polis ini penguat kuasa. Seharusnya dia rujuk kepada tuannya.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini dia sudah tidak kena lantik, dia pula sudah buat kacau. Musim waktu dia kena pilih, semua okey. Apa punya manusia macam ini? *[Dewan riuh]*

Jadi, pastikan semua ketua jabatan kerajaan – bukan polis sahaja, kalau tidak ada betul, cerita betul dengan Menteri dan Ketua Setiausaha. Jangan sudah nampak dia hendak berhenti, baru pula keluar macam-macam. Sebab, rakyat pun hendak tahu juga.

Seorang Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini bukan soal persepsi Tuan Yang di-Pertua. Rakyat di bawah bertanya mana yang betul? Ketua Polis Negara betul kah atau Yang Berhormat Menteri betul? Jadi saya rasa Yang Berhormat Menteri ada kuasa dia. Dia boleh mengarah Ketua Polis hal-hal tertentu. Bukan Ketua Polis menentukan sebab Ketua Polis ini ketua *enforcement*, ketua pelaksana. Amanah diberi kepada dia. Jangan dia memandai-mandai hendak mengucar-ngacirkan negara ini. Kalau adalah macam ini, sila ambil tindakanlah Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Kes berhubung kait dengan dakwaan bekas Ketua Polis Negara, hari itu sudah dijawab di dalam Dewan ini. Saya mengulangi bahawa di bawah seksyen 4 Akta Polis 1967 jelas menyatakan dengan izin, *"The Force shall be under the command of an Inspector General who shall be a police officer and shall be responsible to the Minister for the control and direction of the Force".* Dengan pengertian lain, Menteri Dalam Negeri adalah pemutus dan penentu kepada apa jua hala tuju dan

pengawalan yang diperlukan oleh pasukan polis. Soal Menteri campur tangan tidak timbul sebab beliau memang diperlukan memimpin atau campur tangan di bawah undang-undang polis.

Saya ingin melihat ke hadapan dan kalau sekiranya ada soalan-soalan berhubung kait dengan isu campur tangan, baiklah tanya IGP yang baru.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ini kerana di hadapan sanalah...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Beri laluan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: ...tugas kita bersama untuk memastikan NKRA kita ini berjaya.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Minta laluan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Mengenai...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ada berkenaan dengan perkara itu, kalau boleh? Isu ini...

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *No more.* Cukuplah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Hanya berkenaan isu itu. Saya hendak tanya sama ada, ada satu siasatan dibuat?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *Can you sit down first?*

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sama ada, ada satu siasatan dibuat?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Duduk, duduk.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kenapa susah sangat hendak jawab?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Duduk, duduk.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *Allegation* yang dibuat cukup serius.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Okey, kalau dari segi siasatan...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya hendak tanya, sama ada, ada ataupun tidak satu siasatan dibuat? Kenapa susah sangat kita hendak jawab dalam Dewan yang mulia ini?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tidak susah sangat. Saya sudah jawab pun.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Menteri, duduk, duduk.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya sudah jawab pun, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Ya, minta maaf.

Tuan Yang di-Pertua: Dua-dua Ahli Yang Berhormat ada tanggungjawab. Ahli Yang Berhormat Puchong tanggungjawab dia untuk bertanya kepada perkara-perkara yang perlu diketahui oleh rakyat. Yang Berhormat Menteri terpaksa

menjawab atas sebab yang sama. Saya punya tanggungjawab, tanggungjawab saya cuma membenarkan hujah-hujah yang dibenarkan oleh peraturan mesyuarat.

Jadi, masing-masing kita jalankan tanggungjawab dan tanggungjawab saya adalah itu. Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri untuk jawab itu ataupun tidak kerana dalam peraturan mesyuarat, perkara yang dibangkitkan itu adalah bukan daripada ucapan asal Yang Berhormat Menteri. Itu dilarang oleh Peraturan Mesyuarat 37. Tolonglah Ahli-ahli Yang Berhormat faham ini. Terima kasih Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan itu. Tidak boleh kata setengah boleh jawab tetapi setengah lain tidak boleh jawab. Saya hanya hendak minta satu perkara sama ada, ada ataupun tidak siasatan telah pun dibuat?

Tuan Yang di-Pertua: Dia tidak jawab langsung pun boleh, apatah lagi kalau jawab setengah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Sebentar, sebentar Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Syukurlah Yang Berhormat Puchong, dia sudah jawab setengah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Tuan Yang di-Pertua, dan juga berkenaan dengan persepsi. Bukan saya yang bangkitkan hal persepsi. Yang Berhormat Menteri yang bangkitkan hal persepsi. Saya hanya tanya beliau berkenaan dengan apa yang beliau ucap dalam ucapan beliau.

Tuan Yang di-Pertua: Okey, terima kasih, terima kasih.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: *So,* bagaimana Tuan Yang di-Pertua boleh menghalang saya daripada tanya soalan sebegitu? Kalau tidak kita hendak tanya dalam Dewan ini Tuan Yang di-Pertua, di mana kita hendak tanya soalan-soalan macam ini? Apa yang menjadi masalah dia? Kenapa tidak boleh jawab?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Semua orang hendak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Semua orang hendak tahu, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong, semua tahu ini.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bukan, bukan semua tahu. Saya rasa ramai yang tidak tahu.

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan mesyuarat semua Yang Berhormat Puchong tahu. Jangan bertengkar dengan saya, Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bukan, saya hendak tanya oleh kerana apa yang berlaku adalah Tuan Yang di-Pertua menampakkan bahawa saya yang tanya di luar aturan.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat Puchong. Yang Berhormat Puchong sudahlah, sudahlah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Bukan saya tanya di luar aturan Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya tanya apa yang timbul daripada ucapan. Itu tugas saya sebagai Ahli Parlimen. Kalau kita Ahli Parlimen datang ke sini langsung tidak boleh tanya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong, sudah saya dengar apa Yang Berhormat Puchong punya hujah. Sudah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Akan tetapi, tidak ada jawapan. Tidak ada jawapan. Itu yang saya hendak. Sebagai Ahli Parlimen, saya hendak satu jawapan. Kenapa boleh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong, kalau Yang Berhormat Puchong masih juga meneruskan hujah...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya akan teruskan.

Tuan Yang di-Pertua: ...saya akan ambil tindakan.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Silakan. Sila ambil tindakan. Saya tidak ada masalah. *[Dewan riuh]* Kalau saya tidak boleh tanya...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, Ahli-ahli Yang Berhormat tolong...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kalau saya tidak boleh tanya soalan di sini, saya hendak tahu Tuan Yang di-Pertua, di mana Ahli Parlimen hendak tanya soalan?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong, Yang Berhormat Puchong boleh rehat sampai sebelah tengah hari. Sila keluar sekejap.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Lagi baik tiada di sini Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]* Ini menjadi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Puchong, *cool down.*

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Puchong.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Soalan yang kita hendak tanya.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Cool down, cool down.*

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Yang Berhormat Kinabatangan, jangan masuk campurlah.

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Kenapa tidak boleh dapat jawapan? Itu yang saya hendak tahu. Tuan Yang di-Pertua, apa masalahnya Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Puchong, saya kata sudahlah, Yang Berhormat Puchong. Kalau tidak, balik esok. Saya menggunakan kuasa saya...

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong]: Saya boleh balik esok, tiada masalah tetapi esok saya akan balik hendak tanya soalan itu lagi Tuan Yang di-Pertua. *[Dewan riuh]*

Tuan Yang di-Pertua: Jumpa esok. Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli Yang Berhormat.

[Ahli Yang Berhormat Puchong keluar meninggalkan Dewan]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya kadang-kadang berasa sedih, kadang-kadang marah, kadang-kadang saya terketawa.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Memang benar, kerana masing-masing – baru tadi sebelum saya masuk saya dengar hujah daripada Yang Berhormat Batu Gajah mengenai dengan Peraturan Mesyuarat 36(12) mengenai dengan tidak boleh menyakitkan hati, mengenai dengan menyarankan bahawa semua Ahli Yang Berhormat mesti patuh kepada peraturan mesyuarat. Saya dengar itu semua. Saya dalam bilik *chamber.* Akan tetapi apabila saya masuk, bertukar. Siapa yang sebetulnya yang sepatutnya diikut ini? Yang patut di ikut ialah arahan Speaker. Ini kerana apabila tidak, timbul pertengkaran. Jadi, kalau ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang buat begitu – rehatlah kalau mahu rehat.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Datuk Ir. Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]: Kita semua baik Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya tidak akan teragak-agak untuk gunakan kuasa saya. Kalau pun sekarang saya gunakan kuasa saya, saya boleh membebel lagi sampai jam 1.15 petang. Yang Berhormat Ipoh Timur tidak boleh berbuat apa-apa. Akan tetapi oleh kerana sekarang ini sudah jam 1.02 petang, maka mesyuarat kita tangguhkan untuk makan tengah hari dan kita bersidang semula pada jam 2.30 petang.

[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.02 petang]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat***]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri untuk menyambung.

2.32 ptg.

Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya beralih kepada proses permohonan kewarganegaraan.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan proses permohonan kewarganegaraan dan pengeluaran kad pengenalan MyKad sebagaimana Yang Berhormat Tuaran dan Yang Berhormat Batu Gajah bangkitkan, suka saya memaklumkan bahawa kerajaan hanya mengeluarkan kad pengenalan MyKad kepada warga negara yang layak mengikut Peraturan Pendaftaran Negara 1990, Akta Pendaftaran Negara 1959 dan Perlembagaan Persekutuan. Jabatan Pendaftaran Negara tidak pernah mengeluarkan kad-kad pengenalan kepada pendatang haram atau mana-mana orang yang tidak mempunyai status taraf kewarganegaraan yang sah. Pemberian taraf kewarganegaraan...

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Hulu Terengganu bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Siapa? Sila.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Salah satu daripada syarat untuk membolehkan mendapat taraf kewarganegaraan ialah penguasaan bahasa kebangsaan.

Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, setakat manakah kurikulum ataupun tahap penguasaan yang membolehkan seseorang itu layak untuk dikategorikan boleh mendapat kewarganegaraan? Tahap kebolehan berbahasa Melayu sebab kadang-kadang mengikut pengalaman, tarafnya terlalu rendah sehingga soalan yang ditanya, disentuh kepala, ini apa? Disentuh telinga, ini apa? Maka boleh, seolah-olahnya untuk menjadi warga negara. Jadi, saya hendak tahu sejauh manakah tahap ataupun kurikulum yang ditetapkan oleh pihak kementerian membolehkan seseorang itu layak untuk dipertimbangkan sebagai warganegara. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat daripada Hulu Terengganu. Tidak semudah itu dari segi ujian dan juga tahap penguasaan bahasa yang telah pun ditetapkan. Akan tetapi ia banyak bergantung pada peraturan-peraturan tertentu dan kelayakan pemohon di dalam Perlembagaan, di dalam akta-akta yang saya sebutkan tadi.

Yang Berhormat jangan bimbang bahawa sesungguhnya ia dipantau secara dekat dan walaupun KPI kita adalah untuk memastikan bahawa permohonan-permohonan tertunggak lama diproses, tidak bermakna bahawa kita memudahkan dan meluluskan permohonan-permohonan berkenaan. Syarat-syarat yang berhubung kait dengan bahasa contohnya, tentang betapa lama mereka telah menetap di negara kita, semua itu diambil kira dan diproses secara biasa. Akan tetapi dari segi perinciannya saya tidak ada maklumat secara terperinci dan boleh membekalkan kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Saya hendak merujuk kepada satu kes yang rasa dikesalkan tentang seorang warganegara rakan kita berbangsa Cina yang telah meninggal sebelum rasanya diberi taraf kewarganegaraan.

Jadi, saya dimaklumkan bahawa penguasaan bahasa kebangsaannya terlalu lemah tetapi Yang Berhormat Menteri sendiri merasakan rasa kesal kerana tidak dapat untuk memberikan taraf kewarganegaraan. Jadi itu menyebabkan timbul keresahan di kalangan kita bahawa seolah-olah penguasaan bahasa kebangsaan itu macam diketepikan. Saya hendak betul-betul supaya perkara ini dimaktubkan dalam satu peraturan yang jelas iaitu kalau katakanlah tahap penguasaan sampai peringkat UPSR kah, PMR kah ataupun yang mana tidak dapat dipertikaikan. Terima kasih.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Permintaan Yang Berhormat itu boleh kita ambil maklum dan kalau sekiranya perlu garis panduan yang lebih jelas untuk memastikan bahawa semua sedar tahap mana yang sesuai supaya ia tidak menimbulkan kekeliruan yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat akan kita lakukan, *insya-Allah*. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian taraf kewarganegaraan Malaysia kepada warga asing adalah merupakan suatu anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia dan bukan merupakan satu hak yang boleh dituntut oleh mana-mana pihak. Kementerian ini sedia maklum akan keresahan pemohon-pemohon taraf kewarganegaraan Malaysia yang terpaksa menunggu untuk tempoh yang lama sebelum sesuatu permohonan itu dipertimbangkan.

Atas kesedaran inilah KDN telah mengambil beberapa langkah yang drastik dalam usaha untuk memastikan permohonan taraf kewarganegaraan Malaysia diproses dan dikeluarkan keputusan dalam satu tempoh yang lebih sesuai dan praktikal kepada pemohon. Dalam hal ini, kementerian telah menetapkan sasaran untuk memberi keputusan permohonan dalam tempoh dua tahun dari tarikh permohonan diterima. Walau bagaimanapun, ini tidak bermakna bahawa permohonan-permohonan itu akan diluluskan. Kementerian tetap hanya akan menimbangkan permohonan-permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Berkenaan dengan masalah pemilikan MyKad dan sijil lahir...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sila.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri berkenaan permohonan taraf kewarganegaraan. Apa yang saya bangkitkan pada hari itu adalah berkenaan taraf kewarganegaraan di bawah perkara 15A yang memperuntukkan bahawa seseorang yang boleh di bawah umur 21 tahun didaftarkan sebagai warganegara. Isu ini berkenaan kanak-kanak iaitu kepada mereka kategori yang berlainan di bawah umur 21 tahun. Apa yang saya bangkitkan adalah permohonan mereka. Di sini ada dua permohonan. Disebabkan bapa tidak mendaftar warganegara Malaysia, tidak mendaftarkan perkahwinan mereka lebih awal dengan isteri asing menyebabkan mereka bukan warganegara Malaysia.

Jadi dalam kes-kes permohonan, saya rasa amatlah tidak patut dan tidak wajar di mana permohonan mereka ditolak dengan *standard letter* dengan izin. Kedua-dua kes ini, surat jawapan atau keputusan daripada kementerian adalah bahawa *'tidak berjaya'* dan '*tiada sebarang rayuan diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan'.* Bagi permohonan yang telah ditolak dan diminta mereka memohon semula setahun selepas tarikh surat ini dan setelah memenuhi syarat-syarat yang diperuntukkan di bawah Perlembagaan.

■ 1440

Tiada langsung alasan diberi mengapa permohonan mereka ini ditolak. Saya rasa ini adalah tidak wajar. Ini adalah kerana ibu bapa mereka tidak mendaftarkan perkahwinan mereka mengakibatkan hari ini mereka tidak menjadi warga negara. Kalau mereka sekarang telah mendaftarkan perkahwinan melahirkan anak kedua atau ketiga mengapa anak pertama ini tidak diberi kewarganegaraan. Kalau hendak menolak pun bagi alasan. Jangan kata, "Oh, sekarang tidak boleh, rayu tahun hadapan pohon semula." Tanpa sebarang alasan diberi. Ini perkara satu, ini kes adalah Lim Chee Kitt dan Chai Kai Weng. Ini jawapannya adalah sama, standard punya jawapan daripada pihak kementerian.

Kedua, permohonan kewarganegaraan. Tadi Yang Berhormat Hulu Selangor ada bangkitkan isu berkenaan penguasaan bahasa Malaysia. Saya hendak tanya apa keutamaan diberi atau syarat utama...

Tuan Haji Mohd. Nor Othman [Hulu Terengganu]: Hulu Terengganu.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Yang Berhormat Hulu Terengganu. Apakah syarat utama? Bukankah yang harus diberi kelulusan pertimbangan utama adalah jika mereka taat setia kepada negara. Kalau kata penguasaan bahasa Malaysia, bagaimana nenek kita berumur 70 tahun, 80 tahun

macam dahulu 'memeluk' - Yang Berhormat Menteri dahulu, kes-kes yang sedemikian. Saya percaya MCA juga ada berpendapat yang sedemikian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ringkaskan Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi, itu tidak seharusnya menjadi syarat utama, tetapi sebaliknya ketaatsetiaan kepada negara kita. Pohon penjelasan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Penjelasannya Tuan Yang di-Pertua ialah perkara-perkara yang dibangkitkan bila ianya sudah termaktub dalam perlembagaan dan juga peraturan-peraturan yang sedia ada. Saya menerima kalau sekiranya kandungan surat penolakan itu tidak sesuai dan perlu diubah. Mungkin ada dua kes tadi yang disebutkan oleh Yang Berhormat yang perlu kita teliti. Akan tetapi, pegawai-pegawai kita yang memproseskan permohonan itu terikat dengan Perlembagaan dan juga peraturan-peraturan yang sedia ada. Kalau sekiranya tidak layak dari segi undang-undang ianya tidak layak. Itulah sebabnya apabila permohonan-permohonan itu ditolak ini tidak bermakna bahawa pada masa-masa yang akan datang kalau sekiranya sesuai.

Saya setuju dalam kes-kes tertentu di mana anak-anak yang lain telah pun menjadi warga negara dan tidak ada halangan dalam konteks ianya diambil kira undang-undang yang sedia ada itu perlu diperkemaskan. Apa yang paling penting bagi kita sekarang seperti apa yang dibawa oleh pihak pembangkang dahulu pun, yang paling penting ialah kes yang tertunggak lama diselesaikan, diproseskan, dimaklumkan kepada pemohon. Ini telah pun dilaksanakan oleh pegawai-pegawai kita sama ada di peringkat Jabatan Pendaftaran Negara atau di Jabatan Imigresen Malaysia melalui tiga KPI yang telah pun kita umumkan kepada khalayak ramai. Ini merupakan satu perkara yang saya cukup bangga, kerana di bawah penekanan baru dan KPI yang telah pun ditetapkan iaitu permohonan-permohonan kewarganegaraan jumlahnya lebih daripada 47,000 perlu diproses semuanya telah selesai. Lebih tepat 47,374 bukannya semua lulus tetapi sekurang-kurangnya mereka dimaklumkan status dan kedudukan permohonan mereka. Ini kejayaan Jabatan Pendaftaran Negara.

Keduanya, permit masuk. Jumlahnya bukan sedikit Yang Berhormat, 16,812 kesemuanya telah pun diselesaikan. Bermakna bahawa kedua-dua permohonan ini kini dalam proses kita hendak melihat kepada permohonan-permohonan baru yang diterima bagi semasa iaitu tahun 2010 *real time*. Bermakna yang sudah tertunggak berpuluh-puluh tahun telah pun diselesaikan dan diproseskan dan dimaklumkan kepada mereka yang memohon. Itu yang menjadi penekanan yang telah dibawa kepada Dewan yang mulia ini sebelum ini. Akan tetapi bila sudah diselesaikan perkara lain pula dibangkitkan. Kita mesti iktiraf bahawa KPI yang telah ditetapkan telah pun berjaya dan telah pun memerlukan satu kesungguhan daripada pegawai-pegawai kita yang luar biasa.

KPI ketiga iaitu daftar lewat kelahiran, sijil kelahiran. Jumlahnya bukan sedikit 93,360 pemohon daripada tahun 2005 hingga Januari 2009. Sekali lagi kesemua permohonan-permohonan ini telah pun selesai. Sekali lagi kita sedang berada dalam keadaan di mana permohonan-permohonan semasa, iaitu tahun 2010 ini sedang dipertimbangkan. Mengenai permohonan yang belum, yang tertunggak tetapi sekarang ini telah diselesaikan. Saya mengambil kesempatan ini untuk menyeru kepada pihak-pihak pemohon juga supaya bekerjasama rapat dengan kita. Contohnya MyKad yang tidak dituntut. Sehingga 31 Disember 2009, 405,197 MyKad tidak dituntut. Sekali lagi kementerian, Jabatan Pendaftaran Negara dan juga pihak-pihak berkenaan telah bersungguh-sungguh memastikan bahawa MyKad ini sampai kepada mereka yang berhak.

Hari ini daripada 405,197 jumlah baki yang belum dituntut hanya 96,667. Bermakna bahawa dalam beberapa bulan ini di bawah KPI yang telah ditetapkan diumumkan kepada khalayak orang ramai. Kita telah melalui dua jabatan induk iaitu Jabatan Pendaftaran Negara dan Jabatan Imigresen Malaysia. Apa yang telah pun kita janjikan kepada rakyat untuk ditunaikan telah pun diselesaikan dan insya-Allah usaha ini akan berterusan. Berhubung kait dengan perkara-perkara yang termaktub di dalam undang-undang. Itu boleh kita tengok pada masa yang akan datang sama ada undang-undang yang sedia ada itu perlu diperkemaskinikan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya hendak beralih kepada isu MyKad dan sijil lahir.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi Yang Berhormat Beruas?

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Yang Berhormat Beruas.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin tanya Menteri kerana perkara ini sudah berlarutan. Apakah cara kerajaan hendak menyelesaikan kanak-kanak di rumah kebajikan dan anak yatim yang memang tidak ada tempat lain yang hendak pergi ke negara lain kerana tidak ada *documentary evidence* menunjukkan mereka rakyat Malaysia. Kita mesti ada satu pendekatan di mana masalah ini dapat diselesaikan. Boleh bagi tahu Dewan ini bagaimanakah caranya kerana saya sudah diminta untuk memohon, tetapi setiap kali kata tidak ada keterangan dokumen hinggakan ia berlarutan dan anak-anak ini tidak boleh bersekolah dan menimbulkan lain-lain masalah. Apakah pendekatannya?

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Yang Berhormat Menteri, Balik Pulau sedikit lanjutan itu. Menteri, saya mohon pandangan dan penjelasan Menteri kerana saya dimaklumkan sekitar hampir 20,000 lebih orang Malaysia di New York ini termasuk ada yang datang tanpa ID yang sah. Ini dimaklumkan oleh pegawai kepada saya ketika baru-baru ini di sana ketika Mesyuarat UNGA baru-baru ini. Isunya sekarang isu yang sama kerana yang datang sekarang sudah ada anak yang perlu ke sekolah dan sebagainya. Ini memerlukan kerjasama di antara hubungan dua hala Malaysia dan Amerika dan sebagainya. Saya rasa agak baik kalau satu usaha untuk menguruskan mereka ini yang saya rasa perlu diberi perhatian oleh Menteri. Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat sudah pun mengambil masa lebih daripada satu jam setengah. Saya minta kalau jam 3.00 ini boleh selesaikan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Ada dua perkara lagi terima kasih. Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua mengenai warga kita yang berada di luar negara. Saya pun baru kembali daripada United Kingdom di mana jumlah yang disebutkan dalam ribuan juga. Saya tidak tahu keadaan sebenarnya di Amerika Syarikat. Isunya ialah ada di antara mereka yang telah pun melepaskan kerakyatan sebagai rakyat Malaysia. Situasi itu perlu ditangani dengan sebaik-baiknya dan seperti Yang Berhormat sebut ianya memerlukan kerjasama dua hala di antara dua kerajaan. Untuk UK, *insya-Allah* dalam masa terdekat ini Menteri Luar United Kingdom akan hadir hujung tahun ini bulan Disember dan perkara ini

sedang dibincangkan. Di peringkat US, kalau Yang Berhormat ada butiran saya akan susul.

Mengenai berhubung kait dengan kanak-kanak tadi saya percaya bahawa ini ada kaitan rapat juga dengan izin, *street children* di mana dokumen-dokumen tidak berada di dalam pegangan mereka dan ini menimbulkan masalah yang besar khususnya bila mereka hendak bersekolah nanti.

■ 1450

Sebenarnya kita bekerjasama rapat dengan pihak NGO peringkat nasional dan juga antarabangsa, kerana saya bersetuju bahawa perkara ini perlu ditangani dengan secepat mungkin. Cuma kita kena pastikan bahawa tidak ada pihak-pihak tertentu yang mengambil kesempatan. Ini satu tapisan yang perlu dibuat secara teliti dan dalam beberapa bulan yang akan datang ini, pertamanya kita kena pastikan di mana mereka berada. Keduanya, pihak NGO dapat membantu kita meneliti latar belakang mereka dan pihak tapisan keselamatan pun perlu diambil kira.

Seperti Dewan yang mulia sedia maklum, baru-baru ini kita telah pun mengambil tindakan yang tegas terhadap satu sindiket hospital. Di mana bayi-bayi dijual dalam perdagangan manusia dan ini...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Cukuplah Yang Berhormat Ipoh Barat. Cukup, cukup. Saya ada 15 minit sahaja lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Ya, duta besar. Duta besar di New York.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, duta besar kita dari USA.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: *[Ketawa]* USA.

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: *You must be the New York man!*

Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis [Rompin]: Terima kasih. Ini kesempatan saya ambil... *[Disampuk]* Baru - belum mula pun...

Tuan M. Kulasegaran [Ipoh Barat]: Sini duta kecil.

Dato' Seri Dr. Jamaluddin Mohd. Jarjis [Rompin]: Apa ini demokrasi ala DAP ini? Jangan pula demokrasi ala PKR - parti apa ya? Sudah palsu. Mungkin diusulkan Suruhanjaya Diraja, tengok sama ada PKR ini masih wujud sebagai entiti. Padahal orang ia sendiri tunjuk contoh sebagai palsu.

Saya hendak ucapkan syabas kepada kementerian... *[Disampuk]* Bagilah... Ini Yang Berhormat Balik Pulau, saya sayang Yang Berhormat Balik Pulau. Takut parti ia tidak ada, hendak pindah ke mana pula? *[Disampuk]* Kata *independent*, boleh terbakar... *[Ketawa]*

Saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian. Kalau dahulu hendak tunjuk bahawa kerajaan prihatin - syabas kepada Yang Berhormat Menteri. Mereka warga Malaysia yang duduk di Amerika sebagai contoh. Kalau dahulu hendak menyambung pasport terpaksa balik ke Malaysia tetapi sekarang, terima kasih kepada kementerian. Diadakan satu pusat dan mereka tidak perlu datang ke Malaysia untuk memperbaharui pasport mereka. Syabas kepada kementerian.

Satu perkara yang kita telah juga kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri. Ini Yang Berhormat Balik Pulau ia bercakap pun tidak macam di New York, mungkin tiada siapa yang dia jumpa. Hendak *state* sedikit apa perkara Yang

Berhormat Balik Pulau sebutkan. Bahawa anak-anak warga Malaysia yang anak mereka lahir di Amerika - saya sudah tulis kepada Yang Berhormat Menteri, mungkin peringkat pegawai. Saya difahamkan - ditimbangkan di peringkat pegawai bahawa kalau anak mereka hendak mendapatkan pasport kena ada kad pengenalan. Hendak ada kad pengenalan ini masih kena balik ke Malaysia.

Ini saya cadangkan, kalaulah kementerian sudah adakan juga Jabatan Imigresen - kita ada tempat untuk membuat dan memperbaharui pasport, mengapa tidak diwujudkan juga jabatan pendaftaran supaya mereka mendapat kad pengenalan di sana dan tidak perlu balik ke Malaysia. Ini kerana mereka susah untuk balik bercuti, atau memohon *online*. Ini saya difahamkan sedang dipertimbangkan oleh kementerian Yang Berhormat. Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh ulas sekarang atau kemudian. Terima kasih. Syabas kepada kementerian.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih. Ini sebahagian daripada usaha kita untuk mengatasi perkara-perkara yang berbangkit. Yang terkini, anak yang dilahirkan di luar negara oleh lelaki warganegara yang berkahwin dengan wanita warga asing. Perkara ini telah pun kita cuba selesaikan melalui pentadbiran tanpa meminda mana-mana Perlembagaan dan peraturan Perkara 14(1)(b) dan juga Perkara 152 di dalam Perlembagaan.

Cuma mungkin di Amerika kita belum lagi melantik pegawai konsuler di Kedutaan Malaysia. Yang Berhormat Rompin boleh membantu kita mengenal pasti pegawai konsuler dan dengan empat syarat yang amat mudah. Perkara yang menimbulkan masalah kepada kanak-kanak yang dilahirkan di luar negara kepada suami yang warganegara Malaysia sekarang ini telah pun selesai melalui pentadbiran yang berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan masalah pemilikan *MyKad* dan sijil lahir bagi penduduk di pedalaman Sabah dan Sarawak - sebelum saya sentuh perkara yang terakhir. Seperti mana yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Tuaran, Yang Berhormat Kapit, Yang Berhormat Lubok Antu dan juga Yang Berhormat Lanang. KDN telah meletakkan penyelesaian rakyat tanpa dokumen di negeri Sarawak sebagai *Key Performance Indicator* kementerian ini bagi tahun 2010 dan tahun 2011. KPI ini menyasarkan penyelesaian pengeluaran dokumen pengenalan diri di Sarawak tidak lewat daripada 31 Disember 2011. Ini adalah merupakan tindakan yang diputuskan oleh kementerian bagi mengeluarkan dokumen-dokumen pengenalan diri kepada mereka yang layak dikeluarkan sijil kelahiran, sijil warganegara, *MyKid* dan juga *MyKad*.

Antara usaha-usaha kerajaan melalui JPN ialah program *outreach* yang mendekati rakyat yang bermasalah seperti program *MyDaftar,* program unit *mobile* dan juga program Unit Khas Bergerak (UKB) bagi penduduk pedalaman Sabah dan Sarawak. Berdasarkan kepada KPI yang telah ditetapkan, JPN Negeri Sarawak telah menubuhkan Unit Khas Bergerak dan seiringan dengan itu dua Unit Khas Bergerak telah ditubuhkan di pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Miri dan satu Unit Khas Bergerak di setiap pejabat Jabatan Pendaftaran Negara Daerah Betong, Sri Aman, Kapit dan Bintulu. Melalui Unit Khas Bergerak yang ditubuhkan itu, sebanyak 127 *outreach program* pada tahun 2010 telah disusun secara komprehensif dan program ini akan dipantau, dinilai dan akan diberi penambahbaikan bagi mencapai sasaran KPI yang telah ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pokok Sena, Yang Berhormat Sri Gading dan Yang Berhormat Hulu Terengganu menyentuh berkenaan dengan pelaksanaan sistem saman ekor. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, saman ekor yang difahami umum adalah sebenarnya saman yang dikeluarkan oleh mahkamah berikutan daripada satu notis yang dikeluarkan oleh pihak PDRM melalui borang polis yang dikenali sebagai borang POL170A. Borang Notis POL170A ini dikeluarkan kepada pemilik kenderaan berdaftar.

Menurut Seksyen 115 Akta Pengangkutan Jalan 1987, adalah untuk mendapat maklumat mengenai identiti dan alamat pemandu yang telah dikesan secara menggunakan kamera perakam elektronik melakukan sesuatu kesalahan trafik yang kebiasaannya berkaitan had laju. Bagi pemilik kenderaan berkaitan yang gagal memberi respons terhadap notis POL170A ini dalam tempoh yang telah ditetapkan, maka barulah pemilik itu dikenakan saman. Oleh yang demikian, kementerian ini ingin membetulkan persepsi masyarakat bahawa mentakrifkan notis saman yang dikeluarkan ini sebagai saman ekor adalah suatu *misnomer* dengan izin, dan merupakan satu tanggapan yang salah.

Sebenarnya ia adalah saman berikutan atas kegagalan mematuhi notis POL170A yang dikeluarkan oleh pihak PDRM dengan tujuan mendapat maklumat mengenai identiti dan alamat pemandu. Tujuan kerajaan melaksanakan saman ini adalah untuk mendisiplinkan pengguna-pengguna jalan raya supaya lebih berhati-hati, sekali gus membudayakan pemanduan yang mematuhi peraturan jalan raya. Namun demikian, kerajaan juga prihatin dengan bebanan yang ditanggung oleh rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah. Satu jawatankuasa telah ditubuhkan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara dalam membincangkan perkara ini. Seterusnya Kabinet telah memutuskan supaya keputusan menyenaraihitamkan pesalah-pesalah trafik ditangguhkan sehingga 28 Februari 2011. Dalam hal ini saya juga ingin memaklumkan insentif-insentif berikut:

(i) bagi semua jenis saman tertunggak iaitu POL257 dan POL170 dan saman-saman yang dikeluarkan sehingga 1 Disember 2010, kadar munasabah akan diberikan secara automatik melalui sistem komputer PDRM. Ini masalah diskaun dan sebagainya yang dibangkitkan oleh orang ramai dan juga oleh Yang Berhormat sendiri; dan

(ii) bagi saman-saman yang dikeluarkan selepas 1 Disember 2010, insentif akan diberikan kepada semua jenis saman seperti berikut:

(a) saman yang diselesaikan dalam tempoh 15 hari, insentif 50% secara automatik;

(b) saman yang diselesaikan antara 15 hari ke 30 hari, insentif 30% secara automatik;

(c) saman yang tidak diselesaikan selepas tempoh 30 hari akan dikenakan kompaun maksimum dan seterusnya disenaraihitamkan.

Pada masa yang sama kerajaan sedang membuat penambahbaikan ke atas sistem pengurusan notis POL170A antaranya ialah:

(i) mempercepatkan proses penyampaian notis. Ada keresahan di kalangan orang ramai bahawa notis yang disampaikan lewat dan ini akan dipercepatkan daripada dua bulan kepada tujuh hari sahaja;

(ii) mempercepatkan surat peringatan kepada pesalah trafik dari tiga bulan kepada tujuh hari selepas notis POL170A ini di pos; dan

(iii) mengautomasikan alat perakam had laju kepada sistem komputer yang mana dapat mengelakkan kesalahan mendaftarkan saman, yang pada ketika itu dilakukan secara manual ke pangkalan data.

■ **1500**

Ini berhubung kepada keresahan orang ramai di mana ada kesilapan-kesilapan semasa ianya dilakukan secara manual.

(iv) membangunkan portal bagi membolehkan imej gambar kesalahan had laju dipaparkan secara *online* untuk memudahkan orang ramai menyemak saman mereka. Kalau sekarang kena bayar, sekarang ini percuma secara *online*.

(v) bagi kesalahan meletakkan kenderaan, pihak berkaitan akan menggunakan sejenis alat yang dipanggil *mobile car acceptance device* dengan izin, untuk mengeluarkan saman yang mana alat ini dapat mengelakkan kesalahan mendaftarkan saman yang pada ketika itu dilakukan secara manual. Rasionalnya sama seperti apa yang disebut dalam konteks penambahbaikan, yang empat tadi.

(vi) menyenaraikan nama pegawai-pegawai yang boleh dihubungi di dalam portal di PDRM sekiranya pengguna ingin membuat aduan atau pertanyaan mengenai isu saman PLO170A.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ingin bertanya mengenai penyenaraian hitam ke atas pemandu-pemandu yang enggan membayar sama. Soalan saya ialah, adakah kita boleh berbuat demikian? JPJ dan polis boleh berbuat demikian, menyenaraihitamkan orang-orang yang telah diberi saman ekor ini dan sebelum mereka disabitkan kesalahan di mahkamah, pihak kerajaan telah menghukum mereka.

Jadi di manakah prinsip *'presume innocent until proven guilty'* ini? Jadi ini juga dikatakan amat bertentangan dengan Perkara 13 Perlembagaan Persekutuan, hak terhadap harta. Sekiranya seseorang yang di senarai hitamkan dan kemudian JPJ enggan memberi *road tax* ataupun cukai jalan itu kepadanya maka dia tidak boleh menggunakan keretanya. Jadi, tidakkah ini menyalahi prinsip Perlembagaan kita? Terima kasih.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Boleh sekali Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rembau di belakang.

Tuan Khairy Jamaluddin [Rembau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Menteri. Soalan saya seperti mana juga dengan Yang Berhormat Kota Raja, seolah-olah tidak ada pertimbangan dari segi *natural justice* dalam

bentuk penyenaraian hitam kepada mereka yang tidak dapat menjelaskan saman mereka apabila hendak memperbaharui *road tax* mereka.

Kedua, kepada Yang Berhormat Menteri, tahniah atas segala perubahan yang bakal dibuat. Saya rasa banyak masalah akan dapat diselesaikan cuma satu aspek lagi iaitu mengenai notis tadi. Tadi banyak perkembangan yang terbaru yang telah diumumkan oleh Menteri tetapi tidak ada satu lagi kategori yang mana notis itu tidak sampai langsung. Tadi disebutkan notis sampai lewat ataupun cara bagaimana hendak disemak tentang saman dan sebagainya tetapi dalam kes-kes di mana notis ini langsung tidak sampai, sama ada oleh kerana pertukaran alamat ataupun masalah-masalah yang lain.

Apakah pendekatan yang boleh diguna pakai ataupun dicadangkan kementerian untuk memastikan bahawa mereka yang sama ada sudah tukar alamat, salah mereka sendiri, dapat diberi penerangan dan digalakkan untuk bertukar alamat secara rasmi dengan lebih mudah lagi supaya tidak ada alasan lagi saman itu tidak sampai kepada mereka. Terima kasih.

Tuan Salahuddin Haji Ayub [Kubang Kerian]: Tuan Yang di-Pertua, boleh sedikit? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pendek sahaja. Menteri tadi secara terbuka mengakui memang ada kesilapan di peringkat pelaksanaan seperti mana mesin manual dan seumpamanya dan mereka tetap menerima saman, ada yang sudah bayar, ada yang belum bayar. Jadi di situlah yang dimaksudkan, saya setuju dengan Yang Berhormat Rembau tadi, *natural justice* itu mesti ditegakkan. Di sinilah maknanya dari segi persepsinya rakyat melihat saman ekor ini adalah satu saman yang tidak adil.

Keduanya, apabila diberikan saman itu kepada yang melakukan kesalahan itu secara umum, bukan tuan kereta yang bawa, ada banyak masalah dan orang pinjam kereta tiba-tiba dikenakan saman. Jadi yang bawa itu kena, tuan kereta pun kena juga. Jadi ini masalah yang berlaku, jadi adakah Yang Berhormat tidak boleh mempertimbangkan bahawa apa pentingnya saman ekor ini dihapuskan dahulu, diperbaiki sistem itu dan kemudian saya rasa dari segi *natural justice* rakyat boleh terima sekiranya yang kena saman itu betul-betul yang membawa kenderaan itu. Minta penjelasan. Terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf Yang Berhormat Menteri. Saya menimbulkan masalah saman ekor ini kerana menyedari ada 1001 macam kelemahan yang tidak payahlah saya hendak bangkitkan kerana terlalu panjang ceritanya, ialah ada kereta tidak masuk sebab di situ samannya sampai. Jadi macam-macam. Itu sebabnya kita merayu selesaikan semua perkara ini dengan dihapuskan saman-saman yang telah pun dikeluarkan selama ini. Hapuskan sahaja. Sedangkan PATI kita boleh maafkan, takkanlah rakyat kita, tidak boleh kita maafkan. Kerajaan sebenarnya tidak ada kerugian apa pun, saman yang dikatakan sampai RM18 bilion atas kertas, atas angin sahaja bukan kerajaan yang telah pun dirompak oleh rakyat, tidak ada apa pun, cuma dalam kira-kira baru sekian saman yang belum dibayar maka sekian juta, sekian ratus juta, sekian bilion.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat di kalangan Ahli Yang Berhormat pun mungkin ada saman.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ramai lagi Ahli Parlimen yang hendak mengejar Parlimen, had laju terlebih. Kereta baik, jalan baik. Jadi hendak menyenangkan cerita, buat satu tarikh, katakanlah satu tarikh sampai berapa tarikh yang tertentu maknanya sampai akhir tahun ini atau awal tahun depan, semua saman-saman daripada sebelum awal tahun ini kita batalkan. Jadi daripada awal tahun ini atau 1 Mei katakan, tahun 2010 baru kita kira.

Ada sesetengah orang kena saman sampai RM30,000. Hendak bayar macam mana RM30,000? Selepas itu kita kata *"Engkau tidak bayar saman, engkau tidak boleh hidupkan road tax engkau,"* aniayalah. Itulah sebabnya kita minta dan merayu, mana ada Dewan yang lebih tinggi daripada Dewan Rakyat? Membawa suara rakyat. Inilah, jadi kita minta kerajaan pertimbangkan semula supaya kita memberikan keringanan dalam suasana yang begini, kita memberikan keringanan supaya kerajaan benar-benar prihatin kepada masalah rakyat. Itu permohonan dan itu rayuan.

Dato' Seri Hishammuddin bin Tun Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang saya hendak nyatakan di sini, jumlah bilangan saman yang tertunggak sehingga kini adalah berjumlah 17 juta saman. Kalau sekiranya prinsip dan asas kita laksanakan penguatkuasaan saman-saman ini ialah untuk mendidik pesalah-pesalah lalu lintas yang sering melakukan kesalahan supaya tidak mengulangi kesalahan tersebut. Menjadi pengajaran kepada pengguna jalan raya yang lain atau jika kerajaan mengambil keputusan untuk membatalkan saman tertunggak sedia ada, juga tidak akan menyelesaikan masalah kerana ada ketidakadilan kepada pesalah-pesalah lain yang telah membayar saman mereka terdahulu.

Ketiga, kalau kita hendak membudayakan sikap patuh kepada undang-undang bagi semua pengguna jalan raya bagi mereka yang telah melakukan kesalahan mereka perlu bertanggungjawab ke atas kesalahan yang tidak dilakukan. Mungkin ketidakadilan tadi yang disebutkan dari segi pelaksanaannya perlu diperbaiki dan sebab itulah dari segi penyenaraian hitam tadi telah pun kita tangguh sehingga 28 Februari 2011 untuk diperincikan. Perkara-perkara lain yang saya umumkan tadi untuk mengambil kira masalah-masalah tertentu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalaulah kerajaan tidak dapat hendak menerima rayuan kita, satu lagi rayuan. Tolong seminimum yang boleh turunkanlah, misalannya kalau kena RM2000 itu maknanya tinggal RM200 sahajalah misalnya begitulah dan saya pun faham Yang Berhormat Menteri ada tanggungjawab. Soal mendidik ini semua orang sudah kena didik tetapi ialah, didik tetapi tidak juga. Macam kita melarang orang merokok, merokok itulah, inilah tetapi merokok tetap merokok.

Jadi kalau boleh Yang Berhormat Menteri dari pihak kerajaan tidak boleh lagi, hendak apa itu? Sekurang-kurangnya.

■1510

Minimum yang paling bawahlah sampai bulan Mac 2011 nanti. Minimumlah dari RM2,000 tinggal RM200 misalan, RM3,000 tinggal RM300. Agaknya rakyat rasa jugalah pembelaan kita semua.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Alhamdulillah. Yang Berhormat Sri Gading apa yang saya sebutkan tadi dalam insentif pertama kadar yang munasabah tadi akan kita gunakan sebaik-baiknya dan seminimum jumlah yang perlu dibayar tapi yang penting mesej jelas, pendirian yang tegas...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Minta penjelasan.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Dan rasionalnya pun memang penting tetapi pada masa yang sama kita mendengar dan tahu keresahan dan juga perkara-perkara yang dibangkitkan di bawah sana. Mengenai senarai hitam yang lalu pesalah-pesalah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukuplah Yang Berhormat.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Satu *last point*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Semua *last*, semua *last*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Mengenai senarai hitam.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sudah lebih pukul 3.00.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sudah lebih sudah.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Kalau boleh...

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada satu kes mahkamah bahawa menyenarai...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tolonglah saya tidak beri laluan. Kita juga ada peraturan.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ...hitam itu ada *unconstitutional*. Ada satu kes di mana Mahkamah Tinggi perlu hukum - bahawa itu kes di *handle by*...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat. Isu itu telah pun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: ....*Me. It was handling by me*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Look at this*.

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Kenapa kerajaan begitu degil tidak menghormati hukuman mahkamah. Mahkamah telah katakan bahawa *the black list is unconstitutional*...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Tuan Yang di-Pertua, pertamanya Yang Berhormat tidak ada laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, cukup, cukup. Terima kasih Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Berhormat Bandar Kuching janganlah tuduh Yang Berhormat Menteri. Itu tidak baik.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Keduanya saya sudah jawab pun perkara yang dibangkitkan. Ketiganya saya sudah nyatakan bahawa pihak kerajaan melalui apa yang saya umumkan tadi akan mengambil kira pandangan-pandangan dalam konteks pelaksanaannya. Di situlah mungkin hendak beritahu kepada mereka yang tidak menerima notis sama ada melalui portal yang sedia ada, melalui gambar yang kita akan paparkan itu mungkin dapat tanganinya. Akan tetapi akan timbul kes-kes tertentu yang memerlukan kita memberi perhatian dan kita akan memberi perhatian supaya tidak wujud penganiayaan jauh sekali kita ingin aniaya mana-mana pihak. Sudah lebih daripada pukul 3.00 Yang Berhormat. Terima kasih. Yang lain semua perkara-perkara...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara penting mengenai *open letter* yang dibuat oleh Datuk Mohamed Zain yang mana KL Directors CID dan beliau ada tulis surat kepada Yang Berhormat Menteri di bulan Mei ini mengenai untuk membuka siasatan semula mengenai siasatan dalam kes mata lebam Yang Berhormat Permatang Pauh. *[Dewan riuh]*

Ini bukan mengenai Yang Berhormat Permatang Pauh tetapi oleh kerana bersabit kewibawaan PDRM. PDRM sanggup untuk menjalankan tugas sungguhpun siasatan mengenai pegawai-pegawai tertinggi dan sebenarnya siasatan PDRM adalah habis dan buat masa itu buat cadangan bahawa IGP Tan Sri Rahim Noor didakwa tetapi ini ditakuti dan barulah ada Suruhanjaya Diraja mata lebam barulah perkara ini diketahui. Kenapa ini berlaku? Tidak perlu Suruhanjaya Diraja kalau kita mengikut siasatan pihak polis masa itu *case close*. Kes itu dibawa ke mahkamah. Adakah ini *interference* campur tangan unsur-unsur politik untuk menjejaskan kewibawaan pihak polis PDRM.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Setahu saya surat itu tidak dibangkitkan dalam perbahasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ada. Ada ucapan saya. Saya ucap.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Okey. Dalam maklumat yang saya terima...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini ucapan saya.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Dan maklumat yang saya terima tidak ada butiran yang bersangkutan dengan surat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu tidak diperlulah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh jawab bertulis.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Akan tetapi walau bagaimanapun saya sudah sebut tadi perkara-perkara yang tidak sempat saya jawab saya akan jawab secara bertulis dan itu akan kita bangkitkan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kenapa pegawai-pegawai tidak buat catatan. Nampaknya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah jelas Yang Berhormat, sudah jelas.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan catat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini dalam ucapan saya.

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan catat dan saya ambil maklum dan oleh kerana masa tidak mengizinkan...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu masa bukan...

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Saya akan jawab dan beri maklumat kepada Yang Berhormat secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Sudah jelas sudah.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya terperanjatlah *have more efficient officer next time.*

Dato' Sri Hishammuddin bin Tun Hussein: Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya jemput Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar.

3.14 ptg.

Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin]: Tuan Yang di-Pertua, *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan Salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara yang terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar sepanjang perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali Yang Berhormat bagi Sabak Bernam telah membangkitkan mengenai kemudahan-kemudahan pengangkutan awam di Putrajaya yang saya juga telah menjawab pagi tadi, adakah kerajaan bercadang untuk menyediakan perkhidmatan seperti tren komuter, LRT, monorel bagi menghubungkan Putrajaya dengan jaringan kemudahan awam utama seperti KL Sentral dan sebagainya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelan induk perancangan Putrajaya sememangnya telah mengambil kira keperluan rel sebagai tulang belakang sistem pengangkutan awam di Putrajaya. Berdasarkan kajian sistem yang dikenal pasti bersesuaian ialah monorel. Walau bagaimanapun, ekoran kegawatan ekonomi yang telah melanda pada tahun 1998, pelaksanaan telah ditangguhkan. Pada masa ini kerajaan masih meneruskan kajian untuk mengenal pasti kaedah bagi meneruskan projek ini kerana isu kesesakan lalu lintas dan kekurangan tempat letak kereta seperti yang dibangkit oleh Yang Berhormat Sabak Bernam pagi tadi.

Dalam pada itu Perbadanan Putrajaya sedang dalam proses menambah bilangan bas Nadi Putra laluan bas serta meningkatkan kekerapan perkhidmatan bas bagi menggalakkan warga kerja dan orang ramai untuk menggunakan pengangkutan awam ketika berurusan di Putrajaya. Sebanyak 175 buah bas Nadi Putra akan beroperasi bermula pada Mac tahun depan termasuk 25 buah midi yang bersaiz sederhana panjang. Jumlah laluan pula telah ditambah kepada 18 pada tahun ini berbanding 12 pada tahun lepas. Kekerapan perjalanan bas pula telah ditingkatkan kepada setiap 15 hingga 20 minit berbanding daripada 20 hingga 30 minit sebelum ini. Adalah menjadi hasrat kerajaan agar orang ramai yang mempunyai urusan di pejabat-pejabat kerajaan di Putrajaya akan menggunakan perkhidmatan Nadi Putra.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Sabak Bernam selain rangkaian jalan dan lebuh raya yang luas dan lebar Putrajaya juga dihubungkan dengan KL Sentral menerusi perkhidmatan kereta api lalu KLIA transit.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat dari Pokok Sena pula bertanya mengenai dengan status Projek Taman Seri yang dirancang pembinaannya di atas tapak Flat Pekeliling di Kuala Lumpur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Projek Taman Seri adalah projek penswastaan yang melibatkan pihak kerajaan persetujuan...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Penjelasan.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Melalui Syarikat Tanah dan Harta Sdn. Bhd. dan RC Sdn. Bhd. sebagai pemaju. Tanah tersebut dimiliki oleh Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian. Flat Pekeliling merupakan aset milik DBKL yang berada di atas tapak projek tersebut. Oleh itu, DBKL bertanggungjawab untuk mengosongkan Flat Pekeliling dan memantau pulangan kepada DBKL sebagai gantian balas kepada pengambilan aset tersebut.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Bangun]*

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Keseluruhan Flat Pekeliling telah dikosongkan dan diserahkan kepada Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian pada 11 Februari 2009.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Barat bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Biar selesai. Mengenai pembiayaan kewangan Asi Sdn. Bhd. sebagai pemaju adalah bertanggungjawab untuk mendapatkan sumber pembiayaan sendiri. Setakat ini projek ini masih diteruskan pelaksanaannya. Sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya sendiri sebelum ini Yang Berhormat Menteri ada sentuh mengenai Sentral di Kuala Lumpur. Baru-baru ini ada naik taraf jalan raya di sana dan juga beberapa aktiviti mengenai Little India khususnya mengenai Little India adakah perkara itu telah digazet atau dikhaskan untuk aktiviti-aktiviti berkenaan dengan masyarakat India di Little India. Kalau tidak kenapa tidak?

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan juga menjawab soalan berkenaan dengan Little India tidak berapa lama lagi. Jadi saya boleh jawab sekali. Jadi saya teruskan menyambung. Yang Berhormat Bukit...

■1520

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Ha, silakan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ini bukan soalan, Tuan Yang di-Pertua, ini satu kenyataan dan ini satu permohonan. Ipoh Barat ada faham saya punya cakap ya? Saya lima hari di Batu Sapi – ini pasal kesejahteraan bandar ini.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Keluar Dewan]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ipoh Barat mana mahu pergi? Dengarlah saya. *[Ketawa]* Batu Sapi. *[Disampuk]* Saya tidak tahu Yang Berhormat boleh berunding dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan kah, apalah sahaja. Cuma saya hendak sampaikan ini, saya rasa ralat kalau tidak sampaikan kepada pengetahuan Yang Berhormat Menteri dan kementerian. Lima minit dari pusat bandar Sandakan, gelap-gelita, bandar. Saya kalau 10 jam dari Sandakan gelap-gelita, kalau Kinabatangan, kalau Beluran gelap-gelita, saya boleh terima jugalah. Lima minit dari pusat bandar di Sandakan, Yang Berhormat Tuan Speaker, fahamlah, gelap-gelita. Satu.

Yang kedua, rumah-rumah buruk macam kalau di kawasan saya, tahun 50-an. Buruk betul. Sedangkan Sandakan ialah pusat pelancongan kerana hendak melihat Orang Utan di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sepilok.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Sepilok. Hotel yang saya duduk itu, Sabah Hotel – Datuk pun duduk di Sabah Hotel.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, isu ini saya rasa sesuai untuk Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tidak juga, Datuk. Ini pasal kesejahteraan bandar. Orang Belanda, orang Jerman, orang British, orang Australia, kalau dia tengok itu, malulah kita tetapi orang di Batu Sapi walaupun begitu, tetapi dia taat setia kepada Barisan Nasional. Dia tidak termakan tipu helah parti pembangkang. *[Disampuk]* Ini yang sebab saya bawa ini, pasal orang di sana begitu taat kepada kerajaan, tidak termakan putar belit parti PKR, putar belit SUPP. *[Disampuk][Ketawa]*

Tidak ada tandas. Rumah tiga bilik pakai satu tandas. Tolonglah kalau dapat Yang Berhormat Menteri. Ini hendak jawab, jawab, tidak hendak jawab pun tidak apa tetapi tindakan penting. Carilah duit, tolonglah kepada rakyat kita yang begitu baiklah di Batu Sapi. Saya berterima kasih sebenarnya orang di Batu Sapi. Dalam keadaan begitu, dia tetap menyokong kerajaan pasal dia orang matang, tidak mudah diputarbelitkan oleh pembangkang. Itu yang saya maksudkan. Terima kasih Datuk. Hendak jawab boleh, tidak jawab pun boleh.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Sri Gading. Itu memang di luar bidang kuasa kementerian. Walau bagaimanapun, maklumat ini boleh disampaikan dan saya akan berunding dengan khususnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan bagaimana perkara ini dapat diperbaiki keadaan yang ada di Sandakan.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Bintang pula membangkitkan mengenai projek Plaza Rakyat yang telah terbengkalai sejak 14 tahun. Beliau mahu kerajaan memulihkan projek ini secepat mungkin. Untuk makluman Yang Berhormat – saya pun sudah banyak kali turun ke sana bersama dengan Yang Berhormat juga – pihak Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan DBKL sentiasa mencari jalan penyelesaian dan tindakan pemulihan terhadap projek tersebut.

Buat masa sekarang, kes projek ini sedang dibicarakan di mahkamah lanjutan daripada tindakan penamatan yang dibuat oleh kerajaan terhadap Tetuan Plaza Rakyat Sdn. Bhd. Dalam masa yang sama, pihak DBKL juga sedang memohon kepada mahkamah supaya perintah injunksi terhadap tanah yang dibuat oleh PRSB atau Plaza Rakyat Sdn. Bhd. dapat dilepaskan bagi membolehkan pegawai penilai memasuki tapak projek untuk membuat penilaian dan juga untuk memajukan projek. Jadi, kes itu masih di mahkamah.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Bintang bangun, Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Boleh saya sambung satu lagi soalan daripada Yang Berhormat Bukit Bintang? Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Bukit Bintang juga menyentuh mengenai gangguan terhadap pelancong-pelancong dan orang ramai yang didakwa dilakukan oleh remaja-remaja yang melepak di Jalan Bukit Bintang pada hujung-hujung minggu. Sehubungan ini, Yang Berhormat Bukit Bintang mahu tahap keselamatan dipertingkatkan di kawasan segi tiga emas tersebut demi menjaga imej negara. Kawalan keselamatan di tempat-tempat awam seperti di Jalan Bukit Bintang terletak dalam bidang kuasa Polis Diraja Malaysia. DBKL ada menyediakan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan tersebut. Pemantauan melalui CCTV adalah di bawah tanggungan pihak polis. Silakan.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Oleh kerana Plaza Rakyat adalah salah satu projek usaha sama antara DBKL dan swasta. Ini adalah janji Yang Berhormat Menteri pada sesi yang lalu bahawa projek ini akan dimulakan pada bulan Jun tahun ini. Akan tetapi ini amat dikesali kerana dipulang kepada mahkamah.

Adakah Yang Berhormat Menteri cadang bahawa ramai para pembeli yang terpaksa membayar bunga kepada bank-bank terutama mereka yang ada pinjaman dan yang meminjam antara 30%-40% dan deposit telah dibayar. Ini adalah satu beban kepada mereka.

Para pembeli ada buat aduan kepada saya, bank memberi tekanan ke atas pembeli kerana pelabur-pelabur ataupun pembeli-pembeli ini dari guru-guru yang bersara, mereka bergantung kepada harta yang mereka labur tetapi sebaliknya mereka terbeban atas pinjaman dari bank-bank. Adakah Yang Berhormat bercadang bahawa satu bantuan yang diberi kepada mereka untuk meringankan beban di atas mereka yang melabur di unit-unit yang berusaha antara DBKL dengan swasta? Oleh kerana satu tanggungjawab kerajaan sebab mereka percaya dan yakin kepada DBKL bahawa projek ini akan siap tetapi sebaliknya ini tidak ditunaikan janji, mereka terperangkap dalam satu situasi yang tidak diingini. Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Bintang. Memang pihak kerajaan telah buat keputusan untuk memulakan projek ini. Oleh kerana itulah kita telah mengambil langkah-langkah untuk mengambil alih projek ini apabila pemaju yang asal ataupun pihak swasta yang asal telah gagal melaksanakan lebih hampir-hampir 15 tahun. Jadi walau bagaimanapun, oleh kerana perjanjian-perjanjian telah dibuat, mereka juga ada hak dari segi undang-undang, itu yang sekarang kita perlu beres perkara ini di peringkat mahkamah oleh kerana rundingan-rundingan yang kita telah adakan, setakat ini masih lagi kebuntuan oleh kerana permintaan daripada pihak pemaju terlalu tinggi dari segi *compensation* ataupun pampasan. Sebagai kerajaan yang bertanggungjawab, kita tidak mahu kerajaan menanggung beban yang tinggi.

Walau bagaimanapun, dalam pada masa ini, kita juga mengkaji beberapa cadangan daripada pihak-pihak yang lain dan jika kes ini sudah selesai, supaya projek ini dapat dimajukan dengan secepat mungkin. Dalam perbincangan ataupun dalam cadangan-cadangan ini memang kita mengambil kira kepentingan pihak-pihak yang terlibat, dengan izin, *stakeholders*, seperti juga pembeli-pembeli supaya kebajikan ataupun kepentingan mereka dapat diambil kira. Banyak pihak juga terlibat dalam perkara ini. Mereka juga berhutang kepada DBKL dan pejabat tanah, juga hutang kepada bank, juga hutang kepada pihak, saya diberitahu pihak-pihak kontraktor.

■1530

Jadi banyak tanggungan yang dibuat oleh pemaju yang asal. Walau bagaimanapun dari segi undang-undang, pihak kerajaan ataupun DBKL tidak bertanggungjawab kepada pembeli-pembeli, hanya syarikat PRSB yang terlibat. Walau bagaimanapun dalam perbincangan kita dengan bakal-bakal pemaju, kita telah minta supaya mereka mengambil kira juga kepentingan pembeli-pembeli seperti Yang Berhormat telah sebut telah lama menunggu dan terjejas kedudukan mereka. Jadi inilah cara kerajaan Barisan Nasional yang bertanggungjawab, kita ambil kira juga. Walaupun kawasan Bukit Bintang kita tidak pernah menang pun Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang juga mencadangkan supaya Dewan Bandaraya Kuala Lumpur mengeluarkan lesen secara terus kepada pemohon gerai Deepavali di Jalan Tun Sambathan dan Jalan Travers bagi mengelakkan berlakunya eksploitasi oleh orang tengah dalam perkara ini. Ini sedikit sebanyak boleh menjawab soalan Yang Berhormat tadi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DBKL telah meluluskan pengeluaran lesen penjaja sementara untuk bazar Deepavali di Brickfields kepada empat buah persatuan penjaja. Persatuan-persatuan ini telah menguruskan penjaja di kawasan Brickfields sejak tahun 2000.

DBKL mengeluarkan lesen kepada persatuan supaya persatuan dapat membantu ahli-ahlinya dengan pemberian petak perniagaan. Di samping itu, ia juga memudahkan DBKL untuk melakukan pemantauan. DBKL tidak mengenakan sebarang bayaran sewa petak kepada peniaga. Segala urusan penyewaan petak dilaksanakan oleh pihak persatuan bagi tujuan seperti bayaran kutipan sampah, membersihkan dan sebagainya. Kadar sewa petak ini juga tidak tetap tetapi ianya harus berpatutan dan tidak membebankan peniaga. Sehingga kini, DBKL belum menerima sebarang aduan mengenai ketidakpuasan hati para peniaga mengenai kadar sewa yang dikenakan oleh persatuan. Sekiranya ada, DBKL akan mengkaji semula pemberian dan kelulusan lesen kepada mana-mana pihak di masa akan datang.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang bangun lagi Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa aduan telah dikemukakan kepada Jabatan Penjaja Bandaraya Kuala Lumpur? Oleh sebab dalam tempoh satu bulan, *fees license* yang dicaj oleh DBKL hanya RM254 sahaja. Akan tetapi orang tengah ini caj RM2,000 hingga RM3,000 satu petak. Ini tidak patut dilakukan oleh kerana orang tengah ini membuat keuntungan yang begitu besar walau dibenarkan oleh DBKL. Saya harap cara ini akan ditukar kepada pemohon-pemohon memberi lesen terus menerus oleh kerana mereka yang menghadapi masalah satu beban yang besar, RM2,000 berbanding dengan RM254 dalam tempoh satu bulan sahaja tetapi mereka ini mengambil peluang untuk eksploitasi penjaja.

Saya harap DBKL akan mengkaji semula, permohonan ini akan diberi kepada penjaja-penjaja yang memohon terus daripada DBKL. Oleh sebab walaupun persatuan-persatuan mengambil kesempatan ini untuk mengeksploitasikan penjaja-penjaja yang buat dalam tempoh satu bulan satu bazar, Ramadhan ataupun Deepavali. Saya harap tindakan boleh diambil oleh DBKL oleh kerana semua permohonan ini akan diluluskan terus kepada pemohon sahaja. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat. Dari segi amalan-amalan yang kita dah buat, memang kita bukan menguruskan orang tengah tetapi persatuan-persatuan penjaja yang mewakili kebanyakannya dari kaum India iaitu lebih kurang empat persatuan. Walau bagaimanapun kalau ada *complaint* secara bertulis, kita akan kaji kaedahnya pada masa akan datang jika boleh dipraktikkan seperti kita buat semasa bazar Ramadhan. Di mana ada juga peruntukan untuk persatuan tetapi kita juga terbuka kepada orang ramai untuk mengadakan secara pengundian. Oleh sebab semasa Deepavali ini, sambutannya tidaklah sehebat seperti Hari Raya. Walau bagaimanapun, itu boleh dikaji jika ada betul-betul bukti yang pihak persatuan ini telah menyalahgunakan nikmat yang telah kita beri daripada DBKL.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang juga telah membangkitkan jumlah kos yang dibelanjakan untuk pembangunan Little India di Brickfields. Siapa kontraktor utamanya dan proses pemberian tender dalam projek tersebut sama ada secara terbuka ataupun rundingan terus. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah kos pembinaan projek Little India di Brickfields adalah sebanyak RM35 juta. Kos ini meliputi kerja-kerja menaiktarafkan jalan raya di

kawasan sekitar, perabot jalan, tempat letak kereta, pembinaan semula gerai penjaja, *mobile kiosk* dan menaiktarafkan dengan izin, *pavement entrance archway, bazaar* dan juga *fountain* dengan izin, yang menjadi *landmark* kepada kawasan Little India itu.

Dalam melaksanakan projek ini, Jemaah Menteri pada 23 April 2010 telah bersetuju supaya MRCB melaksanakan projek ini dengan mengambil kira keupayaan kekuatan dan pengalaman syarikat MRCB dalam bidang berkaitan. MRCB juga adalah merupakan sebuah syarikat GLC. Sebaliknya oleh kerana syarikat ini terbabit dengan kerajaan pusat dalam melaksanakan projek Skim Penyuraian Trafik untuk kawasan Brickfields dan kawasan pembangunan KL Sentral di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi, maka MRCB telah mengambil sebagai tanggungjawab sosial ataupun CSR, *corporate social responsibility* dengan izin, untuk melaksanakan projek Little India di Brickfields ini.

Alhamdulillah, Little India di Brickfields telah dilancarkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bersama dengan rakan sejawat dari India, Dr. Manmohan Singh pada 27 Oktober yang lalu dalam satu upacara yang gilang-gemilang dan penuh warna-warni. Untuk makluman Yang Berhormat, saya berpeluang untuk pada hari malam Deepavali, buat '*walkabout*' di kawasan itu. Peniaga-peniaga di sana telah mendapat keuntungan ataupun penjualan dua atau tiga kali ganda daripada Deepavali-Deepavali yang dahulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu bangun Yang Berhormat.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Silakan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, masalah sekarang isu ini *Thean Hou Temple* dengan izin. Bolehkah Yang Berhormat Menteri beri sedikit penjelasan kenapa banyak kali mereka sudah buat *submission* kepada DBKL tetapi DBKL tidak boleh terima dia punya *extension program*. Dia buat bangunan ini semua atas dia punya tanah, kata *gradient* atau *steep gradient* dengan izin, dia tidak bina. Bina *gradient* itu mana mereka boleh dapat diterima daripada kerajaan tetapi masalahnya saya difahamkan Datuk Bandar bagi jawapan sebab rakyat buat aduan.

Akan tetapi *Thean Hou Temple* ini tidak berpuas hati. Dalam masa mereka bina itu kondominium, mereka tidak minta mereka ada buat apa-apa *suggestion* boleh bina atau tidak boleh, mereka tidak tanya *Thean Hou Temple*. Masalah satu lagi, sekarang kondo yang mereka guna itu, jalan, *Thean Hou Temple* buat itu jalan, bukan DBKL buat. Jadi, macam mana sekarang rakyat boleh kata mereka batalkan *Thean Hou Temple* punya *building extension* ini? Dia cuma mahu buat *car park* dengan dewan sahaja tetapi DBKL kata rakyat tidak setuju kerana *traffic jam*. Itulah mereka *traffic jam*, mereka mahu bina *car park*, tujuh lapan tingkat *car park* dengan dewan.

■ 1540

Macam mana ini Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tidak boleh pertimbangkan? Kalau dia ada tanah dan tidak boleh bina dia punya bangunan, tidak akan adil. Dia orang pun soal, kalau macam itu, ini *Thean Hou Temple* punya – dia orang komiti pun kata, kalau macam itu, 100 tingkat dia mahu buat, dia orang

pun mahu bantah juga. Kita mesti mahu tengok rakyat buat aduan ini adil ataupun tidak. Kalau tidak adil, kita mahu buat keputusan. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, kenapa kita tidak boleh tengok, membantu, lihat dan ambil perhatian atas perkara ini?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan. Mengenai Little India Yang Berhormat Menteri, boleh? Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baru minggu lepas saya melalui Little India, saya menghargai pihak kerajaan menjalankan kerja-kerja menaik taraf di kawasan tersebut tetapi apabila saya melalui jalan tersebut, saya amat terkejut sebab kerja-kerja yang dilakukan ada sesetengahnya saya berpendapat adalah keterlaluan. Sebagai contoh, lampu-lampu hiasan jalan di sepanjang jalan tersebut saya dapati ia terlalu dekat dan lebih kepada pembaziran – dan juga papan-papan yang bercorak tersebut. Jadi saya nak tahu sama ada pihak kementerian ada menjalankan konsultasi dengan pemilik-pemilik kedai di sepanjang jalan tersebut dan mengetahui apakah bentuk atau jenis penaiktarafan yang diperlukan di Little India?

Kalau kita tengok lampu hiasan sepanjang jalan Tuan Yang di-Pertua, saya merasa sangat sakit hati kalau nampak duit digunakan sedemikian – terlalu dekat, terlalu rapat. Itulah pandangan saya. Apakah ada konsultasi dengan mereka? Saya menghargai kerja-kerja mengecat bangunan tetapi mendirikan lampu hiasan yang terlalu rapat itu saya rasa lebih kepada seolah-olahnya hanya mahu menggunakan wang sahaja, membelanjakan wang sahaja. Mohon penjelasan.

Dato' Raja Nong Chik bin Dato' Raja Zainal Abidin: Biar saya jawab Yang Berhormat Batu Gajah dulu pasal ia berkaitan dengan Little India. Jadi Yang Berhormat, soal membazir tak timbul oleh kerana CSR ini adalah daripada sebuah syarikat GLC. Dari segi perbincangan dengan wakil-wakil perniagaan ataupun NGO-NGO perniagaan di kawasan Brickfields ataupun persatuan-persatuan penduduk di kawasan Brickfields, saya sendiri pun telah beberapa kali berjumpa dengan mereka untuk dapat keputusan yang kita telah buat bersama dengan timbalan saya, Yang Berhormat dari Tapah yang telah mengendalikan perkara ini. Boleh katakan tiap-tiap tiga hari mesti ada di sana. Jadi, inilah komitmen kita berinteraksi dengan penduduk dan juga peniaga-peniaga di kawasan Brickfields ataupun kawasan Little India yang telah diisytiharkan. Jadi, soal tidak dapat persetujuan penduduk di sana tidak timbul.

Dari segi soal *design,* ini adalah juga *design* yang telah dicadangkan oleh pakar-pakar daripada kaum India. Jadi, saya pun tak tahu adakah lebih baik lampu-lampu itu dijarakkan ataupun tidak, itu terpulang kepada *taste* masing-masinglah, cita rasa masing-masing. Jadi, saya rasa dari segi sambutan yang kita telah terima setakat ini kepada pembangunan Little India, saya rasa memang di luar jangkaan. Bukan hanya daripada kaum India dalam negara kita tetapi dari luar negara dan juga daripada pelancong-pelancong asing. Jadi saya rasa ahli perniagaan khususnya di Little India tidak satu pun yang boleh kompelin ataupun tidak puas hati dengan perkembangan yang telah dibuat.

Berkenaan dengan Yang Berhormat dari Bintulu berkenaan dengan Thean Hou Temple, walaupun tidak berkaitan dengan Little India tetapi saya cuba jawab jugalah oleh kerana beliau rakan saya. Masih dalam perbincangan di antara DBKL, pihak kuil dan Persatuan Perumahan Jalan Robson. Bantahan itu memang datang daripada persatuan penduduk di sana. Untuk makluman, kedua-dua pihak pun yang daripada pihak *temple* pun telah berurusan dengan pihak kementerian ataupun DBKL dan daripada persatuan penduduk pun. Jadi ini yang jadi satu masalah. Kalau kita setuju dengan pihak *temple,* pihak persatuan akan keluar dalam akhbar dan media mengatakan kita tidak dengar kepada penduduk-penduduk setempat dan mungkin Yang Berhormat dari Seputeh pun akan bising. Jika kita tidak setuju dengan pihak *temple* ataupun *the other way round,* kita setuju

kepada memberi pembangunan ataupun setuju dengan penduduk, *temple* akan terjejas. Jadi, proses ini masih dalam perbincangan dan kita akan cuba carilah satu *situation* menang-menang kepada dua-dua pihak yang tidak menjejaskan prestasi kerajaan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri, kenapa kita tidak boleh duduk berbincang? Saya sendiri faham. Mereka buat aduan kepada saya – daripada Jawatankuasa Thean Hou Temple itu, masalah isu trafik ini kata kalau dia orang bila boleh buat *separation* dengan izin, trafik akan banyak *jam* dekat kawasan itu. Kalau isu macam isu *traffic jam* ini, sepatutnya kementerian bersama dengan pemaju atau Thean Hou Temple lah, bersama penduduk mesti ada satu resolusi macam mana selesai. Jangan kata *traffic jam*, terus semua bangunan sekeliling tidak boleh. Kalau kata disebabkan isu trafik maka tidak boleh dibangunkan, *I* ingat itu kalau Mont Kiara lagi tidak boleh dibangunkan, selalu *traffic jam*. Kenapa ini DBKL boleh beri? *I* ingat, tidak boleh beri alasan disebabkan isu *traffic jam,* nak *stop* pembangunan semua.

Saya fikir pun, itu atas tanah pemilik itu pun tidak adil bagi sama dia. Itu tanah dia punya. Kalau kata *traffic jam* tidak boleh bina, siapa-siapa punya tanah ada dekat Kuala Lumpur, orang bandar sahaja *traffic jam* tak boleh bina, semua orang tak boleh bina. Kalau kata Bukit Bintang, lagi tidak boleh, lagi teruk sana *traffic jam*. Jadi itulah rakyat marah *traffic jam*, kita cari jalan macam mana kita nak selesaikan. Bukanlah atas aduan, terus kita diam sahaja. Saya haraplah Yang Berhormat Menteri bolehlah bagi peluang sikit. Itu semua pihak duduk berbincanglah atas isu ini. Sekian.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Yang Berhormat Menteri, sama soalan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya setuju dengan Ahli Yang Berhormat dari Bintulu. Oleh kerana *Thean Hou Temple* salah satu tempat yang menarik ramai pelancong dari luar negeri, salah satu tempat yang menarik mereka mengunjungi tempat itu, saya harap DBKL boleh bincang semula untuk meluluskan permintaan mereka iaitu dewan dan juga tempat meletak kereta.

Yang keduanya ialah tentang projek Little India. Berbanding dengan Jalan Petaling dan juga Masjid India, kedua-dua projek hanya membelanjakan RM12 juta sahaja tetapi Little India ini dalam skop pekerjaan, saya rasa berbanding dengan Jalan Petaling mahupun Masjid India, jumlah kedua-dua projek RM27 juta sahaja. Ini satu angka yang terlebih berbandingkan dengan kedua-dua projek ini. Saya minta satu siasatan bahawa adakah ini salah gunakan wang yang dibelanjakan untuk projek ini.

Kita setuju ada satu projek tetapi wang mesti digunakan dengan baik oleh kerana ini semua wang *tax payer* punya *money* – pembayar cukai. Saya mahu satu siasatan yang lebih terperinci tentang projek-projek walaupun terdiri daripada satu syarikat MRCB, satu syarikat GLC tetapi rakyat mahu tahu mengapa ini boleh berlaku dan satu siasatan dan laporan haruslah diberi kepada semua Ahli Parlimen di Dewan yang mulia ini untuk memastikan tak ada rasuah yang berlaku dalam projek ini. Minta penjelasan.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri, boleh sambung sikit tak mengenai Thean Hou Temple punya isu?

■1550

Saya dapat surat daripada jawatankuasa tengok *temple* ini, dia terima surat 1 Oktober 2010 daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Ini bukan atas masih lagi perbincangan ataupun masih lagi hendak cari jalan macam mana hendak selesai. Terus keluar surat, permohonan ini tidak diluluskan. Macam mana Menteri jawab satu ini Dewan Bandaraya cerita lain ini? Kalau keadaan macam ini, macam mana rakyat tidak marah sama kita? Ini satu lagi masalah tunjuk ini surat ini tulis punya, ini bukan isu besar punya, *it is small issue*, tetapi saya nampak Dewan Bandaraya ini ada macam bagi tahu ini rakyat jawatankuasa ini ataupun sesiapa ada di *temple* sana terlibat dengan *temple*, mereka rasa tidak adil sama mereka. Macam soal-soalnya, ada Dewan Bandaraya ini ada motif ini. Tak pandai ini, dia ini terus terang beritahu. Ini zon kediaman, mana boleh kata - Kalau *you* kata ini zon kediaman kenapa hari pertama Dewan Bandaraya lulus bagi ini *temple* bina sana.

Sekarang orang sudah bina *you* kata zon kediaman. Kalau macam ini adilkah kita? Macam mana kita boleh jawab macam ini? Saya haraplah Menteri lihat ini surat, ini *reference* bagi daripada Dewan Bandaraya, 231-PLMDBKL JPRV-3613/54.

Saya haraplah ini pegawai kadang-kadang perlu lihat sedikitlah, janganlah buat susah aniaya sama jawatankuasa ini. Saya difahamkan dia sudah memohon ini, buat ini sambungan bangunan ini cuma dia mahu bina itu *car park* sama dia punya dewan sahaja sudah berapa puluh tahun? Saya difahamkan sudah 13 tahun dia memohon. Saya ingat kalau semua pihak ada niat hendak selesai ini masalah memang masalah ini boleh diselesakan. Bolehkah Yang Berhormat Menteri sendiri lihat perkara ini dan ambil satu keputusan yang terbaik untuk jawatankuasa itu? Sekian.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Boleh, saya jawab. Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Untuk makluman, soal-soal tokong ini saya memang serah kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri dan...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri...

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Biar saya jawab dahulu. Jadi Yang Berhormat Timbalan Menteri telah...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Yang Berhormat Menteri cepat-cepat beri sembah ini, sembah ini sudah peningkah ataupun hendak selesai.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tidak. Biar saya jawab dahulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh selesai Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]: *[Menganggukkan kepala]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Okey ya. Dia kata boleh selesai, bagus.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Jadi, untuk makluman soal tokong ini persatuan ataupun persatuan daripada tokong telah merayu selepas menerima surat itu pada 1 Oktober dan ini dia dalam jawapan ini pun datang daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jadi, dia cakap telah merayu dan kita akan panggil daripada kedua-dua pihak. Jikalau Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak dapat *settle* saya akan ambil alih daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerja itu. *[Ketawa]* Okey.

Tuan Yang di-Pertua soalan Yang Berhormat Bukit Bintang berkenaan Little India, soal pembaziran. Saya rasa itu adalah subjektif dan soal salah guna kuasa pun tidak timbul oleh kerana keputusan adalah di pihak MRCB dari segi peruntukan yang telah dibuat adalah daripada peruntukan daripada pihak MRCB sendiri untuk membelanjakan RM35 juta itu. Pada masa kini projek itu hanya siap fasa pertama. Jadi mungkin Yang Berhormat yang baru melawat seperti Yang Berhormat Batu Gajah dan Bukit Bintang hanya tengok dari segi kerja-kerja yang siap di fasa pertama yang mungkin jumlah dia jauh lebih rendah daripada RM35 juta. Jadi yang penting dia tidak terlibat dengan *tax per year money* ia terlibat dengan sumbangan daripada syarikat.

Kedua proses telah dibuat oleh syarikat untuk memastikan nilai diberi dalam kerja-kerja yang dibuat di Little India.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota dahulu.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya tidak pasti sama ada dalam teks jawapan Yang Berhormat ada akan menyebut atau mengulas tentang cadangan kerajaan atau persiapan kementerian Yang Berhormat untuk pelaksanaan Kuala Lumpur ataupun Wilayah Persekutuan yang lain sebagai tempat persediaan untuk menjadikan hab hiburan malam sebagai mana yang diisytiharkan. Kalau sekiranya belum ada dalam persediaan itu saya hendak tanya Yang Berhormat oleh kerana tumpuan tempat ataupun kawasan-kawasan yang agak strategik untuk hiburan malam ini, sudah tentu di ibu negara di Kuala Lumpur seperti yang disebut di Labuan beberapa hari pada minggu yang lepas disebut dan dibangkitkan perkara itu dan juga barangkali Putrajaya, tempat-tempat yang strategik.

Saya hendak tahu apakah persediaan kementerian Yang Berhormat dari segi modelnya, peraturannya ataupun operasinya. Bagaimanakah model Yang Berhormat hendak katakan yang industri hiburan malam ini yang sesuai ataupun ia ditetapkan sebagai memenuhi aspirasi kita hendak jadikan bandar raya kita ini sebagai hab untuk hiburan malam. Jenis yang macam mana? Ada yang halalkah atau yang haramkah macam manakah. Sekurang-kurangnya ada sedikit penjelasanlah. Saya hendak tahu setakat itu. Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat…

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: *[Bangun]*

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Biar saya selesaikan jawab soalan ini. Berkenaan dengan hab hiburan ini, dia adalah di peringkat *lab* iaitu *lab* PEMANDU ataupun *lab* NKEA. jadi tidak semestinya semua cadangan daripada *lab* ini boleh dipraktikkan secara sepenuhnya. Jadi proses pengkajian dari segi cadangan-cadangan *lab* akan dihalusi oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar dan juga pihak DBKL jika boleh diamalkan di Kuala Lumpur khususnya.

Walau bagaimana pun pihak kementerian kita sedang menggubal juga dasar hiburan untuk tempat-tempat hiburan di kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan seluruh kawasan-kawasan yang lain dalam Wilayah Persekutuan. Jadi dasar ini akan selari dengan juga kehendak penduduk-

penduduk setempat dan juga akan mengambil kira kehendak-kehendak dari segi agamalah. Jadi tidak semestinya semua perkara dalam hab hiburan ini akan diambil kira. Oleh kerana dia masih di peringkat *lab*. Jadi bila di peringkat *lab* ini banyak perkara perlu dihalusi.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Ini kata tadi masih di peringkat *lab*. Cuma bila mengatakan bahawa ia akan mematuhi kehendak agama adakah kementerian akan mewujudkan satu panel syariah untuk memastikan bahawa ia betul-betul menepati kehendak agama? Terima kasih.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri. Saya ingin tahu apakah sebenarnya perjanjian di antara MRCB dan kerajaan dan bagaimana satu syarikat yang diwajibkan dengan *social corporate responsibility* secara murah hati membelanjakan RM35 juta membangunkan Little India. Ini adalah bukan sahaja agak luar biasa dari segi negara kita sebagai sebuah negara yang berdasarkan kepada ekonomi pasaran, *market economy*, ada sesuatu syarikat yang mendermakan RM35 juta tanpa atau dengan izin dalam bahasa Inggeris, *no string attached* atau *string* itu kita tidak tahu. Bolehkah Yang Berhormat Menteri jelaskan apakah yang telah dipersetujui di antara MRCB dengan kerajaan? Terima kasih.

■ 1600

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Seperti yang sedia maklum Yang Berhormat Batu ya, MRCB adalah pemaju utama di *Sentral,* jadi saya rasa itu pun adalah penanda bahawa itu adalah pulangan yang telah mereka dapat untuk menabur bakti daripada kawasan-kawasan berdekatan. Jadi jawapan yang lain itu, oleh sebab ini adalah di luar bidang kuasa kementerian, kita boleh jawab secara bertulis, kalau diperlukan. Tetapi...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Labuan pula menyarankan agar kerajaan meneliti dan...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Dan juga...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju pula Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan boleh?

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Hah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya amat tertarik dengan jawapan mengenai dengan dasar hiburan di Kuala Lumpur ini, sama ada Yang Berhormat sedar atau tidak, di Kuala Lumpur ini ada banyak *cyber cafe.* Ini bukan untuk perkhidmatan internet sahaja, tetapi perkhidmatan khasnya perjudian, *online gambling* dengan izin, berlarutan di dalam di Wangsa Maju, di banyak tempat dan murid-murid dibenarkan masuk untuk berjudi dan orang dewasa. Sama ada ini termasuk di dalam dasar hiburan juga di Wilayah Persekutuan. Apakah tindakan yang akan diambil atau telah diambil untuk menghapuskan kegiatan atau mengurangkan, hendak hapus susahlah. Mengurangkan perjudian ini, *online gambling.* Yang pertama.

Kedua, saya juga mendapati bahawa baru-baru ini, Lagu Wilayah Persekutuan telah bertukar, saya rasa ini satu perkara yang tidak berapa baik. Oleh sebab lagu ini seperti *Lagu Negaraku*, saya rasa Kabinet atau sesiapapun tidak boleh menukarkannya dengan sewenang-wenangnya. Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberikan penjelasan mengenai mengapakah kita perlu

menukar lagu tersebut sedangkan lagu ini telah menjadi satu lagu untuk Wilayah Persekutuan? Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Terima kasih Yang Berhormat Wangsa Maju. Dasar-dasar hiburan oleh Kementerian Wilayah dan Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar telah dirangka dan kita berharap boleh dibentangkan pada tahun depan.

Mengenai soal *cyber cafe* ini, kebanyakannya pelesenannya di bawah kuasa pihak Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, DBKL tidak ada kuasa...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itu premis, itu adalah lesen premis...

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Hanya dari segi premislah, kita tidak boleh menguatkuasakan kesalahan dari segi perjudian, perjudian di bawah Kementerian Dalam Negeri ataupun PDRM dan dari segi menyalahgunakan *cyber* adalah di bawah Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan, hanya dari segi menguatkuasakan tempat lokasi. Jadi disalahgunakan lokasi itu untuk perjudian, itu kita boleh sita ataupun batalkan lesen berniaga mereka, itu memang hak daripada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur. Dan jadi...

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Minta penjelasan sedikit.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Jadi soal *guideline* kepada *cyber cafe* ini memang kita minta supaya nanti pihak yang berwajib, kalau hendak keluarkan *guidelines* untuk mengawal selia *cyber-cyber cafe* ini dari segi penyalahgunaan. Memang kita perlu menggalakkan orang menggunakan komputer dan lain-lain. Bermakna kita tidak boleh katakan yang digunakan dengan cara yang sihat perlu digalakkan, tetapi yang menggunakannya secara tidak sihatlah. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Saya difahamkan bahawa DBKL telah menyediakan satu peraturan mengenai dengan *cyber cafe* sejak dua tahun yang lalu. Dan sehingga kini, saya tidak nampak pun peraturan untuk mengawal *cyber cafe* supaya di *cyber cafe* ini tidak ada kegiatan yang sedemikian untuk *online gambling* dan sebagainya. Sama ada peraturan ini telah digazetkan ataupun telah diluluskan oleh kementerian, sebab sehingga kini, telah dua tahun saya mendapati setiap mesyuarat dengan Datuk Bandar, kita telah membangkitkan perkara ini dan Datuk Bandar atau pihak DBKL sentiasa memberitahu bahawa mereka telah menghantar satu draf peraturan mengenai dengan *cyber cafe* ini. Akan tetapi sehingga kini tidak ada apa-apa tindakan yang diambil oleh kerajaan, kementerian Yang Berhormat Menteri. Bolehkah berikan satu penjelasan dan keadaan peraturan ini, diluluskan atau belum. Kalau belum kenapa? Terima kasih.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Yang Berhormat Wangsa Maju, saya tidak nampak lagilah yang dikatakan telah disediakan. Walau bagaimanapun saya akan buat jawapan bertulislah jika perkara itu sudah ada di dalam proses, tetapi tidak di dalam pengetahuan sayalah.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Saya akan menjawab.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Dan sama juga dari segi lagu, ia tidak tersebut di dalam perbincangan bajet. Saya akan jawab secara bertulis kepada Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Tetapi boleh Yang Berhormat Menteri jelaskan apa perlunya kita tukar Lagu Wilayah Persekutuan.

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Saya sudah sebut tadi bahawa ini tidak masuk dalam perbincangan bajet.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, adakah perbelanjaan yang terlibat dalam pertukaran lagu?

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Ya.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Adakah perbelanjaan yang terlibat?

Dato' Raja Nong Chik bin Raja Zainal Abidin: Saya sudah sebut tadi, saya akan jawab secara bertulis. Saya pun jawab kepada Yang Berhormat secara bertulislah. Ahli Yang Berhormat Labuan, menyarankan agar kerajaan meneliti dan juga mempertimbangkan untuk menyenaraikan Projek Pembinaan Jambatan daripada Labuan ke Sabah, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, meskipun ia tidak tersenarai di antara beberapa projek dalam Bajet 2011.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Labuan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan 1, ketika membentangkan RMKe-10 di Dewan yang mulia ini pada 10 Jun telah mengumumkan, bahawa mulai RMKe-10 pelaksanaan dibuat secara *rollling plan*. Melalui pendekatan ini peruntukan program dan projek pembangunan akan dibuat untuk setiap dua tahun, bermula daripada 2011 sehingga 2012. Pendekatan *rolling plan* membolehkan kerajaan membuat komitmen berdasarkan keupayaan kewangan semasa yang memberikan fleksibiliti kepada kerajaan untuk mengambil kira keutamaan-keutamaan baru berdasarkan perkembangan di dalam ekonomi dan domestik ataupun global. Ini bermakna melalui *rolling plan,* Kementerian Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar boleh mencadangkan untuk membina sebuah jambatan untuk menghubungkan Labuan dengan Sabah dalam RMKe-10, sepanjang rancangan itu iaitu di antara tahun 2011 sehingga 2015.

Keputusan sama ada Kerajaan Persekutuan akan merealisasikan ataupun tidak projek jambatan tersebut, akan dibuat mengikut keutamaan dan kepentingan projek yang dapat memberikan pulangan yang terbaik kepada rakyat selaras dengan keperluan, kedudukan kewangan dan keutamaan semasa kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat Padang Besar, membangkitkan mengenai isu papan iklan di Kuala Lumpur yang diletakkan bersama dengan tanda jalan sehingga menyebabkan pengguna jalan tidak nampak atau tidak dapat membezakan antaranya.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dasar DBKL adalah untuk tidak meluluskan sebarang pemasangan iklan yang membolehkan menghalang pemandangan, menarik pandangan dari *vision* pengguna jalan. Dalam proses menilai setiap permohonan pemasangan iklan seperti di tiang lampu, kain rentang, paparan sementara, petunjuk arah dan paparan iklan luar. DBKL sentiasa mengambil kira faktor-faktor seperti halangan pemandangan dan keselesaan kepada pengguna jalan. Sekiranya terdapat aduan yang diterima mengenai pemasangan iklan yang menyebabkan gangguan kepada pemandangan ataupun kelicinan lalu lintas, DBKL akan mengambil tindakan segera untuk menurunkan iklan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan ataupun Bajet 2011 yang membabitkan tanggungjawab kementerian. Semua teguran dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat amat kami hargai dalam usaha untuk menambah baik perkhidmatan kepada rakyat dan negara. Sekian. *Wabillahi taufik walhidayah, wassalamualaikum warahmatullahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya menjemput Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

■ 1610

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Wira Chor Chee Heung]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2011. Ini terutama sekali kepada mereka yang prihatin terhadap isu-isu yang berkait rapat dengan bidang tugas KPKT. Kementerian amat menghargai pandangan dan saranan yang telah diutarakan oleh semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan tema Bajet 2011 iaitu 'Transformasi Ke Arah Negara Maju Berpendapatan Tinggi', kementerian telah pun menyusun pelbagai strategi untuk mendukung sepenuhnya misi ini agar seluruh rakyat negara dapat hidup dalam persekitaran yang selesa dan berkualiti. Antara tumpuan utama kementerian adalah pada tahun 2011, untuk memastikan golongan berpendapatan rendah mampu memiliki rumah yang selesa seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2011.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan terus berusaha meningkatkan kualiti hidup rakyat dengan menyediakan persekitaran dan tempat tinggal yang selesa bagi memenuhi keperluan semua lapisan masyarakat dengan tumpuan terhadap golongan yang berpendapatan rendah. Isu harga rumah yang semakin meningkat dan merupakan antara isu yang telah mendapat tumpuan Ahli-ahli Yang Berhormat. Saya menyambut baik cadangan dan pandangan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Yang Berhormat Kinabatangan, Yang Berhormat Tebrau, Yang Berhormat Klang, Yang Berhormat Kota Kinabalu, Yang Berhormat Petaling Jaya Utara, dan Yang Berhormat Sibu berkenaan dengan isu ini.

Berdasarkan laporan indeks harga rumah Malaysia mengikut jenis rumah oleh Pusat Maklumat Hartanah Negara (NAPIC), harga purata rumah di semua negeri bagi suku tahun kedua 2010 hanya meningkat dalam julat 0.34% hingga 9.3% iaitu dalam lingkungan RM101,700 hingga RM407,400 berbanding dengan tempoh yang sama tahun 2009. Angka ini menunjukkan bahawa purata kadar peningkatan harga rumah di setiap negeri masih dalam keadaan terkawal.

Sebagai makluman kepada Yang Berhormat Kota Kinabalu yang membangkitkan isu ketidakmampuan rakyat negeri Sabah memiliki rumah di kawasan Tawau, Sandakan, Lahad Datu, Merotai dan Kota Kinabalu. Serta Yang Berhormat Sibu yang meminta agar kerajaan menyemak semula kenaikan harga rumah yang semakin tidak realistik khususnya di Sarawak. Laporan indeks harga rumah ini juga menunjukkan harga purata di Sabah hanya meningkat dengan

kadar yang kecil, iaitu sebanyak 0.34% daripada RM285,000 pada suku tahun kedua 2009 kepada RM286,000 pada suku tahun kedua 2010.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Manakala bagi Sarawak, harga purata rumah meningkat sebanyak 3.4% daripada RM245,000 kepada RM253,000...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Minta penjelasan.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Dalam tempoh yang sama.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya bukan mempertahankan kenyataan saya tetapi kalau di Kuala Lumpur ini, bandar-bandar besar ini, tidak ada rumah RM300,000. Apartmen buruk-buruk pun, studio pun sudah RM350,000. Jadi seolah-olah kita mempermainkan jiwa orang muda yang hendak rumah. Kita bagi RM220,000 tidak perlu deposit tetapi rumah tidak ada RM220,000, itu masalahnya! Yang ada RM360,000 hingga RM350,000 dan kenaikan harga rumah ini memang sudah menjadi-jadi.

Saya pun tidak tahu, tanah dahulu RM40 sekali dua, tiga bulan sudah RM200 *per square feet*. Tidak tahu idea siapa - *market player* mana yang memainkan isu ini di *market*. Tanah yang tidak ada harga tiba-tiba meletup jadi harga. Jadi rumah yang sepatutnya kita lihat di *value* dengan harga RM150,000 sudah jadi RM1.1 juta. Jadi ini kerajaan kena *control price*, sebab kalau tidak pemaju perumahan suka-suka hendak naikkan harga dan sebagainya. Yang jadi sasaran dan mangsa, pembeli rakyat yang langsung tiada rumah hendak ada rumah, sampai mati pun kena menyewalah.

Jadi hasrat kerajaan ini baik, tetapi hasrat yang baik sahaja tidak kita laksanakan secara terperinci, buat kajian secara menyeluruh. Cuba - kalau Yang Berhormat Menteri tidak percaya, kita dua sama-sama cari jalan mana ada rumah harga RM220,000. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Saya memang setuju dengan pandangan Yang Berhormat iaitu memang susah hendak dapat sebuah rumah kediaman di dalam tengah-tengah Wilayah Kuala Lumpur dalam lingkungan RM220,000 hingga RM300,000 - memang benar.

Akan tetapi jangan lupa Yang Berhormat, kita duduk dalam sebuah masyarakat dan ekonomi yang terbuka. Kerajaan tidak sentiasa ataupun tidak dengan sewenang-wenangnya bercampur tangan untuk mengawal pihak swasta untuk membina rumah dengan harga-harga penjualan yang ditetapkan oleh kerajaan. Memang tidak munasabah kalau kerajaan kata semua pemaju swasta, kalau hendak bina rumah walaupun dalam tengah-tengah Wilayah Kuala Lumpur tidak boleh melebihi RM200,000 ataupun RM300,000. Memang saya percaya ini tidak munasabah...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tunggu saya habis dahulu. Oleh kerana kita dapat melihat Wilayah Kuala Lumpur telah pun membangun dengan pesat dan ia telah menjadi satu destinasi antarabangsa. Kalau bukan di dunia mungkin di rantau ini. Kuala Lumpur adalah salah satu wilayah di rantau ini yang paling maju sekali. Jika kita membuat perbandingan harga rumah - saya bukan sengaja hendak mempertahankan pemaju-pemaju swasta. Akan tetapi dari segi keseluruhannya, kalau kita melihat perbandingan harga rumah di Kuala Lumpur dan banding dengan kota-kota besar di negara lain seperti Jakarta...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Bangun]*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tunggu saya habis dahulu. Seperti Jakarta, Singapura, dan Bangkok saya berani mengatakan bahawa harga kita masih terkawal. Akan tetapi ini tidak bermaksud kerajaan tidak akan bercampur tangan jika perlunya.

Oleh yang demikian kita dapat melihat, kalau kita hendak beli sebuah rumah atau pangsapuri bagi orang yang baru masuk untuk bekerja memang susah. Oleh yang demikian, kerajaan haruslah melakukan sesuatu melalui langkah-langkah seperti diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa membentangkan bajet. Iaitu RM220,000 rumah pertama tidak perlu bayar 10% deposit. Saya rasa mungkin saya akan juga minta supaya Kabinet bersetuju kalau kita boleh menaikkan harga di mana tidak gaduh kita bayar deposit hingga RM300,000 ataupun RM350,000 untuk memudahkan... *[Disampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau itu, saya setuju RM350,000.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau RM220,000, kita cari sekitar 50 kilometer dari Kuala Lumpur ini pun tidak ada.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di negeri-negeri mana pun tidak ada.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Pokoknya bandar tidak ada harga macam itu. Bermakna hasrat untuk jadi rumah pertama ini pun memang tidak kesampaian sebab harga rumah macam itu tidak ada. Tidak ada yang boleh dibeli dengan RM220,000 tetapi kalau RM350,000 – *yes,* itu saya setuju.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya, itu saya akan cuba untuk berbincang dengan rakan-rakan di Kabinet sama ada RM220,000 ini munasabah atau tidak.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: *[Bangun]*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Jika tidak, adakah kita boleh berbuat lagi untuk membantu golongan muda yang ingin membeli rumah pertama.

■1620

Akan tetapi jangan lupa Yang Berhormat, kalau hari ini dengan apa yang kita telah capai, usaha kerajaan, usaha murni kerajaan untuk menjadikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai satu destinasi yang mana pelabur-pelabur asing dapat juga datang ke wilayah kita untuk melabur. Kalau hari ini, kita masih boleh membeli sebuah rumah dalam lingkungan RM200,000 di tengah-tengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, saya percaya memang tidak munasabah tidak mengapa. *There is something wrong.* Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tetapi rumah tidak boleh dibina. Apakah sebabnya?

Okey, yang kedua Yang Berhormat...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, mengenai rumah, sedikit lagi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Menteri apabila mengatakan bahawa kita tidak boleh mengawal harga rumah setelah dibina. Akan tetapi, kerajaan boleh mengadakan polisi untuk menentukan

berapa peratus daripada pembangunan itu terletak dalam kategori yang mampu dibeli misalnya kita akan membangunkan di Sungai Besi dan di Sungai Buloh. Tidakkah kerajaan berhasrat untuk memperuntukkan sekian banyak, sekian peratus untuk golongan berpendapatan sederhana dan rendah.

Kalau kita hendak mengikut *demand supply* dan juga kehendak pelabur, maka golongan yang sebegini sampai bila-bila tidak boleh mempunyai rumah di tengah-tengah bandar sedangkan mereka mencari nafkah di tengah-tengah bandar. Setiap kali mereka tertolak, terpinggir di luar bandar dan malangnya kerana mereka tidak hendak pergi ke luar bandar adalah kerana tidak ada satu sistem pengangkutan yang mampu mereka capai dan tidak ada pun sistem pengangkutan yang efisien.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, berbalik pada isu asal tadi.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Boleh sambung sekali? *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Silakan Yang Berhormat Sri Gading.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. *[Ketawa]*

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: *[Menyampuk]*

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduklah dahulu. *[Merujuk kepada Yang Berhormat Indera Mahkota]* Akan tetapi saya dapat bercakap, telah mengumumkan beratus juta untuk membina rumah-rumah murah di Sabah dan di Sarawak. *[Ketawa]* Tuan Yang di-Pertua, saya jelaklah dengan cerita Kuala Lumpur ini. Kita jangan beri sangat seolah-olah Kuala Lumpur lah segala-galanya Malaysia ini.

Saya pergi ke pilihan raya di Sandakan, Batu Sapi. Ini peranan apa yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri punya kementerian? Lima minit dari bandar Sandakan, gelap gelita. *[Dewan riuh]* Saya tidak tahu sama ada kementerian Yang Berhormat Menteri hanya berikan geran perbandaran kecil-kecil ini, saya tidak tahu sama ada geran yang diberikan itu cukup atau tidak cukup, saya tidak tahu. Pentadbiran setiap bandaran ini pun saya tidak tahu, bagaimana, peranannya apa. Lima minit gelap gelita. Apakah orang-orang yang bertanggungjawab di bandar Sandakan itu tidur?

Saya bukan hendak memarahi Yang Berhormat Menteri. *[Ketawa]* Akan tetapi, kesannya itu ada kepada Yang Berhormat Menteri. Nasib baik orang Batu Sapi, orang yang tidak mudah diputar belitkan oleh pihak pembangkang walaupun mereka mundur, keadaan bandar gelap, tetap memilih Barisan Nasional. Saya mahu! *[Dewan riuh]* Ini Yang Berhormat Beluran, Yang Berhormat Kinabatangan tidak tahu lagi rumah-rumah murah yang diperlukan oleh rakyat. Lima minit di tengah-tengah bandar, rumah buruk, rumah usang, tandas tidak ada. *[Dewan riuh]* Apakah yang sebenarnya yang kita lakukan? Sebagai kerajaan tempatan, bagaimana kita hendak membantu? Saya harap Batu Sapi telah memberikan kepercayaan kepada kita, jangan kita sia-sia kepercayaan yang tinggi rakyat kepada kita.

Saya tidak tahu Yang Berhormat, bagaimana rumah murah ini. Kalau boleh disegerakanlah pembinaannya di Sabah dan Sarawak kepada orang-orang miskin. Orang-orang Kuala Lumpur RM250,000, RM300,000 pergi matilah mereka. Mereka boleh mampu, mampulah. Ini soal kampung, saya wakil rakyat kampung dan wakil rakyat orang-orang miskin. Saya hendak – bagaimana agaknya? Minta

maaflah orang Kuala Lumpur. Beluran tidak tahu lagi. Ini Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Beluran.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Setengah minit pun tidak ada lampu Yang Berhormat Sri Gading, dari pekan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Duduk di atas ini bukan main lagi. Beliau tidak dapat hendak menyuarakan. Saya suarakan bagi pihak Yang Berhormat Beluran. *[Ketawa]* Yang Berhormat Kinabatangan bolehlah hendak bercakap sini. Siang malam dia bercakap ini. Yang Berhormat Menteri, bagaimana dengan bandar-bandar kecil ini? Memalukan Yang Berhormat Menteri, saya bercerita dengan Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar tadi. Orang luar negara dari Jerman, Holland, England, Australia, Amerika Syarikat dan Perancis datang kerana hendak melihat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Orang Utan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Orang Utan di Sepilok.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sepilok. Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tiba-tiba bandar kita seperti itu rupa, memang patutlah Orang Utan duduk di Sandakan. *[Ketawa] Astaghfirullahaalazim. [Ketawa] Lailahaillallah. Astaghfirullahaalazim,* sedih saya. Saya tidak bercakap tentang hal ini, saya tidak boleh tidur pasal saya berdepan sekali dengan orang-orang di Batu Sapi yang miskin yang telah memegang tangan saya. *"Lihatlah rumah saya buruk seperti ini. Tandas pun tidak ada, Yang Berhormat".* Ini mundur 50 tahun daripada*... [Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kampung air tidak ada tanah. Di atas air.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Ya? *[Ketawa] [Dewan riuh].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mereka yang tinggal di atas air, kampung air. Dia tidak ada tanah.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Yang di atas air, satu hal lagi. Di pulau satu hal lagi. Yang Berhormat Menteri, tolonglah. Bukan hendak memarahi Yang Berhormat Menterilah tetapi kadang-kadang terasa jugalah. Rasalah. Kerajaan kita kadang-kadang, tidak tahulah bandar raya sahaja yang dilihat, seperti Kuala Lumpur, Johor Bahru, Pulau Pinang, Ipoh... Yang Berhormat Menteri.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Baik. Saya hendak menuntut janji ini Yang Berhormat Menteri sebab saya rasa dua orang Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sudah berjanji kata pada hari itu, jawab kata kita tidak ada statistik pemilikan rumah. Saya rasa baru minggu lepas, dua minggu yang lepas, timbalan kepada Yang Berhormat Menteri sudah memberikan penjelasan dalam Dewan ini dengan mengatakan memang kita tidak ada statistik pemilikan rumah. Betul! Dia jawab, dia kata yang ada ini di beberapa buah negeri sahaja seperti Pahang, kalau tidak silap saya memang Yang Berhormat Menteri memberitahu

ada statistik yang khusus untuk negeri Pahang. Akan tetapi, secara keseluruhan tidak ada.

Minggu lepas, Timbalan Menteri Kewangan menyebut memang kerajaan ada statistik pemilikan rumah. Saya hendak meminta penjelasan Yang Berhormat Menteri, yang mana satu betul? Kita ada atau tidak statistik pemilikan rumah, hendak menunjukkan berapa peratus rakyat Malaysia ini ada rumah, memiliki rumah, berapa peratus yang tidak ada pemilikan? Selepas itu, baru kita bercerita bagaimana cerita di Sabah, Sandakan dan sebagainya sebab semua ini berkenaan dengan pemilikan rumah terutama apabila kita menyentuh generasi yang berikhtiar untuk ada rumah pertama. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih kepada ketiga-tiga orang Yang Berhormat. Mengenai pertanyaan oleh Yang Berhormat Sri Gading biar nanti saya jawab, memang ada. Mengenai Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat dari...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

Seorang Ahli: Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Yang Berhormat Indera Mahkota, maaf. Kita selalu berjumpa, terlalu akrab, sudah lupa dah. *[Ketawa]* Mengenai pertanyaan Yang Berhormat Indera Mahkota dan Yang Berhormat Kota Raja. Ia seperti ini. Setakat ini dan sistem ini diamalkan di semua, seluruh dunia kecuali di negara komunis. Semua tahu *market* kita adalah satu *market* terbuka. Pihak-pihak swasta juga apabila mereka hendak membina rumah, hendak menjual rumah pun mereka akan mengikut penawaran, permintaan. Kalau orang tidak minta, memang mereka tidak berani terus memajukan skim-skim perumahan.

Mengikut apa yang kita ada di sini, rekod kita. Paling banyak sekali, kalau hendak melihat daripada segi peningkatan secara kadarnya, harga peningkatan, harga pada tahun lepas dan tahun ini, ia naik 6.3% di Wilayah Persekutuan, yang paling banyaklah. Yang lain itu lebih kurang sebab di Johor dan Pulau Pinang memang ia rendah lagi. Jangan lupa, apabila kita hendak membeli sebuah rumah, kalau kata RM220,000 tidak dapat beli memang di tengah-tengah Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, saya mengaku.

■1630

Akan tetapi kalau kita pergi jauh sedikit, bagi orang muda yang baru masuk bekerjakan, dia tidak payah beli sebuah rumah besar lagi. Kalau hendak beli *apartment,* kalau hendak beli rumah yang lebih - kalau di teres yang satu tingkat. Kalau kita pergi sampai Kajang, kalau kita pergi jauh sedikit Semenyih masih boleh...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Masih boleh beli. Bagi golongan yang 40% yang bawah ini...

[Tuan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Ini kita kerajaan perlu bantu. Sebab itulah kementerian saya mewujudkan satu skim iaitu di bawah PPR untuk membantu membina di mana kepadatan penduduk yang ingin orang ramai memerlukan rumah kita membina di situ. Nanti saya akan beri statistik berapa buah unit kita sudah bina.

Mengenai statistik ini, kita mempunyai satu statistik yang di mana kita dapat membuat satu *open registration*. Mengikut kementerian kami setakat ini

masih terdapat 93 ribu keluarga yang masih tidak mempunyai tempat kediaman. Mereka ini termasuk setinggan dan orang yang betul-betul miskin yang tidak mempunyai rumah sendiri. *So,* kita pegang kepada asas inilah untuk membina lebih banyak PPR tetapi kalau kita hendak bina PPR pun kita hendak melihat tempat mana yang lebih ramai sekali supaya kita dapat membuat pembinaan projek PPR di negara ini. Yang Berhormat...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri, sedikit buat penjelasan. Menteri pertama sekali ingin saya tegaskan di sini bahawa Dasar Perumahan Kerajaan pada hari ini gagal. Saya tidak yakin dengan penjelasan tadi. Satu, kerana tadi Menteri memberi satu contoh yang ekstrem konon hanya di negara komunis sahaja satu dasar boleh digunakan dalam mengawal selia, saya panggil *market excess* ataupun lebihan pasaran.

Kita bersetuju pendekatan *supply* dan *demand* iaitu pendekatan ekonomi pasaran. Akan tetapi yang kita bincangkan di Dewan yang mulia ini dan mahu penjelasan lanjut Menteri ialah apa yang kita panggil *market excess,* lebihan pasaran kerana Menteri saya sanggah apa yang Menteri cakap tadi tidak benar. Hatta di Balik Pulau sendiri Menteri, rumah hendak cari RM300,000 ke bawah pun tidak ada. Kategori Balik Pulau itu luar bandar. Jadi, maksudnya hari ini kita perlukan satu dasar dengan izin, *property rights* atau pemilikan yang baru yang mana kita boleh bukan kata mengawal pasaran sehinggakan ianya tidak mesra kepada pengusaha.

Akan tetapi apa yang saya maksudkan di sini dan kerana dengan izin, *property rights is a human rights.* Hak hartanah ini ialah hak asasi. Ini kita akan jumpa di mana orang berjuang habis-habisan untuk dapatkan rumah. Jadi saya rasa Menteri, saya cadangkan perlu satu tindakan yang lebih radikal, mungkin kementerian Menteri dan juga kementerian EPU dan sebagainya terutama Kementerian Perancangan Luar Bandar dan Wilayah.

Oleh kerana isu ini isu hak asasi manusia. Dia bukan lagi isu ekonomi biasa. Saya cadangkan Menteri dapatkan fakta secepat mungkin, kalau tidak perkara ini akan jadi perkara yang merugikan rakyat Malaysia.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat Menteri, serentak. Menteri sama harga rumah. Yang Berhormat Menteri, saya setuju bahawa negara kita mengamalkan satu *laissez faire economy* di mana harga itu ditentukan oleh permintaan dan juga *supply, demand and supply.* Akan tetapi ramai rakyat yang saya jumpa, mereka bimbangkan berlaku manipulasi harga rumah dengan lain kata permintaan itu hanya diwujudkan oleh kaedah manipulasi sahaja.

Jadi kita hendak tahu, saya hendak minta penjelasan adakah kementerian mempunyai satu mekanisme untuk mengesan punca permintaan itu? Adakah permintaan itu benar atau hanya diwujudkan dengan cara manipulasi supaya harga pasaran itu sebenar-benarnya membayangkan kedudukan ataupun keadaan permintaan yang sebenarnya. Itu adalah penting. Kita tidak boleh katakan kita mengamalkan satu sistem *free enterprise,* akan tetapi *free enterprise* itu boleh dimanipulasikan dan rakyat akan kerugian. Minta penjelasan.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Balik Pulau dan Yang Berhormat Tebrau. Pertama sekali mengenai pertanyaan Yang Berhormat Balik Pulau memang saya tidak setujulah kalau kita katakan Dasar Perumahan Negara ini telah gagal sebaliknya saya percaya kerajaan telah pun mencapai kejayaan dalam dasar-dasar ini.

Kita dapat mengimbangi iaitu harga rumah diteruskan, diberikan untuk peluang untuk dinaiki pada masa yang sama kita hendak melihat supaya ianya tidak menjadi satu keadaan *bubble.* Kedua, kita senantiasa mengkaji sama ada hala tuju kerajaan dari segi mempromosikan perumahan-perumahan ataupun rumah milikku di negara ini. Mungkin kita tidak sampai setakat tahap itu lagi.

Akan tetapi walau bagaimanapun kita telah pun sentiasa mengkaji seperti saya katakan dalam 40% masyarakat yang terbawah, kita memang hendak menjaga supaya mereka ini sekurang-kurangnya dapat memiliki rumah untuk didiami oleh mereka sendiri. Tidak payah beli pun. Kerajaan bina sebuah rumah dan kosnya mungkin RM80,000 hingga RM100,000 walaupun dia bertingkat. Akan tetapi mereka ini hanya bayar RM124 sebulan untuk sebagai penyewa dan hingga mereka dapat membeli serta mampu membeli barulah membeli.

Kedua, pertanyaan Yang Berhormat Tebrau. Seperti kita katakan tadi, *this is* ekonomi terbuka. Kita akan campur tangan jika keadaan memerlukan kerajaan untuk bertindak. Satu misalan, walaupun orang kata memang takut, wujud satu keadaan *bubble* akan tetapi kita sentiasa mengkaji, mengawal selia sama ada ianya bolehkah kita hendak memastikan rakyat kita tidak merugi. Walaupun mereka ini membuat spekulasi mengenai pembelian rumah di semua pasaran. Tidak kira sama ada dalam pasaran rumah ataupun pasaran saham memang mempunyai elemen *speculation*. Itu tidak dapat dielakkan.

Akan tetapi kita hendak melihat macam mana ia di spekulasi memang kita tidak tahu, saya mengaku. Setakat ini berapa peratus pembeli yang *genuine* yang betul-betul tulen membeli ataupun peratusan pembeli yang menjadi spekulatif hendak mencari keuntungan dengan secepatnya. Walau bagaimanapun...

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri minta maaf. Saya tidak mengatakan spekulasi sahaja. Yang saya maksudkan ialah manipulasi. Manipulasi bermakna *you create a false demand, a false demand, created by certain quarter.* Jadi yang kita bimbangkan adalah keadaan macam itu. Jadi adakah sesuatu mekanisme untuk mengesan punca *false demand* itu? Adakah pembeli-pembeli itu sebenarnya daripada rakyat, dari kalangan rakyat Malaysia ataupun dari orang luar untuk memanipulasikan harga rumah?

Seorang Ahli: Setuju, setuju. *[Tepuk]*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Yang Berhormat Tebrau bukan senang hendak memanipulasikan harga pasaran rumah. Kalau Yang Berhormat kata ada spekulasi memang saya setujulah. Mungkin ada elemen spekulasi, akan tetapi manipulasikan harganya mengikut pendapat kitalah memang tidak senang wujud keadaan itu.

Walau bagaimanapun, kita harus mengambil maklum juga baru-baru ini Bank Negara Malaysia telah pun mengambil langkah yang awal dari segi mengehadkan pinjaman ke tahap 70% bagi rumah - pembeli rumah yang ketiga. Ini kemungkinan akan bantu...

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: *[Bangun]*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Akan bantu harga pasaran rumah. Walaupun setakat ini kita tidak melihat ada apa-apa yang mungkin akan menjadi satu keadaan *bubble.*

Tuan Mohd. Yusmadi Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Menteri sedikit Menteri. Saya bukan tidak percaya apa yang Menteri cakap, akan tetapi memang saya tidak percaya.

■ **1640**

Saya cadangkan kepada Yang Berhormat Menteri buat satu *survey* terbaru, dapatkan suara rakyat daripada bawah, *bottom up.* Ini kerana saya gerenti, saya percaya, buktikan saya salah bahawa rakyat di bawah sana tahu bagaimana hak pemilikan rumah adalah masalah yang paling utama. Ini kerana saya rasa kalau Yang Berhormat Menteri cakap begini tanpa – saya yakin di sidang akan datang Yang Berhormat Menteri patut di Dewan ini beri statistik dan apa Yang Berhormat Menteri cakap tadi itu ialah suatu perkara yang boleh dipertahankan.

Ini kerana saya yakin, setakat saya tahu di Parlimen Balik Pulau sendiri, perkara ini adalah perkara yang sudah kritikal. Masalah pemilikan rumah kritikal, kerja kilang. Saya bercakap bagi pihak golongan yang berpendapatan pertengahan ke bawah seperti Yang Berhormat Sri Gading tadi. Ini kerana Yang Berhormat Menteri, perkara ini ialah sampai ke suatu tahap yang kritikal yang mana saya takut akan menjadi beban kepada negara kalau kita tidak selesai dalam masa terdekat.

Saya rasa Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa dasar sekarang perlu diperbetulkan. *We need a new policy.* Di Pulau Pinang dengan izin Tuan Yang di-Pertua, ada PERDA, ada macam-macam tetapi kenapa masih lagi belum selesai masalah ini? Adakah masalahnya masalah *governance*? Urus tadbir atau masalah-masalah manipulasi? Saya rasa mesti ada masalah di situ kerana duit kita belanja sudah berbilion ringgit, berjuta ringgit untuk tujuan yang baik itu. Saya rasa Yang Berhormat Menteri mungkin boleh setuju kita perlukan dasar baru untuk hak pemilikan rumah untuk rakyat Malaysia.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Saya sambung sedikit Yang Berhormat Menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri, ada dua Yang Berhormat yang bangun. Yang Berhormat Jasin dengan Yang Berhormat Indera Mahkota.

Dato' Wira Chor Chee Heung: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Jasin yang bangun dahulu Yang Berhormat.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya baru-baru ini kerajaan telah membuat pengumuman bahawa kita menggalakkan pembeli-pembeli untuk rumah ketiga sebanyak 70%. Rumah pertama 100% ataupun 90%, rumah kedua 90% ataupun 100%. Seolah-olah apa yang kita buat pada ketika ini, kita menggalakkan spekulasi. Ia baik kepada mereka yang mempunyai kebolehan untuk membeli tetapi adalah satu perkara yang cukup memberatkan kepada mereka yang tidak mempunyai kemampuan.

Kalaulah kita benarkan mereka membeli satu ataupun lebih daripada satu rumah, maknanya tujuan mereka yang utama adalah untuk spekulasi. Harga rumah sekarang semakin meningkat sepatutnya, kerajaan mestilah memperkenalkan satu peraturan, semua perumahan-perumahan yang baru yang hendak dimajukan mestilah ditetapkan harga oleh pihak kerajaan supaya harga yang mampu beli selain daripada sebahagian peratusannya diperuntukkan kepada pendapatan sederhana juga rendah.

Kalaulah kita membiarkan pemaju-pemaju sewenang-wenangnya menaikkan harga, maka dengan sendirinya harga rumah pada ketika ini akan terus meletup. Di Kuala Lumpur saya yakin bukan 6% yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri tadi. Pada ketika ini, ada daripada data yang menyebutkan bahawa kenaikan harga rumah pada tahun 2010 berbanding dengan tahun 2008 dan tahun 2009 sebanyak 30%. Itu yang pertama.

Kedua Yang Berhormat Menteri, kita hendak lihat kalau boleh apa yang disebut oleh sahabat saya daripada Indera Mahkota tadi, kerajaan mesti mewujudkan data pemilikan perumahan. Ini cukup penting supaya kita dapat perhatikan dalam usaha kita untuk memastikan semua orang dapat memiliki rumah. Tidak ada orang yang ada 10 rumah kerana dia ada kemampuan dan dia menyekat orang-orang lain hendak memiliki rumah. Kalau orang macam saya hendak beli rumah, memang cukup mustahil di Kuala Lumpur kerana harga yang cukup melambung sekali sampai 30% naik. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya lanjutan daripada itu, sebab ada fakta yang pernah diberi dalam Dewan ini mengatakan dasar pemilikan ini bukan hanya terhad kepada rumah kediaman sahaja. Kita tidak langsung mengawal atau meletakkan klasifikasi pemilikan ini kepada harta atau premis-premis yang *as standard* yang lain seperti rumah kedai, gerai dan sebagainya. Oleh sebab itu ada data mengatakan seorang warganegara kita mempunyai 500 unit premis termasuk rumah-rumah kediaman, bangunan kedai dan juga termasuk juga gerai perniagaan kecil yang dikendalikan oleh majlis ataupun pihak berkuasa tempatan, oleh kerana kita tidak mempunyai data yang menyeluruh untuk menyekat ataupun *monitoring* dengan izin, tentang pemilikan ini.

Oleh sebab itu soal *bubble* ini terselit di antara kaedah di mana kita melihat harga perumahan itu yang ditawarkan mengikut harga pasaran dengan harga yang termasuk bidang ataupun aspek manipulasi ataupun setengahnya melibatkan spekulasi yang diwujudkan di antara orang yang menyediakan prospek pinjaman perumahan dan juga prospek yang ingin memiliki rumah. Memang perkara ini duduk di tengah-tengah. Saya katakan itu kerana sudah dua Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan dengan jelas dalam Dewan ini juga dan dalam sesi ini juga mengatakan kita belum ada satu kepastian untuk mengimbangkan dua kaedah ini.

Saya rasa Kementerian Kewangan, Bank Negara, kementerian Yang Berhormat dan juga kementerian yang berkait dengan KPDN atau yang ada kena-mengena dengan aspek memberi pinjaman wang dan sebagainya perlu diletakkan dalam satu bumbung untuk melihat. Sekurang-kurangnya kita cuba. Kalau gagal dan kita pulangkan semula ini kepada kementerian yang secara berasingan itu tetapi kita cuba sekali. Kalau jelas sudah tidak boleh, itu maksudnya rakyat terpaksa menerima hakikat memang kita tidak dapat atau tidak mampu untuk menyelesaikan perkara ini. Kalau hendak tukar pun, tukarlah kerajaan selepas itu. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih kepada ketiga-tiga Yang Berhormat Balik Pulau, Yang Berhormat Indera Mahkota dan Yang Berhormat Jasin. Biar saya jawab Yang Berhormat Jasin dahulu mengenai kawalan harga rumah sama juga dengan Yang Berhormat Balik Pulau. Yang Berhormat Balik Pulau bertanya mengenai dasar baru. Saya percaya buat masa ini tidak perlulah kita ada apa-apa dasar baru.

Akan tetapi, saya akan memberi satu jaminan bahawa saya akan membuat satu peninjauan di tempat yang dikatakan oleh Yang Berhormat. Saya hendak lihat bagaimana perkembangannya. Akan tetapi pada asasnya, ekonomi

kita dari segi pasaran harga perumahan memang adalah seperti perniagaan-perniagaan yang lain adalah bergantung kepada penawaran dan permintaan. Kerajaan kita masih boleh mengambil langkah-langkah untuk mengawal selia keadaan pada keseluruhannya. Satu, misalan ialah langkah-langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia.

Kedua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Jasin. Memang cukup susah lah kalau kita – kalau kita kata rumah ketiga, kita hanya hadkan pinjaman hingga 70%, Yang Berhormat pun tidak setuju. Beliau kata perlu buat rumah yang pertama ataupun rumah yang kedua. Akan tetapi walau bagaimanapun, saya percaya Bank Negara telah pun mengkaji situasi pada keseluruhannya. Walaupun setakat ini kita tidak dapat melihat ada apa-apa perkembangan hingga wujud satu *bubble*. Akan tetapi seperti yang saya katakan tadi, langkah yang diambil oleh Bank Negara Malaysia menunjukkan dengan jelasnya bahawa memang terdapat berbagai agensi kerajaan yang sentiasa mengawal selia dan meneliti harga pasaran rumah pada keseluruhannya.

Mengenai statistik ini, memang kita ada juga. Akan tetapi, statistik ini bukan seperti statistik yang dikatakan Yang Berhormat Indera Mahkota. Kita memang mendapat dari berbagai-bagai sumber dan memang kita dapat, kita ada – nanti dalam jawapan saya ada tidak sampai di situ lagi. Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan dalam usaha mengecapi Wawasan Pembangunan Negara 2020 turut membela nasib golongan berpendapatan rendah dan golongan setinggan. Agenda utama kerajaan adalah untuk memastikan golongan ini mempunyai tempat tinggal yang selesa yang berkualiti. Oleh yang demikian, dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh, sasaran pembinaan 161,000 unit rumah mampu milik telah ditetapkan. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 78,000 unit rumah akan dibina oleh kerajaan di bawah Program Perumahan Rakyat (PPR) dan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT). Manakala yang selebihnya akan dibina oleh pemaju swasta.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Sungai Siput, bagi rumah PPR yang dibina oleh KPKT, ia mempunyai keluasan antara 650 kaki persegi hingga 700 kaki persegi dan dilengkapi ruang tamu, ruang makan, dapur dan tiga bilik.

■ **1650**

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Putatan pula, antara golongan yang mendapat manfaat daripada program ini adalah penduduk di kawasan Putatan yang mana sebanyak 1,300 unit buah rumah dijangka akan dimulakan pembinaan pada tahun 2011. Program ini adalah salah satu usaha kerajaan dalam perencanaan dasar dan program-program perumahan untuk memastikan harga rumah adalah berpatutan bagi golongan berpendapatan sederhana dan rendah seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kinabatangan.

KPKT sebagai kementerian yang diamanahkan untuk menyediakan kemudahan kediaman untuk golongan berpendapatan rendah juga telah mewajibkan para pemaju untuk membina perumahan kos rendah ataupun sederhana dalam setiap projek perumahan yang dibangunkan mengikut kuota yang telah ditetapkan oleh kerajaan negeri agar seluruh pelosok rakyat berupaya dan dapat membeli tempat kediaman dalam lingkungan kemampuan masing-masing seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Datuk Seri Panglima Wilfred Mojilip Bumburing [Tuaran]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat

Menteri. Saya mahu tanya Yang Berhormat Menteri oleh sebab Yang Berhormat telah menyentuh tentang penyediaan rumah mampu milik atau *affordable house.* Saya ingin minta kementerian untuk mengkaji satu kes di mana rumah pangsa, *affordable house* di kawasan saya di Tuaran. Jikalau tidak silap saya nama perumahannya 'Terubuk Kriyas'. Sepatutnya ini adalah untuk orang tempatan tetapi saya dimaklumkan bahawa banyak unit ini telah disewakan kepada anggota tentera laut di Kota Kinabalu. Jadi ini telah menyekat orang-orang tempatan untuk menduduki rumah ini. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri tolong siasat. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Menteri boleh saya sambung rumah rakyat termiskin ini? Yang Berhormat, kemiskinan dalam bandar adalah merupakan satu perkara yang diberikan perhatian oleh kerajaan dengan membantu membina dan memberikan rumah kepada rakyat termiskin akan mengurangkan beban. Akan tetapi nampaknya dasar kerajaan kita hanya fokus kepada bandar-bandar besar sahaja. Apakah kementerian Yang Berhormat boleh kaji juga di mana bandar-bandar kecil, sebagai contoh di Bahau juga mempunyai kumpulan masyarakat miskin dalam bandar dan keperluannya sangat tinggi. Saya cadangkan supaya kementerian Yang Berhormat mengambil kira juga bandar-bandar kecil tetapi bilangan rakyat termiskin di dalam bandar yang memerlukan perumahan ini diberikan keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Tuaran dan juga Yang Berhormat Jempol. Saya kena siasat dahulu. Pada lazimnya, projek PPR ini diberikan peluang kepada golongan yang berpendapatan rendah ataupun yang sederhana di satu-satu tempat di mana ia dibina. Jika di situ kalau memang tidak dapat diisi penuh, maka ia akan dipelawa kepada penduduk-penduduk yang berhampiran di kawasan itu. Namun kes di Tuaran ini saya hendak siasat tengok sebab ia disewa kepada tentera laut, sama ada rumah ini dikategorikan sebagai projek PPR.

Mengenai Yang Berhormat Jempol, memang di mana-mana tempat pun terdapat orang yang berpendapatan rendah atau miskin. Sebelum kita membina tempat itu kita kena kaji dan tengok sama ada ia dapat diisi. Katakanlah kita membina satu - dua blok projek PPR rumah bertingkat, kalau kita mempunyai rancangan untuk membina 1,000 unit tetapi dari segi kajian kita hanya dapat mengisi 200 unit. Selebihnya 800 unit ini tidak dapat diisi langsung di Bahau atau di mana-mana pun. Oleh sebab itulah kita perlu tengok tempat di mana kita hendak beri keutamaan dahulu.

Akan tetapi tidak mengapalah, Yang Berhormat Jempol kata di situ ramai, kita hendak lihat kalau boleh kita bincang dengan kerajaan negeri. Jika kerajaan negeri dapat menyediakan tapak untuk projek PPR ini, mungkin kita akan cuba melihat bagaimana kita dapat bantu di Jempol. Sebelum itu, selain daripada penyediaan tapak dan tanah, kita hendak memastikan bahawa projek ini akan diisi secara penuh kerana kita hendak memastikan golongan yang berpendapatan rendah yang tidak melebihi RM2,500 sebulan pendapatan satu-satu keluarga itu sahaja layak untuk membuat permohonan mendapatkan projek PPR.

Tuan Yang di-Pertua, langkah ini sekali gus membolehkan golongan berpendapatan rendah memiliki rumah sendiri kerana harga kos rendah adalah dikawal pada paras tidak melebihi RM42,000 di Semenanjung dan tidak melebihi RM50,400 di Sabah dan Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah *rolling plan* pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh, empat projek baru Program Perumahan Rakyat (PPR) telah diluluskan termasuk PPR Mengkuang Tanduk di Pulau Pinang, PPR Kuala Perlis di negeri

Perlis, PPR Kampung Hasan di negeri Selangor dan PPR Gua Musang di Kelantan.

Ahli Yang Berhormat Kuala Krai dan Yang Berhormat Beruas telah pun membangkitkan isu kos pembinaan PPR Gua Musang yang mempunyai kos pembinaan yang terlalu tinggi. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kos sebanyak RM180 juta yang diluluskan ini merupakan anggaran awal manakala kos sebenarnya akan ditentukan kemudian melalui proses perolehan. Ini tidak bermaksud bahawa RM180 juta ini diluluskan dan digunakan sehingga habis. Kita hendak melihat tetapi ini adalah siling yang ditetapkan.

Kementerian sentiasa mengambil pendekatan untuk mengurangkan kos pembangunan sesuatu projek. Namun, pada masa yang sama Program Perumahan Rakyat yang dilaksanakan ini tetap perlu menyediakan rumah yang selesa dan berkualiti dengan kemudahan infrastruktur dan awam yang lain seperti surau, jalan raya, dewan serba guna, tadika, kedai-kedai dan sebagainya untuk mewujudkan perumahan yang kondusif dan selesa didiami.

Sebagai maklumat kepada Ahli Yang Berhormat Kuala Nerus, rumah-rumah yang dibina KPKT di bawah program PPR ini akan diserahkan kepada kerajaan negeri dan PBT untuk urusan penyewaan dan penjualan yang dilakukan berdasarkan kriteria-kriteria yang telah pun ditetapkan.

Kriteria tersebut merangkumi kaedah permohonan membeli rumah melalui sistem pendaftaran terbuka, penetapan pendapatan isi rumah di bawah RM2,500 serta keutamaan kepada golongan setinggan. Peserta yang telah dikenal pasti akan dapat membeli atau menyewa rumah PPR. Sewa sebanyak RM124 sebulan seperti yang saya katakan tadi yang dikutip ini akan digunakan oleh pihak berkuasa tempatan untuk kerja-kerja penyelenggaraan blok rumah PPR ini.

Sebagai makluman kepada Ahli Yang Berhormat Parit, kerajaan juga ada menyediakan peruntukan bagi membantu kerja-kerja pembaikan utama dan penyenggaraan seperti penggantian lif dan tangki air bagi perumahan kos rendah awam dan swasta di seluruh negara. Kerja-kerja ini akan mula dilaksanakan mulai tahun 2011.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan permohonan Ahli Yang Berhormat Pasir Salak agar KPKT membantu dalam membiayai kos infrastruktur projek pembinaan 1,500 unit buah rumah rakyat miskin di negeri Perak sebagai *pilot project* kepada penduduk di kawasan Pasir Salak. Kementerian saya tiada halangan terhadap pelaksanaan projek ini dan akan mempertimbangkan pelaksanaannya dalam *rolling plan* kedua Rancangan Malaysia Kesepuluh kerana di dalam *rolling plan* pertama hanya empat projek PPR baru yang telah diluluskan oleh agensi pusat.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membolehkan usaha pemantauan sektor perumahan dilakukan secara menyeluruh, pengumpulan maklumat asas pemilikan rumah secara terperinci adalah penting seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota. Oleh yang demikian, statistik pemilikan rumah telah dizahirkan melalui laporan banci penduduk dan perumahan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia setiap sepuluh tahun. Berdasarkan kepada Laporan Banci Penduduk dan Perumahan 2000 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan, sebanyak 67.3% ataupun 3,219,000 isi rumah telah memiliki rumah daripada keseluruhan jumlah isi rumah persendirian iaitu sebanyak 4,777,000 isi rumah.

■ 1700

Saya amat tertarik dengan keprihatinan Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota yang memberikan cadangan terhadap Dasar Perumahan Negara yang masih dalam proses penggubalan. Saya akan mengambil perhatian terhadap pandangan Ahli Yang Berhormat Indera Mahkota dan akan mengambil kira pandangan Yang Berhormat tersebut. Namun, apa yang boleh dijanjikan adalah dasar ini bakal mencorakkan hala tuju pembangunan sektor perumahan yang lebih mantap.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar bahawa pelaburan untuk membeli rumah merupakan antara pelaburan paling besar seseorang. Sehubungan itu, kerajaan sentiasa memantau kemajuan pelaksanaan projek oleh para pemaju bagi mengelakkan berlakunya insiden projek terbengkalai.

Namun, kerajaan tidak berniat untuk mewajibkan pemaju ataupun pihak bank untuk menyediakan insurans kepada pembeli-pembeli rumah supaya beban kewangan tidak ditanggung mereka sekiranya sesuatu projek terbengkalai seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Kota Raja. Ini kerana melalui perbincangan yang telah diadakan, didapati tidak ada syarikat insurans yang berminat untuk menawarkan polisi untuk menjamin risiko perumahan terbengkalai ini.

Memandangkan tiada syarikat yang ingin menawarkan jaminan terhadap risiko projek terbengkalai, KPKT melalui struktur organisasi sedia ada telah memikul tanggungjawab ini melalui kaedah pemantauan dan penguatkuasaan yang berterusan terhadap pemaju-pemaju swasta bagi memastikan tiada projek perumahan swasta yang terbengkalai.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam, antara tindakan yang telah diambil oleh kementerian saya termasuklah...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Minta laluan. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tunggu saya habiskan ini dahulu. Antara tindakan yang diambil kementerian saya termasuklah meningkatkan penguatkuasaan terhadap pemaju perumahan melalui tindakan mengkompaun dan pendakwaan bagi pelbagai kesalahan di bawah Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) dan menyenaraihitamkan pemaju dan ahli lembaga syarikat pemaju atas kesalahan berikut:-

(i) terlibat dengan projek perumahan terbengkalai;

(ii) gagal mematuhi award tribunal tuntutan pembeli;

(iii) gagal membayar kompaun;

(iv) terlibat dengan projek perumahan sakit; dan

(v) disabitkan kesalahan di bawah Akta 118 dengan tidak melebihi RM10,000.

Maksudnya, dalam jawapan singkat di sini, saya sekarang ini amat memandang serius terhadap para pemaju ataupun syarikat-syarikat pemaju yang telah pun memulakan projek perumahan tetapi sebelum mendapat OC ataupun sebelum menyiapkan projek, ianya menjadi projek terbengkalai. Sekarang ini saya telah memberi arahan kepada pegawai saya di Jabatan Perumahan Negara, kita harus membuat pemantauan yang cukup teliti supaya tidak ada pemaju-pemaju yang selepas projek pertama yang telah terbengkalai sama ada sengaja atau tidak, pergi pula menubuhkan sebuah syarikat untuk memajukan tapak perumahan di tempat lain. Ya, Yang Berhormat.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Memanglah apa yang hendak dilakukan oleh kementerian itu memang kita puji. Namun, ada kes di mana kita dapat tahu bahawa mereka tidak menubuhkan syarikat di bawah nama mereka tetapi ia mempelbagaikan nama proksi-proksi. Itu pertama.

Kedua adalah masalah rumah-rumah terbengkalai yang lepas-lepas. Yang ke depan ini *insya-Allah* kita harapkan tidak lah berlaku. Namun, apakah pembelaan kerajaan kepada mereka yang membeli rumah dan kemudian terbengkalai dan terpaksa terus membayar kepada pihak bank? Memang kalau kita beri pilihan kepada bank mahu pun pemaju, mahupun syarikat insurans, mereka tidak akan sanggup untuk menginsuranskan rumah-rumah ini.

Akan tetapi, inilah yang kita katakan kalau ada satu dasar, satu polisi – kerana di sini bank tidak pernah rugi. Pemaju sudah lari yang akhirnya adalah hanya pembeli rumah yang masih terus membayar bayaran kepada bank dan pada masa yang sama tidak boleh membeli satu rumah baru untuk mereka. Jadi, apakah pembelaan daripada kerajaan kepada pihak-pihak – sampai hari ini masih belum ada satu polisi untuk membela mereka. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja. Dua soalan di sini. Pertama mengenai pemaju-pemaju yang menggunakan nama-nama proksi untuk mendapatkan lesen dan selepas membuat setengah, tidak menyiapkan rancangan perumahan itu dan telah pun terbengkalai. Ini memang pernah berlaku. Dahulu kita memang dapat tahu bahawa memang berlaku lah tetapi setakat ini sejak tahun 2005, kita memang cukup serius mengenai perkara ini tidak kira sama ada pemaju ini menggunakan proksi atau tidak, kita kena halusi dahulu sebelum kita memberikan lesen. Oleh yang demikian, kita dapat lihat bahawa sejak tahun 2005 hingga sekarang, projek-projek yang terbengkalai bukan kata tidak ada tetapi sudah turun sampai satu keadaan yang kita dapat kawal. Itu soalan pertama.

Kedua, malangnya kita tidak dapat cari satu formula lagi di mana kita dapat melindungi pembeli-pembeli yang telah pun berhutang dengan bank di mana rumah yang dibeli telah dicagarkan kepada bank tetapi akhirnya rumah tidak dapat disiapkan dan skim telah pun menjadi terbengkalai. Mereka ini harus membayar *installment* ataupun *interest* ataupun faedah kepada bank. Saya mengakulah setakat ini kita tidak dapat mencari satu formula yang boleh membantu pembeli-pembeli rumah sebab seperti yang saya katakan tadi, kita mempunyai perbincangan dengan syarikat-syarikat insurans dan tidak ada syarikat insurans yang berani mengambil risiko itu untuk memberi perlindungan insurans kepada bakal-bakal pembeli.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, mungkin Yang Berhormat Menteri tidak akan dapat menjawab soalan saya berikutnya tetapi mungkin boleh fikirkan untuk bajet tahun hadapan. Berapakah nilai sebenarnya hutang ataupun *installment* pembeli-pembeli rumah terbengkalai ini kepada pihak bank? Kalau kiranya kerajaan dapat memikirkan secara berperingkat-peringkat untuk melangsaikan ataupun membantu mereka di dalam hal ini untuk bantu mereka beli rumah lain dan sebagainya, itu adalah satu pembelaan yang saya fikir rakyat Malaysia akan berterima kasih sangat. Terima kasih.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Yang Berhormat Menteri, Maran.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya, Yang Berhormat Maran.

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Boleh jawab sekali? Saya tertarik dengan jawapan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Kota Raja. Akan tetapi, saya juga rasa tidak patutlah kalau kita biarkan pemaju-pemaju perumahan ini membuat projek, mereka sudah mendapat sedikit keuntungan, selepas itu mereka tinggalkan begitu sahaja dan selepas itu kita minta kerajaan cari duit – Menteri Kewangan I, Menteri Kewangan II dan sebagainya untuk mencari duit untuk membayar kepada pembeli-pembeli rumah.

Pada saya, tidak memadai kementerian membuat pemerhatian meneliti, dengan serius dan sebagainya. Apa yang penting, apakah *punishment*? Maknanya denda ataupun balasan terhadap tindakan yang diambil oleh kementerian kepada pemaju-pemaju ini. Mereka melihat apabila disebutkan beribu ataupun beratus buah rumah yang hendak dibuat, dibaca berapa keuntungan yang sudah diperolehi, lantas mereka pun bercadang untuk buat. Akhirnya, mungkin selepas mendapat sedikit duit, mereka tinggal begitu sahaja dan kita dengan mudah menerima balik kegagalan rumah ini oleh kerajaan. Jadi, ini tidak sepatutnya. Saya hendak kalau boleh, apa balasan ataupun tindakan diambil kepada syarikat-syarikat perumahan ini yang tidak bertanggungjawab? Jadi, setakat ini berapa tindakan yang telah dikenakan?

Walaupun baik pandangan Yang Berhormat Kota Raja tetapi takkanlah kita hendak bebankan sepanjang masa kepada kerajaan. Apabila gagal sahaja perumahan, diserahkan kepada kerajaan, kita pun cari duit, bayar dan bantu peminjam-peminjam ini untuk membayar bank. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Maran.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Yang Berhormat Menteri.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ada dua pendapat di sini.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Boleh sambung sedikit tidak? Saya tahu untuk bajet yang lepas, kerajaan sebenarnya menyediakan peruntukan RM200 juta untuk menyelamatkan projek terbengkalai. Akan tetapi untuk bajet tahun depan ini, saya nampak tidak ada wang diperuntukkan. Jadi, saya sebenarnya mohon jawapan daripada Yang Berhormat Menteri, apakah cadangan penyelesaian untuk selamatkan projek yang terbengkalai di kawasan saya iaitu di Taman Layang-layang yang mana pemaju telah pun muflis, *bankrupt* tetapi masih berhutang pada Maybank sebanyak RM15 juta? Saya mohon penjelasan. Terima kasih.

■ 1710

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Kota Raja, Yang Berhormat Maran, dan Yang Berhormat Simpang Renggam. Terutama sekali dua orang iaitu Yang Berhormat Kota Raja dan Yang Berhormat Maran memberi pendapat yang berbeza-beza.

Akan tetapi saya lebih bersetuju dengan Yang Berhormat Maran. Bukan kata Yang Berhormat dari pembangkang, tidak. Ini kerana masalah ini memang satu masalah yang pokok dan ini melibatkan kerugian rakyat kita, bukan? Akan tetapi kalau kerajaan mahu memikul tanggungjawab itu untuk mencari duit membayar semula kepada pembeli, nampak tidak begitu munasabahlah. Ini adalah satu projek swasta. Apa yang boleh dibuat oleh kerajaan setakat ini ialah seperti dikatakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam.

Pada setiap tahun kerajaan mahu membantu juga pembeli-pembeli projek-projek terbengkalai. Bagaimana kita mahu membantu? Kita membantu selepas sesuatu projek yang diisytiharkan sebagai projek terbengkalai. Maka, kita akan

mencari pemaju penyelamat dan pemaju penyelamat diberikan pelung untuk memberi cadangan bagaimana kita dapat menghidupkan atau pun menyiapkan projek perumahan atau pun *revival of the housing project* yang dianggap sebagai terbengkalai. Kita mempunyai tabung tiap-tiap tahun. Tahun ini 200,000 seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam.

Akan tetapi memandangkan masih terdapat begitu banyak projek yang terbengkalai, maka, kita sedang berusaha untuk mencari pemaju penyelamat. Jika sesebuah syarikat pemaju penyelamat datang dan buat satu kajian terperinci, mengikut beliau dia perlukan sedikit pertambahan peruntukan untuk menyiapkan projek itu dan kita akan kaji juga. Jika munasabah dan jika adil dan saksama, maka kita akan memberikan kepada pemaju penyelamat untuk melaksanakan projek itu.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang Berhormat Menteri, sedikit pembetulan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri...

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Yang saya maksudkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri panjang lagikah Yang Berhormat?

Dato' Wira Chor Chee Heung: Panjang juga Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapa saya akan cepatlah nanti.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Apa yang saya maksudkan adalah rumah-rumah terbengkalai yang lepas dan ke hadapan. Saya rasa kementerian telah mengambil banyak langkah-langkah untuk menghalang daripada rumah terus terbengkalai atau menyelamatkannya. Maksud saya adalah yang kebelakang. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat dari Maran bahawa satu tindakan yang boleh menghantar satu *message* kepada pemaju-pemaju bahawa mereka perlu bayar semula dan bertanggungjawab kerana ada di antara mereka yang hidup kaya raya. Akan tetapi harta benda mereka kita tidak boleh *penalize.* Kerajaan tidak boleh hak milikkan seperti mana kita lakukan kepada pengedar dadah misalnya.

Jadi, mungkin bila ada sesuatu peraturan sebegitu maka pemaju-pemaju rumah ini sebelum sesiapa yang mahu menggelar diri dia sebagai pemaju rumah, dia perlu ada pengetahuan, kemahiran dan berbagai-bagai kelayakan untuk melayakkan dia untuk menjadi pemaju rumah.

Datuk Wira Haji Ahmad Hamzah [Jasin]: Yang Berhormat Menteri izinkan saya, ringkas Yang Berhormat Menteri. Ringkas, satu minit. Kita menggalakkan pelaburan-pelaburan asing supaya dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Akan tetapi sedarkah Yang Berhormat Menteri, bahawa pada ketika ini di negara kita terlalu banyak *hot money* yang datang daripada pelabur-pelabur asing yang membeli rumah dan kedai dengan jumlah yang banyak sekali dan menyebabkan spekulasi berlaku dan kenaikan harga yang tidak dapat dikawal. Saya mahu minta kalau boleh adakah kerajaan ambil maklum tentang perkara ini dan apakah kesan nanti kepada pembeli-pembeli tempatan? Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai *hot money* ini adalah di bawah kawalan Bank Negara, saya percaya Bank Negara dan Kementerian Kewangan sentiasa mengawal selia keadaan inilah. Memang terdapat pihak-pihak asing melabur untuk membeli rumah atau pun bangunan-bangunan komersial di negara ini, memang tidak dapat di nafi. Ini adalah satu petunjuk yang cukup baik. Kalau pelabur asing mempunyai keyakinan terhadap ekonomi kita memang cukup baik. Akan tetapi dari segi kemasukan *hot money* ini memang sentiasa dikawal oleh Bank Negara. Ini adalah satu isu bukan sahaja di Malaysia, di tempat-tempat lain dan negara-negara lain sama juga.

Semua Bank Negara di setiap negara pun berwaspada supaya *hot money* ini tidak masuk dengan sewenang-wenangnya. Sekarang berbalik kepada Yang Berhormat dari Kota Raja. Apa yang sudah lepas kalau kita mahu cari, bayar balik dan cari duit untuk membantu mereka ini saya percaya kita masih tidak dapat melakukan seumpama seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat. Kita akan cadangan dua pendekatan. Pendekatan yang sedia ada dengan secepat mungkin untuk menghidupkan supaya projek-projek terbengkalai dapat siap pembinaan oleh pemaju penyelamat.

Kedua, kita sekarang telah pun meneliti dengan akta berkenaan di mana sebelum seseorang atau pun sesebuah syarikat pemaju untuk mendapat lesen pemajuan perumahan, kita akan mengetatkan lagi syarat-syarat ini supaya pada masa yang akan datang isu dan masalah projek-projek terbengkalai ini akan menjadi satu perkara sejarah walaupun ada setengah pihak juga yang ingin mencadangkan supaya kita mula dengan dasar *build and then sell,* ya. Akan tetapi *build and then sell* bukan satu cadangan yang senang dilaksanakan atau diimplementasikan memandangkan terdapat yang pertama begitu ramai pemaju yang cukup baik tetapi tidak mempunyai modal yang begitu besar.

Kalau kita melaksanakan dasar itu hanya terdapat mungkin sepuluh atau dua puluh buah syarikat di seluruh negara yang mampu melaksanakan projek perumahan melalui secara *build* selepas itu *sell*. Jikalau kita menemui keadaan itu, kemungkinan harga rumah akan terus melambung lagi, bukan? Ini kerana kalau *build* dan *sell* memang memerlukan modal yang besar, selepas itu ianya dengan sendiri mengehadkan pemaju-pemaju. *So*, bila dia tinggal lima orang membina rumah semua mahu berebut membeli lagi naik harga rumah.

Baiklah, Tuan Yang di-Pertua, selain daripada langkah pencegahan, kerajaan turut komited dalam menyelesaikan projek-projek perumahan swasta yang terbengkalai kerana ianya memberi kesan secara langsung kepada pembeli-pembeli rumah. Justeru itu, bagi tahun 2011 sejumlah RM40 juta diperuntukkan sebagai suntikan dana untuk menampung kos tambahan bagi memulihkan projek-projek perumahan swasta terbengkalai. Pertanyaan Yang Berhormat dari Simpang Renggam, ya kalau kita boleh bantu mencari sebuah syarikat penyelamat mungkin kita boleh bincang dan lihat bagaimana syarikat itu, kalau dia minat dia akan masuk. Kemungkinan ada syarikat lain yang akan masuk dan kita melalui satu *exercise tender.* Kita berilah yang memenuhi syarat-syarat.

Bagi projek terbengkalai layang-layang, *I* telah cerita bagi Yang Berhormat dari Simpang Renggam. Kita beralih kepada isu kerajaan tempatan. Selain isu perumahan, kementerian saya turut bertanggungjawab dalam memastikan urus tadbir pihak berkuasa tempatan berjalan dengan baik dan sempurna walaupun urusan PBT adalah di bawah kuasa kerajaan negeri seperti termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, namun kementerian saya sentiasa bersedia membantu PBT-PBT dalam bentuk *monitoring* atau pun dalam bentuk khidmat nasihat teknikal agar PBT-PBT di seluruh negara dapat memberikan perkhidmatan perbandaran yang berkualiti.

Mengenai melanggan isu kekeliruan dan pertindihan bidang kuasa PBT dan agensi persekutuan seperti JKR dan JPS seperti diutarakan Ahli Yang Berhormat Bagan Serai, sebarang makluman dan aduan mengenai tolak menolak tanggungjawab penyediaan kemudahan awam ini akan kementerian saya rujukan kepada Unit Perancang Ekonomi Negeri bagi menentukan pihak sepatutnya bertanggungjawab terhadap sesuatu kawasan tersebut.

■ 1720

Namun pada dasarnya perkara sedemikian tidak sepatutnya timbul kerana kemudahan awam seperti lampu jalan akan dilabelkan dengan pihak bertanggungjawab untuk menyediakan lampu tersebut. Tuan Yang di-Pertua, kementerian saya juga bersedia untuk membantu PBT-PBT yang memerlukan bantuan seperti PBT di Putatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Putatan.

Majlis Daerah Putatan boleh mengemukakan permohonan peruntukan untuk menyelesaikan masalah parit tersumbat yang menyebabkan banjir kilat ini kepada kementerian saya. Melalui inisiatif pelaksanaan projek-projek kecil PBT, peruntukan boleh disalurkan kepada Majlis Daerah sekiranya permohonan tersebut memenuhi kriteria yang ditetapkan. Seperti yang kita sedia maklum Ahli Yang Berhormat, iaitu kementerian saya pada setiap tahun juga mengagihkan peruntukan yang mencukupi kepada semua PBT di seluruh negara.

Ini adalah diwajibkan di bawah Perlembagaan negara kita. Jika selain daripada peruntukan yang disalurkan kepada mereka seperti lazimnya jika terdapat apa-apa lagi yang mereka ini ingin minta supaya kementerian saya melakukan, kita sedia membantu. Tuan Yang di-Pertua, selain daripada tempat tinggal dan persekitaran yang selesa, kesejahteraan hidup yang mampan, yang berkekalan hanya dapat dikecapi dengan perancangan persekitaran yang sistematik.

Oleh yang demikian, maklum balas daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Bintulu, Arau dan Padang Besar akan dijadikan panduan untuk memperbaiki struktur perancangan dan pelaksanaan PBT yang sedia ada. Kementerian akur bahawa wujud pelbagai masalah berkaitan tempat letak kereta seperti dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bintulu dan Arau. Sebagai panduan untuk semua PBT dalam menangani masalah ini, kementerian telah pun menyediakan garis panduan tempat letak kereta dengan piawaian khusus yang komprehensif.

Antara tetapan dalam garis panduan ini adalah selaras dengan cadangan *multilayer parking system,* dengan izin yang dibangkitkan Ahli–ahli Yang Berhormat Bintulu dan Arau. Sememangnya tempat letak kereta ini adalah digalakkan untuk dibangunkan pemaju di bandar-bandar terutama di Kuala Lumpur bagi menampung keperluan tempat letak kereta yang tinggi. Salah satu daripada kategori tempat letak kereta yang disarankan ialah jenis bangunan berasingan *free standing building,* dengan izin dan sistem tempat letak kereta mekanikal. Lokasi tempat letak kereta jenis ini boleh dibenarkan di kawasan pinggir bandar sekiranya pusat bandar berkenaan mempunyai sistem pengangkutan awam yang lengkap dan efisien.

Sekiranya PBT mematuhi garis panduan dan piawaian yang disediakan, maka ia dapat memastikan kemudahan-kemudahan yang disediakan adalah mencukupi untuk menampung keperluan masyarakat setempat. Tuan Yang di-Pertua, di antara tumpuan utama kementerian saya pada tahun 2011 iaitu tahun

depan adalah untuk memastikan pengurusan sisa pepejal yang berkesan di bawah Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007.

Saya berbesar hati dengan maklum balas mengenai isu pengurusan sisa pepejal dan pembersihan dari Ahli-ahli Yang Berhormat Simpang Renggam, Putatan dan Beruas. Cabaran dalam memastikan pengurusan sisa pepejal secara berkesan termasuklah kaedah kutipan, pengangkutan dan pelupusan yang efektif serta berkesan yang tidak menimbulkan impak negatif kepada alam sekitar dan penduduk berhampiran. Kementerian komited untuk mengambil langkah mitigasi serta-merta sekiranya berlaku insiden, kepincangan dalam pengurusan sisa pepejal yang menyebabkan ketidakselesaan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan itu bagi isu yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam mengenai pencemaran bau serius yang dialami penduduk sekitar tempat pelupusan sampah di bandar Renggam yang menerima bahan buangan daripada Daerah Kluang, Batu Pahat dan Simpang Renggam, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah pun mengambil inisiatif seperti berikut bagi mengatasi masalah tersebut sejak tahun 2009 lagi:

(i) menutup selamat tapak pelupusan sedia ada bagi memastikan masalah pencemaran alam sekitar dan bau dapat diatasi;

(ii) membangunkan tapak pelupusan *sanitary* baru di Bukit Payung yang lengkap dengan teknologi terkini untuk mengekang rembesan air, larut resap dan bau; dan

(iii) dalam menunggu tapak di Bukit Payung siap dibina pada tahun 2014, kawasan bersebelahan tapak pelupusan sedia ada akan dibina dengan sel *sanitary* yang dilengkapi dengan paip pengudaraan dan pengumpulan air larut resap ataupun *leachate* dan loji untuk rawatan air larut resap bagi menampung bahan buangan buat masa ini.

Langkah yang serupa juga sedang diusahakan KPKT dalam menangani masalah di tapak pelupusan sampah Sungai Wangi, Setiawan Perak seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat Beruas. Kementerian sedang dalam tindakan untuk melaksanakan aktiviti penutupan selamat ke atas sebahagian tapak tersebut. Kerja-kerja ini dijangka dapat dimulakan pada suku tahun pertama tahun 2011 dan siap pada suku tahun ketiga tahun 2011. Sebahagian tapak tersebut lagi perlu beroperasi bagi tempoh dua tahun sementara menunggu tapak pelupusan *sanitary* baru di Teluk Mengkudu siap dibina.

Bagi mengelakkan penduduk terus dibelenggu oleh masalah bau busuk di tapak sedia ada, kerajaan akan mengambil tindakan untuk menangani isu alam sekitar dan bau melalui pemasangan paip pengudaraan dan pengumpulan air larut resap, pemasangan *liner*, pembinaan tembok penahan dan kolam pengumpulan air larut resap. Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Penjelasan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Beruas, Yang Berhormat.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Saya sedar bahawa pengurusan sisa pepejal yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Beruas bangun.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan tempat pembuangan sisa di Sungai Wangi, Setiawan tadi – isu ini susah berlarutan sampai tujuh tahun. Sekurang-kurangnya selepas ia dibangkitkan, sekurang-kurang tujuh tahun sudah. Adakah jaminan kali ini jaminan betul atau – apakah jumlah peruntukan yang telah disediakan dan bilakah permasalahan ini dapat diselesaikan dengan sepenuhnya? Tempat Teluk Mengkudu ini pun sudah lama bertahun-tahun nama ini telah dinyatakan, tetapi sampai tempat pembuangan sampah baru. Jadi, bolehkah dapat jawapan yang boleh dikatakan ada komitmen, komitmen mesti kita laksanakan.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Beruas.

Dr. Hajah Siti Mariah binti Mahmud [Kota Raja]: Sikit mengenai pelupusan sampah. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri mengenai pelupusan sampah ini kita tahu dalam jangka masa panjang tapak-tapak ini sudah tidak akan mencukupi. Namun bilakah agaknya kerajaan meletakkan satu sasaran supaya pengasingan sampah berlaku di bandar-bandar tertentu secara berperingkat. Ini kerana saya melihat bahawa sampah kita semakin banyak terutamanya sekarang ini dengan pemakaian bahan-bahan pakai buang termasuklah lampin bayi dan juga bungkusan pembungkus-pembungkus makanan.

Jadi selagi kita tidak ada satu polisi ke arah itu dan dikuatkuasakan, maka ini akan menjadi satu masalah yang tidak akan ada kesudahan. Kedua adalah mengenai penguatkuasaan pembuangan sampah di taman-taman perumahan. Saya mendapati bahawa tidak semua taman perumahan dikuatkuasakan ada tong sampah ini pun pihak PBT tidak boleh menguatkuasakan dengan regular dan konsisten. Satu kelemahan di dalam penguatkuasaan.

Dato' Wira Chor Chee Heung: *[Bangun]*

Dr. Che Rosli Che Mat [Hulu Langat]: Tambah sedikit Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat Menteri menyebut hanya tapak pelupusan *sanitary*. Tidakkah kementerian berhasrat untuk menggunakan sistem *recycle* sebagaimana yang ada di Semenyih. Makna semuanya sisa pepejal dapat kita kitar semula. Umpamanya plastik untuk dibuat tubing dan sebagainya kemudian sebahagiannya untuk baja kompos dan sebahagian lagi untuk kita *generate electricity.* Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Beruas. Seperti yang saya katakan tadi kerja-kerja anda akan disiapkan pada tahun depan 2011. *So,* sabarlah Yang Berhormat kita sampai itu barulah kita mengkritikkan jawapan siap...

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Tadi saya dengar ada sebahagian daripada tempat itu akan ditutup.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Kita tutup satu. Selepas itu sebahagiannya kita buka balik. Akan tetapi, apabila kita buka balik kita kena memastikan bahawa tutup ini dia selamat dan dibuka bersebelahan untuk digunakan lagi. Maksudnya tempat itu memang besarlah.

■ 1730

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Akan tetapi tempat itu sudah melimpah hingga hampir ke jalan raya besar.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Tidak mengapa, kita boleh... Kita boleh - kerana memang sel ia besar.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Saya hendak tahu, berapa jumlah peruntukan? Dahulu sudah dinyatakan RM5 juta peruntukan ini. Akan tetapi sekian lama selepas itu lenyap jumlah tersebut. Berapakah peruntukan untuk menyelesaikan masalah ini?

Dato' Wira Chor Chee Heung: Dari segi peruntukan - berapa banyak itu saya tidak pasti, tetapi kita akan menjalankan kerja itu juga. Kita akan mula dengan mengadakan, selepas kita tutup selamat semua tapak pelupusan yang biasa ini. Yang akan datang - macam mulai dari tahun hadapan, kerajaan telah pun mempunyai perancangan untuk membuka 11 buah tapak pelupusan dan semua ini bercorak *sanitary.* Setakat ini hanya lapan buah *sanitary* sahaja. Jadi lain kali kita akan jadikan semua tapak pelupusan sebagai tapak pelupusan yang *sanitary*.

Yang keduanya, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Kota Raja. Memang saya bersetuju bahawa setakat ini walaupun kita mempunyai undang-undang kecil. Kalau orang - tidak kira siapalah penduduk di mana pun, kalau mereka ini buang sampah dengan sewenang-wenangnya mereka ini boleh didenda. Akan tetapi masalahnya ialah dari segi penguatkuasaan di bawah PBT. Saya memang mengakui terdapat begitu banyak PBT yang begitu lemah sekali dan dari segi penguatkuasaannya kurang.

Akan tetapi pada tahun hadapan, apabila Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam dikuatkuasakan di seluruh negara, saya percaya keadaan ini akan berubah. Sebab kita mempunyai landasan undang-undang supaya pengurusan sisa-sisa pepejal dan juga pembersihan awam dapat dijalankan serta dilaksanakan mengikut apa yang telah pun ditetapkan oleh akta tersebut. Walau bagaimanapun, setakat ini kita sedang giat membuat promosi dan kempen supaya kita dapat mengasingkan sisa-sisa pepejal daripada lain-lain sisa seperti plastik dan botol.

Untuk makluman Dewan yang mulia, sekarang ini terdapat begitu ramai penduduk yang telah pun mengetahui bahawa, kononnya sisa-sisa pepejal tetapi boleh dijual dan boleh mendapat duit. Jadi ramai telah pun mulai dengan mengasingkan sisa-sisa di bawah beberapa kategori.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: *[Bangun]*

Dato' Wira Chor Chee Heung: Apa yang tinggal, sisa pepejal dapat dikutip sahaja. Nanti sekejap Yang Berhormat.

Selepas itu, mengenai tong sampah. Setakat ini memanglah dan kita terpulang kepada PBT berkenaan ataupun kepada penduduk-penduduk. Kalau ia beli tong sampah, ia keluarkan duit sendiri. Akan tetapi selepas Akta Pengurusan Sisa Pepejal dilaksanakan, diimplementasikan dengan *full effect* dengan izin, semua syarikat yang bertanggungjawab untuk menguruskan sisa-sisa pepejal harus membekalkan tong sampah kepada semua rumah di bawah kawalan ia. Yang Berhormat Padang Besar.

Dato' Seri Haji Azmi Khalid [Padang Besar]: Terima kasih Yang Berhormat. Saya ucapkan terima kasih dan tahniah kepada kementerian yang mempunyai satu rancangan yang cukup begitu komprehensif. Cuma sedikit sahaja Yang Berhormat.

Saya rasa Yang Berhormat juga telah maklum bahawa hari ini rakyat sudah bersedia untuk memisahkan sisa pepejal daripada plastik, bukan plastik dan sebagainya. Ada tempat-tempat yang mereka sendiri mengusahakan sendiri untuk memisahkan. Cuma apabila datangnya lori Alam Flora, semuanya diangkut dalam

satu lori dan tidak ada perbezaan. Jadi saya percaya ada rancangan Yang Berhormat, mungkin untuk mengarahkan Alam Flora melaksanakan kegiatan ini dengan lebih cepat daripada menunggu satu ketika yang mungkin memakan masa juga. Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat dari Padang Besar.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *[Bangun]*

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Minta satu Yang Berhormat Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita sudah satu jam setengah.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya, mungkin soalan yang terakhirlah.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Minta satu Yang Berhormat Menteri, dari Labuan.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Berkenaan dengan penguatkuasaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam. Saya banyak mengikuti apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri dalam akhbar mengenai sebab-sebabnya akta ini tidak dapat dikuatkuasakan mengikut jadual. Walaupun akta itu telah diterima pada tahun 2007 tetapi hanya akan dilaksanakan pada tahun hadapan, iaitu maksudnya sudah lewat empat tahun.

Keduanya juga, Yang Berhormat Menteri banyak menyebutkan bahawa apabila akta ini dikuatkuasakan, semua urusan dari segi pengumpulan sisa sampah sarap dan juga pengangkutan sehinggalah ke *sanitary landfill* termasuklah proses *treatment* dan sebagainya akan diuruskan oleh syarikat-syarikat yang tertentu dan terpilih sahaja. Saya diberitahu bahawa kalau di kawasan selatan, itu akan diuruskan oleh *Southern Waste*. Kalau di kawasan tengah akan diuruskan oleh Alam Flora. Akan tetapi di kawasan utara termasuk juga kampung halaman Yang Berhormat Menteri di Alor Setar pun akan diuruskan oleh syarikat yang bernama E-idaman. Kita tahu E-idaman itu adalah salah satu anak syarikat UEM dan tidak ada sebarang pengalaman langsung dalam bidang pengurusan sisa pepejal.

Jadi apakah prestasi yang telah dicatatkan di negeri Kedah apabila *pilot project* yang telah dilangsungkan di negeri berkenaan pada tahun yang lepas? Adakah prestasi itu memenuhi *benchmark* yang telah diletakkan menerusi kehendak-kehendak akta itu? Keduanya, mengikut penjadualan dan penguatkuasaan akta tersebut iaitu Akta 672. Apakah kementerian itu akan memberi satu hala tuju yang tepat sekali mengenai hasrat kerajaan untuk mempromosikan penggunaan ataupun pengamalan *material recovery facilities* yang termasuk penggunaan *mechanical biological treatment*? Sama ada sesiapa, barang siapa yang berminat untuk mengusahakan aktiviti-aktiviti MBT ini, hanya dapat beroperasi setelah syarikat itu diberi tauliah oleh jabatan berkenaan, yakni Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal dan sebagainya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya minta kita balik kepada peraturan. Kalau perkara yang tidak dibangkitkan dalam perbahasan asal itu, tidak perlu dilayankan sangat Yang Berhormat...

Dato' Wira Chor Chee Heung: Baik. Terima kasih...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Kita hormat sedikit peraturan ini.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Minta dari Labuan, satu Yang Berhormat Menteri. Satu sahaja.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Yang Berhormat, cukuplah. Kalau tidak nanti Tuan Yang di-Pertua...

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Satu sahaja Yang Berhormat Menteri, berkenaan sisa pepejal.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Ya?

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Satu - *just one*. Terima kasih. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tahniahlah kepada kerajaan kerana telah membuat perancangan yang begitu baik untuk pelupusan sisa pepejal. Cuma saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, ada satu sistem pepejal di Labuan yang rancang-rancang sudah siap lebih daripada tiga tahun, tetapi sampai sekarang sistem tersebut belum beroperasi. Jadi saya minta apakah perancangan sama ada mahu dilupuskan sistem tersebut ataupun akan diteruskan? Terima kasih.

Dato' Wira Chor Chee Heung: Saya tidak dapat apa yang dihuraikan Yang Berhormat.

Datuk Haji Yusof Haji Mahal [Labuan]: Ada satu sistem pepejal yang dibuat oleh kementerian Yang Berhormat Menteri di Labuan. Tempat itu sudah siap semuanya. Kilang itu sudah siap dan senarai itu sudah siap lebih daripada tiga tahun. Akan tetapi sampai sekarang belum dioperasi lagi. Apakah sebab-sebabnya dan juga apakah perkara ini akan diteruskan ataupun akan dilupuskan langsung *incinerator* tersebut?

Dato' Wira Chor Chee Heung: Terima kasih Yang Berhormat Labuan. Mengenai situasi di Labuan itu, saya ingin memberitahu bahawa *incinerator* yang telah dipasang dan akan dilaksanakan tidak lama lagi. Mungkin tahun hadapan saya percayalah, sebab selain daripada Labuan kita hendak pasang juga *incinerator* di pulau-pulau di mana susah kita hendak cari tapak-tapak pelupusan.

Yang keduanya mengenai pertanyaan Yang Berhormat dari Padang Besar, saya ingin memberitahu bahawa Alam Flora ini. Memang Alam Flora merupakan salah sebuah syarikat yang menguruskan sisa pepejal di negeri-negeri di pertengahan Semenanjung Malaysia. Setakat ini saya percaya mereka hanya dapat melaksanakan tugas dan fungsi mereka dengan seboleh-bolehnya sebab akta yang berkenaan, iaitu Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam masih belum dikuatkuasakan. Setakat ini Alam Flora hanya menandatangani *interim agreement* dari setahun ke setahun.

■ 1740

Apabila dia ini tidak menjadi satu, bila tidak ada sebarang surat perjanjian untuk satu *period* yang lama maka hanya *interim* sahaja, Alam Flora juga menghadapi banyak masalah. Sebab ada salah satu syarat supaya Alam Flora dapat diberikan projek ini selepas berjaya dalam tendernya ialah untuk mengambil sebulat-bulatnya semua kenderaan dan alat-alat yang diberikan oleh PBT. Oleh yang demikian kita dapat melihat banyak PBT-PBT selama ini tidak begitu rajin ataupun tidak mempunyai peruntukan yang mencukupi untuk membuat *maintenance* terhadap kenderaan-kenderaan. Maka banyaklah kenderaan-kenderaan berkarat dan dalam keadaan yang tidak begitu baik.

Saya telah pun berjumpa dengan tiga buah syarikat baru-baru ini sebab rakan-rakan di Kabinet pun sentiasa memberi cadangan, pandangan dan juga teguran terhadap tugas-tugasan yang dijalankan dan dilaksanakan oleh tiga buah syarikat iaitu SWM, Alam Flora dan E-idaman. Saya sudah jumpa dan saya memang memahami keadaan buat masa ini dan saya memang memahami masalah-masalah yang dihadapi oleh mereka. Memandangkan buat masa ini memang tiada satu surat perjanjian yang ditandatangani dengan Kerajaan Pusat dan mereka ini supaya mereka dapat menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya. Di mana hutang-hutang kepada mereka oleh PBT-PBT akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan.

Kedua, mengenai pertanyaan Yang Berhormat Jelutong. Saya ingin beritahu bahawa hampir semua negeri-negeri di Semenanjung telah pun menerima supaya tiga buah syarikat ini. Di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang memang syarikat E-idaman akan laksanakan tugas-tugas pengurusan sisa pepejal di tiga buah negeri. Akan tetapi malangnya pihak Pulau Pinang masih belum bersetuju untuk menerima. Oleh kerana tidak mempunyai satu arah tertentu yang boleh memberi jaminan kepada Syarikat E-idaman. Maka mereka juga menjalankan tugas dengan seboleh-bolehnya dalam kemampuan mereka. Seperti saya katakan tadi mereka ini memang menemui begitu banyak masalah sebab mereka harus menerima sebulat-bulatnya apa yang diberikan oleh PBT.

Mereka, buat masa ini sebelum menandatangani surat perjanjian dengan Kerajaan Persekutuan maka mereka tidak dapat membuat pinjaman untuk membeli kenderaan baru, alat-alat yang baru dan tidak dapat mengambil pekerja-pekerja yang baru. Ini adalah satu atau dua *set-back* yang sedang dihadapi oleh E-idaman. Akan tetapi setakat ini saya rasa dalam keadaan seumpama ini mereka telah pun menjalankan tugas dengan sebaik-baiknya. Walaupun memang terdapat beberapa tempat di mana mereka ini masih lemah lagi tetapi apabila akta ini dikuatkuasakan pada tahun hadapan. Mereka harus menjalankan tugas berpandu kepada KPI-KPI tertentu yang telah pun disyaratkan oleh kementerian saya.

So, saya percaya kalau kita lihat, hendak tanya prestasi mereka setakat ini, saya tidak berani kata mereka ini menjalankan tugas dengan prestasi yang amat baik. Ini adalah satu yang saya tidak dapat beritahulah, tidak dapat mengaku dan tidak boleh. Saya tahu memang terdapat banyak kelemahan tetapi pada tahun hadapan bila surat perjanjian ini ditandatangani maka Kerajaan Persekutuan akan mengambil alih pembayaran dari tauke. Bila ada pembayaran yang tetap pada setiap bulan dibayar kepada mereka, *there is no reason* dengan izin, supaya mereka leka ataupun malas dalam menjalankan tugas. Setakat ini seperti kita semua maklumlah begitu banyak PBT bukan mempunyai sumber kewangan yang mencukupi.

Kalau setiap PBT, katalah satu PBT harus membayar setiap bulan RM50,000 tetapi mereka ini tidak mampu membayar RM50,000, cuma bayar RM30,000-RM20,000. Tidak kira berapa puluh mereka terima mereka harus menjalankan tugas juga. Ini adalah secara *period interim*. Mereka ini telah menjalankan tugas-tugas sudah hampir tiga tahun. Sila bayangkan Yang Berhormat, syarikat apa yang boleh tahan untuk tiap-tiap bulan kena keluarkan duit sendiri, wang sendiri untuk menjalankan tugas. Sedangkan apa yang dibayar oleh pihak-pihak yang berkenaan tidak mencukupi.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi pungutan dan kutipan sisa pepejal kementerian sedar bahawa pengurusan sisa pepejal yang baik penting untuk memberikan imej persekitaran negara yang bersih. Oleh yang demikian

kementerian memandang serius perkara yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat Putatan mengenai sampah dan kekotoran di sekitar Putatan, yang disebabkan lori-lori sampah yang telah lama dan tidak dapat digunakan untuk mengutip sampah.

Berdasarkan maklumat yang dikemukakan oleh Majlis Daerah Putatan yang baru wartakan dan mula beroperasi pada 1 Ogos 2010. Kekotoran tersebut berlaku semasa tempoh peralihan pentadbiran daripada Majlis Daerah Penampang kepada Majlis Daerah Putatan. Namun begitu kini kadar kebersihan di pekan Putatan telah bertambah baik berbanding dengan keadaan sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, pengurusan sisa pepejal secara keseluruhannya dapat dilakukan dengan lebih berkesan dan kos efektif sekiranya usaha pengurangan dan pengasingan sisa pepejal diamalkan oleh semua penduduk. Cadangan Ahli Yang Berhormat Simpang Renggam untuk melaksanakan pungutan sampah mengikut kategori bahan buangan mudah terbakar, sisa makanan bersaiz besar dan sebagainya. Seperti mana yang dilaksanakan di negara Jepun adalah baik dan kementerian melalui Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 yang bakal dikuatkuasakan tidak lama lagi mempunyai peruntukan yang menetapkan isi rumah perlu mengasingkan sisa organik daripada bahan yang boleh di kitar semula. Lanjutan dari itu kutipan sisa organik dan bahan kitar semula serta sisa pukal seperti perabot dan sisa kebun akan dilakukan pada hari yang berbeza.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tempoh Bajet 2011, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan akan terus berpegang terhadap misi kementerian untuk menyediakan persekitaran manusia yang selesa dan menarik bagi seluruh penduduk Malaysia. Izinkan saya mengambil kesempatan ini untuk ucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah pun mengambil bahagian dalam perbahasan pada peringkat dasar mengenai KPKT. Segala teguran dan cadangan akan diterima dan diberikan tumpuan oleh kementerian saya. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Menteri daripada Kementerian Kewangan untuk menjawab.

5.48 ptg.

Menteri Kewangan II [Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah]: Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Bajet 2011 di Dewan yang mulia ini. Semua pandangan, teguran dan cadangan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat berhubung perkara-perkara yang telah dibentangkan dalam Bajet 2011 amat dihargai. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi penjelasan ke atas beberapa perkara yang telah dibangkitkan di bawah tanggungjawab Kementerian Kewangan.

Ahli Yang Berhormat Selayang membangkitkan mengenai keadaan ekonomi negara. Seperti Yang Berhormat maklum, kedudukan ekonomi negara adalah kukuh dengan KDNK berkembang pada kadar 9.5% bagi tempoh separuh pertama 2010. Berbanding -5.1% pada tempoh yang sama pada tahun 2009 dan -1.7% bagi seluruh tahun 2009. Penunjuk utama ekonomi menggambarkan prestasi yang memberangsangkan, indeks komposit Bursa Malaysia melonjak pada 1,509 mata pada 1 November 2010, antara tertinggi sejak Februari 2008.

Hasil eksport juga mantap bagi tempoh sembilan bulan pertama 2010 dengan mencatatkan pertumbuhan 20.4% dan import 26.4%.

■ **1750**

Kedudukan ringgit semakin kukuh dengan kadar pertukaran Dolar Amerika mencecah RM3.0955 pada 1 November 2010. Rizab antarabangsa pula kekal kukuh sebanyak RM322.7 bilion atau USD104.6 bilion yang mampu untuk membiayai 8.7 imbuhan import tertangguh dan 4.5 kali hutang luar jangka pendek. Kadar inflasi dijangka kekal rendah pada kadar 2% sehingga 2.5% pada 2010 dan pengangguran pada kadar 3.5%. Oleh yang demikian, kita yakin ekonomi negara akan dapat mencapai pertumbuhan 7% yang disasarkan pada tahun ini dengan usaha transformasi ekonomi yang giat dilaksanakan dan peningkatan pelaburan swasta, kita mampu mencapai pertumbuhan yang mapan pada jangka masa panjang. Bagi tahun 2011, pertumbuhan dijangka mencatat 5% hingga 6% iaitu setanding dengan negara-negara serantau.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, usaha kerajaan untuk mewujudkan suasana mesra perniagaan serta mempermudah urusan dengan agensi kerajaan telah menunjukkan kejayaan. Ini jelas terbukti dengan kedudukan negara dalam senarai *Ease of Doing Business 2011*, dengan izin, oleh Bank Dunia yang meningkat ke tangga 21 berbanding 23 pada tahun 2010. Selain itu, aliran masuk pelaburan langsung asing telah meningkat kepada RM11 bilion dalam tempoh separuh pertama 2010 melebihi jumlah pelaburan keseluruhan iaitu RM5 bilion pada tahun 2009.

Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan Indera Mahkota ingin mendapatkan penjelasan mengenai polisi fiskal untuk mengurangkan defisit negara. Defisit fiskal dijangka berkurang pada 5.6% pada tahun 2010 berbanding 7% pada tahun 2009. Defisit ini dijangka terus berkurangan hingga kurang daripada 3% pada akhir Rancangan Malaysia Ke-10 iaitu pada tahun 2015. Kerajaan akan meneruskan usaha untuk memperkukuhkan kedudukan kewangan negara dengan memantapkan kutipan hasil dan memastikan perbelanjaan secara berhemat. Ini termasuklah menekankan nilai mata wang dan pengurusan nilai secara menyeluruh.

Sebagai contoh kerajaan telah mengadakan peraduan reka bentuk untuk hospital kerajaan bagi memperoleh nilai terbaik. Tender terbuka dan tender terhad juga telah dilaksanakan dalam perolehan kerajaan. Di samping itu, *outcome base budgeting*, dengan izin, akan diperkenalkan di mana pencapaian dinilai berdasarkan *outcome*, dengan izin, serta menggalakkan berlakunya perbelanjaan bertindih. Bagi memantapkan kutipan hasil, kerajaan akan mengukuhkan lagi sistem kutipan cukai dengan meningkatkan penguatkuasaan dan pengauditan serta memperluaskan liputan ke atas semua pihak yang sepatutnya membayar cukai.

Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan Yang Berhormat Selayang mohon penjelasan berhubung kaedah penyelesaian hutang kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hutang Kerajaan Persekutuan sebagai peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menurun kepada 52.7% pada tahun 2010 berbanding 53.3% pada tahun 2009. Kemampuan kerajaan untuk membayar balik hutang adalah kukuh, sementara bayaran khidmat hutang masih berada dalam tahap yang berhemat. Jumlah bayaran hemat hutang kekal terurus pada 9.8% daripada hasil.

Di samping itu kerajaan sentiasa memastikan profil masa untuk membayar balik hutang adalah sepadan, dengan izin *matching*, dengan kemampuan sumber kewangan kerajaan. Tempoh matang hutang diagihkan dalam jangka panjang bagi

mengelakkan berlakunya bayaran balik tertumpu dalam satu masa tertentu, dengan izin, *bunching*, berdasarkan kedudukan kewangan yang kukuh dan pengurusan hutang yang berhemat, kerajaan tidak menghadapi masalah untuk membayar balik hutang yang akan matang. Setakat ini semua hutang kerajaan telah dibayar mengikut jadual yang ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh membangkitkan tentang Bajet 2011 yang tidak memberi keutamaan kepada rakyat. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bajet 2011 memberi fokus kepada rakyat, terutama dalam aspek sosial dan ekonomi. Sebagai contoh, kerajaan telah menyediakan peruntukan RM50.2 bilion untuk sektor pendidikan dan latihan, termasuk bagi memantapkan pendidikan awal, membina dan menaik taraf sekolah, asrama dan memartabatkan profesional perguruan serta menyediakan program peningkatan kemahiran dan produktiviti kerja.

Sebanyak RM15.2 bilion untuk sektor kesihatan bagi membina hospital baru serta menambah bilangan jururawat dan doktor. Sebanyak RM6.9 bilion untuk infrastruktur asas seperti bekalan air, elektrik dan jalan luar bandar, terutamanya di Sabah dan Sarawak dan sebanyak RM23.7 bilion untuk pemberian biasiswa, insentif dan bantuan kebajikan termasuk subsidi petrol, diesel dan gas cecair serta subsidi barang keperluan seperti gula, beras dan minyak masak. Kerajaan juga telah mengumumkan gaji minimum kepada pengawal keselamatan dan posmen supaya pendapatan mereka lebih tinggi daripada paras garis kemiskinan. Selain itu, elaun bulanan guru KAFA dinaikkan kepada RM800.

Ahli Yang Berhormat Jelutong mohon penjelasan bagaimana negara mencapai taraf pendapatan tinggi melalui Bajet 2011. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bajet 2011 merupakan langkah permulaan dalam usaha mentransformasikan Malaysia ke arah masyarakat berpendapatan tinggi. Model baru ekonomi dengan lapan inisiatif pembaharuan strategik akan dijadikan panduan untuk mencapai objektif ini. Kini pendapatan per kapita negara dianggarkan sebanyak USD8,000 yang perlu ditingkatkan kepada USD15,000 hingga USD20,000 untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Bagi mencapai matlamat tersebut, Bajet 2011 memberi tumpuan kepada Program Transformasi Kerajaan melalui pelaksanaan Enam Bidang Keberhasilan Utama Negara dan Program Transformasi Ekonomi melalui pelaksanaan 12 bidang utama ekonomi negara.

Tuan Jeff Oii Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Dato' Menteri. Terima kasih juga kerana sempat menjawab soalan yang saya telah bangkitkan dalam ucapan saya. Mengenai apa yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat Menteri, saya juga agak khuatir tentang tanggungan kerajaan dari segi *fiscal management* sebab apabila kita petik daripada *Economy Report*, kita diberitahu bahawa setakat ini kita mempunyai ataupun menghadapi jumlah hutang awam luar negeri sebanyak RM13.79 bilion. Di samping itu terdapat jumlah jaminan dalam negeri sebanyak RM75.68 bilion. Sementara itu jumlah jaminan luar negeri juga sebanyak RM8.64 bilion. Jadi saya hendak tanya sama ada apakah yang akan dibelanjakan menerusi perbelanjaan operasi dan juga perbelanjaan pembangunan pada tahun 2011 nanti?

Adakah bidang-bidang tertentu yang akan menjamin *multiplier effect* dan juga *spillover effect* terhadap di satu pihak mengurangkan defisit dan juga mengurangkan tanggungan jaminan fiskal dan juga hutang luar. Di samping itu, bagaimana pula kita dapat mengurangkan dari segi peruntukan yang akan memerlukan begitu banyak sekali defisit? Kalau kita lihat ini, kita dapat dua perkara lagi iaitu yang pertama, berbanding dengan tahun yang lepas, peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan telah berkurangan sebanyak 9% sehingga jumlah RM49.2 bilion dan ini merupakan 23.2% daripada jumlah peruntukan. Jadi, macam mana kita hendak membawa manfaat sosial, manfaat pembangunan dari

segi fizikal dan sebagainya untuk kepentingan rakyat? Sila, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, statistik mengenai perbelanjaan operasi dan pembangunan di dalam buku bajet tahun 2011 Yang Berhormat boleh melihat di situ, tetapi dari segi pecahan umumnya untuk perbelanjaan mengurus, sebanyak 10.5% adalah untuk ekonomi, 36.68% untuk sosial, 12.12% untuk keselamatan, 9.4% untuk pentadbiran dan seterusnya. Manakala dari segi anggaran pembangunan pula, 52.3% adalah untuk ekonomi, 30.36% untuk sosial dan 8.54% untuk keselamatan.

Yang Berhormat cuba mengaitkan isu ini dengan tanggungan hutang yang kita pegang. Antara lain saya ingin menyatakan sebagaimana Yang Berhormat maklum bahawa di dalam bajet kali ini kita membuat perbezaan berbanding dengan bajet-bajet sebelumnya.

■ **1800**

Antara lain kita memperkenalkan *Economic Transformation Programme*. Kalau Yang Berhormat ikut dari segi proses kita menyediakan *Economic Transformation Program*. Matlamat kita adalah untuk mengangkat ekonomi kita pada ekonomi negara berpendapatan tinggi secara faktanya dengan meningkatkan pendapatan kasar negara daripada RM550 bilion kepada RM1.6 trilion dalam tempoh 10 tahun. Bermakna kita akan mempunyai kelebihan pendapatan kasar negara sebanyak RM1.1 trilion.

Ini menjadi pendapatan baru yang akan dikongsi oleh sektor kerajaan, sektor swasta dan juga warga kerja kita. Berdasarkan kepada fakta tersebut kita melihat bahawa pendapatan yang akan diperoleh oleh kerajaan akan lebih tinggi dalam konteks pertama sektor swasta akan memperoleh pendapatan yang lebih tinggi akan membayar cukai yang lebih tinggi serta *based* cukai itu akan membesar kemudian individu pekerja oleh kerana kita akan melakukan pemindahan pekerja daripada *low income* kepada *medium income* dan *high income based* cukai untuk individu pun akan menjadi lebih besar yang kita jangka bahawa pendapatan negara akan menjadi lebih besar. Kalau kita lihat tadi dari segi pembayaran hutang.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Belum habis lagi Yang Berhormat. Bayar hutang tadi ia melibatkan 9% daripada pendapatan negara dan apabila besar jumlah yang akan diperoleh daripada tujuan untuk membayar hutang akan menjadi lebih tinggi. Yang Berhormat bertanya tentang perbelanjaan pembangunan mengapa lebih kecil. Kita menyediakan dasar untuk pembangunan melibatkan lima tahun dan ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Antara lain bagi tahun permulaan, kalau Yang Berhormat lihat dari segi statistik Rancangan Malaysia Kesembilan tahun mulanya ia kecil sedikit, kemudian baru berlaku pertumbuhan. Jadi kita jangka pada tahun ini keperluan untuk perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak yang dinyatakan dalam belanjawan tersebut.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya juga agak sanjung aspirasi kerajaan untuk meningkatkan pendapatan rakyat kita supaya kita dapat melonjak ke satu generasi yang berpendapatan tinggi tetapi apabila kita kaji dari segi *Gross National Income*, pendapatan negara kasar pada tahap sekarang atau pada tahap 2009 hanya

sebanyak RM600 bilion dan kita akan melonjak ke RM1.7 trilion dalam jangka masa 10 tahun ini.

Ini merupakan satu *triple jump*, tiga kali ganda dan macam mana kita dapat mencapainya. Kita sudah tahu *the what factor* tetapi bagaimana dengan *how,* sebab sekarang kalau kita lihat purata kita hanya memperoleh lebih kurang 60% rakyat kita berpendapatan sebanyak RM3,000 ke bawah iaitu satu andaian yang berani daripada pihak kerajaan tetapi bagaimana kita hendak melonjak *triple jump* itu.

Kedua, saya juga ingin memetik daripada laporan MIER yang telah mengatakan *household debt,* hutang isi rumah. Sekarang ini kita sudah berada di tahap 77% berbanding GDP kita pada tahun 2009. Ini merupakan satu tahap yang paling tinggi sekali *percentage of GDP* kalau dibandingkan dalam kiraan *household debt*, yang tertinggi di Asia. Pada tahun-tahun yang lepas kita hanya pada paras 63.9% tetapi kita sudah melonjak banyak. Jadi dalam andaian bajet kita bagaimana perkara-perkara seperti ini diambil kira supaya kita dapat memastikan yang matlamat-matlamat untuk kejayaan Bajet 2011 itu tetap akan berjaya dan berlaku.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ingat biar saya selesaikan dahulu isu ini. Saya belum selesai lagi. Tadi saya mengatakan bahawa bagi mencapai matlamat Bajet 2011 memberi tumpuan kepada program transformasi kerajaan dan juga program transformasi ekonomi. Jadi saya sambung. Oleh itu Bajet 2011 telah memperuntukkan RM9.5 bilion bagi pelaksanaan enam NKRA yang dapat mengurangkan kadar jenayah dan rasuah, meningkatkan taraf pendidikan dan pendapatan isi rumah, memperluaskan kemudahan infrastruktur asas luar bandar serta menambah baik pengangkutan awam bandar.

Bagi merancakkan aktiviti pelaburan swasta, kerajaan memperuntukkan sejumlah RM5.9 bilion bagi tahun 2011 untuk membantu pelaksanaan pelbagai projek yang telah dikenal pasti dalam NKA, kerajaan hanya menyediakan peruntukan sebanyak 8% manakala pihak swasta melabur 92%. Untuk menambah ilmu pengetahuan melalui peningkatan kemahiran *abseiling* dan *reselling*, kerajaan telah memperuntukkan RM500 juta untuk menjalankan latihan sambilan di sebelah malam dan hujung minggu serta program latihan kepada golongan pekerja oleh majikan mereka.

Bagi mengukuhkan lagi sektor pemborongan dan peruncitan satu transformasi kedai runcit, bengkel automotif dan pasar komuniti akan dilaksanakan untuk menaiktarafkan kemudahan supaya menjadi lebih menarik dan moden dengan peruntukan sebanyak RM73 juta. Usaha akan dilaksanakan supaya kadar upah dan ganjaran adalah selaras dengan peningkatan produktiviti. Untuk ini Majlis Konsultasi Gaji Negara akan tubuhkan sebagai platform utama dalam penetapan gaji.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Langkah ini akan dapat memastikan pekerja mendapat gaji yang setimpal dengan peningkatan kos sara hidup. Jadi Yang Berhormat Jelutong tadi menyentuh dua perkara. Satu beliau mengkagumi perancangan kita di bawah NKA tetapi beliau ingin tahu bagaimana pencapaian ini nanti, malah inilah isu yang kadangkala ditanya oleh beberapa pihak. Sebagai asas - boleh tunggu dahulu? Duduk dahulu Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Sebagai asas kepada perbincangan, *the key issue* dengan izin NKA kita mempunyai

perancangan yang spesifik. Ia bukan satu *broad based* dengan izin *broad based planning* yang tidak ada *substance* di dalam perancangan tersebut. Maksud saya di dalam perancangan spesifik kita ada ETP, Entry Points, kita ada EP Entry Points Project, EPP dan Entry Points Project ini mengandungi 131 projek dan di bawahnya kita ada *business proposal*.

Akan tetapi saya ingin bercakap tentang *entry points project*. Secara spesifik di bawah 12 projek-projek yang telah ditetapkan, kita kenal pasti 131 projek yang mana ada yang telah pun selesai perundingan sebanyak sembilan kalau tidak silap saya yang sedang dan boleh dilaksanakan. Ini nanti akan membawa pelaburan sebanyak RM151 bilion. Jadi kalau kita lihat dari segi keseluruhan pelaksanaan itu nanti, pertama akan meningkatkan peluang pelaburan, kedua akan meningkatkan pekerjaan kepada 3.3 juta pekerjaan baru, ketiga meningkatkan pendapatan dan kita pula menuju kepada industri yang berteknologi tinggi. Kita tahu dalam projek-projek pembuatan yang berteraskan kepada *labor cost*, kita tidak mungkin dapat bersaing dengan negara-negara jiran. Jadi kita berpindah kepada yang *high*...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Nanti Yang Berhormat. Duduk. Berada pada *high value change*. Kemudian Yang Berhormat menyentuh tentang *household debt* tadi 77% daripada GDP, daripada komposisinya 40% lebih kurang adalah dari segi hutang pembelian rumah, 20% kereta dan seterusnya. Untuk makluman Yang Berhormat kalau kita lihat dari segi *financial risk* kepada sesebuah institusi kewangan, pinjaman Yang Berhormat maksudkan itu pada tahun 2009 berjumlah RM516 bilion tetapi *asset coverage* adalah sebanyak RM1.2 bilion. Makna kalau kita lihat dari segi *margin coverage asset* itu adalah RM1.2 bilion berbanding dengan 500.

■ 1810

Bermakna ada dua perpuluhan dua kali. Maknanya, risiko yang akan dihadapi oleh institusi kewangan itu tidak begitu tinggi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya. Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi laluan. Saya masih menunggu jawapan dalam perbahasan yang saya bangkitkan tempoh hari di mana saya cukup selesa mendengar Yang Berhormat Menteri menyebutkan tentang *outcome based budgeting* itu yang saya amati adalah satu metodologi yang cukup baik. Cuma dalam persoalan yang saya bangkitkan belum lagi mendapat penjelasan Yang Berhormat Menteri khususnya ketika kita menyaksikan Singapura cuba berusaha untuk mengurangkan fiskal defisit mereka kepada 2.1% untuk tahun 2011 dan Indonesia berazam untuk menurunkan fiskal defisit mereka sebanyak 1.7%. Kita pada saat-saat akhir, saya dengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan tentang komitmen untuk mengurangkannya kepada 5.4% dalam Bajet 2011 berbanding 5.6% dalam Bajet 2010.

Persoalan yang saya bangkitkan ketika saya memerhatikan cara kaedah dalam 92% komitmen daripada *private investment* (pelaburan swasta), saya mendapati akhirnya pendekatan yang dikatakan *initiative public private partnership* itu mendedahkan kerajaan kepada apa yang sedang kita saksikan hari ini yang disifatkan oleh analis sebagai sebenarnya adalah *off balance sheet budgeting*. Ini yang lebih menakutkan dan mengkhuatirkan kita sebab telah pun kita saksikan di mana apa pun projek-projek khususnya yang bersifat PPP *initiatives,* akhirnya

besok akan ditanggung oleh kerajaan. Lantas akan melebarkan lagi defisit fiskal. Itu perkara yang saya bangkitkan yang belum mendapat lagi apa-apa ulasan daripada Yang Berhormat Menteri. Itu yang pertama.

Yang kedua nanti saya hendak masuk ketika Yang Berhormat Menteri...*[Dewan riuh]* Minta untuk...*[Dewan riuh]* Apa ini? Berani cakaplah. Tak faham diam-diam. Biar Yang Berhormat Menteri jawab. Berapa Yang Berhormat Menteri kita ada ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Yang Berhormat menyentuh mengenai dengan rasa tidak yakin Yang Berhormat kepada projek PPP. Sebenarnya apabila kita melaksanakan projek PPP, bila kita mengadakan *partnership* dengan pihak swasta, ada beberapa isu yang harus kita tangani. Pertama, isu projek tersebut. Adakah projek yang dilaksanakan itu *viable* ataupun tidak. Itu pertama. Yang kedua, dari segi pelaksana itu. Adakah pelaksana mempunyai *capability* untuk melaksanakan projek kerana ada beberapa risiko yang akan dihadapi. Risiko dari segi kewangan, risiko dari segi pelaksanaan projek. Kalau pembangunan dari segi *construction work* dengan izin, dan penyelesaian projek tersebut.

Pada pengamatan saya, kerajaan mempunyai banyak pengalaman yang telah kita lalui. Jadi apa yang kita buat sekarang kita bagi *tipping fund*. Katalah satu projek yang bernilai RM1 bilion. Jadi kita rasa kita perlu bagi sebanyak RM50 juta ataupun RM100 juta untuk infrastruktur. Jadi kita buat begitu dan penilaian dibuat dan projek-projek ini bukan projek yang kita anggap tidak mempunyai permintaan. Permintaan dalam konteks projek-projek ini adalah projek-projek yang akan dapat membangunkan negara kita kepada peringkat yang lebih tinggi, bukan projek-projek yang sengaja untuk dibuat.

Kemudian Yang Berhormat kaitkan tentang 92% daripada sektor swasta. Seperti mana yang saya nyatakan tadi, saya yakin kerana bila kita bercakap soal swasta, apakah yang mereka mahu. Satu, mereka mahu peluang. Kedua, mereka akan melihat dari segi *business risk*. Apakah satu *business* itu akan mendatangkan pulangan yang baik atau tidak. Ketiga, mereka akan melihat dari segi sumber kewangan. Adakah sumber kewangan mencukupi untuk membiayai projek mereka.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Dalam konteks negara kita, ketiga-tiganya itu ada. Apabila kita melaksanakan PPP, kita mengadakan Economic Transformation Programme dan kita adakan pula struktur mengenal pasti 12 NKRA dan 131 *entry point* projek. Ini dilaksanakan secara yang begitu tersusun. Tidak pernah berlaku. Bukan saya hendak angkat Kerajaan Malaysia kerana saya terlibat di dalam perbincangan di peringkat IMF, World Bank dan baru-baru ini di APEC dan mereka mengagumi kerana kita mengenal pasti keseluruhan. Duduk dahulu Yang Berhormat, Yang Berhormat berdiri lama.

Kita mengenal pasti keseluruhan sektor dan subsektor dalam negara kita dan kita membuat kajian selama empat tahun kebelakangan apakah kadar pertumbuhan tiap-tiap sektor tersebut. Kita banding pula dengan kadar pertumbuhan di dunia pada masa tersebut dan kita buat *projection* untuk satu tahun bagaimanakah kedudukannya. Itu akhirnya kita dapati bahawa 12 sektor ini yang mampu negara kita ke hadapan bersaing di peringkat dunia dan kita seterusnya ada 131...

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Duduk dahulu Yang Berhormat. 131 *entry point* projek yang telah pun dirundingkan dengan pihak-pihak berkenaan.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sedikit.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Yang Berhormat, nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat, boleh saya bagi sahabat saya ini. Sahabat saya sudah lama berdiri.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tajuk dia begini...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tak apa, tak apa. Bagi *chance* dengan...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Begini, saya teruskan sedikit lagi, yang sembilan projek tadi. Boleh Yang Berhormat Menteri? Menteri, Menteri...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kalau tidak nanti sudah tidak relevan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri sudah kata bagi dengan Yang Berhormat Kepong Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Yang Berhormat Kepong dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Kuala Selangor tunggulah jawapan kepada soalan Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Kepong sila.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya pun tertarik dengan *tipping fund*, dengan *entry point* projek, 131 projek dan sebagainya. Saya hendak tanya, apakah peranan GLC sekarang di dalam projek-projek ini kerana kita dapati daripada Khazanah Nasional itu kita mempunyai berapa GLC di bawahnya dan mereka terlibat dengan banyak projek juga. Begitu juga dengan GLC yang lain dan kita mestilah memberi maklumat yang cukup dan telus kepada pihak pelabur.

Misalnya Yang Berhormat, kita pun bersama bila kita melawat Iskandar. Memang baik, satu rancangan yang baik tapi kita dapati pelabur itu tidak begitu ramai. Walaupun akhir-akhir ini dikatakan ramai sudah hendak menyertai Iskandar tapi saya tidak nampak lagi dari segi pelaburan yang sebenarnya yang dilaburkan di situ. Belum dapat lagi. Mungkin mereka masih ada keraguan mengenai apakah peranan kerajaan kerana Tuan Yang di-Pertua, yang penting sekali kita mestilah menggalakkan inisiatif dan inovasi daripada pihak swasta. Bila disebutkan kita hendak dapatkan RM1.3 trilion pada 2020, saya pun nampak macam mana kita dapat begitu banyak walhal sekarang pun misalnya, di Iskandar kita tidak dapat lagi. Bagaimana Yang Berhormat Menteri dapat menerangkan kepada Dewan yang mulia ini kita dapat menggalakkan pihak swasta untuk melabur di dalam negara ini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Pun hendak dengar Yang Berhormat Menteri beri penjelasan ini. Jadi minta tolong jangan ganggu banyak sangat Yang Berhormat. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak faham Yang Berhormat Kepong sebab saya telah jelaskan tadi kita ada *entry point* projek.

■ **1620**

Saya kata sektor swasta memerlukan peluang, *business risk* dari segi *internal rate of return* yang tinggi. Kemudian, *financial risk* mendapat pinjaman yang mudah dan negara kita mempunyai *liquidity* yang tinggi kerana deposit kita, pinjaman kepada deposit hanya 70% atau 80% dari keseluruhan deposit. Jadi, ini membuatkan pelabur mahu terlibat dalam negara kita.

Saya juga ingin nyatakan kepada Tuan Yang di-Pertua, kita selalu bercakap tentang nilai pelaburan yang akan kita terima dan saya menyatakan tadi bahawa kita melihat kepada nilai pelaburan yang dapat melonjakkan negara kita kepada *high value added economy,* bukan *middle value added economy*. Bermakna di sini kita berteraskan kepada produktiviti, bukan *labor* semata-mata – saiz *labor* yang besar. Bermakna, pelaburan yang RM1 bilion berasaskan kepada orientasi produktiviti berbanding dengan RM2 bilion yang berasaskan kepada *labor based economy*, yang RM1 bilion itu lebih besar nilainya. Jadi kita mesti lihat dalam skop yang begitu.

Kemudian Yang Berhormat bertanya tentang peranan GLC. Seperti mana saya nyatakan bahawa melalui NKEA, kita akan berbelanja hanya 8% daripada kerajaan dan 92% daripada sektor swasta. Sebahagiannya kalau tidak silap saya – kadang-kadang kita tidak ingat, 20% atau 30% mesti datang daripada GLC.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bercakap tentang ETP dan program yang dikatakan sebagai *entry-point projects* yang telah pun disusun sembilan EPPs, apa yang saya perhatikan di sini pertamanya, yang disebutkan adalah pelaburan daripada Mydin. Mydin sebagai *local wholesale* dan *retail player* akan melabur RM1 bilion dalam 14 *branches* untuk senggang waktu tiga tahun. Keduanya, *six star hotel* – St Regis yang akan buat pelaburan di KL Sentral sebanyak RM1.2 bilion dan ini adalah di atas 2.2 ekar tanah di KL Sentral. Kemudiannya Schlumberger yang akan juga membuat pelaburan dalam senggang waktu 10 tahun. Saiz pelaburan tidak disebutkan di sini tetapi pernah melabur sebanyak RM300 juta. Begitu juga Malaysian Airport Berhad. Ini adalah di antara yang sembilan itu. *Premium Renewable Energy* dan juga *Ministry of Higher Education* dalam *Asia e-University* – RM100 juta. Johor Premium Outlets *located* di Genting Indahpura Johor – RM150 juta.

Keseluruhan ini sebenarnya tidaklah seperti mana yang Yang Berhormat Menteri sebutkan iaitu RM100 bilion lebih tetapi jumlah keseluruhan tidak pun sampai RM30 bilion tetapi RM28.36 bilion. Kalau kita tolak daripada KLIFD yang merupakan The Kuala Lumpur Islamic Financial District itu, pembinaan yang dibuat *joint venture* 1MD dengan Mubadala itu, *we only left with* RM2.386 bilion. Jadi Yang Berhormat Menteri, gembar gembur itu saya suka juga kerana ia merangsang dan ia cukup menguja serta memberikan satu *excitement* dalam komuniti pelabur.

Akan tetapi apabila saya lihat sendiri akan *detail* dan pen*detail*an EPPs ini Tuan Yang di-Pertua, yang sembilan yang dikatakan sudah *five star rated* oleh PEMUDAH – maaf, PEMANDU itu – kita banyak sangat – PEMANDU, PEMUDAH, ICU. Jadi Yang Berhormat Menteri, *I feel to be convinced* – minta maaf, buat sementara ini kalaulah betul-betul ia bersikap *outcome based* dan ianya pada akhirnya juga akan melonjakkan pendapatan GNI per kapita, tetapi jika kita lihat dari sudut kegiatan-kegiatan *investment* ini Yang Berhormat Menteri, bagaimana agaknya? Ini kerana kita telah melalui dalam gelombang pertama mega projek – *billions of* ringgit, tetapi kita masih terperangkap seperti mana yang Yang

Berhormat Menteri sebutkan sedikit waktu dahulu dengan pendapatan sederhana. Akan tetapi jika ulangi yang sama dengan tidak menekankan apa yang sepatutnya merupakan *the SMEs,* inilah yang akan menghasilkan pendapatan tinggi, Tuan Yang di-Pertua.

But I fail to see, saya gagal melihat dalam bajet mahupun dalam ETP penekanan itu diberikan kepada *SMEs*. *I am a subscriber*, saya melanggan ini *fortnightly – SMEs magazine* ini. Akan tetapi kalau kita lihat dalam sembilan *entry point projects* ini, tidak satu pun yang saya lihat membawa atau melonjakkan *outcome based* itu ke arah pendapatan tinggi. Betul kita akan melonjakkan GDP tetapi tidak semestinya pendapatan tinggi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat – saya cakap dahulu Yang Berhormat ya. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri juga. Kita dalam Dewan sebenarnya Yang Berhormat, bukan untuk menegakkan *argument* kita. Kerajaan mengesyorkan inilah dasar kerajaan, inilah cara kerajaan tetapi kalau di sini kita hendak kata ini salah, tidak betul, saya tidak percaya, itu sudah perkara lain Yang Berhormat. Jadi, sila Yang Berhormat Menteri.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya senang sahaja. Tadi Yang Berhormat Menteri ada katakan mengenai *entry-point project* di mana lebih kurang 32% akan dilabur oleh pihak GLC. Saya kira kalau mengikut 32% jumlah yang perlu dilabur oleh pihak GLC di Malaysia, ia merupakan lebih kurang RM454 bilion. Apabila saya membuat pengiraan lebih kurang 17 atau 20 buah syarikat GLC terbesar yang disenaraikan dalam Bursa Malaysia, mereka mempunyai hutang terkumpul yang lebih kurang RM38 bilion. Kalau begitu, dalam lapan atau sembilan tahun yang akan datang, setiap tahun mereka perlu melabur lebih kurang RM50 bilion, dari mana mereka mencari dana dan bagaimana mereka dapat mencapai matlamat untuk melabur RM454 bilion yang dikenakan ke atas mereka bila nampaknya sudah banyak berhutang?

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mendapat panduan dari Tuan Yang di-Pertua sama ada perbahasan ini membolehkan kita membincangkan perkara yang tidak dibangkitkan di dalam perbahasan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebenarnya peraturan kita tepat. Perkara yang dibangkit boleh dijawab. Kalau ada kurang jelas penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, yang berbahas boleh bangun dan bertanya semula dengan soalan tetapi perkara baru tidak boleh dibangkit selepas itu. Akan tetapi kalau setelah habis penggulungan, Yang Berhormat Menteri fikir ada perkara baru yang penting kepada negara mahu dijawab, boleh atas *option* Yang Berhormat Menterilah. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Saya cakap begitu kerana kalau kita terus begini, ia akan jadi terlampau panjang. Sebenarnya isu yang Yang Berhormat Kuala Selangor dan juga Yang Berhormat Petaling Jaya Utara nyatakan itu, jikalau kita baca dalam buku yang dikeluarkan tempoh hari tentang NKEA dan *entry-point projects,* semua fakta itu ada di dalamnya. Jadi saya ingat lebih baik dapat maklumat di situ.

Ahli Yang Berhormat Pokok Sena ingin mengetahui mengapa perbelanjaan mengurus Bajet 2011 lebih tinggi berbanding Bajet 2010. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang melaksanakan program transformasi menjadi sebuah negara maju berpendapatan tinggi. Untuk mencapai hasrat ini, pelbagai program dan projek di bawah NKRA, NKEA dan Rancangan Malaysia Kesepuluh akan dilaksanakan pada tahun 2011 yang melibatkan peningkatan perbelanjaan mengurus.

Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh menyentuh tentang peruntukan kepada Suruhanjaya Pilihan Raya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bajet yang diperuntukkan kepada SPR bagi tahun 2011 adalah sebanyak RM45 juta iaitu di bawah maksud Bekalan B.04 seperti dalam Rang Undang-undang Perbekalan 2011. Sehubungan itu, dakwaan Ahli Yang Berhormat mengenai peruntukan sebenar sebanyak RM250 juta untuk SPR adalah tidak benar sama sekali.

Ahli Yang Berhormat Arau mencadangkan agar kontraktor yang gagal menyiapkan projek pada tempoh masa yang ditetapkan tidak diberikan semula projek tersebut bagi mengelakkan kualiti projek terjejas.

■ 1830

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan tersebut telah diambil kira melalui Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 8 Tahun 2009 yang mendefinisikan projek sakit sebagai projek yang telah mengalami kelewatan melebihi dua bulan atau 20% daripada tarikh atau jadual yang ditetapkan mengikut mana yang terdahulu dan kontraktor telah dipastikan tidak mampu memperbaiki prestasinya.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) ***mempengerusikan Mesyuarat****]*

Bagi menangani masalah tersebut SPP berkenaan menetapkan bahawa agensi perlu melantik kontraktor penyiap secara tender terhad di kalangan sekurang-kurangnya lima kontraktor. Nama kontraktor perlu diperolehi dari Jabatan Kerja Raya yang menyelenggarakan senarai daftar kontraktor penyiap secara berpusat. Ahli Yang Berhormat juga mencadangkan supaya kontraktor tempatan iaitu di negeri di mana projek dilaksanakan diberi keutamaan dan bukannya terhad kepada syarikat besar sahaja.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi projek bernilai RM500,000 ke bawah, hendaklah dipelawa di kalangan kontraktor tempatan yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor iaitu di kalangan kontraktor Kelas F di daerah berkenaan dan kontraktor Kelas E di negeri di mana projek akan dilaksanakan. Bagi puluhan kerja bernilai melebihi RM500,000 ianya hendaklah dipelawa secara tender di kalangan kontraktor berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dalam Kelas A hingga D mengikut had nilai perolehan yang ditetapkan tanpa mengambil kira lokasi atau negeri pendaftaran kontraktor.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Pendaftaran kontraktor kerja adalah di bawah bidang kuasa Pusat Khidmat Kontraktor, agensi pelaksana bertanggungjawab untuk memaklumkan kepada Pusat Khidmat Kontraktor mengenai kontraktor yang gagal menyiapkan projek agar tindakan boleh diambil.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Minta penjelasan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Menteri. Ini berhubung kait dengan kaedah tender ini, *open tender* dan *close* tender. Banyak

orang mempertikaikan pemberian terus, semua mahu *open tender* terutamanya *politician*. Dia tidak tahu apa benda pun, *politician* daripada sebelah sana, *open tender! Open tender!.*

Saya hendak tanya, minta penjelasan Yang Berhormat. Apa *warranty open tender* ini menjamin keuntungan bagi pihak kerajaan? Orang yang meniaga tahu, orang yang tidak berniaga jangan cakap. Ini *lecturer* ekonomi, kita naik *confuse*, teori, teori, macam-macam teori, tesis, patutlah ramai pelajar tidak lulus.

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat biarkan dia dengan pendapat dia Yang Berhormat, dengar sahaja.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tidak lulus dapat pensyarah ekonomi macam Yang Berhormat Kuala Selangor. Dengarlah dulu, tadi dah bagi *economic lecture* kita dengar, sekarang berilah pula profesor ini bercakap. *[Ketawa]* Dia ingat dia saja pandai berteori.

Yang Berhormat Menteri, minta masa sikit, saya hendak menjawab. Kerajaan tidak bangunkan ekonomi, lepas itu tidak galakkan pelabur-pelabur tempatan melabur, pembangkang salahkan kerajaan. Bagaimana pelabur-pelabur tempatan hendak melabur kalau kita tidak beri peluang projek. Ini apa yang dipertikaikan. Teori ini, teori tidak tahulah apa saya hendak cakap. Saya harap pelajar-pelajar janganlah pergi kelas dia, hancur ekonomi negara, hancur. *[Ketawa]*

Okey, berbalik kepada soal tender ini. Saya dapat tahu dengan bukti-bukti yang nyata, banyak tender yang diberi secara open tender tidak menguntungkan kerajaan. Walaupun...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat mana? Yang Berhormat Nibong Tebal pergi belajar, baru balik belajar kan? Yang Berhormat Jelutong, umur setahun jagung, tidak ada pengalaman.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Bila FELCRA nak *open tender* ini? Cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong, sabar Yang Berhormat ya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi penasihat kepada Ketua Menteri Pulau Pinang, apa jadi sekarang? Pulau Pinang apa jadi? Pergi *Singapore...*

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: RM77 juta *surplus,* tunjuk saya negeri BN.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor, Yang Berhormat Pasir Salak sedang mencelah Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Pergi *Singapore* jumpa Lee Kuan Yew hendak dapatkan nasihat. Inilah Kerajaan Pulau Pinang, tidak ada idea.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pasir Salak, ringkaskan Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sikit-sikit bagi *chance* lah. *[Dewan riuh]*

Okey berbalik kepada soal tender, tender terbuka ini. Walaupun yang termurah, selalunya bagi yang termurah dan saya hendak beritahu Yang Berhormat Menteri, banyak penender dia sanggup bagi harga yang termurah semata-mata untuk menang tender itu. Bila dia sudah dapat, dia akan *compromise* kualiti, siapa yang rugi? *Compromise quality, this is practical cases.*

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: Belajar dari tabika mana ini teori-teori macam ini?

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *This is* betul Yang Berhormat. Jadi mereka *compromise* kualiti, kerajaan juga yang rugi. Lagi satu Tuan Yang di-Pertua, mereka yang memenangi tender ini, apabila harganya sudah terlalu murah, dia tidak mampu untuk melakukan atau melaksanakan projek itu dengan berjaya dan akan berlaku projek terbengkalai. Bila terbengkalai, kerajaan terpaksa *retender* dan terpaksa tambah lagi peruntukan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Buat macam Pulau Pinang, ada kuasa ketua menteri.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Jadi di mana yang dikatakan *open tender*, ini adalah satu cara yang boleh menjimatkan duit kerajaan, menguntungkan kerajaan dan adil kepada penender-penender. Harap dapat penjelasan.

Tuan Jeff Ooi Chuan Aun [Jelutong]: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Pulau Pinang *surplus* judi.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Pasir Salak atas pandangan beliau dan ini kita ambil maklum atas pandangan beliau itu.

Ahli Yang Berhormat Bandar Tun Razak memohon penjelasan mengenai inisiatif kerajaan untuk membasmi rasuah dalam perolehan kerajaan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah melaksanakan inisiatif penambahbaikan tatacara perolehan kerajaan dari semasa ke semasa. Selaras dengan inisiatif NKRA rasuah, Kementerian Kewangan pada 1 April 2010 telah melancarkan *MyPROCUREMENT* iaitu pusat maklumat kerajaan yang memaparkan maklumat mengenai syarikat yang berjaya mendapat tender agensi kerajaan.

Di samping itu, kerajaan telah melaksanakan Integriti Pek dalam perolehan kerajaan pada 1 April 2010. Di bawah Integriti Pek, pembida hendaklah menandatangani surat akuan pembida dan surat akuan pembida berjaya agar tidak menawar atau memberi rasuah. Sekiranya terdapat pegawai awam yang meminta rasuah daripada pembida, mereka harus melaporkan kepada SPRM atau balai polis berhampiran.

Ahli Yang Berhormat juga ingin mengetahui langkah kerajaan bagi menggalakkan ketelusan proses tender *accountability* dan pertanggungjawaban.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah menetapkan tatacara pengurusan perolehan kerajaan secara tender. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5 Tahun 2007 telah membatalkan peraturan berkaitan tender yang dikeluarkan pada tahun 1995 dengan memasukkan elemen ketelusan dan *accountability* bagi menambah baik tatacara pengurusan tender perolehan kerajaan. Antaranya; keperluan pembukaan tender bernilai melebihi RM30 juta bagi bekalan atau perkhidmatan yang melebihi RM50 juta bagi kerja di hadapan awam dan penetapan tempoh khusus bagi penilai tender dan tempoh Lembaga Perolehan perlu bermesyuarat selepas penilaian tender selesai.

Bagi membentuk budaya *accountability* dan mempercepatkan proses membuat keputusan di samping mengurangkan kerenah birokrasi, agensi juga telah diberi kuasa dan tanggungjawab untuk memutuskan tender sehingga RM50 juga bagi tender bekalan atau perkhidmatan dan sehingga RM100 juta bagi tender kerja. Di samping itu, tender yang melebihi nilai tersebut hendaklah diputuskan oleh Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan I yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan atau Jawatankuasa Perolehan Menteri Kewangan II yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan II mengikut had masa yang ditetapkan. Kerajaan juga telah melaksanakan perolehan secara elektronik melalui sistem e-Perolehan supaya perolehan dilaksanakan secara *online* dan lebih telus.

Ahli Yang Berhormat Hulu Selangor membangkitkan mengenai isu cukai ke atas minuman keras. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kewangan bersama-sama agensi berkaitan seperti Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dan pihak berkuasa tempatan akan meneliti struktur cukai bagi minuman keras secara menyeluruh. Ini bagi memastikan kadar cukai adalah mengikut kandungan alkohol sesuatu produk. Ini terutamanya bagi menangani isu penyalahgunaan dan kemudaratan daripada pengambilan minuman keras.

Menjawab pertanyaan Ahli Yang Berhormat Shah Alam dan Bachok, langkah pemansuhan duti import ke atas lebih 300 jenis barangan adalah bertujuan menjadikan Malaysia sebagai destinasi utama membeli-belah di rantau Asia dengan menawarkan barangan berjenama pada harga yang kompetitif.

■ 1840

Langkah ini akan dapat menarik lebih ramai pelancong asing yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan negara. Di samping itu, usaha ini juga dapat menyediakan peluang pasaran kepada barangan buatan Malaysia dan dapat menarik minat para pelancong asing berkunjung ke negara ini. Pemansuhan duti import juga mengurangkan kos barangan dan membolehkan rakyat memilikinya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Bukit Bintang dan Bayan Baru, kerajaan ingin memastikan pemansuhan duti import tersebut dapat dinikmati oleh pelancong asing dan rakyat tempatan.

Namun begitu, bagi produk yang telah dikenakan duti import sebelum pemansuhan dikuatkuasakan, penjual produk berkenaan lazimnya mengambil kira elemen duti import yang telah ditanggung dalam penetapan harga penjualannya kepada pengguna. Dalam kes sebegini, pengguna masih mendapat manfaat daripada pemansuhan duti import memandangkan peniaga berkecenderungan untuk menyerap duti import berkenaan bagi membolehkan barangan daripada stok

yang telah dibayar cukai dapat bersaing dengan stok baru yang cukainya telah dimansuhkan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Lembah Pantai dan Seremban, pelaksanaan pemansuhan duti import dan pengecualian cukai jualan diperuntukkan di bawah Seksyen 11 Akta Kastam 1967 dan Seksyen 15 Akta Cukai Jualan 1972. Perintah dan peraturan berkaitan juga telah diwartakan untuk berkuat kuasa pada tarikh yang ditetapkan dan dengan itu pelaksanaannya teratur. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Pendang, Bukit Mertajam dan Petaling Jaya Utara, semua jenis susu tepung tidak dikenakan duti import. Sehubungan itu, cadangan pemansuhan duti import tidak berbangkit. Duti import juga tidak dikenakan ke atas barangan seperti berikut:

(i) peralatan perubatan dan pembedahan seperti peralatan *surgical, orthopedic dental, sight testing instrument* termasuk alat bantuan pendengaran dan alat bantuan pernafasan serta ubat-ubatan;

(ii) lampin pakai buang;

(iii) barang mainan; dan

(iv) peralatan untuk orang kurang upaya seperti kerusi roda.

Berhubung dengan pandangan Yang Berhormat Kota Melaka, Kementerian Kewangan, MITI, MIDA dan Kementerian Pelancongan telah mengadakan konsultasi dengan pihak industri barangan tempatan bagi tujuan pemansuhan duti import. Senarai lebih 300 jenis barangan diteliti dan dipilih dengan cermat sebelum dimansuhkan duti import. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan bersetuju untuk memberi pertimbangan pengecualian duti import kepada para pengilang tempatan ke atas bahan mentah yang berkaitan. Permohonan boleh dibuat melalui MIDA. Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan Kuala Langat menyatakan bahawa peningkatan kadar cukai perkhidmatan membebankan pengguna.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Minta penjelasan Yang Berhormat Menteri. Pemansuhan 300 jenis barangan dan duti import. Boleh saya pohon agar Menteri boleh memberi kami satu senarai jenama barangan yang akan dihapuskan duti import ini, sebab sebelum ini kami ada minta daripada kementerian yang lain tetapi dimaklumkan tiada. Perkara kedua, pemansuhan duti import ini akan membawa apakah impak kewangan ke atas kerajaan? Berapa jumlah yang tidak akan dapat dikutip? Mohon penjelasan.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, daripada segi senarai Yang Berhormat perlukan itu akan saya bagi kepada Yang Berhormat nanti. Daripada segi kehilangan cukai, itu pun saya akan bagi kepada Yang Berhormat nanti secara bertulis. Ahli Yang Berhormat Permatang Pauh dan Kuala Langat menyatakan bahawa peningkatan kadar cukai perkhidmatan membebankan pengguna. Pihak kerajaan berpandangan bahawa peningkatan kadar cukai perkhidmatan sebanyak 1% tidak akan membebankan pengguna. Tambahan pula, beberapa jenis perkhidmatan sahaja yang hanya dikenakan cukai sekiranya jualan tahunan perniagaan tersebut adalah melebihi paras *threshold* tahunan yang ditetapkan.

Ahli Yang Berhormat Hulu Selangor telah mencadangkan supaya derma diberikan kepada sekolah dikecualikan cukai. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, insentif cukai telah pun diberi kepada syarikat individu, ke atas sumbangan yang dibuat untuk sekolah dan institusi pendidikan di bawah Seksyen 44(6) Akta Cukai Pendapatan 1967. Ahli Yang Berhormat Lanang telah mencadangkan supaya cukai pendapatan korporat diturunkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cukai pendapatan korporat semasa di Malaysia pada kadar

25% adalah kompetitif berbanding negara-negara di rantau ini kecuali Singapura 17% dan Hong Kong 15.6%. Di samping itu, kerajaan telah mengenakan kadar cukai istimewa untuk syarikat SME pada kadar 20% bagi pendapatan bercukai sehingga RM500 yang pertama.

Kerajaan juga telah menyediakan pelbagai insentif pengecualian cukai pendapatan kepada pelbagai sektor ekonomi seperti pengilangan, perkhidmatan berkaitan pengilangan, pertanian, pelancongan, teknologi maklumat dan bioteknologi dengan mengambil kira pemberian insentif tersebut, kadar cukai berkesan adalah kira-kira 7.5%. Selain itu, kerajaan juga menyediakan galakan cukai menarik seperti *incentive prepackage* untuk projek berimpak tinggi bagi mengekalkan daya saing negara.

Ahli Yang Berhormat Sibu telah menyentuh mengenai rasional pemberian-pemberian duti setem sebanyak 50% bagi pembelian sebuah rumah pertama berharga tidak lebih RM250,000. Untuk makluman Yang Berhormat, kerajaan telah memberi pengecualian duti setem sebanyak 50% daripada pembelian rumah berharga tidak melebihi RM250,000 sejak 8 September 2007 hingga 31 Disember 2010. Prihatin dengan kenaikan harga rumah, kerajaan memutuskan untuk menaikkan had kelayakan harga rumah kepada RM350,000 bagi dua tahun lagi sehingga 31 Disember 2011.

Ini merupakan tambahan RM100,000 bagi nilai rumah yang layak untuk pengecualian duti setem supaya dapat merangkumi lebih ramai pembeli rumah pertama. Ahli Yang Berhormat Hulu Terengganu, untuk makluman, kerajaan melalui agensi pengutipan cukai iaitu Lembaga Hasil Dalam Negeri dan Kastam Diraja Malaysia sentiasa berusaha meningkatkan kecekapan urusan pungutan cukai. Antara pendekatan digunakan adalah melalui pendidikan kepada pembayar cukai serta menyediakan sistem pungutan yang cekap dan mesra pelanggan seperti penggunaan teknologi moden antaranya *e-Filing, e-Payment* dan *e-Ledger.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Pasir Salak bangun Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Yang Berhormat Menteri, Timbalan Speaker, berkenaan dengan rumah tadi saya ingin nak tanya sikit kepada Menteri. Banyak orang kampung yang susah-susah ini nak beli rumah, dia punya pendapatan pun rendah dan juga tak menentu. Kalau kita nak buatkan rumah pada harga pasaran, harganya tinggi. *Low cost* pun sekarang dah RM50,000 lebih ke RM60,000, 600 kaki persegi sahaja itu, dua atau tiga bilik. Jadi, saya ingin bertanya kalau boleh kerajaan mempertimbangkan untuk mengurangkan kos ataupun harga rumah ini. Boleh tak pihak kerajaan membantu daripada segi kos infrastrukturnya dibiayai oleh kerajaan, manakala pembeli membayar harga bangunan rumah? Ini adalah satu cara yang boleh menolong kerana kos infrastruktur ini kadang-kadang sampai RM15,000 ke RM20,000 walaupun rumah kos rendah, rumah murah ini. Jadi kalau kita dapat membantu daripada segi infrastruktur, jalan, parit, *water reticulation* dengan izin, mungkin rumah murah boleh kita letak pada tahap harga melebihi RM30,000.

Jadi mereka yang berpendapatan RM500, RM600, RM700 sebulan mampu untuk beli dan bayar balik lebih kurang RM200 ataupun kurang daripada itu. Kalau RM50,000 ke RM60,000 dia pinjam walaupun kata boleh pinjam 100%, dia kena bayar balik dalam RM300 ke RM400 sebulan Yang Berhormat Menteri. Jadi, mohon kalau boleh dapat keprihatinan Kementerian Kewangan dalam hal ini. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Nor bin Othman [Hulu Terengganu]: Menteri. Terima kasih Menteri, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kerajaan menerusi Lembaga Hasil Dalam Negeri telah memperkenalkan pembayaran cukai yang berasaskan kepada taksiran sendiri. Jadi, saya nak tahulah dengan pengenalan kaedah ini, apakah kerajaan merasa yakin bahawa tidak ada golongan-golongan yang cuba melarikan diri mengurangkan pendapatan supaya mereka dikenakan cukai yang lebih rendah, dan sejauh manakah kerajaan berusaha untuk membuat auditan kepada pembayar-pembayar cukai ini terutama kepada korporat sebab saya dapati bahawa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri lebih berminat untuk mengaudit kepada pembayar-pembayar cukai yang kakitangan kerajaan. Terima kasih.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, pandangan Yang Berhormat Pasir Salak ini perlu satu penelitian yang mendalam kerana ia mempunyai implikasi kewangan. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu mengenai dengan taksiran sendiri seperti mana beliau nyatakan bahawa pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri akan mengkaji daripada sudut, adakah data yang diberi oleh individu dan syarikat itu mengikut apa yang difikirkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri sebagai berpatutan. Sekiranya tidak, audit akan dilakukan atas syarikat-syarikat dan individu yang terlibat.

■ 1850

Di samping itu untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, kita sedang menjalankan satu kajian kerana kita juga melihat dari segi kutipan cukai ada syarikat-syarikat dan individu-individu yang tidak sebenarnya membuat pendaftaran dengan Lembaga Hasil Negeri. Kita berpendapat bahawa kerajaan kehilangan pendapatan akibat daripada itu dan kita sedang membuat kajian dan tindakan akan diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Yang Berhormat dari Parit Sulong menyentuh tentang insentif cukai bagi pembangunan teknologi hijau. Kerajaan telah menyediakan galakan cukai dan ia akan terus ditawarkan untuk lima tahun lagi bagi menarik pelaburan dalam industri ini supaya pembangunannya dapat dirancakkan.

Ahli Yang Berhormat Klang mencadangkan supaya kerajaan mengawal permintaan ke atas kad kredit bagi mengurangkan *non-performing loan* dengan izin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah mengenakan cukai perkhidmatan kad kredit sebanyak RM50 seperti diumumkan dalam Bajet 2010. Berikutan itu bilangan kad kredit dalam edaran telah merosot sebanyak 19.1% kepada RM8.9 juta pada akhir Julai 2010 dan akhir 2009 adalah 10.8%. Ingin dimaklumkan juga bahawa hutang kad kredit hanyalah mewakili 6.1% daripada jumlah pinjaman isi rumah dan 3.4% daripada jumlah pinjaman sistem perbankan dan nisbah NPL adalah 1.9%.

Ahli Yang Berhormat Bukit Katil membangkit isu mengenai cadangan kerajaan menjual saham-saham syarikat berkaitan kerajaan atau syarikat pelaburan berkaitan kerajaan kepada syarikat luar negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, secara amnya pelupusan pegangan ekuiti seperti yang dilakukan oleh GLC, oleh Khazanah Nasional Berhad dan beberapa GLC dilakukan bagi tujuan meningkatkan kadar apungan serta keboleh pelaburan saham-saham GLC terbabit.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Ini juga bertujuan untuk menarik minat serta penglibatan para pelabur swasta dan...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Peraturan mesyuarat. Sekejap, sekejap...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Institusi daripada dalam dan luar negara untuk melabur di dalam syarikat-syarikat ini secara khususnya dan ke dalam bursa tempatan secara amnya.

Berhubung dengan pelupusan Pos Malaysia, desas-desus menyatakan ia akan dijual kepada syarikat luar negara adalah tidak benar sama-sekali. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, salah satu daripada syarat utama pelupusan Pos Malaysia adalah pembida harus - syarikat yang dikuasai oleh pihak tempatan. Sila.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rasah.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Minta maaf kepada Yang Berhormat Menteri, mengganggu sekejap. Saya hendak membangkitkan satu *point of order*, Tuan Yang di-Pertua. Perkara 24 - cara mengeluarkan pertanyaan dan menjawab pertanyaan;

> *"24 (6) - Jika sesuatu pertanyaan itu tidak berkehendakkan jawab lisan atau jika jawab bertulis sudah diperintah dikeluarkan menurut perenggan (3) dalam Peraturan Mesyuarat 22, maka Menteri yang diarahkan pertanyaan itu hendaklah menghantar salinan jawapan itu kepada Setiausaha dan Setiausaha hendaklah menguruskan supaya jawapan itu dimasukkan dalam Penyata Rasmi Mesyuarat."*

Secara praktisnya Tuan Yang di-Pertua, setiap hari apabila jawapan-jawapan yang tertera pada hari ini dalam *standing order*, kalau tidak dijawab melalui lisan maka...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Soalan apa Yang Berhormat? *Q&A?*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Jawapan itu akan dihantar kepada Ahli Parlimen. Saya hendak membangkitkan bahawa pada hari ini soalan saya yang ke-30 yang dalam *Order Paper* yang ke-30. Pertanyaan ditujukan kepada Menteri Pelancongan atau Menteri 'melancong' kita. Akan tetapi sehingga sekarang hampir pukul 7.00 malam saya belum lagi mendapat jawapan daripada pihak kementerian. Saya difahamkan jawapan itu masih lagi diedit oleh pihak menteri di luar sana. Saya hendak mendapat *ruling* daripada Tuan Yang di-Pertua, bahawa pernah dikatakan di Dewan yang mulia ini bahawa setiap jawapan itu hendaklah diberikan kepada setiap Ahli Parlimen sebelum pukul 5.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Sekarang pukul 7.00 saya belum mendapat jawapan. Saya hendak Tuan Yang di-Pertua buat satu *ruling* supaya jawapan itu mesti dihantar kepada saya secepat mungkin.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat lebih tahu perkara ini daripada saya. Yang Berhormat tanya, selepas itu Yang Berhormat jawab bahawa jawapan sedang diedit ketika ini. Maknanya Yang Berhormat tahu alasan dan sebab mengapa ia lambat dikemukakan. Memang lazimnya kita akan bagi jawapan itu secara bertulis, tetapi kita kena bertolak ansur ada ketikanya tidak sampai pada waktu petang dan sampai keesokan harinya Yang Berhormat. Jadi itu tolak ansur yang kita buat di Parlimen ini.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Tuan Yang di-Pertua, ini tidak boleh ada tolak ansur...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau tidak sampai petang ini ia akan sampai esok nanti.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Seolah-olah jawapan itu mahu disembunyikan oleh pihak menteri. Ada apa-apa yang hendak disembunyikan? Saya tanya kos kepada menteri.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik. Sudah jelas Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Akan tetapi pernah dikeluarkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa jawapan itu perlu diberikan sebelum 5.30 petang. Sekarang pukul 7.00 malam Tuan Yang di-Pertua. Ini tidak mengikut perintah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Pihak Menteri tidak menunjukkan satu contoh yang baik. Saya minta Tuan Yang di-Pertua buat satu *ruling* pastikan Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah buat *ruling*, tetapi Yang Berhormat *appeal ruling* saya dalam secara *oral.* Sudah buat *ruling…*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya hendak - Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya katakan memang lazimnya kita akan menghantar jawapan itu secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya belum dapat!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kadang-kadang ia tiba pada hari tersebut, kadang-kadang tiba pada hari kemudiannya. *So,* saya katakan...

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Akan tetapi setiap hari dapat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Semua Ahli Yang Berhormat saya tanya sudah dapat. Saya tidak dapat. Ini tidak adil kepada saya.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Tuan Loke Siew Fook [Rasah]: Saya sudah tanya kepada Menteri Pelancongan itu apa ia hendak sembunyikan fakta.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Saya minta kepada pihak kementerian yang berkenaan untuk mengambil nota terhadap perkara ini. Terima kasih Yang Berhormat. Ya, Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Ahli Yang Berhormat Machang berpendapat kerajaan tidak harus membenarkan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja membuat pegangan terus dalam operasi perniagaan kerana ia bertindih dengan fungsi Khazanah *Holdings.* Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelaburan yang dilaksanakan oleh KWSP adalah berdasarkan kepada peruntukan pelaburan yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 26*(a)* Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (Pindaan) 2007 dan Akta Amanah 1949. Strategi pelaburan KWSP dilaksanakan berasaskan garis panduan yang telah

diluluskan oleh panel pelaburan, di mana pelaburan KWSP adalah berdasarkan prinsip berhemah dan disertai dengan pengurusan risiko yang *prudent.*

Berhubung dengan persoalan Yang Berhormat mengenai langkah KWSP untuk memegang terus dan mentadbir perniagaan syarikat. Ingin saya membuat penjelasan bahawa KWSP hanya merupakan pelabur dalam syarikat tersenarai dan tidak tersenarai. Sehubungan ini, ingin saya menegaskan bahawa KWSP tidak mengambil bahagian dalam pentadbiran dan operasi harian perniagaan syarikat di bawah pelaburannya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sekali lagi mengucapkan terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua...*[Dewan riuh]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, saya masih belum mendengar jawapan berkenaan isu Warisan Merdeka. Sebab sebelum ini Yang Berhormat Menteri dari Padang Rengas mengatakan Yang Berhormat Menteri Kewangan akan menjawab isu Warisan Merdeka. Jadi kami semua di sini, ramai di antara kami menunggu jawapannya. Sehingga hari ini, satu perkataan jawapan Warisan Merdeka tidak diberi. Laman *web Facebook* - 237,000 orang yang membantah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Jadi tidak boleh tidak ambil peduli. Menteri mana hendak jawab?

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Saya pohon Yang Berhormat Menteri Kewangan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Menteri sudah maklum, Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan menjawab satu persatu. Saya tengok daripada awal tadi, kebanyakannya semua tohmahan, pembohongan pembangkang yang dijawab. Jadi...

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Mana pula...

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Perkara-perkara begini tidak perlu dijawab, buang masa sahaja.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Mana boleh kata semua pembangkang di sini semua bohong! Oh, Barisan Nasional tidak bohong!

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Jadi betullah kalau Yang Berhormat Menteri kata, *"Sekianlah sahaja jawapan kita..."* Itu betullah...*[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Tony Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Kalau hendak pulang, pulanglah dahulu. Tidak perlu tunggu!

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, yang lain tolong duduk Yang Berhormat.

Tuan P. Kamalanathan a/l P. Panchanathan [Hulu Selangor]: Sendiri punya syarikat tidak boleh jaga, mahu kata orang lain punya syarikatkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri ada jawapan untuk Yang Berhormat?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Menteri tolong jawab sama ada kerajaan masih berpegang kepada yang 100 tingkat itu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Jelutong...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Masih berpegang atau tidak?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Selangor...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Yang Berhormat Sri Gading tidak...

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Tuan Yang di-Pertua, saya sebenarnya tidak sedar bahawa Warisan Merdeka itu akan dijawab oleh saya. Akan tetapi saya ada maklumat sedikit. Yang Berhormat menyatakan bahawa ada 230,000 individu di bawah *blog* Anti-Warisan Merdeka di *Facebook.* Kebetulan apabila tiba 150,000 pelanggan *Facebook* tersebut, saya telah ditemui oleh pemberita daripada *The Malaysian Insider* yang bertanggungjawab ke atas *Facebook* tersebut.

■ 1900

Beliau bertanya kepada saya, pandangan saya mengenai dengan 150,000 orang yang anti kepada projek tersebut dan saya bertanya kepada beliau, mengapa 150,000 orang tersebut anti? Kemudian beliau cakap anti kerana nanti menjadi gajah putih. Saya bertanya apakah asas yang mengatakan ia menjadi gajah putih. Sebenarnya saya bertanya soalan ini bukan untuk mengetahui mereka, untuk membawa mereka supaya menyokong atau tidak sokong projek tersebut. Saya tanya kepada *Malaysian Insider,* oleh sebab saya anggap sama ada hendak sokong atau tidak projek tersebut mestilah berteraskan kepada fakta dan juga kebenaran dan saya berbincang dengan beliau, saya kata asas gajah putih, kalau kata gajah putih kita mesti studi, studi projek ini.

Pertama sekali, apabila saya studi ada maklumat menyatakan bahawa Suria KLCC, Daya Bumi dan beberapa bangunan lain tidak mempunyai *occupancy* yang penuh. Kita telah membuat siasatan bahawa Suria KLCC, *occupancy* dengan izin, adalah 100%. Daya Bumi 100% dan hampir semua projek-projek ikon ini adalah 100%, malah di Kuala Lumpur ini kalau kita lihat dalam konteks kompleks perniagaan, sewanya dari segi *occupancy,* adalah lebih daripada 80%.

Kedua, kita melihat dari segi *floor size,* ada kebimbangan menyatakan bahawa projek ini 100 tingkat, adalah lebih luas daripada Suria KLCC. Sebenarnya tidak betul, projek ini saiz *occupancy floor* nya adalah 2.2 juta kaki persegi, iaitu separuh daripada Suria KLCC, yang mana Suria KLCC adalah 4.4 juta kaki persegi. Kemudian daripada penyewaan, PNB yakin bahawa mereka mempunyai syarikat-syarikat dan anak syarikat yang boleh mengambil sewa, kompleks pejabat

sehingga 60%, maknanya kena cari lagi 40%. Itu pun apabila siap *tower* 100 tingkat itu pada tahun 2015 dan projek ini berbeza dengan projek lain, kerana ia memperkenalkan *green technology index* yang sekarang ini menjadi trend kepada dunia. Di Singapura, projek-projek begini telah mula membangun dan ini menarik minat kepada syarikat-syarikat luar untuk menyewa di situ.

Kemudian saya menyatakan pula bahawa projek ini adalah projek PNB, bukan projek kerajaan. PNB telah membeli tanah tersebut pada tahun 2000 kerana PNB dari segi *business* perlu melakukan kepelbagaian, *diversification* dengan izin Tuan Yang di-Pertua, tidak terikat semata-mata kepada pelaburan di dalam Bursa Saham yang berisiko dan kemudian di dalam pasaran kewangan yang *return* nya begitu rendah.

Saya melihat syarikat-syarikat yang terlibat dari segi itu, *return* nya adalah di antara 5 hingga 7%, manakala projek ini akan memberikan pulangan kepada PNB, di antara 8 hingga 10%. Kemudian dari segi risiko, ini telah saya bincangkan tadi, jadi PNB berpendapat bahawa *diversification* ini kepada bidang *property* adalah perlu untuk kesinambungan dan juga untuk *sustainability* dari segi risiko pelaburan dan juga pulangan kepada syarikat.

Kemudian saya lihat dalam konteks kerajaan pula, saya menyatakan tadi bahawa kita melalui proses transformasi ekonomi. Kita tidak boleh patah ke belakang, dunia sentiasa bergerak ke hadapan dan persaingan makin kuat, kalau kita lihat dari segi ekonomi di antara negara membangun yang telah mencapai peningkatan tinggi adalah negara Korea Selatan, yang melakukan lonjakan daripada *labour based economy* kepada *high technology economy*. Ini kita sedang laksanakan, maka kita perlu ada *high impact project* untuk membawa kepada pembangunan ekonomi negara kita.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bangun] [Dewan riuh]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Kita pula, sedikit lagi. Saya sedikit lagi.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Duduk sekejap, biar saya habis dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat. *[Dewan riuh]* Yang Berhormat, dengar dahulu jawapan Menteri Yang Berhormat. Kita dengar jawapan Menteri.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Biar saya habis dahulu.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Okey.

Dato' Seri Haji Ahmad Husni Mohamad Hanadzlah: Sedikit lagi. *[Dewan riuh]* Kemudian kita bercakap pula dalam konteks kita tidak boleh bergantung kepada pelabur luar. Kita kata dari segi masa hadapan ekonomi kita jangan terlampau bergantung kepada pelabur luar, kita mesti bergantung kepada pelaburan dalaman. Makna pelaburan dalaman bergantung kepada dua faktor, satu pelaburan swasta dan satu lagi *private consummation* dengan izin.

Projek ini membawa kedua-dua maksud yang saya nyatakan tadi, dari segi *spin-off effect,* ia akan memberi kepada *spin-off* kepada lebih 100 subsektor dari sektor kewangan, perkhidmatan, arkitek, *engineer* dan kontraktor. Kemudian dari segi bidang bahan material dengan izin, simen, pasir, batu dan kayu akan ada *upstream* dan *downstream,* akan memberikan pekerjaan kepada beribu orang dan pendapatan yang tinggi.

Dari segi perbelanjaan RM5 bilion tersebut, 40% akan dikeluarkan oleh PNB dan PNB mempunyai kewangan yang cukup kukuh. Kita telah mengkaji dari segi PNB, maknanya RM2 bilion daripada PNB dan RM3 bilion dari segi pasaran. Pihak PNB sedang melihat dalam konteks sama ada pinjaman secara terus ataupun melalui *Real Estate Investment Trust,* maknanya ada berbagai-bagai cara yang boleh dibuat, jadi saya mengucapkan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Menteri bagi tadi Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita ingin bertanya kepada Menteri...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita ingin bertanya kepada Menteri Tuan Yang di-Pertua, *so what is new?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah habis Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Apa benda yang baru? Membina *the jungle of bricks* Tuan Yang di-Pertua, apa yang baru?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk dahulu Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. *[Dewan riuh]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Saya ingin tanya Menteri, *so what is new?*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Menteri, sudah habis Yang Berhormat?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bina bangunan bukan benda baru Yang Berhormat Menteri, *we have been building jungle of bricks.* Apakah hari ini kita punya pendapatan tinggi? *[Dewan riuh]* Kita ingin tanya Menteri, *we have been building bricks.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: KLCC dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kita tidak berdebat di sini pasal isu ini, kerajaan telah pun mengambil keputusan

dan itu adalah rasional yang diberikan oleh Menteri. *So,* ia tidak selesai di sini Yang Berhormat. Cukuplah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Maaf Tuan Yang di-Pertua, saya rasa pihak anggota...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Anggota Kabinet ini harus bertanggungjawab, sebab kami hendak tanya Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, beliau menyatakan Menteri Kewangan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menteri sudah jawab, jawatankuasa lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah jawab.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tunggu dan sekarang...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Kami tidak diberi peluang untuk tanya soalan langsung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah jawab Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Beliau tidak bersedia, tadi menjawab sedikit, kami tidak diberi peluang untuk...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, cukup.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bertanya soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat, terima kasih.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini menunjukkan mereka tidak...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Esok jawatankuasa tanyalah...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Bertanggungjawab.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Dahulu kata...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ini, apa lagi hendak cakap?

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *Government knows all* sudah berlalu. *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Menteri sudah jawab semua.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kata era *government* tahu semua...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Sudah.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara].*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Setakat itulah jawapan Menteri Yang Berhormat, duduklah ya. Kita bukan di mahkamah ini, di mahkamah lain.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *standing order, Speaker speaks* kena dengar.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kalau di mahkamah, Yang Berhormat soal Yang Berhormat hendakkan jawapan yang dikehendaki Yang Berhormat, itu di mahkamah. Akan tetapi di Parlimen ini...

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Kita mahu berbahas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Itu, Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *please* duduk Yang Berhormat. Di Parlimen ini, kita *stick* kepada – rakan-rakan saya, Yang di-Pertua Dewan juga berkali-kali mengatakan itu jawapan Menteri, itulah jawapan Menteri... Saya mendengar pun sudah menjawab semua faktor ekonomi, dan sudah dijawab pun dalam ekonomi, mengapa bangunan tersebut dibina, sudah cukuplah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, pihak kami ada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya pun ada soalan, tetapi itulah jawapan...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Soalan yang ditanya Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kita bincang di luarlah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: *[Dewan riuh]* Yang Berhormat Menteri mesti ambil peluang ini untuk menjelaskan kesemua,

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Memang itulah jawapan dia..,

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mana yang kami bangkitkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Apa mahu bising-bising.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Mana yang kami bangkitkan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu ceramah di luarlah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Itu ceramah di luarlah, bagi orang kampung.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Ini Yang Berhormat Kinabatangan baliklah! *[Dewan riuh]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* pun baliklah!

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tuan Yang di-Pertua, kami...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat...

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Satu soalan tambahan belum berjaya untuk tanya Yang Berhormat Menteri, Menteri sudah duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Batu Gajah cukuplah. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujukan]

[Rang undang-undang dibacakan kali yang kedua]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga pukul 10.00 pagi, hari Selasa 9 November 2010.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 7.12 malam]